

**DASAR-DASAR
EKONOMI
MAHATHIR**

DASAR-DASAR EKONOMI MAHATHIR

Editor: Jomo

Edisi Kedua



INSAN
Institut Analisa Sosial
Kuala Lumpur
1986

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada mereka yang telah memberi sumbangan untuk menjayakan projek penerbitan buku ini, termasuk para pengarang, penuntut kursus EE 315 sesi 1984/85 dan 1985/86 serta Faram, Sherina, How Ling, Geok Poh dan Redzuan. Shamsul, Rokiah dan Geok Poh juga telah banyak membantu persiapan edisi kedua ini. Segala kekurangan dan kesilapan yang masih tertinggal adalah tanggungjawab saya sendiri.

Julai 1986

jomo

Edisi Kedua, 1986

- Penerbit : Institut Analisa Sosial
11, Lorong 11/4E, 46200 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
(Tel: 03-7565124)
- Pencetak : Sun U Book Co. Sdn. Bhd.
31, Jalan Cheng Lock
50000 Kuala Lumpur
- Setting : Sherina Sia
- Hakcipta : INSAN dan para pengarang. 1985, 1986
- Pengedar : Syarikat S. Abdul Majeed
2210 Malayan Mansion
Jalan Masjid India
Kuala Lumpur
(Tel: 03-2929706, 2988871)

100369

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

9 DEC 1991

KANDUNGAN

Kata Pengantar	vii
Dasar-Dasar Baru Kerajaan <i>Mahathir Mohamad</i>	1 ✓
Dasar 'Pandang ke Timur' : Untuk Siapa? ✓	6 ✓
Serangan Kedua? : Dasar 'Pandang Ke Timur' Dan Penyerapan Ekonomi Malaysia oleh Jepun <i>Johan Saravanamuttu</i>	14 ✓
Syurga Pelaburan Asing: Modal Jepun Di Malaysia <i>Linda Golley</i>	23 ✓
Perdagangan Dengan Jepun Tak Seimbang	33 ✓
Condong ke Timur: Masalah Perusahaan Pembinaan <i>Chang Yii Tan</i>	38 ✓
Implikasi 'Persyarikatan Jepun' Untuk Malaysia <i>Lee Poh Ping</i>	44
Syarikat Malaysia Sendirian Berhad: Pemerintah Melayan Kapitalis Swasta	48
Politik Wang Di Malaysia <i>Harold Crouch</i>	54
Hikayat BMF: Jenayah Hongkong, Dalang Kuala Lumpur <i>Hassan Karim</i>	58
Sektor Awam Lembab: Pelaburan Banyak, Untung Sedikit	67
Pengswastaaan – Teruskan, Tetapi Berhati-hati <i>Mavis Puthucheary</i>	74

KATA PENGANTAR

Edisi Kedua

Judul buku ini, *Dasar-dasar Ekonomi Mahathir*, mungkin menarik perhatian ramai. Ada setengah pihak yang tidak setuju dengan judul ini atas sebab-sebab tertentu yang perlu diulas.

Misalnya, ada orang yang berpendapat bahawa YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri (PM) Malaysia semenjak tahun 1981 Masehi, tidak mempunyai dasar ekonominya tersendiri, yang patut digelar sebagai 'dasar ekonomi Mahathir'. Terdapat juga pandangan bahawa dasar ekonomi kerajaan di bawah pimpinan Dr. Mahathir hanya merupakan lanjutan atau ekoran dari pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta dasar ekonomi lain, terutama sekali dasar perindustrian. Pendapat demikian menganggap bahawa dasar kini telah ditentukan dari lebih awal lagi dan tidak dapat dielakkan. Ada pula pandangan bahawa beberapa dasar ekonomi yang boleh dikaitkan dengan Dr. Mahathir telah diumumkan dan dilaksanakan secara tiba-tiba, dan tiada pandangan ekonomi sepadu sebaliknya.

Ada juga pemerhati yang berpendapat bahawa dasar-dasar ekonomi yang dapat dikaitkan dengan pimpinan Dr. Mahathir hanya mencerminkan falsafah ekonomi lamanya, yang sudah terdapat dalam buku bersejarahnya, *The Malay Dilemma* (Dilema Melayu) dan berbagai tulisan serta ucapannya semenjak pertengahan tahun 1960an.

Terdapat juga pihak yang menyatakan bahawa dasar-dasar yang telah dilaksanakan semenjak awal tahun 1980an merupakan dasar-dasar demi mempertahankan dan memajukan kepentingan-kepentingan perniagaan tertentu yang mempunyai pengaruh kuat terhadap pucuk pimpinan politik. Pandangan demikian biasanya dikaitkan dengan perkembangan yang disebutkan sebagai 'politik wang'.

Ada unsur-unsur yang benar sebalik kesemua pandangan di atas yang tidak boleh dinafikan. Namun demikian, tidak boleh dinafikan juga bahawa ada beberapa perubahan penting dari segi dasar ekonomi kerajaan Barisan Nasional yang 'diilhamkan' oleh Dr. Mahathir, atau sekurang-kurangnya dikaitkan dengannya, sama ada berasal daripadanya atau tidak.

Dari satu segi, walaupun DEB serta dasar ekonomi lama yang lain masih dilaksanakan, tidak boleh dinafikan bahawa dasar-dasar ekonomi Mahathir telah membawa perubahan besar. Misalnya, dasar 'Pensyarikatan Malaysia' serta dasar penswastan telah mempengaruhi pelaksanaan DEB dan peranan sektor awam, terutama sekali dalam usaha penyusunan semula, khususnya pencapaian sasaran pemilikan saham 30 peratus untuk kaum Bumiputera. Begitu juga, perindustrian berat dewasa ini telah mempengaruhi dasar perindustrian keseluruhannya, yang lebih mengutamakan pengeluaran untuk eksport, sedangkan Dasar Pertanian Negara juga cuba menggalakkan pertanian yang dikendalikan secara lebih kapitalis untuk pasaran.

Tidak boleh dinafikan bahawa terdapat pertentangan tertentu antara setengah kenyataan pemimpin kerajaan dan dasar ekonomi baru-baru ini. Misalnya, walaupun Dr. Mahathir pernah melaksanakan dasar membelakangkan kepentingan ekonomi British dan membidas penjajahan bentuk baru atau *neo-colonialism*, kerajaan Malaysia terus cuba menarik pelaburan asing dan mengekalkan pergantungan atau pendedahan ekonomi Malaysia. Namun demikian, boleh dikatakan bahawa, pada keseluruhannya, dasar ekonomi semenjak awal tahun 1980an bertujuan menjadikan ekonomi Malaysia sebagai sebuah ekonomi kapitalis maju atau negara industri baru – seperti Korea Selatan – yang kurang bergantung kepada negara industri maju dan di mana golongan kaya Bumiputera menjadi usahawan industri tulen. Boleh dikatakan bahawa kebanyakan dasar yang dapat disifatkan sebagai dasar ekonomi Mahathir bertujuan mencapai matlamat demikian.

Walaupun unsur-unsur tertentu dasar ekonominya kini mempunyai banyak persamaan dengan pendapatnya dahulu – misalnya, dari segi perlunya dasar ekonomi kapitalis yang bebas, golongan jutawan Melayu, penyerapan orang Melayu ke dalam sektor ekonomi kapitalis moden, kawalan ketat terhadap kaum buruh serta usaha demi mengatasi kesan warisan ekonomi jajahan – tidak boleh dinafikan bahawa pandangan sebalik dasar ekonomi dewasa ini lebih menyeluruh, mendalam dan sepadu.

Perkembangan 'politik wang' serta gejala lain yang mencerminkan hubungan lebih erat antara kuasa politik dan peluang ekonomi jelas merupakan ekor atau akibat dari penglibatan pemerintah yang lebih besar dalam ekonomi dan proses pemusatan kuasa selepas pengisytiharan DEB, terutama sekali dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Tidak boleh dinafikan bahawa pihak-pihak tertentu yang berpengaruh telah menikmati peluang-peluang lumayan serta faedah-faedah yang timbul dari pelaksanaan dasar-dasar ekonomi dewasa ini.

Namun demikian, adalah tidak munasabah untuk mengangap semua dasar ekonomi ini hanya sebagai usaha atau helah demi memperkayakan segelintir orang yang berpengaruh.

Oleh yang demikian, adalah wajar kita berusaha memahami dasar-dasar ekonomi Mahathir, bukan hanya secara berasingan, tetapi juga secara keseluruhan. Buku kecil ini mengandungi beberapa makalah yang cuba menjelaskan beberapa dasar ekonomi dewasa ini serta kesan dan implikasinya secara kritis.

Jilid ini bermula dengan isi memorandum pengumuman Dr. Mahathir beberapa tahun lalu mengenai beberapa dasar baru kerajaan, termasuk usaha meniru apa yang digelar sebagai etika kerja Jepun, dasar persyarikatan Malaysia, dasar penswastan serta usaha memajukan pentadbiran awam supaya lebih bersih, cekap dan amanah dengan menggunakan kaedah 'kepimpinan melalui teladan'.

Makalah berikut menganalisis dasar 'Pandang ke Timur' dari beberapa segi. Pengumuman dan pelaksanaan dasar ini telah membawa banyak implikasi penting; makalah ini menarik perhatian terhadap beberapa aspek dasar ini — termasuk etika kerja, kesatuan dalaman, pemindahan teknologi, penubuhan sogososha, persyarikatan Malaysia, penswastan dan sebagainya — yang bertujuan menjadikan Malaysia sebuah negara industri baru, seperti Korea Selatan, dengan menggunakan Jepun sebagai teladan. Makalah ini mempersoalkan apakah usaha peniruan demikian memberi faedah kepada rakyat jelata Malaysia, dan juga apakah usaha mencontohi Timur itu dapat berjaya, memandangkan sejarah dan keadaan masyarakat-masyarakat berkenaan.

Kera Di Hutan Disusukan, Anak Di Pangkuan Diabaikan

Sama ada disengajakan atau tidak, pengumuman dan pelaksanaan dasar 'Pandang ke Timur' merupakan 'durian runtuh' untuk kepentingan ekonomi Jepun. Malah, mengikut Johan Saravanamuttu, dasar itu telah memudahkan penguasaan banyak bidang ekonomi Malaysia oleh kepentingan Jepun itu — yang dapat digelar sebagai 'serangan kedua' Jepun.

Tulisan Linda Golley melanjutkan analisis Johan yang mengulas pengembangan pelaburan Jepun di Malaysia — kesimpulan mereka jelas, iaitu bahawa kerajaan melaksanakan dasar-dasar yang telah menjadikan Malaysia syurga untuk para pelabur asing, khususnya dari Jepun.

Makalah seterusnya pula menunjukkan bagaimana ketidakseimbangan perdagangan Jepun-Malaysia telah bertambah teruk dan lebih merugikan Malaysia sejak awal tahun 1980an. Peratus eksport Malaysia ke Jepun telah jatuh, sedangkan peratus importnya dari Jepun terus

bertambah. Ini bukan hanya disebabkan oleh kemerosotan harga eksport utama Malaysia, tetapi juga dasar Jepun lain, seperti dasar yang menyekat import barang buatan serta bahan yang telah diproses dari Dunia Ketiga.

Karangan oleh Chang Yii Tan pula jelas menunjukkan bagaimana syarikat pembinaan gergasi dari Jepun dan Korea Selatan, yang menghadapi kesulitan di Timur Tengah, telah berjaya merebut banyak kontrak pembinaan di Malaysia dewasa ini. Perkembangan ini telah menjejaskan perusahaan pembinaan tempatan, sedangkan syarikat asing berkenaan telah mendapat nafas baru dari peluang perniagaan di Malaysia itu.

Istilah 'persyarikatan Jepun' atau *Japan Incorporated* dicipta akibat kegelisahan di Barat terhadap serangan ekonomi Jepun mulai tahun 1960an, di mana pemerintah Jepun telah bekerjasama rapat dengan kepentingan swasta untuk menceburi pasaran dunia. Hubungan erat ini — antara kerajaan dan sektor swasta — telah mencetuskan kemarahan pihak yang bersaing. Namun demikian, kejayaan ekonomi Jepun telah menarik perhatian ramai di Barat terhadap hubungan istimewa ini yang dianggap sebagai kunci rahsia kejayaan ekonomi Jepun. Lee Poh Ping mengulas asal-usul hubungan erat ini dan keadaan kini di Jepun sendiri untuk menentukan implikasi sebenar penerapan konsep ini di Malaysia.

Konsep 'persyarikatan Malaysia' harus dilihat bukan hanya sebagai satu lagi usaha untuk mencontohi Jepun. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sejak tahun 1970, antara lain telah menjejaskan hubungan antara golongan berkuasa Melayu dan golongan peniaga bukan-Melayu, dan seterusnya, hubungan antara pemerintah dan sektor swasta, terutama sekali pelabur asing dan peniaga Cina tempatan. Maka, DEB telah menjejaskan pelaburan swasta. Dengan kemerosotan ekonomi serta krisis ekonomi pemerintah sejak awal tahun 1980an, kerajaan telah cuba membaiki hubungan buruk itu dengan melayan tuntutan dan kepentingan kapitalis swasta.

Musang Jaga Reban

Seerti dijelaskan dalam makalah berikut, kedua-dua dasar 'persyarikatan Malaysia' dan penswastaan menguntungkan kepentingan kapitalis swasta, terutama sekali mereka yang mempunyai banyak pengaruh politik. Oleh demikian, dasar-dasar ekonomi kerajaan dewasa ini telah memberi peluang kepada golongan pemodal besar untuk bermaharajalela dan juga membawa gejala *cronyism*, di mana peluang perniagaan yang lumayan diagih berdasarkan 'pilih kasih'.

'Politik wang', yang diulas oleh Harold Crouch seterusnya, juga boleh dianggap sebagai akibat pemusatan kuasa. Malah, perbelanjaan secara besaran untuk memegang jawatan politik boleh dianggap sebagai pelaburan baik yang mendatangkan pulangan ekonomi yang cukup lumayan berdasarkan pengaruh politik.

Harapkan Pagar, Pagar Makan Padi

Kelembaban sektor awam diulas dalam artikel berikut. Prestasi kurang baik kebanyakan perusahaan awam tidak dapat dinafikan. Persoalan yang timbul ialah apakah masalah ini merupakan sifat 'se-mulajadi' sektor awam yang tidak boleh diatasi tanpa penswastaan. Kalaulah kelembaban kebanyakan perusahaan awam disebabkan oleh sifat, kepentingan dan kemampuan golongan berkuasa, dan bukan semata-mata kerana dimiliki pemerintah, penswastaan dengan sendirinya tidak dapat mengatasi masalah pokoknya.

Makalah Mavis Puthuchearry menimbulkan beberapa persoalan mengenai implikasi penswastaan dalam keadaan Malaysia kini. Walaupun penswastaan mungkin dapat mempercepatkan urusan perusahaan atau kegiatan berkenaan supaya lebih menguntungkan pemilik swasta yang terlibat, pemindahan demikian tidak semestinya menguntungkan pihak pengguna dari semua segi. Oleh kerana sebahagian besar dari kegiatan berkenaan merupakan 'monopoli awam', penswastaan akan memberi kuasa monopoli ini kepada kepentingan swasta yang boleh menyalahgunakan kuasa ini untuk mengaut lebih banyak keuntungan. Penswastaan perkhidmatan untuk rakyat akan membebaskan rakyat, terutama sekali mereka yang tidak mampu. Sudah tentu kepentingan swasta hanya berminat terhadap kegiatan atau perusahaan yang menguntungkan; maka, kerajaan terpaksa mengendalikan kegiatan yang tidak menguntungkan, ataupun tidak mendatangkan kadar keuntungan yang cukup menarik dan ini akan memburukkan lagi prestasi sektor awam, yang sudah dianggap tidak cekap. Masalah sektor awam perlu diatasi, tetapi penswastaan hanya akan menguntungkan segelintir orang kaya yang mendapat peluang lumayan ini (yang barangkali terdiri daripada mereka yang mempunyai pengaruh politik yang kuat), sedangkan nasib rakyat lebih terdedah kepada kuasa dan kepentingan kapitalis swasta.

Usaha membangunkan industri berat di Malaysia mula ditekankan pada akhir tahun 1970an ketika Dr. Mahathir menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian, dan bertambah sejak beliau menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981. Perindustrian Malaysia sejak Merdeka amat berat sebelah akibat kepentingan pelabur asing yang diutamakan selama

ini. Selama satu dekad sejak akhir tahun 1950an, kerajaan telah menggalakkan perindustrian ganti import, yang telah berjaya menarik pelaburan syarikat asing yang ingin mengambil kesempatan dari dasar perlindungan kerajaan Malaysia. Kebanyakan syarikat ini mempunyai hubungan erat dengan syarikat induk asing masing-masing dan jarang mempunyai hubungan rapat dengan industri tempatan lain. Dasar perindustrian bertujuan eksport sejak akhir tahun 1960an pula telah berjaya menarik industri yang banyak menggunakan pekerja, yang bergaji murah, tetapi juga tidak dapat mengembangkan hubungan dengan banyak industri tempatan lain. Oleh yang demikian, perkembangan industri setakat ini amat berat sebelah akibat kepentingan asing yang menguasainya. Oleh kerana itu, usaha untuk mengimbangi pembangunan, termasuk perindustrian, amat perlu. Usaha demikian memerlukan kemajuan industri berat tertentu untuk mengimbangi serta melengkapi sektor industri di Malaysia.

Malangnya, industri berat yang dibangunkan oleh kerajaan dewasa ini tidak akan dapat mengimbangi dan melengkapi sektor industri. Sebaliknya, projek-projek yang dilaksanakan telah dan akan terus menjadi beban amat berat bagi seluruh ekonomi Malaysia kerana memerlukan pelaburan besar dan banyak perlindungan. Kebanyakan industri berat yang dipilih itu sukar bertanding pada peringkat antarabangsa kerana menghadapi pengeluaran lebihan. Akibatnya, modal untuk tujuan lain berkurangan, pinjaman asing bertambah dan harga barang keluaran berkenaan mahal.

Setakat ini, kereta Malaysia adalah projek industri berat yang telah mendapat banyak perhatian di khalayak umum. Projek ini dimajukan kononnya demi memindahkan teknologi membuat kereta dan untuk menggalakkan industri-industri lain yang berkaitan dalam usaha membangunkan industri kereta Malaysia.

Artikel seterusnya menjelaskan bahawa projek kereta Malaysia akan bergantung kuat kepada pihak syarikat Mitsubishi, yang akan mengaut keuntungan lumayan dari pembekalan teknologi — termasuk lebih kurang 60 peratus dari alat kereta Proton, kelengkapan untuk membuat badan, mencat kereta dan lain-lain serta perkhidmatan kepakaran, latihan, hak cipta dan sebagainya — sama ada syarikat Proton sendiri berjaya atau tidak. Walaupun Syarikat Proton barangkali akan berjaya kerana dilindung dan disokong kuat oleh kerajaan, dan Mitsubishi sudah pasti mendapat keuntungan besar, beban ekonominya juga harus diambilkira.

Tidak boleh dinafikan bahawa industri kereta pernah menggerakkan ekonomi Amerika Syarikat sejak tahun 1920an, terutama sekali

selepas Perang Dunia Kedua, dan ekonomi Jepun pada tahun 1960an dan 1970an. Tetapi keadaan dunia dan tempatan yang dihadapi projek kereta Malaysia sekarang jauh berbeza. Kemungkinan ekonomi Malaysia dapat membangunkan industri kereta yang boleh bertanding pada peringkat antarabangsa agak tipis, dan oleh itu, projek itu akan terus membebankan ekonomi dan rakyat Malaysia. Karangan Chee Peng Lim cuba menaksirkan beban ekonomi projek kereta itu dan juga mengulas beberapa implikasinya yang lain.

Dasar kependudukan baru yang bertujuan mencapai sasaran 70 juta menjelang tahun 2100, kononnya berdasarkan alasan bahawa bilangan penduduk yang jauh lebih ramai itu perlu untuk menyediakan pasaran tempatan yang lebih besar untuk menjamin kejayaan industri berat yang dirancang. Alasan ini tidak dapat diterima akal kerana bukan hanya bilangan penduduk yang menentukan saiz pasaran, tetapi tingkat dan agihan pendapatan, dan seterusnya kemampuan membeli atau permintaan. Pendapatan rakyat sukar meningkat selagi pihak kerajaan mengekalkan dasar buruh murah, yang diwarisi dari zaman penjajahan. Usaha meningkatkan bilangan penduduk – sama ada dengan meningkatkan kadar kelahiran bayi atau imigrasi – akan membebankan lagi kemudahan awam, peluang pekerjaan serta sumber ekonomi tempatan yang terhad.

Dasar Pertanian Negara pula, yang telah diumumkan pada awal tahun 1984, menekankan usaha untuk menambahkan pendapatan petani dengan meningkatkan daya pengeluaran serta menukar jenis tanaman dan cara pengendalian pertanian mereka. Dasar baru kurang menekankan pengeluaran makanan untuk keperluan tempatan, tetapi sebaliknya, lebih menekankan tanaman kontan untuk eksport. Cara kerajaan ingin mengatasi masalah keluasan tanah terlalu kecil serta tanah terbiar ialah dengan menganjurkan mini-estet, yang mungkin dapat membantu mereka yang memiliki tanah. Usaha mengagih semula pemilikan tanah – untuk mengatasi masalah kelaparan tanah, mengurangkan beban penyewaan tanah serta menjaminkan tanah untuk mereka yang mengerjakannya – tidak dipertimbangkan. Malah, gerakan koperasi juga tidak diharapkan lagi, sedangkan cara pengendalian pertanian yang lebih bersifat kapitalis diharapkan untuk menyelesaikan masalah pertanian.

Walaupun pengaruh dan kesan dasar-dasar ekonomi yang dikaitkan dengan Dr. Mahathir cukup besar dan luas, Dasar Ekonomi Baru (DEB) masih dianggap sebagai dasar ekonomi Malaysia kini yang utama. *Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985 (RM4)* yang diisytiharkan

pada tahun 1981 telah diwarisi oleh pentadbiran Mahathir. Ulasannya dalam buku ini menekankan bahawa masih belum ada usaha ekonomi yang gigih untuk mengatasi kesan warisan ekonomi jajahan, terutama sekali dari segi keterbukaan atau pergantungan ekonomi – akibatnya adalah sebuah ekonomi *neo-colonial*. Langkah pembasmian kemiskinan pula bergantung kepada usaha meningkatkan daya pengeluaran, sedangkan pengurangan dalam kadar kemiskinan pada tahun 1980 banyak disebabkan oleh harga barangan utama yang tinggi. Didapati juga bahawa peruntukan kewangan untuk usaha penyusunan semula masyarakat makin bertambah (dibanding dengan peruntukan untuk pembasmian kemiskinan), sedangkan pengumpulan modal Bumiputra banyak dilakukan oleh pihak pemerintah, bukan kepentingan swasta sendiri. Didapati bahawa walaupun tujuan DEB adalah untuk mencapai perpaduan kebangsaan, perlaksanaannya telah memburukkan lagi masalah perkauman serta pergantungan ekonomi, yang hanya dapat diatasi melalui dasar ekonomi yang adil dan berdikari.

Kajian Separuh Pengal Rancangan Malaysia Keempat (KSPRM4), yang diumumkan pada 1984, bukan hanya mencerminkan kesan kemerosotan ekonomi dan dasar kerajaan demi menghadapinya, tetapi juga telah merumuskan dasar-dasar ekonomi pentadbiran Dr. Mahathir, seperti ditekankan dalam ulasan KSPRM4 dalam buku ini. Pendedahan atau pergantungan ekonomi, yang pernah membawa rahmat kepada ekonomi Malaysia, telah membawa kesan buruk – dari segi pertumbuhan, imbalan bayaran dan kemiskinan – yang tidak dapat diatasi tanpa usaha menyeluruh dan mendalam ke arah penyusunan sebuah ekonomi yang lebih berdikari.

Oleh kerana usaha meningkatkan daya pengeluaran merupakan langkah utama untuk membasmi kemiskinan, hubungan antara daya pengeluaran, harga barangan dan kemiskinan ditinjau dalam karangan berikut. Tanpa pengagihan semula milik dan kuasa sumber ekonomi, usaha meningkatkan daya pengeluaran lebih menguntungkan golongan berada yang mempunyai tanah dan sumber ekonomi lain. Di samping itu, didapati bahawa kadar kemiskinan dipengaruhi kuat oleh harga barangan utama yang dikeluarkan, terutama sekali di kalangan petani.

Kemerosotan ekonomi berpanjangan semenjak awal tahun 1980an telah membawa kesan buruk kepada ekonomi Malaysia, terutama sekali terhadap rakyat jelata. Akibatnya, imbalan bayaran bertambah teruk; hutang kerajaan juga bertambah, akibat kekurangan belanjawan. Kemerosotan ekonomi juga telah meningkatkan pengangguran dan menyekat kenaikan upah pekerja.

Krisis ekonomi Malaysia sejak awal tahun 1980an adalah akibat beberapa perkembangan, terutama sekali kesan kemerosotan ekonomi dunia kapitalis serta krisis fiskal atau belanjawan yang disebabkan perbelanjaan melampau oleh pihak kerajaan. Dalam keadaan kemerosotan hasil kerajaan dan kekurangan imbalan bayaran, pinjaman secara besaran dari luar negerilah yang membiayai perbelanjaan berlebihan ini. Pada ketika itu, kerajaan sedang cuba mengatasi kesan buruk kemerosotan ekonomi antarabangsa dengan meningkatkan perbelanjaan awam. Pada tahun 1980, kebanyakan kementerian dan jabatan kerajaan telah meningkatkan perbelanjaan masing-masing, antara lain juga kerana tahun 1980 merupakan tahun terakhir tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan peruntukan untuk Rancangan Malaysia Keempat akan ditentukan berdasarkan pencapaian atau perbelanjaan masing-masing. Menjelang pemilihan timbalan presiden UMNO pada pertengahan tahun 1981, di mana Menteri Kewangan menjadi calon yang kalah, dan pilihanraya umum pada April 1982, perbelanjaan awam juga bertambah, untuk memancing undi. Hanya pada Jun 1982, dua bulan setelah Barisan Nasional, di bawah pimpinan Dr. Mahathir, mencapai kejayaan pilihanraya, barulah kerajaan telah menunduk kepada desakan dan mengumumkan dasar "berjimat cermat". Namun demikian, pinjaman asing telah terus bertambah dengan pesat sehingga tahun 1984 untuk membiayai agensi-agensi di luar belanjawan (atau OBA), yang banyak terlibat dengan usaha memajukan industri berat.

Maka, jelaslah bahawa semua dasar ekonomi Dr. Mahathir yang diperkenalkan ataupun ditekankan dewasa ini merupakan dasar yang dianggap sesuai dengan impiannya untuk menjadikan Malaysia sebuah negara industri baru atau *newly industrializing country* (NIC). Oleh sebab itu, dasar-dasar ini dapat dinilai — dan dikritik — dari dua segi. Pertama, dari segi sama ada dasar berkenaan dapat membawa kepada sasarannya. Kedua, dari segi sama ada matlamat dasar itu sendiri — iaitu untuk menjadikan Malaysia sebuah negara kapitalis industri — akan menguntungkan rakyat jelata Malaysia, iaitu golongan bawahan dan sederhana. Tulisan dalam buku ini mencerminkan kedua-dua asas penilaian ini. Namun demikian, akhirnya, kita mesti memilih sama ada kita mahu Malaysia menjadi sebuah negara kapitalis moden, ataupun sebuah masyarakat yang maju, adil dan saksama.

Kuala Lumpur,
September 1985,
dipinda Julai 1986.

Jomo

DASAR-DASAR BARU KERAJAAN

Mahathir Mohamad

Kerajaan telah mengisytiharkan beberapa dasar dalam usaha mem-
pertingkatkan kemajuan dan pembangunan negara kita Malaysia. Untuk
mengelak dari salah faham dan tafsiran yang tidak tepat maka diper-
turunkan di sini sedikit ulasan berkenaan dengan dasar-dasar tersebut.

1. Pandang Ke Timur

1.1 Ini bermakna *mengambil negara-negara Timur yang pesat maju sebagai contoh* dalam usaha membangunkan Malaysia. Perkara-perkara yang harus ditumpukan ialah *kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan* atau perniagaan di mana pekerja bekerja, *keutamaan kepada kumpulan* dan tidak diri sendiri, tekanan terhadap daya pengeluaran (*productivity*) dan mutu yang tinggi (*quality*), peningkatan *kecekapan, pengurangan perbezaan* dan perpisahan antara eksekutif dan pekerja, sistem pengurusan yang menitik-beratkan keja-
yaan jangka panjang dan tidak semata-mata peningkatan dividen atau pendapatan kakitangan dalam jangka-pendek, dan lain-lain lagi yang dipercayai boleh menyumbangkan kepada kemajuan bagi negara kita.

1.2 Pandang Ke Timur *tidak bermakna meminta-minta* dari orang Timur, atau memindah tanggungjawab terhadap kemajuan Malaysia kepada negara-negara Timur. Tanggungjawab terhadap negara kita adal-
lah tanggungjawab kita dan bukan sesiapa yang lain. Juga Pandang Ke Timur *tidak bermakna* membeli semua barang atau *memberi semua kontrak* kepada syarikat-syarikat negara Timur melainkan tawaran mereka adalah terbaik.

2. Persyarikatan Malaysia

2.1 Persyarikatan Malaysia bermakna menganggap Malaysia sebagai sebuah syarikat yang mana Kerajaan dan Swasta menjadi pemilik/pekerja dalam syarikat ini. Dalam sebuah syarikat, tentulah semua pemilik/pekerja dikehendaki bekerja bersama untuk menjayakan syarikat. Hanya jika syarikat berjaya, baharulah nasib pemilik dan pekerja terpelihara dan menjadi bertambah baik.

2.2 Jika Malaysia dianggap sebagai sebuah syarikat, maka penduduknya, sama ada kakitangan Kerajaan atau swasta, adalah pemilik dan pekerja dalam "Syarikat Malaysia". Kejayaan "Syarikat Malaysia" tentulah bergantung kepada usaha dan kerjasama semua pihak, sama ada dari Kerajaan atau swasta.

2.3 Negara maju dan kaya kerana kemajuan perniagaan dan perusahaan yang terdapat di negara itu. Kerajaan membiayai semua perbelanjaan, termasuk gaji kakitangannya, dari cukai dan hasil yang dikutip dari kegiatan dan keuntungan perniagaan dan perusahaan swasta. Lebih maju dan berjaya pihak swasta dan lebih banyak perniagaan serta perusahaan maka lebih banyakkah hasil dan cukai yang dipungut oleh Kerajaan.

2.4 Oleh kerana banyak pengurusan perniagaan memerlukan khidmat dari Kerajaan, maka khidmat yang diberi oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan tentulah memainkan peranan yang penting bagi menentukan kejayaan semua perniagaan dalam negara. Lebih cekap, dan lebih segera khidmat Kerajaan maka lebih besarlah kemungkinan syarikat-syarikat mendapat keuntungan. Lebih banyak keuntungan, maka lebih banyakkah cukai yang didapati oleh Kerajaan. Di samping itu, perniagaan yang maju akan membawa lebih banyak peluang kerja dan perniagaan sampingan. Mereka yang mendapat peluang-peluang ini pula akan membelanjakan pendapatan mereka, yang mana ini sudah tentu akan mempertingkatkan kegiatan bermacam-macam aktiviti ekonomi. Sebahagian dari barang-barang yang akan dibeli oleh mereka ini dikenakan cukai. Dan sekali lagi Kerajaan akan mendapat cukai untuk perbelanjaan urusan dan pembangunan negara.

2.5 Sebaliknya jika khidmat yang buruk diberi oleh Kerajaan, kebanyakan perniagaan akan rugi atau tidak mendapat untung yang sepatutnya, atau terpaksa menaikkan harga untuk menampung pengurusan. Dalam keadaan ini, bukan sahaja Kerajaan tidak akan dapat memungut cukai yang banyak, tetapi sara-hidup juga akan meningkat dengan bermacam-macam akibat yang buruk.

2.6 Tentulah jelas bahawa khidmat yang baik yang diberi oleh kakitangan Kerajaan membawa kebaikan kepada mereka sendiri, di samping membawa pembangunan dan kemakmuran kepada negara.

2.7 Dari ini dapatlah ditakrifkan Persyarikatan Malaysia sebagai konsep kerjasama Kerajaan dan Swasta supaya pihak swasta akan berjaya dan memberi lebih banyak sumbangan kepada pembangunan negara.

3. "Privatisation"

3.1 "Privatisation" mempunyai makna yang bertentangan dengan "nationalisation". Jika "nationalisation" bertujuan memiliknegerakan perusahaan-perusahaan yang dimiliki oleh swasta, "privatisation" bermakna memindah perkhidmatan dan perusahaan Kerajaan kepada swasta.

3.2 Biasanya syarikat dan perkhidmatan yang dimiliki dan diurus oleh Kerajaan kurang berjaya atau terus rugi. Ini ialah oleh kerana cara pengurusan Kerajaan amat berbeza dari pengurusan swasta.

3.3 Sebaliknya perniagaan dan perusahaan swasta lebih kerap untung daripada rugi. Setiap syarikat swasta yang untung dikehendaki membayar cukai sebanyak 40-50% dari jumlah keuntungannya.

3.4 Jika apa yang diusahakan oleh Kerajaan dipindah kepada swasta, Kerajaan tidaklah akan kehilangan punca pendapatan. 40-50% dari pendapatan akan terus diterima oleh Kerajaan. Ini adalah lebih baik dari Kerajaan memiliki perniagaan dan perusahaan yang rugi sepanjang masa dan menjadi beban bukan sahaja kepada Kerajaan, bahkan secara tidak langsung kepada rakyat.

3.5 Biasanya Kerajaan mengurus beberapa perkhidmatan tertentu. Di Malaysia, perkhidmatan pos dan telekom, radio dan televisyen, kereta-
pi, syarikat-syarikat penerbangan dan perkapalan, lapangan terbang,
hospital dan klinik, pelabuhan, institusi pelajaran, jalanraya, dan lain-
lain perkhidmatan awam (public utilities) dimiliki oleh Kerajaan. Selain
dari ini Kerajaan Pusat dan Kerajaan-Kerajaan Negeri telah memasuki
secara langsung dalam berbagai jenis perniagaan dan perusahaan sama
ada secara monopoli atau sebagai pemegang saham. Trend ke arah
penglibatan Kerajaan dalam perniagaan biasa telah meningkat sehingga
Kerajaan sering bersaing dengan pihak swasta. Oleh kerana Kerajaan
berkuasa maka Kerajaan dengan mudahnya dapat mengalahkan per-
niagaan dan perusahaan milik swasta. Dan oleh kerana perniagaan
Kerajaan kerap rugi, bukan sahaja Kerajaan tidak mendapat apa-apa
pendapatan dari perniagaannya, tetapi Kerajaan pusat kehilangan cukai-
cukai yang biasa dikutip dari perniagaan yang maju.

3.6 Dari perkhidmatan seperti telekom, pelabuhan, radio dan televi-
syen, kereta-
pi dan lain-lain, Kerajaan mungkin mendapat hasil yang
tinggi. Tetapi jika perkhidmatan ini diurus oleh swasta Kerajaan masih
boleh mendapat cukai dan lain-lain bayaran. Jikalau perkhidmatan ini
lebih maju kerana pengurusan secara perdagangan (commercial) maka
ada kemungkinan Kerajaan akan memperolehi pendapatan yang lebih
dari masa Kerajaan memiliki perkhidmatan-perkhidmatan ini.

3.7 Memandang kepada kemungkinan inilah maka beberapa perkhidma-
tan awam serta perniagaan milik Kerajaan harus dipindah milik kepada
pihak swasta. Pemindahan balik ke swasta ialah "privatisation". Proses
"privatisation" ini boleh dibuat secara beransur-ansur setelah kajian
dibuat dengan teliti. Sebarang perubahan tetap akan membawa kepada
keadaan kelamkabut dan kekeliruan buat sementara waktu. Tetapi
jika "privatisation" dilakukan berhati-hati keadaan kekeliruan tidak
akan berpanjangan.

4 Kepimpinan Melalui Teladan

4.1 Cogankata ini adalah jelas dan tidak perlu diulas. Pemimpin-
pemimpin Kerajaan sama ada dari ahli politik atau perkhidmatan
awam sudah tentu dikehendaki menunjuk teladan yang baik. Adalah

penting bagi mereka memahami dasar-dasar Kerajaan dan mengamalkannya supaya teladan yang baik dapat dicontohi oleh semua rakyat di negara ini demi kebaikan dan kesejahteraan kita bersama.

Adalah diharapkan tuan-tuan menerangkan dengan jelas pengertian konsep dasar-dasar yang dimaksudkan kepada semua pegawai-pegawai di bawah jagaan tuan-tuan supaya mereka juga faham sejelas-jelasnya. Dengan cara ini dasar-dasar itu dapat dilaksanakan mengikut objektif asalnya tanpa apa-apa kekeliruan.

28hb Jun, 1983.

DASAR 'PANDANG KE TIMUR': UNTUK SIAPA?

Dasar Memandang ke Timur yang dipelopori oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, merupakan satu pembaruan pemerintahannya yang telah menarik perhatian masyarakat kita.

Di samping dasar baru ini, terdapat juga dasar untuk mengeneipkan kepentingan ekonomi British, terutama sekali dari segi keistimewaan yang dinikmatinya sebagai bekas kuasa penjajah yang tidak disingkirkan, malah dipertahankan, selepas Merdeka.

Dasar ini jelas sekali dari segi pemilihan untuk menerima kontrak kerajaan dan penghantaran penuntut yang menerima biasiswa pemerintah keluar negeri.

Walaupun dasar memandang ke Timur dihebohkan dari segi pelajaran di luar negeri, sebenarnya kebanyakan penerima biasiswa untuk belajar di luar negeri masih dihantar ke Amerika Syarikat.

Malahan, walaupun hubungan dengan British sedang merosot, perhubungan dengan Amerika Syarikat jarang dikecam, malah sedang dipereratkan.

Dari Barat ke Timur

Oleh kerana hubungan dengan Barat tidak pernah dipersoalkan oleh pihak pemerintah dahulu, dasar yang menganjurkan supaya kita memandang ke arah lain merupakan suatu kemajuan, terutama sekali kalau dasar itu melibatkan kritikan mendalam terhadap hubungan yang diwarisi, malah diperkembangkan sejak Merdeka.

Malangnya, proses ini masih belum dimajukan secara mendalam dan meluas. Tetapi apakah kita harus memandang ke Timur supaya tidak terus bergantung dan cenderung ke Barat?

Memang tidak boleh dinafikan bahawa ada beberapa aspek sejarah dan tamadun Timur yang patut disanjung, seperti juga dengan tamadun-tamadun lain, termasuk tamadun Barat.

Dari segi ekonomi misalnya, kejayaan Jepun untuk membangunkan ekonominya dengan melindunginya sejak zaman Pemulihan Meiji pada abad 19 Masehi harus dicontohi.

Dengan nasionalisme ekonominya, Jepun dapat berkembang tanpa dijajah atau bergantung kepada mana-mana kuasa asing sehingga telah berjaya menjadi sebuah kuasa kapitalis besar pada awal abad ini.

Tetapi kejayaan ini dalam konteks ekonomi dunia yang telah dibahagikan antara negara-negara penjajah – iaitu kuasa-kuasa kapitalis yang telah maju lebih awal – dengan sendirinya telah membawa kekecewaan dan perkembangan fasyisma pada peringkat antarabangsa, yang akhirnya telah mencetuskan Perang Dunia II.

Di rantau ini, sebahagian dari gerakan penentang penjajahan Barat telah menelan umpan 'Asia Timur Raya' anjuran Jepun ketika itu di mana pihak penjajah Eropah akan dihalau dan bangsa-bangsa Asia, termasuk Jepun, akan hidup bersama sebagai saudara kononnya.

Kejayaan Jepun

Malangnya, aspek-aspek kejayaan Jepun – yang mungkin patut dicontohi kalau boleh membawa ke arah dasar pembangunan berdikari – tidak mendapat perhatian besar dalam usaha memandang ke Timur sekarang.

Sebaliknya, aspek-aspek yang disanjung tinggi sekarang berkait dengan beberapa aspek ekonomi Jepun dan Korea Selatan tertentu sahaja.

Dari Jepun, sekurang-kurangnya etika kerja, perhubungan perusahaan, teknologi moden dan pengendalian sogososha diminati. Dari Korea Selatan, nampaknya, pembangunan desa dan pembinaan yang berkait dengan pengangkutan yang dikagumi.

Peranan besar Amerika Syarikat dalam membantu sambil menentukan nasib kedua-dua negara ini dalam zaman selepas perang jarang disebut, tetapi aspek ini haruslah disedari. Apakah kita mahu pihak asing menentukan nasib kita?

Etika Kerja

Dari segi etika kerja misalnya, ada ramai pemerhati yang menganggap dasar ini dianjurkan supaya orang Melayu mencontohi kerajinan orang Cina tempatan atau Singapura, tetapi pemerintah tidak sanggup mengaku demikian atas sebab-sebab yang nyata.

Ada pihak lain yang mendakwa bahawa pemerintah sebenarnya melanjutkan 'Revolusi Mental' dahulu, yang bertujuan menyebarkan apa yang disebut nilai Etika Protestan, yang juga tidak dapat diakuai atas sebab-sebab yang serupa.

Perhubungan Perusahaan

Ada setengah pemerhati pula yang menyatakan bahawa pemerintah kita merasa kagum akan kejayaan kapitalisme Jepun pada ketika kapitalisme British sedang merosot.

Menurut anggapan pihak berkenaan, ini adalah akibat keadaan perhubungan perusahaan yang berbeza: Kesatuan-kesatuan pekerja British dianggap terlampau kuat, sedangkan kebanyakan kesatuan sekerja Jepun dikatakan lebih sanggup patuh kepada majikan.

Dari segi perhubungan perusahaan, pihak berkuasa nampaknya ingin menganjurkan kesetiaan para pekerja terhadap perusahaan mereka, dan seterusnya kepada majikan – seperti dimaksudkan oleh usaha 'Belajar Dari Jepun' dahulu dan kempen Confucianisme sekarang di Singapura.

Tetapi pengalaman telah membuktikan bahawa kesetiaan yang dikehendaki itu tidak dapat diujudkan tanpa dorongan, seperti faedah serta keistimewaan yang pernah disediakan oleh majikan Jepun untuk menawan hati pekerjanya.

Antara lain, di Jepun pernah terdapat beberapa ciri seperti 'pekerjaan terjamin' (*guaranteed life-time employment*), 'faedah kebajikan dari perusahaan' (iaitu *company welfarism* kalau dibanding dengan *state welfarism* yang biasa terdapat di Barat) seperti 'pencen syarikat', dll., susunlapis dalam perusahaan yang lebih menekankan kebolehan dari kelayakan rasmi atau tingkat persekolahan serta unsur-unsur tertentu kuasa atau pengurusan oleh kaum pekerja.

Cadangan baru-baru ini untuk memajukan 'kesatuan perusahaan', (house unions) – yang kononnya sesuai dengan dasar Pandang Ke Timur – sebenarnya bertujuan untuk melemahkan lagi kaum pekerja di Malaysia – yang sedang berkembang dengan pesat – yang tidak banyak tersusun dalam gerakan pekerja rasmi yang berpecah-belah mengikut jenis kerja negeri (untuk tekstil, sebuah industri bertujuan eksport) dan sektor (kerajaan – swasta: CUEPACS – MTUC).

Teknologi: Tak Akan Dipindah?

Tidak boleh dinafikan bahawa kemajuan teknologi Jepun amat luar biasa dan patut dicontohi dari berapa segi, kalau boleh.

Malangnya, perusahaan-perusahaan Jepun sudah terkenal sebagai syarikat-syarikat asing yang paling kedekut dari segi pemindahan teknologi secara ikhlas kepada pihak lain.

Di samping itu, apakah kita mahu teknologi Jepun yang mereka sanggup memindahkan, mungkin kerana merupakan aspek teknologi yang tidak diestuai lagi oleh rakyat Jepun sendiri (misalnya kerana terlalu mencemarkan alam sekitar) atau bahagian-bahagian teknologi sampingan yang tidak perlu mereka kuasai.

Sogososha

Kejayaan sogososha-sogososha Jepun juga telah mempersonakan beberapa pemimpin kita. Tetapi kejayaan ini sebenarnya hanya merupakan suatu aspek terkemuka dari pertumbuhan pesat perniagaan Jepun sejak tahun 1960an.

Peranan sogososha dalam menguruskan segala aspek perniagaan Jepun, terutama sekali di luar Jepun sendiri, tidak patut dipisahkan dari aspek-aspek perkembangan perniagaan lain, seperti kewangan dan industri.

Usaha kerajaan Malaysia untuk menganjurkan peniruan sogososha ala Jepun tanpa mengambilkira seluruh suasana perniagaan sudah tentu akan mengalami kesulitan.

Maka, tidaklah menghairankan bahawa sogososha-sogososha Malaysia masih belum beruntung seringgit pun 3 tahun setelah cadangan sogososha mula diutarakan, seperti diakui oleh Dr. Mahathir baru-baru ini.

Memandangkan bahawa biasanya sogososha mendapat keuntungan dari banyaknya perdagangan dan bukan dari kadar potongan (yang biasanya kecil saja), masa depan sogososha Malaysia adalah agak muram.

Apakah yang akan dilakukan oleh sogososha-sogososha Malaysia yang dirancang itu, memandangkan hubungan perniagaan dan asas teknologi yang dipunyai oleh syarikat-syarikat gergasi tempatan yang terlibat?

Korea Selatan

Pembangunan desa ala Saemaul Undong bertujuan meningkatkan daya pengeluaran pertanian di samping mengurangkan kegelisahan kaum tani terhadap pemerintah tentera Korea Selatan.

Walaupun kejayaan dari beberapa segi patut diakui, masalah serta implikasinya yang buruk juga harus diberi perhatian. Persoalan yang timbul ialah apakah peniruan ini dianjurkan kerana kita juga sedang menuju ke arah pemerintahan kuku-besi di bawah naungan Amerika Syarikat, seperti terdapat di Seoul.

Kemelesetan ekonomi Korea Selatan baru-baru ini, akibat dari terbukanya atau pergantungannya yang melampau, juga jarang diberi perhatian apabila negara itu disanjung tinggi.

Kemajuan perusahaan pembinaan Korea Selatan juga mengka-gumkan, tetapi apakah kita harus membayar harga berlebihan kepada syarikat-syarikat Korea Selatan dan Jepun kerana sudah terpesona dengan 'ketimuran' mereka?

Sebenarnya, ini telah berlaku beberapa kali baru-baru ini walau-pun butir-butir terperinci tidak diumumkan.

Yang dibelanjakan ialah wang rakyat Malaysia, dan pihak peme-rintah harus bertanggungjawab dalam hal ini dengan menerangkan keadaan sebenar kepada seluruh masyarakat.

Jambatan Korea

Misalnya, projek peminan jambatan Pulau Pinang – yang diang-gap tidak perlu, malah membazirkan oleh setengah pihak – telah diserahkan kepada syarikat Hyundai dari Korea Selatan.

Mengikut pihak yang boleh dipercayai, Hyundai tidak mengemu-kakan tender yang paling murah, dan walaupun kini merupakan zaman jimat-cermat tendernya dipilih juga.

Baru-baru ini, ketegangan di kalangan pekerja tempatan Hyundai telah timbul.

Selain itu, syarikat-syarikat tempatan yang dianjurkan supaya bekerjasama dengannya dikatakan enggan berbuat demikian kerana tidak mahu diperah melalui syarat-syarat perniagaan yang ditentukan oleh Hyundai itu.

Dayabumi : Daya Bazir

Keadaan serupa telah timbul dalam kes pembinaan bangunan Dayabumi di Kuala Lumpur.

Walaupun sebuah syarikat tempatan yang banyak berpengalaman (dikatakan telah membina beberapa hotel serta pusat jualan yang terkemuka) telah mengemukakan tender yang jauh lebih murah (\$242 juta), perkongsian dua buah syarikat pembinaan Jepun telah berjaya

memperolehi tender berkenaan dengan harga \$313 juta, kononnya atas alasan bahawa pemindahan teknologi pembinaan Jepun akan menguntungkan Malaysia.

Beberapa soalan boleh dikemukakan. Bagaimanakah pemindahan teknologi itu akan dijamin?

Jurucakap rakan perkongsian Bumiputera tempatan, yang terpaksa diambil oleh mereka, sendiri telah mengaku (dalam *Business Times*) bahawa mereka telah diterima atas sebab politik, bukan kejuruteraan.

Andaikan teknologi itu dapat dipindahkan, apakah nilainya sebanyak 71 juta ringgit?

Memandangkan kemelesetan yang sedang dialami oleh perusahaan pembinaan Jepun, tidaklah menghairankan bahawa peniaga-peniaga Jepun lain di Malaysia mengetawakan harga yang berlebihan itu, apa lagi pada masa kempen jimat-cermat!

Sebenarnya, langkah pemindahan teknologi kini yang berkaitan dengan projek Dayabumi melatihkan hanya 20-40 pekerja binaan di sebuah pusat latihan kerajaan Jepun selama beberapa bulan saja.

Asia Timur Raya II?

Dasar memandang ke Timur ini mempunyai implikasi yang mendalam.

Kejayaan pemulihan ekonomi Jepun selepas Perang Dunia II telah membawa pengembangan antarabangsa yang pesat mulai tahun 1960an, yang melibatkan negara-negara anggota ASEAN. Malah, Bank Pembangunan Asia telah ditubuhkan demi membantu proses ini.

'Serangan' ekonomi ini telah menimbulkan kecurigaan. Lawatan Perdana Menteri Jepun Tanaka (yang akan dihukum penjara kelak atas tuduhan rasuah) ke ASEAN pada awal 1974 telah mencetuskan bantahan di kalangan rakyat tempatan, terutama sekali mahasiswa.

Kemudian, penggantinya, Fukuda (yang memimpin golongan dalam parti berkuasa Jepun yang paling kanan dan ganas dari segi dasar ketenteraan) telah cuba menawan hati ASEAN dengan menawarkan \$1 bilion untuk projek-projek industri ASEAN.

Oleh kerana golongannya mempunyai hubungan yang paling rapat dengan ASEAN, beliau terus disanjung tinggi oleh golongan-golongan ASEAN yang pro-Jepun dan pernah menjadi tetamu khas di beberapa negara ASEAN pada penghujung tahun 1982.

Walaupun bagaimanapun, cara-cara pengendalian perniagaan syarikat-syarikat Jepun terus menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat ASEAN.

Untuk mengatasi perasaan serta syak wasangka yang telah timbul akibatnya, dan memandangkan kejayaan ekonomi Jepun, yang tidak boleh dinafikan, beberapa pemerintah ASEAN telah menganjurkan kempen meniru Jepun.

Misalnya, Singapura telah melancarkan kempen seumpama ini beberapa tahun lalu bersama dengan Revolusi Industri Keduanya.

Rombongan-rombongan ditukar, acara TV dan radio diubah, perhatian akhbar, majalah dan universiti juga dialihkan ke Jepun.

Pada pertengahan tahun 1981, Malaysia pula turut serta. Tetapi setelah lebih dari setahun, beberapa kecacatan sudah kelihatan. Soalnya sekarang, apakah kita berani mengaku salah.

Berapa kajian telah menunjukkan bahawa syarikat-syarikat Jepun sendiri tidak melaksanakan usaha mendalam dan menyeluruh untuk mencapai apa yang diharapkan oleh dasar 'Pandang ke Timur', seperti pemindahan teknologi dan latihan dan usaha penyediaan lain untuk mengambil alih pegawai asing.

Latihan dan pemindahan teknologi yang telah berlaku adalah hanya sekadar tingkat yang sesuai demi memaksimumkan keuntungan dalam keadaan yang sedia ada, yang banyak dipengaruhi oleh perangsang-perangsang serta syarat-syarat yang ditentukan oleh pemerintah.

Memandangkan sebab-sebab yang mendorong syarikat-syarikat Jepun melabur di Malaysia, harapan bahawa syarikat-syarikat ini akan mengujudkan keadaan yang terdapat di syarikat-syarikat Jepun — termasuk faedah-faedah tertentu bagi pihak pekerja yang telah mendorong kerja rajin dan kesetiaan kepada perusahaan — merupakan khayalan semata-mata.

Suatu tindakan perusahaan pada Ogos 1982 telah mendedahkan bagaimana majikan Hyundai melayan pekerja tempatan mereka (Star, 14.8.82, 15.8.82): seorang pemandu jentera telah mendakwa bahawa orang Korea memandang rendah terhadap pekerja tempatan dan juga bahawa beliau pernah ditendang beberapa kali. Pengurus Hyundai sendiri telah mengaku bahawa pekerja Korea diberi kediaman berhawa dingin sedangkan 8 orang pekerja tempatan terpaksa berkongsi bilik tanpa hawa dingin.

Jelaslah bahawa layanan majikan syarikat Jepun dan Korea di luar negeri lebih dipengaruhi oleh keadaan tempatan dan tidak boleh diharapkan untuk mengujudkan suasana kerja yang terdapat di Jepun atau Korea yang pernah memupuk sikap rajin bekerja di kalangan pekerja yang hendak ditiru melalui dasar 'Pandang ke Timur'.

Selain dari itu, kepentingan syarikat serta pemerintah Jepun dengan sendirinya akan menghindarkan usaha oleh negara-negara

seperti Malaysia yang ingin mengikuti atau meniru apa yang dianggap sebagai kejayaan Jepun.

Pola pembangunan negara-negara bergantung seperti Malaysia banyak ditentukan oleh kuasa-kuasa kapitalis maju seperti Jepun. Malah, kuasa syarikat-syarikat Jepun serta pemerintah Jepun (melalui dasar-dasarnya termasuk pinjamannya) terhadap ekonomi Malaysia sedang terus menghindarkan usaha-usaha pembangunan berdikari.

Apa yang mungkin patut dicontohi dari Jepun ialah nasionalisme ekonominya, yang telah membolehkannya timbul sebagai kuasa kapitalis maju setelah Pemulihan Meiji, dan bukan peniruan, malah pergantungan pada ekonomi Jepun, termasuk syarikat gergasi Jepun kini yang semestinya akan menghalang kemungkinan pembangunan secara berdikari.

Tinjauan lebih terperinci yang berikut terhadap rancangan 'kereta Malaysia' akan mendedahkan masalah-masalah yang timbul akibat dari usaha mencontohi Jepun melalui peniruan, bukan pembangunan berdikari.

**SERANGAN KEDUA?:
DASAR 'PANDANG KE TIMUR' DAN
PENYERAPAN EKONOMI MALAYSIA OLEH JEPUN**

Johan Saravanamuttu

Dasar Pandang Ke Timur

Dasar Pandang ke Timur kerajaan Malaysia telah menimbulkan banyak persoalan di kalangan ahli politik serta sarjana sejak ia diumumkan beberapa tahun kebelakangan ini.¹ Sebagai gagasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, nampaknya dasar ini adalah secukupnya dengan sikap dan kepercayaan beliau mengenai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu dan masyarakat Malaysia. Idea-idea barunya kononnya berdasarkan pemikiran Dr. Mahathir yang diutarakan dalam bukunya *The Malay Dilemma* (Dilema Melayu) (1970), yang ditulis pada masa beliau disingkir dari pentas politik UMNO.

Sungguh pun suatu kajian mengenai perkembangan pemikiran politik Dr. Mahathir adalah sangat menarik, kertas ini cuma bertujuan meneliti dan menganalisa dasar Pandang ke Timur sebagai fikiran dan rumusan Dr. Mahathir, selaku ketua pemerintah Malaysia, tentang kemunduran dan masalah sosial masyarakat. Buah fikiran seumpama ini berkali-kali timbul selepas Dr. Mahathir mengambil alih teraju kerajaan; misalnya, selepas dilantik sebagai Perdana Menteri, beliau selalu menggesa kaum Bumiputera supaya memelihara sikap berdikari, seperti berikut:

"What we feel of the problem is that the weakness of the Bumiputera in the economic field can be overcome not by government aid but by their own upgrading of their abilities to compete. So if we keep telling them that if they fall flat on their faces, we'll lift them up every time, they will make no attempt to learn the tricks." (*Far Eastern Economic Review*, 30 Okt. 1981).

Tujuan dasar Pandang ke Timur tidak jauh daripada apa yang disampaikan di atas. Namun begitu, sungguh pun matlamatnya adalah baik

1. Lihat kumpulan rencana mengenai dasar tersebut yang disunting oleh Jomo (1983).

dan patut disokong, implikasi dan kesan amalannya harus diteliti sedalam-dalamnya. Kertas ini akan cuba mengkaji salah satu daripada beberapa kesan dan implikasi dasar tersebut, iaitu implikasi dasar Pandang ke Timur ke atas penyerapan kepentingan golongan kapitalis Jepun di Malaysia dan, kesan penyerapan ekonomi tersebut ke atas pelaksanaan dasar Pandang ke Timur. Untuk membuat demikian, terlebih dahulu harus kita meninjau secara sepintas lalu, asas, andaian dan objektif sebenar dasar Pandang ke Timur.

Dasar ini diisytiharkan semasa Malaysia melaksanakan beberapa dasar anti-British berhubungan dengan 'peristiwa Guthrie'.² Setiausaha Luar British, Lord Carrington telah gagal dalam rayuannya supaya sekatan terhadap pembelian barang British ditarik balik. Seterusnya, semasa itu juga, dasar Pandang ke Timur diberi penjelasan panjang lebar oleh Perdana Menteri di suatu persidangan tahunan persatuan-persatuan ekonomi Malaysia-Jepun. Dalam ucapannya, beliau menerangkan bagaimana kerajaan memikirkan Jepun dapat membantu Malaysia mencontohi perindustrian Jepun serta sikap dan etika kerja dan kemahiran orang Jepun (*Star*, 9 Feb. 1982). Apa yang Malaysia memerlukan, kata Dr. Mahathir, ialah peluang untuk mempelajari cara orang Jepun memelihara nilai-nilai, seperti sikap kerja dan kerjasama pekerjamajikan, yang melibatkan semangat taat setia kepada majikan. Malaysia harus mencontohi Jepun dengan melatih sebilangan pengurus mahir di sektor swasta di samping memperluaskan kemahiran tenaga pekerja melalui pengajaran di pusat latihan vokesyenal dan teknikal di Malaysia. Malaysia yang maju, beliau berhujah, akan menjadi pengimport dan rakan perdagangan yang lebih berfaedah bagi Jepun malah, Malaysia dan Jepun adalah dua buah negara jiran di rantau Pasifik, satu kawasan dunia yang akan menggantikan kawasan Atlantik sebagai pusat pertumbuhan sedunia kelak. Jadi, Jepun dan Malaysia mempunyai masa depan yang terikat dalam hal ini.

Kemudian, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa dasar Pandang ke Timur adalah percubaan Malaysia untuk menukar kiblatah dari dasar pro-Barat pada masa lalu; beliau telah menekankan bahawa dasar. . . "Pandang ke Timur bermakna bahawa kita harus meniru mana-mana sumber yang sesuai, bukan cuma Barat".

"Whatever you used to do before with the West I think you should

2. Peristiwa tersebut merujuk kepada usaha mengambil-alih syarikat Guthrie oleh Malaysia melalui suatu serangan kilat di Pasaran Saham London. Pihak British mengubah peraturan berkenaan kemudian; ini pula telah mencetuskan dasar Malaysia menyekat pembelian barang British yang dibatalkan pada Mei 1983.

also do with the East. That is the Look East policy. And if you have learnt all the bad work ethics of the West before, it is about time you learn some of the good work ethics of the East. . . . Look East means we should resort to other sources than just the West and this doesn't mean that we are going to give up the West entirely. What is good in the West, we will still follow, but here is a source of ethical values, systems and everything else which are useful to us. So why shouldn't we make a deliberate effort to acquire this from the East? (*New Straits Times*, 16 Julai 1982).

Berkenaan dengan etika kerja, sikap yang sangat dihargai ialah semangat kumpulan, satu nilai yang dianggapnya sebagai jauh berbeza dari sikap Barat yang mementingkan semangat dan prestasi individu. Tambah Dr. Mahathir:

"We feel the Japanese dedication and Japanese belief in group achievement, rather than personal achievement is good for us to emulate Because it is a group approach most people would be committed to it, rather than just the head or the manager. This kind of management could be applied not just to the private sector, but also the government sector. If we can get this kind of management system, we would be more likely to succeed".

Kerajaan telah menafikan bahawa dasar Pandang ke Timur semestinya akan utamakan kepentingan ekonomi Jepun serta membawa kesan yang tidak diinginkan ke atas Malaysia.³ Pekeliling kerajaan mengenai dasar Pandang ke Timur menerangkan bahawa ianya hanya merupakan satu dasar untuk mencontohi negara-negara Timur yang telah membangun secara pesat supaya Malaysia sendiri boleh membangun dengan pesat juga. Unsur-unsur yang paling mustahak adalah mengenai ketekunan dan disiplin dalam kerja, perasaan taat setia kepada negara, semangat kumpulan, keinginan menambah daya pengeluaran negara, meningkatkan kecekapan, mengurangkan pembaziran dan merapatkan hubungan di antara golongan majikan dan pekerja. Nampaknya, ini merupakan peralihan kecil daripada apa yang mula-mula disarankan sebagai dasar Pandang ke Timur, di mana negara-negara Timur, seperti Jepun dan Korea Selatan, telah digalakkan melabur dan memberi latihan teknikal dan nasihat serta bantuan untuk melancarkan kegiatan seperti sogoshu. Sungguh pun demikian; setelah mengambilkira peralihan dasar ini, kita masih boleh mengenalpastikan dua aspek dasar Pandang ke Timur setakat ini, iaitu:

3. Lihat, misalnya, lapuran temuduga Datuk Seri Dr. Mahathir dengan majalah *South* (Jil. 34, Ogos 1983).

1. sebagai dasar simbolik untuk masyarakat dalam negeri, supaya mencontohi model sosio-ekonomi Jepun dan Korea Selatan, terutamanya dari segi etika kerja bagi sektor swasta dan awam di Malaysia.
2. sebagai dasar dan strategi ekonomi di peringkat antarabangsa, ke arah 'kerjasama' ekonomi yang lebih rapat dengan negara-negara Timur, terutama sekali Jepun. Kerjasama tersebut dijangka dilaksanakan melalui bantuan kewangan secara langsung, pelaburan, projek 'turnkey', bantuan teknikal, pemindahan teknologi dan sebagainya.

Supaya kita dapat meninjau implikasi dasar Pandang ke Timur terhadap penyerapan ekonomi Jepun di Malaysia dan sebaliknya, sekarang haruslah kita mengkaji secara ringkas ciri-ciri penglibatan ekonomi Jepun di Malaysia dari dulu sehingga kini.

Penyerapan Ekonomi Jepun Di Malaysia

Jadual 1 menunjukkan bahawa penyerapan ekonomi Jepun di Malaysia menjadi pesat pada tahun 1970an. Hampir 70% dari syarikat perkilangan Jepun di Malaysia ditubuh selepas tahun 1970. Seterusnya pada 1981, Jepun telah menjadi pelabur asing yang paling besar, dengan pelaburan sejumlah \$69 juta, diikuti dengan Australia (\$58 juta) dan Singapura (\$42 juta) (MIDA, 1981). Pada awal 1983 jumlah pelaburan Jepun telah meningkat kepada \$1,600 juta (*New Straits Times*, 12 Mac 1983). Dasar ekonomi Malaysia; adalah sangat sesuai dengan strategi MITI (Kementerian Perdagangan dan Industri Antarabangsa Jepun) sejak awal 1970an, yang cuba memindahkan ke sebarang laut industri Jepun yang mempunyai nilai-tambahan (value-added) yang agak rendah dan merupakan industri yang amat mencemarkan alam sekitar atau pun menghadapi kos upah pekerja yang terlalu tinggi (Golley, 1983:4). Umpamanya, sehingga 1980, syarikat perkilangan Jepun yang terbesar di Malaysia adalah syarikat kilang kain dan pakaian, dengan jumlah pelaburan \$370 juta, diikuti dengan kilang elektronik dengan jumlah \$321 juta (lihat Jadual 2). Syarikat Jepun yang paling besar sehingga 1980 adalah dua buah syarikat kain, Penfabric dan Penfibre, yang mempunyai modal sebanyak \$80 juta dan \$70 juta masing-masing. Kedua-dua buah syarikat ini bertempat di kawasan perdagangan bebas Perai dan adalah di antara 49 buah syarikat Jepun yang menikmati taraf perintis pada tahun tersebut (JETRO, 1980). Sudah ketara bahawa pelaburan begini adalah sesuai dengan strategi MITI yang disebutkan tadi.

JADUAL 1: SYARIKAT JEPUN DI MALAYSIA MENURUT TAHUN PENUBUHAN

Jenis Syarikat	Sebelum 1970		Selepas 1970		Tahun tidak pasti		Jumlah	
		%		%		%		%
Perkilangan	44	28.6	107	69.5	3	1.9	154	46.8
Perlombongan	3	42.9	3	42.9	1	14.3	7	2.1
Perdagangan & Perniagaan	24	28.9	40	48.2	19	22.9	83	25.2
Kewangan & Insuran	2	12.5	14	87.5	0	0	16	4.9
Pembinaan & Kejuruteraan	0	0	26	86.7	4	13.3	30	9.1
Pelbagai	2	12.5	12	75.0	2	12.5	16	4.9
Bergabungan	0	0	7	30.4	16	69.6	23	7.0
Jumlah	75	—	209	—	45	—	329	100.0
Peratus	22.8	—	63.5	—	13.7	—	100.0	

Sumber: Senarai Syarikat Jepun di Malaysia, yang disediakan oleh JETRO (Organisasi Perdagangan Luar Negeri Jepun), Kuala Lumpur, April 1980.

Di samping itu, 'pemindahan pencemaran' dilakukan pula melalui pelaburan industri berat, seperti kilang besiwaja Syarikat Malayawata yang ditubuh pada 1961 dan mula beroperasi sejak 1967. Memang terdapat berbagai motif lain mengapa Malaysia dan Jepun bersetuju menjalankan usahasama ini.⁴ Maksud kita ialah bahawa pelaburan seperti ini memang adalah secukup dengan kepentingan ekonomi Jepun. Baru-baru ini, timbul satu lagi usahasama kilang besiwaja yang boleh dikatakan lebih mencerminkan dasar MITI untuk memindahkan industri besiwaja Jepun lebih dekat ke pasaran barang tersebut. Peranan ini jelas dimainkan oleh Perwaja Trengganu Sdn. Bhd., usahasama yang melibatkan 8 buah syarikat Jepun yang dipelopori oleh Nippon Steel (30%) bersama HICOM (Perbadanan Industri Berat Malaysia) serta Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Trengganu (19%). Dengan kos se-

4. Untuk suatu penilaian dan tinjauan mengenai faktor-faktor dalam keputusan menubuh Malayawata, lihat Chee Peng Lim dan Lee Poh Ping (1979:43-46).

banyak \$800 juta, tahap pertama kilang besiwaja ini dijangka akan melebihi pengeluaran Malayawata sekurang-kurangnya tiga kali ganda, iaitu dengan pengeluaran tahunan sebanyak 600,000 tan besi 'sponge' (*sponge iron*) dan 560,000 ton besiwaja keluli (*billets*). (*Far Eastern Economic Review*, 23 Jun 1983).

Kepentingan Jepun dalam kayu kayan dan buatan kayu tidak harus dilupakan. Pelaburan sejumlah \$74 juta itu menunjukkan pergantungan

JADUAL 2: PELABURAN JEPUN MENURUT JENIS KEGIATAN
(pada 31hb Disember 1980)
(\$ '000)

Jenis Kegiatan	Modal Tunai	Modal Pinjaman	Harta Tetap	Jumlah
Perkilangan Makanan	37,710	6,937	34,323	78,970
Kain & Buatan Kain	173,241	20,842	176,096	370,179
Kayu & Buatan Kayu	17,125	28,196	28,784	74,105
Perabut & Kelengkapan	1,360	—	3,706	5,066
Kertas, Percetakan & Penerbitan	780	—	466	1,246
Kimia & Buatan Kimia	9,235	6,139	11,129	26,503
Buatan Getah	3,894	—	4,484	8,378
Buatan Plastik	4,890	1,800	7,996	14,686
Buatan Bukan Logam	14,783	83,911	22,619	121,313
Buatan Logam Asas	28,310	7,945	29,965	66,220
Buatan Logam di-bentuk	10,608	5,936	13,480	30,024
Jentera	19,762	—	22,512	42,274
Buatan Elektronik	76,680	7,401	147,594	231,675
Alat Pengangkutan	13,390	—	13,924	27,314
Alat Sainifik dan Ukuran	2,000	—	2,661	4,661
Pelbagai	8,465	2,148	14,908	25,521
Penginapan & Pelancungan	2,720	—	2,288	5,008
Jumlah	424,953	171,255	536,935	1,133,143

Sumber: *Laporan Tahunan MIDA 1981*, m.s. 70-79.

Jepun kepada bahan mentah berkenaan yang tidak dikeluarkan langsung oleh negara itu. Oleh yang demikian, Jepun sangat menghargai sumber bekalan seberang laut untuk bahan mentah tersebut, khususnya negara seperti Malaysia yang kaya dengannya. Projek Gas Asli Cair (LNG) di Bintulu adalah satu kes yang jelas membuktikan kenyataan ini. Setakat ini, projek tersebut merupakan pelaburan Jepun yang paling besar di Malaysia pada keseluruhannya. Dengan modal sebanyak \$3,300 juta, usahasama ini melibatkan PETRONAS dengan milik ekuiti sebanyak 65%, bersama Syarikat Mitsubishi dan Syarikat Shell Gas yang memiliki baki ekuiti terlibat itu. Apa yang sangat menarik, menurut syarat-syarat kontrak, ialah bahawa Jepun telah dijanjikan kesemua bekalan LNG selama 20 tahun. Dalam pada ini, walaupun Jepun bergantung kepada bahan mentah asing, negara itu terus mendapat syarat yang sungguh menguntungkannya. Apa lagi, kita baru-baru ini dikejutkan dengan berita bahawa harga LNG ditetapkan oleh Jepun! Bagi Jepun, projek LNG di Malaysia telah didorong oleh penggulingan Shah Iran pada 1979, suatu peristiwa yang telah menjejaskan sebuah kompleks petro-kimia Jepun di Iran yang besar yang masih belum siap. Satu kontrak yang serupa (dengan kontrak LNG) juga telah ditandatangani dengan syarikat tembaga, Mamut, di Sabah yang dianggar mengeluarkan 120,000 ton tembaga setahun. Seperti kontrak LNG, kesemua pengeluaran tersebut adalah untuk eksport ke Jepun.

Implikasi Dasar Pandang Ke Timur

Memandangkan analisa kita mengenai penyerapan ekonomi oleh Jepun serta kesannya di Malaysia, apakah implikasi sebenar dasar Pandang ke Timur bagi kepentingan ekonomi Jepun berbanding dengan kepentingan ekonomi Malaysia?

Sudah ternyata bahawa sebagai satu dasar simbolik untuk masyarakat, dasar Pandang ke Timur tidak akan mengganggu kepentingan Jepun, malah ia akan mendorongnya. Sebaliknya, memandangkan prestasi perniagaan Jepun di Malaysia, sumbangan syarikat Jepun kepada aspek sosial dasar tersebut barangkali tidak akan memuaskan. Umpamanya, dari segi sumbangan sosial, terdapat banyak bukti bahawa syarikat Jepun di Malaysia tidak mempedulikan kepentingan golongan buruh (Smith, 1983). Kalau begitu, apakah kemungkinan mereka akan melaksanakan prinsip kebajikan syarikat (*company welfarism*) serta jaminan pekerjaan sepanjang usia dan ciri pekerjaan di Jepun yang patut digalakkan oleh dasar Pandang ke Timur. Apa yang diamalkan di Jepun tidak dilaksanakan di luar negeri. Ini adalah ketara memandangkan prestasi

mereka di Malaysia. Umpamanya, beberapa kajian telah membuktikan bahawa jika dibandingkan dengan syarikat asing lain, syarikat Jepun di luar negeri lebih mirip kepada sistem pengurusan dari pusat. Kajian Sim, yang cuba membandingkan sistem pengurusan di antara syarikat Amerika Syarikat, British dan Jepun, mendapati bahawa syarikat Jepunlah yang paling terpusat. Atau pun dengan kata lain, syarikat Jepun dikawal lebih rapi oleh pengurus atasan, termasuk majikan Jepun sendiri. Sim juga dapati bahawa penyertaan pengurus tempatan kurang memuaskan di syarikat Jepun.

"The extent of participation and information sharing in planning was greatest in the American subsidiaries and least in the Japanese subsidiaries. In the Japanese subsidiaries, planning and decision-making tended to be confined to Japanese executives. Many local executives in the Japanese subsidiaries interviewed expressed their dissatisfaction over the lack of participation in and lack of knowledge of company affairs." (Sim, 1976: 41-42).

Jikalau golongan eksekutif tempatan yang bekerja dengan syarikat Jepun tidak puas dengan kedudukan mereka, apa lagi dengan perasaan pekerja bawahan. Jadi, keganjilan dasar Pandang ke Timur ialah bahawa penyerapan perniagaan Jepun di Malaysia akan bertambah akibat dari perlaksanaan dasar tersebut, tetapi sebaliknya, penyerapan tersebut mungkin akan menjejaskan aspek sosial dasar tersebut. Dasar-dasar yang mungkin diidam-idamkan oleh kerajaan, seperti kebajikan syarikat, jaminan pekerjaan sepanjang usia, kemudahan syarikat lain seperti pencen, perubahan persekolahan bagi kanak dan lain-lain, tidak akan dilaksanakan oleh syarikat Jepun di Malaysia.

Pada hal, pelabur asing menyerap Dunia Ketiga untuk menikmati kos buruh yang rendah atau beberapa perangsang lain, yang dihulurkan oleh negara tuan rumah. Umpamanya, di antara 154 syarikat yang disenaraikan dalam Jadual JETRO, 31.8%, atau 49 buah syarikat, mempunyai taraf perintis, di samping 26%, atau 40 buah syarikat lain yang menerima atau telah menerima perangsang lain. Mustahil sekali jika kesemua syarikat Jepun tersebut setuju melepaskan peluang ini dengan memperkenalkan dasar-dasar yang akan mengurangkan keuntungan mereka dari sebuah negara dimana mereka sebenarnya tidak mempunyai kepentingan jangkamasa panjang.

Perbincangan ini membawa kita kepada aspek dasar Pandang ke Timur sebagai strategi perindustrian pesat. Tidak boleh dinafikan bahawa aspek ini boleh dan telah mendorong penyerapan ekonomi Jepun memandangkan bahawa dorongan kepada pelabur Jepun adalah

suatu ciri penting dasar tersebut.⁵ Di sini, timbul soal sama ada penyerapan Jepun yang lebih pesat juga akan membantu proses perindustrian di Malaysia. Sungguh pun jawapannya positif, tetapi kita mesti sedar bahawa penyerapan demikian akan memesongkan perindustrian Malaysia ke arah-arrah yang akan lebih menguntungkan Jepun.

Begitulah masalah pokok dasar Pandang ke Timur; penyerapan ekonomi Jepun akan dipertingkatkan lagi dengan perlaksanaannya, dan ini akan menjamin kedudukan bergantung atau bawahan Malaysia dalam hubungannya dengan Jepun. Kita tidak menafikan bahawa pelaburan Jepun, seperti pelaburan negara-negara asing lain, akan membawa faedah tertentu kepada Malaysia. Tetapi haruskah kita menawarkan keistimewaan kepada sebuah negara atau sekumpulan negara yang digelar 'Timur'? Lebih-lebih lagi, haruskah faedah bagi Malaysia yang begitu terhad menjadi landasan untuk mengundang Jepun memainkan peranan 'penaung ekonomi' Malaysia?

Rujukan

- Chee Peng Lim dan Lee Poh Ping (1979). *The Role of Japanese Direct Investment in Malaysia*, (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, Occasional Paper No. 60)
- Golley, Linda (1983). "Japanese Capital in Malaysia: Investment Paradise," *Southeast Asia Chronicle*, No. 88, Februari 1983.
- Jomo, ed. (1983). *The Sun Also Sets: Lessons in Looking East*, (Kuala Lumpur: Insan).
- Sim, A.B. (1976). "Management of American, British and Japanese Companies in Malaysia," *Malaysian Management Review*, Vol. 2, No. 2.
- Smith, Wendy (1983). "Japanese Factory, Malaysian Workers," dalam *The Sun Also Sets: Lessons in Looking East*, m.s. 250-275.

5. Objektif dasar ini terbukti, umpamanya dalam kes projek Dayabumi di Kuala Lumpur, yang mana kontrak sebanyak lebih dari \$300 juta telah didapati oleh dua buah syarikat Jepun - Takenaka Komuten dan Kumagai Gumi - walaupun tender yang lebih murah sebanyak \$71 juta, oleh sebuah syarikat tempatan, telah ditolak (*Nadi Insan*, Okt. 1982).

SYURGA PELABURAN ASING: MODAL JEPUN DI MALAYSIA

Linda Golley

"Jepun merupakan pelabur terbesar di Malaysia. Dasar Pandang Ke Timur tidak menyebelahi pelaburan Jepun, tetapi cuba memperolehi dasar, sistem dan etika kerja Jepun. Kita dapati Jepun telah maju, sedangkan Barat . . . nampaknya sedang merosot. Oleh itu, supaya Malaysia dapat maju, kita perlu belajar dari contoh yang lebih baik, . . . contoh Jepun. Sebab itulah, sekarang kita mahu memandang ke Timur kerana sebelum ini, kita telah hanya memandang ke Barat."

Petikan dari wawancara Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, dalam *Far Eastern Economic Review* (FEER), 11 Jun, 1982.

Penglibatan Jepun di Malaysia sudahpun lama, dan menguntungkan. Pada setiap tahap pembangunan ekonomi moden Jepun, Malaysia telah memainkan peranan bawahan. Kini, terdapat perdagangan kayu balak, perkilangan ganti import, tekstil, pemerosesan elektronik untuk dieksport, pengeluaran gas asli cecair (LNG) untuk diguna di Jepun dan pinjaman antara kerajaan bagi membesarkan pelabuhan. Modal Jepun dan negara asing lain telah bantu membiayai pembangunan pelabuhan dan kawasan perdagangan bebas dan juga pembinaan lebuh-raya, landasan keretapi, rangkaian telekomunikasi dan saluran paip minyak merentangi kawasan pedalaman. Pendapatan dan KNK purata telah meningkat dengan pesat semenjak kemerdekaan pada tahun 1957. Selain dari ganjaran tertentu sebagai tuan rumah kepada pelaburan asing, Malaysia juga boleh dipercayai dari segi kemudahan kredit dan menjadi rakan perdagangan yang sanggup terus membekalkan bahan mentah.

Perdagangan Jepun dengan Malaya bermula pada awal abad ke-20. Waktu itu eksport utama Malaya terdiri dari bahan galian (termasuk besi) dan getah. Semasa Perang Dunia Kedua, Jepun telah menduduki Malaya selama tiga tahun, dan sewaktu Malaysia menuntut kemerdekaan dari penjajah British selepas Perang Dunia Kedua, Jepun masih berdagang dengannya. Kerajaan Malaysia dibawah pimpinan Tunku Abdul Rahman giat menggalakkan pelaburan langsung oleh

syarikat Jepun. Dalam rancangan pembangunannya, kerajaan Perikatan telah menekankan projek perindustrian dan infrastruktur, dan telah menawarkan galakan pelaburan kepada syarikat asing. Pelaburan Jepun yang pertama di Malaysia melibatkan sebuah syarikat usahasama pembuatan tekstil yang ditubuhkan dalam tahun 1957. Menjelang 1962, lapan syarikat pembuatan telah ditubuhkan, dan pada tahun 1969, apabila pimpinan Tunku diganti, terdapat 46 firma.¹ Kebanyakan loji Jepun yang telah didirikan di Malaysia dalam tempoh ini terlibat dalam industri import. Kekurangan infrastruktur perindustrian dan saiz pasaran tempatan yang kecil menyebabkan pelaburan demikian agak terhad. Lagipun, syarikat Jepun masih mengharapkan perdagangan sebagai punca keuntungan utamanya dari luar negeri.

Walau bagaimanapun, pada hujung tahun 1960an, pertumbuhan ekonomi Malaysia yang menggalakkan serta dasar perindustrian barunya, yang bertujuan eksport, telah menarik terus pelabur asing. Pada masa yang sama, ketidakseimbangan ekonomi serta perpecahan antara kaum telah menimbulkan banyak ketegangan sehingga mencetuskan rusuhan perkauman yang besar pada tahun 1969. Kerajaan dibawah pimpinan Tunku Abdul Rahman digantikan dan Dasar Ekonomi Baru (DEB)² telah dilancarkan. DEB telah cuba mempercepatkan pembangunan, dengan memberi lebih faedah kepada orang Melayu (Bumiputra). Kerajaan telah menggalakkan kemasukan banyak modal dengan menyediakan kawasan perdagangan bebas untuk menarik pelabur asing. Dalam kawasan perdagangan bebas, syarikat asing yang mengeluarkan barangan eksport dikecualikan dari membayar cukai tempatan. Dengan ini, pertukaran asing yang diperolehi dapat digunakan untuk pembinaan industri asas, infrastruktur dan eksploitasi sumber asli. Peluang pekerjaan dari industri baru ini dapat menampung hidup ramai pekerja.

Jepun sudi dan berkeupayaan menyediakan pelaburan pada masa itu. Pada lahirnya, perusahaan ganti import Jepun di negara Asia Tenggara telah menguyupkan pasaran yang masih terhad. Jadi, jenis industri lain perlu dibangunkan untuk memperolehi keuntungan. Pada waktu itu, penurunan nilai matawang dollar A.S. yang hebat berbanding dengan matawang yen Jepun pada tahun 1971 telah menjadikan Jepun kuasa ekonomi gergasi di Asia. Lebih banyak pelaburan dapat dilakukan dengan kurang matawang yen. Dengan

¹ Joint Research Program Services pp. 11, *Japanese Direct Investment in Malaysia*, Tokyo, 1979.

² Gullick, Jon, *Malaysia: Economic Expansion and National Unity*, Westview Press, 1981.

cepatnya, Jepun dapat mengumpulkan banyak lebih pertukaran asing. Ini membawa tekanan politik dari seberang laut untuk mengurangkan ketidakseimbangan tersebut. Pelaburan dan pinjaman luar negeri Jepun akan dapat mengurangkan lebih tersebut.³ Barangan eksport yang dikeluarkan di Asia Tenggara juga lebih murah berbanding dengan barangan eksport yang dikeluarkan di Jepun.

Pada awal 1970an, majlis perniagaan yang paling berpengaruh di Jepun mencadangkan strategi ekonomi Jepun baru. Di samping membangunkan industri "bersih" dan berteknologi tinggi di Jepun kilang-kilang yang memberikan nilai tambahan yang rendah dan membawa pencemaran yang serius patut dipindah ke seberang laut. Bagi memudahkan pemindahan industri yang tidak dikehendaki lagi ke negara lain, Kementerian Perdagangan dan Industri Antarabangsa (MITI) telah menyediakan bantuan kewangan dan jaminan kepada pelaburan Jepun di luar negeri, di samping melonggarkan garis panduan lama yang keras mengenai aliran modal keluar. Menurut *FEER*, pada awal tahun 1970an, hampir semua syarikat Jepun sederhana dan besar telah melabur di ASEAN. Di bawah pimpinan Tun Abdul Razak, sebanyak 179 syarikat baru Jepun telah melabur di Malaysia dari tahun 1970 hingga tahun 1973. Menjelang tahun 1977, 489 anak syarikat Jepun telah di tubuhkan, dengan modal terkumpul sebanyak A.S.\$425 juta.⁴ Kebanyakan syarikat ini terletak di Pulau Pinang dan Selangor (iaitu negeri yang lebih maju) dan mengeluarkan tekstil, mesin elektrik dan komponen elektronik.

Pada awal tahun 1970an, mengikut garis panduan penyusunan industrinya, syarikat Jepun telah mula mengeksport kilang mereka yang banyak menggunakan sumber alam dan menyebabkan pencemaran. Industri berat Jepun yang pertama di Asia Tenggara ialah kilang besi Malayawata di Seberang Perai yang ditubuhkan pada tahun 1961. Sebagai usahasama antara kerajaan Malaysia dan beberapa buah syarikat gergasi Jepun, Malayawata merupakan industri berat sebenar yang pertama di Malaysia, kilang besi waja yang pertama di Asia Tenggara dan percubaan pertama Jepun untuk memindahkan teknologi maju ke Dunia Ketiga. Ia mengandungi dua relau bagas kecil, yang telah diubahsuai untuk membakar arang kayu bagi menggantikan arang batu atau minyak. Bahan mentahnya ialah bijih besi, yang terdapat di Malaysia dan keluaran besi itu digunakan di Malaysia. Hubun-

³ Halliday, Jon, *A Political History of Japanese Capitalism*, Monthly Review Press, 1975.

⁴ *Far Eastern Economic Review (FEER)*, 22 Jun, 1979.

sama papanlapis dan kayu gergaji di Sabah yang bernilai A S\$2.4 juta, dan C. Itoh memegang saham 35 peratus dalam kilang kayu venir di Sarawak.⁷

Meskipun syarikat Jepun tidak berjaya menandingi monopoli Amerika Syarikat dalam perlombongan minyak, kemampuan mereka memproses petroleum adalah sophisticated dan meluas. Sebagai sebuah industri yang merbahaya dan mencemarkan secara besaran, pemrosesan petroleum sesuai benar dengan garis panduan MITI mengenai kegiatan yang patut dipindah keluar dari Jepun. Jadi, syarikat Jepun telah menyambut baik pelawaan kerajaan Malaysia untuk melabur dalam bidang yang akan meningkatkan nilai eksport minyak Malaysia. Maka, sebagai contohnya, Japan Gasoline Corporation dan C. Itoh sedang membina sebuah kilang penapis minyak mentah bernilai A S\$87 juta untuk Petronas di Trengganu. Kilang penapis minyak itu akan memproses 30,000 tong minyak Esso sehari menjadi disel dan minyak tanah di samping memperolehi gas petroleum cecair.⁸

Pelaburan Jepun dalam industri berat di seberang laut dalam tahun 1970an memerlukan suatu cara pembiayaan yang baru. Industri ganti import dan pemrosesan untuk eksport memerlukan sedikit infrastruktur atau loji, dan kebanyakan pelaburan demikian di Malaysia — seperti di tempat lain — telah diusahakan oleh syarikat Jepun kecil. Bagaimanapun, industri berat memerlukan pelaburan lebih besar dan sokongan teknologi yang agak besar. Pembiayaan Malayawata mencerminkan struktur pelaburan yang biasa terdapat dalam perusahaan seumpama ini: saham majoriti dipegang oleh Kerajaan Malaysia dan saham minoriti dipegang oleh Nippon Steel, Mitsubishi, Mitsui, Nittetsu Mining dan Irimari. Nippon Steel, Mitsubishi dan Mitsui merupakan syarikat konglomerat gergasi yang meliputi perindustrian, perkhidmatan bank dan pemasaran. Meskipun mempunyai kuasa ekonomi sendiri, masing-masing mesti bekerjasama dengan kumpulan Jepun lain dan juga dengan kerajaan tuan rumah untuk membiayai projek industri berat yang besar. Begitu juga, dalam usahasama perlombongan tembaga Mamut, tujuh buah syarikat tembaga Jepun yang utama (Mitsubishi Metal, Mitsui Metal Mining, Sumitomo Metal Mining, Sowa Metal Mining, Nippon Mining, Furukawa Mining dan Nittetsu Mining) dan dua buah agensi kerajaan Jepun (Tabung Kerjasama Ekonomi Seberang Laut dan Agensi Perlombongan Logam) terlibat. Konsortium Jepun

⁷FEER, 7 Dis., 1979.

⁸FEER, 2 Jul., 1982, m.s. 88

telah membayar kebanyakan kos pembangunan perlombongan tersebut sebanyak M\$300 juta, termasuk sebuah pelabuhan di Usukan bagi memindahkan bijih tersebut dari satu kapal ke kapal lain.⁹

Perbadanan awam Malaysia seperti PERNAS atau perbadanan kerajaan lain membentuk perkongsian dengan pelabur Jepun walaupun sumber alam yang tidak boleh diperbaharui dimajukan untuk eksport. Dalam skim pengeluaran LNG Bintulu, yang merupakan usahasama Jepun yang terbesar di Malaysia, PETRONAS memiliki saham 65 peratus, manakala Mitsubishi Corporation dan Shell Gas masing-masing memegang setengah daripada baki sahamnya.¹⁰

Bantuan projek pembangunan kepada Malaysia dari bank, perniagaan dan kerajaan Jepun telah menjadi penting kepada semua pihak dalam dekad yang lalu. Malaysia telah dapat mengembangkan infrastrukturnya, manakala Jepun telah dapat memelihara hubungan persahabatan, yang menyediakan — kepada kedua-dua pihak — keluaran yang diperlukan dan keuntungan yang dicari. Usaha-usaha ini memerlukan kerjasama yang rapat dan mengikat kedua-dua pihak bersama untuk tempoh masa yang panjang. Berbagai agensi kerajaan Jepun telah menyediakan dua kredit yen bagi pembangunan infrastruktur sejak pertengahan tahun 1960an. Ini telah membiayai pembinaan Malayawata, logi kuasa hidro Temenggor, tempat pembinaan kapal di Pasir Gudang, Johor, jalanraya baru di Sabah, logi kuasa *thermal* dekat Pulau Pinang dan pelabuhan LNG di Bintulu, di samping projek-projek lain. Malaysia telah memperolehi pinjaman yen ketiga bernilai M\$150 juta. Pinjaman ini biasanya digunakan untuk melengkapkan pelaburan swasta Jepun dengan membiayai saham projek rakan perkongsian Malaysia (biasanya, sebuah agensi kerajaan).

Baru-baru ini, dua faktor telah menggalakkan kepentingan Jepun untuk terus menyediakan banyak bantuan pembangunan, khususnya kepada Malaysia. Pelabur Jepun di seberang laut telah terperanjat dengan kejatuhan kerajaan Shah di Iran pada tahun 1979. Mitsui, yang hampir siap membina sebuah kompleks petrokimia yang besar di Iran, telah gagal memperolehi syarat-syarat yang memuaskan dengan rejim baru, sama ada untuk menghabiskan projeknya atau pun mendapat balik pelaburannya. Akhirnya, ia terpaksa membatalkan perjanjian tersebut. Untuk menggalakkan pelaburan pembangunan selanjutnya oleh syarikat swasta di Dunia Ketiga, kerajaan Jepun kini turut menjadi

⁹ *Figur 4F3*, Apr. 1980.

¹⁰ IRPS, m.s. 27

penganjur bersama projek baru untuk melindunginya daripada kerugian besar. Kestabilan kerajaan Malaysia disebut berulang kali oleh syarikat Jepun sebagai faktor utama yang mendorong mereka melabur di sini.

Keduanya, jelaslah bahawa pelaburan dalam infrastruktur Malaysia menguntungkan. Pertumbuhan ekonominya mantap, dan sektor pembuatannya telah mencapai 30 peratus dari Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 1980. Dibanding dengan Filipina dan Indonesia, yang mempunyai birokrasi kerajaan yang korup, tidak cekap, dan menyebabkan beberapa pelaburan Jepun mengalami kerugian kerana pengurusan buruh oleh kerajaan, Malaysia mendapat kepercayaan pelabur Jepun. Kewujudan infrastruktur yang agak baik, seperti tapak perindustrian dan galakan kewangan untuk pelaburan yang lumayan sering kali dianggap sebagai faktor yang menarik.¹¹

Dua kawasan di Malaysia yang telah diberi keutamaan untuk pembangunan dalam RM3 dan RM4 ialah Pantai Timur Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Kawasan-kawasan ini telah lama terpisah, dari segi politik dan ekonomi, daripada Pantai Barat, yang kian berkembang; tetapi kewujudan banyak sumber di kawasan berkenaan dan kewujudan wang pembangunan (atau sekurang-kurangnya kredit) dalam simpanan kerajaan telah menggalakkan perancangan dan pelaksanaan projek infrastruktur dengan pesat. Tekanan rasmi bagi semua projek ialah untuk memajukan dan memperluaskan penggunaan sumber alam.¹²

Rancangan menyeluruh bagi negeri-negeri Pantai Timur, iaitu Trengganu, Kelantan dan Pahang, memerlukan lima lapisan pelaburan yang berkait. Seperti yang dirumus oleh *FEER*: "Tenaga menduduki tempat pertama dan tujuannya adalah untuk menggali dan memproses sumber minyak dan gas di Pantai Timur. Kedua, loji petrokimia untuk mengeluarkan bahan mentah industri dengan menggunakan sumber asli tadi sebagai bahan input. Ketiga, industri berat lain seperti pembuatan besi waja, yang menggunakan gas, terutamanya sebagai bahan api. Keempat, industri ringan dan pertengahan, yang kebanyakannya tertumpu kepada penggantian import dan pemerosesan bahan pertanian. Kelima, semua jenis industri yang berasaskan sumber alam tempatan untuk menggunakan bahan galian lain di Pantai Timur, yang kebanyakannya masih belum disentuh buat masa ini."¹³ Seiring dengan

¹¹JRPS, m.s. 12.

¹²Tan Tat Wai, "Strategi Pembangunan Perindustrian Bagi Malaysia", dalam *Jurnal Ekonomi Malaysia*, #1 ¼ Jun/Dis. 1981.

¹³*FEER*, 2 Jul., 1982.

projek-projek ini, dan yang penting demi kejayaannya ialah pembinaan sistem jalanraya yang menyeluruh, lapangan terbang, pelabuhan dan perhubungan telekomunikasi.

Di Sabah dan Sarawak, rancangan pembangunan juga tertumpu kepada sumber tenaga. Beberapa sumber gas asli yang besar di laut dapat menyediakan bahan bagi kemudahan LNG di Bintulu, Sarawak. Sumber minyak di laut yang banyak juga akan membekalkan tenaga untuk industri berat seperti kilang besi waja di Sabah. Empangan besar di kawasan pendalaman Sarawak telah dan akan dibina untuk membekal tenaga untuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pra-syarat untuk projek tersebut juga termasuklah pelabuhan, jalanraya dan sistem perhubungan.

Kepentingan Jepun terlibat dalam setiap peringkat dan tahap rancangan pembangunan Sabah, Sarawak, Terengganu, Kelantan dan Pahang. Mereka telah memenangi kebanyakan kontrak bagi pembinaan projek di seluruh kawasan: Contohnya, Pelabuhan Mitsui mendapat kontrak bernilai M\$42 juta bagi pembinaan sebuah pelabuhan baru di Tanjung Berhala, Trengganu. Tidak lama lagi, pelabuhan ini akan mengendalikan kapal muatan 35,000dwt yang melayan projek Petronas.

Pusat pengeluaran besi waja baru di Telok Kelong akan mempunyai dua loji, sebuah loji besi span (dengan kemampuan 600,000 tan setahun) dan sebuah kilang pemipih dingin (juga dengan kemampuan 600,000 tan setahun). Loji besi span akan dibina oleh lapan ahli konsortium Jepun yang diketuai oleh Nippon Steel, yang akan memegang saham 30 peratus. Nippon juga akan memperuntukkan M\$150 juta untuk membiayai Perbadanan Industri berat Malaysia (Hicom), yang memegang kebanyakan saham tersebut. Bank Import-Eksport Jepun akan membiayai sebanyak M\$640 juta daripada jumlah kos yang dianggarkan sebanyak M\$1,200 juta. Satu lagi kumpulan Jepun, yang mengandungi Mitsui, Kawasaki Steel, Kawasho Corp., C. Itoh dan Mitsubishi Corp., merancang membina kilang pemipih dingin.

Pelabuhan Kuantan baru dibina semula oleh Mitsui Construction. Kejayaan pelabuhan ini akan membolehkan pelaksanaan rancangan pembangunan yang besar bagi seluruh kawasan itu. Ia akan menjadi pintu keluar utama bagi eksport dan sebagai pusat baru bagi pemerosesan minyak dan industri. Di Sabah, selain dari projek Bintulu dan perusahaan pemerosesan kayu tadi, Jepun telah membiayai pembinaan sebuah loji baja urea di Sabah dan Sarawak yang bertujuan membekalkan baja urea kepada negara ASEAN.

Hubungan perniagaan antara Jepun dan Malaysia telah bertambah baik sejak dua dekad lalu. Jepun merupakan rakan perdagangan utama

Malaysia dan mengimport 21.8 peratus dari jumlah eksport Malaysia, dan membekalkan 23.5 peratus dari importnya. Nilai perdagangan mereka dalam tahun 1981 telah mencapai A S\$4,500 ribu juta.¹⁴ Jepun juga bertanggungjawab atas 72 peratus dari bantuan pembangunan rasmi untuk Malaysia pada tahun 1978.¹⁵

Kerajaan Malaysia dan kerajaan Jepun kini nampaknya ingin bekerjasama antara satu sama lain dalam rangka perhubungan yang tidak saksama itu. Pada 1983, Perdana Menteri Nakasone telah berjanji kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir akan memberi kredit yen yang lebih besar daripada masa dahulu sebagai ganjaran untuk dasar Pandang Ke Timur Malaysia. Akan tetapi, beliau tidak dapat atau tidak mahu berjanji bahawa Jepun akan membeli peratus minyak Malaysia yang lebih besar.¹⁶ Nakasone juga menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia belajar di Jepun — seperti dua orang anak Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri — tetapi tidak melakukan apa-apa untuk memenuhi permintaan utama Malaysia terhadap Jepun, iaitu untuk mendapat sokongannya bagi rancangan penstabilan harga barangan, seperti rancangan STABEX, yang dicadangkan oleh ASEAN.¹⁷

Di Malaysia, ada orang yang tidak puas terhadap Jepun, yang tidak dapat bersuara di bawah kerajaan Mahathir. Mereka terdiri daripada orang yang kehidupannya terjejas teruk akibat pelaburan Jepun. Para petani dan pekerja ladang mendapati bahawa harga yang dibayar Jepun untuk importnya, seperti getah, minyak sawit dan hasil pertanian lain, tidak membolehkan mereka mencapai taraf hidup yang memuaskan.¹⁸ Para pekerja elektronik merasa letih setelah bekerja beberapa tahun.¹⁹ Mereka yang tinggal berhampiran dengan lombong dan kompleks industri berat mendapati tanah dan sungai mereka tercemar, kadangkala sehingga mereka tidak dapat menanam padi atau menangkap ikan lagi.²⁰ Suku kaum yang tinggal di kawasan pedalaman Sarawak telah melihat kehilangan hutan mereka dan mereka sedang menunggu pembinaan empangan besar untuk membekalkan kuasa elektrik ke bandar yang jauh, sedangkan wanita mereka terpaksa

¹⁴ *FEER*, 10 Feb. 1983.

¹⁵ *Asian Finance*, 15 Feb. 1981.

¹⁶ *FEER*, 2 Feb. 1983, dan *Asian Wall Street Journal*, 26 Jan., 1983.

¹⁷ *FEER*, 23 Mac., 1979, dan 22 Jun, 1979.

¹⁸ *FEER*, 27 Jan., 1983.

¹⁹ *Southeast Asia Chronicle* # 66, *FEER*; 18 Mei. 1979.

²⁰ *Fajar* # 3, Apr. 1980.

menjadi pelacur di Bintulu untuk mencari makan.²¹

Kumpulan-kumpulan ini kadangkala membantah keutamaan pembangunan kerajaan, tetapi tuntutan mereka menghadapi jalan buntu birokratik. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir telah menyatakan hasratnya untuk menanam etika kerja Jepun di kalangan orang Melayu, seolah-olah sikap ini boleh wujud secara terpisah daripada struktur ekonomi dan sosial Jepun.²² Beliau juga telah mengutarakan penubuhan *sogoshosha* di Malaysia, yang bertujuan mencontohi konglomerat perdagangan Jepun yang teguh, seolah-olah nama itu sendiri dapat menjamin pekebun kecil kelapa mendapat pendapatan yang mencukupi untuk menanggung hidup.²³ Hanya masa sahaja yang akan menentukan sama ada sikap kerajaan — yang "pekak terhadap teguran dan buta terhadap keburukan" — akan mengatasi suara bantahan ataupun akan menimbulkan bantahan baru yang lebih kuat.

²¹ *Fajar* #12/13, Musim panas 1981

²² Mahathir memberitahu *FEER*: "Dalam kes Jepun, adalah benar bahawa mereka tidak beriman, tetapi nilai kebudayaan mereka adalah seperti nilai moral, dan etika yang terdapat atau yang diingini di Malaysia." (11 Jun, 1982), *Jelajah* #15 Okt. 1982, termasuk kritikan sejarah "Pengurusan Jepun" oleh Dr. Rob Steven.

²³ *FEER*, 27 Jan. 1983.

PERDAGANGAN DENGAN JEPUN TAK SEIMBANG

Jepun adalah rakan perdagangan Malaysia yang utama; lebih dari 25 peratus dari import Malaysia berasal dari Jepun, sedangkan Jepun membeli kurang dari 20 peratus dari eksport Malaysia. Pada 1981, Jepun adalah negara yang mempunyai kekurangan ketiga besar dari segi akaun perdagangan Malaysia selepas Arab Saudi dan Australia. Pada 1982, Jepun mempunyai kekurangan kedua besar selepas Amerika Syarikat dan kekurangan terbesar pada 1983.

Tambahan lagi, Jepun merupakan rakan perdagangan Malaysia yang mempunyai kekurangan kedua besar dari segi akaun semasa pada 1981 dan 1982 dan kekurangan terbesar pada 1984. Saiz mutlak kekurangan ini membimbangkan, tetapi faktor-faktor sebaliknya lebih merunsingkan. Bagi 1985, kekurangan dalam akaun semasa dijangka akan berlipat ganda saiz kekurangan pada 1983.

Bahagian import Malaysia dari Jepun telah meningkat dengan pesat dari 7 peratus pada 1960 ke 17 peratus pada 1970, 22 peratus pada 1980 dan 27 peratus pada 1984. Pada penghujung tahun 1960an, Jepun telah menggantikan Britain sebagai pembekal import Malaysia yang terbesar. Pada 1971-1983, import dari Jepun telah tumbuh dengan pesat, dengan kadar purata tahunan sebanyak 20 peratus, iaitu kadar yang lebih pesat dari kadar pada tahun 1960an.

Penyerapan barang Jepun ke dalam ekonomi Malaysia mencerminkan kecukupannya dari segi harga dan mutu, yang disokong dengan usaha pemasaran yang hebat. Sejak tahun 1960an, import dari Jepun dikuasai hampir seluruhnya oleh beberapa jenis barang buatan, termasuk barang tahan lama (seperti kereta, motosikal dan perkakas rumah) dan bahan separuh siap (seperti besi, besi waja, loji dan mesin).

Dalam 25 tahun yang lepas, eksport Malaysia ke Jepun telah banyak berubah. Pada 1960, bahan mentah bukan-makanan (terutama getah, timah dan kayu balak) merupakan 79 peratus dari eksport Malaysia ke Jepun. Bahagian barang buatan adalah 21 peratus.

Eksport ke Jepun

Menjelang 1970, selepas tahap penggantian import dalam pembangunan industri di Malaysia digantikan dengan perindustrian bertujuan eksport, eksport barang buatan ke Jepun telah meningkat kepada 31 peratus dari jumlah eksport Malaysia ke Jepun. Pada 1974, walaupun eksport barang buatan ke Jepun (\$395 juta) terus meningkat – kebanyakannya merupakan kenaikan eksport minyak (dari hanya \$42 juta pada 1973 ke \$233 juta pada 1974), yang merupakan hampir kesemua dari kenaikan eksport ke Jepun sebanyak 29 peratus pada tahun itu – peratusnya telah jatuh ke 23 peratus dari jumlah eksport ke Jepun.

Dari masa itu, eksport barang buatan ke Jepun terus bertambah secara perlahan, tetapi peratusnya telah jatuh. Tetapi sejak 1981, eksport buatan juga telah berkurangan, dari \$752 juta pada 1980 ke \$488 juta pada 1982. Eksport mesin dan alat pengangkutan telah bertambah dari \$151 juta (1980) ke \$214 juta (1982). Tetapi kebanyakan dari tambahan ini merupakan eksport semula barang syarikat elektronik Jepun yang dipasang dan diuji di Malaysia.

Menjelang 1982, Jepun banyak mengimport petroleum mentah (37 peratus) dan kayu balak (37 peratus), tetapi hanya sedikit barang buatan (8½ peratus), mesin dan alat pengangkutan dari Malaysia. Jepun merupakan pembeli kayu balak Malaysia terbesar (63 peratus dari jumlah eksport kayu balak Malaysia); dan pembeli kedua petroleum mentah (36 peratus dari jumlah petroleum mentah Malaysia). Sebenarnya, Jepun merupakan pembeli terbesar petroleum mentah Malaysia oleh kerana sebahagian dari petroleum mentah yang dieksport ke Singapura untuk ditapis kemudian diimport semula ke Malaysia. Dua kesimpulan penting timbul dari analisa ini:

- * Malaysia sedang membeli lebih banyak dari Jepun daripada apa yang Jepun mengimport dari Malaysia. Pada 1982, Malaysia mempunyai kekurangan perdagangan sebanyak \$1.5 bilion. Ini telah naik ke \$1.6 bilion pada 1983, walaupun gas asli baru mula dieksport. Nampaknya, kekurangan ini terus bertambah lagi pada 1984 dan 1985;
- * Import Malaysia dari Jepun agak banyak dan meliputi pelbagai jenis barang tahan lama, loji dan alat, sedangkan orang Jepun hanya membeli bahan mentah Malaysia, terutama sekali minyak mentah dan kayu balak. Tambahan lagi, jumlah eksport barang buatan Malaysia ke Jepun pada 1982 adalah kurang dari jumlah eksportnya pada 1978!

Di samping itu, eksport barang Malaysia ke Jepun hampir beku dari segi nilai, dan telah merosot dari segi jumlahnya pada 1979-83. Eksport barang utama Malaysia (selain dari balak gergaji) – seperti getah, minyak sawit, kayu gergaji, timah dan minyak mentah – telah jatuh dari segi jumlahnya ataupun tidak dapat menembusi pasaran Jepun.

Hanya eksport kayu gergaji meningkat pada 1980-82, dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 10 peratus dari segi bilangannya. Kalau import minyak mentah dan gas dari Malaysia tidak diambilkira, kekurangan perdagangan Malaysia dengan Jepun telah meningkat dengan pesat dari \$1.8 bilion pada 1980 ke \$4.6 bilion pada 1983.

Perkhidmatan

Kecenderungan dari segi perkhidmatan juga patut diberi perhatian. Jepun adalah salah satu dari empat negara utama yang bertanggungjawab atas kekurangan Malaysia dari segi perkhidmatan. Pada 1981, Jepun bertanggungjawab ke atas 13 peratus dari kekurangan ini, bahagian ini terus kekal pada peringkat 13 peratus (\$882 juta) pada 1982, pada 1983, ia adalah sebanyak 11 peratus (\$931 juta).

Dua faktor utama adalah bertanggungjawab terhadap keadaan ini, iaitu bayaran pengangkutan dan insurans, dan bayaran untuk perkhidmatan kontrak dan ikhtisas. Pada 1982, Malaysia telah bayar sebanyak \$758 juta ke Jepun untuk bayaran pengangkutan dan insurans (dibanding dengan \$685 juta pada 1981), yang menjadikan Jepun negara yang bertanggungjawab atas kekurangan yang terbesar dari segi 'pengangkutan dan insurans'. Kekurangan ini merupakan 45 peratus dari jumlah kekurangan Malaysia dengan Jepun.

Mengapa Kekurangan?

Keadaan ini tidak menghairankan memandangkan amalan biasa pihak Jepun yang membeli barang tanpa pengangkutan dan insurans (FOB) dan menjual barang sekali dengan harga insurans dan pengangkutan (CIF). Lebih kurang 90 peratus dari bayaran 'pengangkutan dan insurans' merupakan bayaran untuk pengangkutan.

Dengan penglibatan pelabur Jepun secara besar-besaran dalam sektor pembuatan di Malaysia dan, baru-baru ini, dalam sektor pembinaan juga, tidak menghairankan bahawa Malaysia terpaksa menanggung bayaran kontrak dan ikhtisas ke Jepun sebanyak \$326 juta pada 1982. Ini merupakan kenaikan sebanyak 100 peratus dari bayaran untuk tujuan ini pada 1981. Dengan ini, Jepun menerima 28 peratus dari jumlah bayaran Malaysia untuk tujuan ini, dan merupakan penerima bayaran kontrak dan ikhtisas yang terbesar bagi Malaysia. Bayaran ini ke Jepun melebihi bayaran ke Amerika Syarikat dan Singapura untuk perkhidmatan serupa yang berkaitan dengan pencarian dan pengeluaran petroleum.

Maka, kedudukan Malaysia dari segi bayaran semasa dengan Jepun telah banyak merosot pada tempoh 1981-83 (lihat Jadual I).

JADUAL I

AKAUN SEMASA MALAYSIA-JEPUN, 1981-1985

(juta ringgit)

	1981	1982	1983	1984	1985
Barangan	-133	-797	-804	-2,319	-2,178
Perkhidmatan	-729	-882	-931	-1,230	-1,382
Jumlah :	-862	-1,679	-1,735	-3,549	-3,560

Sumber: Bank Negara

Dalam tempoh tiga tahun ini, kekurangan dari segi akaun semasa telah **melipat ganda**, walaupun prestasi eksport Malaysia telah pulih pada keseluruhannya. Perdagangan dengan Jepun — dari segi barangan dan juga perkhidmatan — telah merosot dalam tempoh ini.

Ramalan

Pada 1983, Malaysia mula mengeksport banyak gas cecair asli (LNG) ke Jepun dengan syarat CIF. Eksport LNG dijangka akan meningkat dan mula mendarat pada awal 1986. Jelaslah bahawa eksport baru ini akan mengurangkan ketidakseimbangan dalam perdagangan antara Malaysia dengan Jepun. Walaubagaimana pun, diramalkan bahawa sumbangan tambahan dari eksport LNG ini tidak mencukupi bagi mengurangkan kekurangan besar Malaysia dengan Jepun dari segi kedua-dua akaun barangan serta akaun pengangkutan dan insurans.

Memandangkan projek 'turnkey' yang sedia ada dan yang dijangka, import Malaysia dengan syarat CIF — seperti barang buatan, loji dan mesin serta alat pengangkutan — barangkali akan meningkat dengan lebih pesat dari eksport LNG yang bertambah, memandangkan pembekuan eksport tradisional ke Jepun yang berlanjutan. Malah, walaupun eksport LNG akan bertambah, jurang dari segi perdagangan barangan dan juga dari segi pengangkutan serta insurans dijangka akan bertambah luas pada 1984 dan 1985.

Kekurangan dari segi akaun perkhidmatan juga dijangka akan bertambah, terutamanya kerana import Jepun sedang terus meningkat dengan pesat, dan kebanyakannya akan diangkut dengan kapal Jepun; bayaran yang jauh lebih tinggi untuk yuran kontrak dan ikhtisas mencerminkan bayaran bagi perkhidmatan untuk projek 'turnkey'; bayaran pendapatan pelaburan yang lebih akibat dari bayaran hutang yang lebih tinggi serta bayaran keuntungan kepada

Jepun atas pelaburannya di Malaysia; serta lebih banyak perjalanan orang Malaysia ke Jepun. Akibatnya, kekurangan dari segi perkhidmatan dijangka akan meningkat sebanyak \$1.4 bilion pada 1985, dibanding dengan \$931 juta pada 1983. Maka, pada keseluruhannya, kedudukan akaun semasa Malaysia dengan Jepun dijangka akan terus merosot lagi (lihat Jadual I).

Kekurangan dari segi imbalan bayaran Malaysia dengan Jepun dijangka akan melipat ganda ke \$3.56 bilion pada 1985, berdasarkan trend masa kini. Perkara ini memang membimbangkan. Ramalan ini tentang masa depan adalah jauh lebih buruk dari apa yang kita mengharapkan. Memang benar bahawa andaian penting sebalik ramalan ini adalah bahawa trend kini berterusan sehingga 1985.

Ketidakpastian mengenai masa depan ekonomi dunia, terutama sekali perubahan dalam prestasi ekonomi negara (yang tidak dapat diramalkan) akan mempunyai implikasi penting terhadap ramalan ini. Memandangkan bahawa ilmu ekonomi kini lebih merupakan 'ilmu nجوم' dari 'sains pasti', ramalan sudah pasti tidak tepat semuanya. Ramalan ini hanya merupakan anggaran kasar yang berasaskan usaha mendapat gambaran berdasarkan trend serta dasar kini. Apa yang penting bukanlah sama ada angka yang dikemukakan itu adalah tepat, tetapi hakikat bahawa angka-angka ini adalah kesan kekurangan yang sedang terus bertambah — yang amat membimbangkan.

Rumusan

- Perdagangan Malaysia dengan Jepun adalah berat sebelah dan mencerminkan pergantungan Malaysia terhadap Jepun, dan tidak merupakan hubungan saling bergantung;
- Pergantungan ini barangkali akan kekal dan bertambah teruk pada tahun-tahun depan;
- Pergantungan ini dicerminkan dalam akaun perdagangan barangan serta akaun perdagangan perkhidmatan; dan
- Kekurangan Malaysia yang kian bertambah (dari segi kedua-dua akaun barangan serta perkhidmatan) akan menggugat kestabilan hubungan perdagangan antara Malaysia dengan Jepun.

CONDONG KE TIMUR: MASALAH PERUSAHAAN PEMBINAAN

Chang Yii Tan

Cetusan perasaan "kecewa dan kesal dalam perniagaan pembinaan di Malaysia"¹ terhadap Dasar Pandang ke Timur baru-baru ini tidaklah menghairankan. Syarikat-syarikat pembinaan terbesar di Malaysia telah dilaga-lagakan dengan syarikat-syarikat pembinaan antarabangsa Jepun dan Korea Selatan yang dalam rebutan untuk mendapatkan projek pembinaan yang bernilai berjuta-juta ringgit di Malaysia. Dua buah persatuan perusahaan pembinaan, iaitu Persatuan Pemaju Perumahan dan Persatuan Ahli Binaan Malaysia (Master Builders' Association, Malaysia atau MBAM), telah menyuarakan rasa tidak puashati mereka terhadap kepentingan-kepentingan asing ini serta mengkritik sikap kerajaan Malaysia yang menyerahkan kebanyakan projek pembinaan besar kepada syarikat-syarikat asing ini.

Kritik ini ada asasnya, MBAM menganggarkan² kerja-kerja pembinaan bernilai antara \$4-6 biliun telah diserahkan kepada firma-firma asing semenjak tahun 1981. Dalam perusahaan pembinaan, jumlah ini merupakan satu jumlah yang besar. Dalam satu tinjauan lain keatas projek-projek bernilai \$4.2 biliun yang dikendalikan oleh 17 buah firma pembinaan, Bank Negara mendapati bahawa 8 orang kontraktor asing memperolehi dua-pertiga (2/3) dari jumlah nilai kontrak, dengan nilai \$2,788 juta.³ Tinjauan ini juga telah mendedahkan bahawa 28% dari bahan pembinaan dan 48% dari semua mesin dan peralatan yang digunakan telah diimport; 12.5% dari bayaran kontrak, yuran dan upah pekerja binaan ikhtisas dijangka akan dibayar

¹ Lihat kertas kerja yang dibentangkan oleh Senator Kee Yong Wee di Perjumpaan Bersama Tahunan MAJECA/JAMECA ke7, Mac 1984; diterbitkan semula dalam *Perumahan: Housing & Property*, Mac/April 1984.

² *Asian Wall Street Journal*, 8 Mac. 1984.

³ *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia : 1983*, m.s.118.

kepada orang asing.⁴ Hyundai, kontraktor utama projek pembinaan Jambatan Pulau Pinang telah menganggarkan hampir 30% dari semua mesin dan peralatan berat mereka, diimport.⁵

Bidang konflik utamanya adalah untuk projek pembinaan yang lebih besar. Jadual 1 menunjukkan sebahagian dari projek ini. Malah,

JADUAL 1
PROJEK PEMBINAAN YANG DIPEROLEHI OLEH
SYARIKAT JEPUN DAN KOREA

Projek		Syarikat Pembinaan Asing
DayaBumi	(J)	Takenaka Komuten & Kumagai Gumi
Ibu Pejabat UMNO	(J)	Takenaka Komuten, Kumagai Gumi, Shimuzu & Kensetsu
Ibu Pejabat Perbadanan Nasional Berhad	(J)	Shimuzu Kensetsu.
UBN/Shangrila Hotel	(J)	Taisei Kensetsu.
Ibu Pejabat Kump. Wang Simpanan Pekerja	(J)	Taisei Kensetsu.
Rumah kos rendah PKNS	(J)	Hazamagumi, Taisei Kensetsu.
UDA Bukit Nanas	(J)	Taisei - Marubeni
Jambatan Pulau Pinang	(K)	Hyundai
Ibu Pejabat Maybank	(K)	Keang Nam/Dae Woo Construction
Empangan Kenyir	(K)	Hyundai
Projek Gas Asli Sabah	(K)	Daelim.
Rumah Pasang-siap di Pahang/	(K)	Samick.
Alat-alat perumahan di K.L.		
Projek Damar Pahang	(K)	Young Dong

Sumber: Star, 27 Mac. 1984, "Nightmare for local builders" dan Far Eastern Economic Review, 14 Jun 1984, "Seoul Builds Bridge"

J = Kontraktor utama Jepun

K = Kontraktor utama Korea.

⁴Ibid.

⁵New Straits Times, 13 Julai 1983, "What it takes to build Penang Bridge."

didapati juga kontraktor Jepun dan Korea telah juga memperolehi kerja pembinaan yang lebih kecil secara relatif, yang selama ini tidak pernah mereka cuba memperolehi.⁶ Perkembangan ini akan memperkecilkan lagi peluang untuk kontraktor tempatan. Perkembangan ini sukar untuk diterima oleh peniaga, yang selama ini telah mengalami kadar pertumbuhan tinggi sepanjang 14 tahun yang lalu.

Sektor pembinaan telah berkembang sebanyak 4 kali ganda semenjak tahun 1970. Peratusannya dalam keluaran negara juga telah meningkat dari 3.9% pada 1970 kepada 5.4% pada 1984. Dalam jangkamasa 1970-83, kadar pertumbuhan tahunan sektor pembinaan ialah 9.3%, berbanding dengan 7.9% bagi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Bagi jangkamasa 1976-80, sektor ini telah berkembang pada kadar 13.1% setahun; bagi tahun-tahun 1981-84 pula, pada kadar 13.3% setahun. Sehingga tahun 1981, terdapat 4,584 buah firma pembinaan yang menyediakan pekerjaan untuk hampir $\frac{1}{4}$ juta orang. Pendapatannya ialah \$6 bilion setiap tahun, sementara nilai harta tetap semua firma pembinaan pula bernilai hampir \$1 bilion. Keluaran tahunan sektor pembinaan pula dianggarkan bernilai \$1.94 bilion dalam tahun 1984.⁷

Pertumbuhan tinggi dalam tahun-tahun 1970an dan awal 1980an ini pada dasarnya adalah akibat matlamat dan rancangan kerajaan Malaysia. Peruntukan perbelanjaan pembangunan yang tinggi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (RM3) dan dua tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat (RM4) telah memusatkan lagi perkembangan sektor pembinaan. Konsep 'demokrasi pemilikan rumah' dan penglibatan kerajaan dalam menyediakan peruntukan pinjaman perumahan bagi pekerja awam, telah membawa permintaan besar untuk semua kategori perumahan. Penglibatan kerajaan dalam pembangunan infrastruktur tertentu, seperti pembinaan lebuh raya, pelabuhan, lapangan terbang, bandar baru dan lain-lain lagi, juga telah merangsang pertumbuhan sektor kejuruteraan pembinaan serta sektor pembinaan bukan kediaman.

Krisis ekonomi pada awal tahun 1980an telah memaksa kerajaan Malaysia berjimat cermat. Perbelanjaan pembangunan awam telah banyak dikurangkan. Potongan paling teruk telah dilaporkan dalam *Laporan Ekonomi 1984/85*, di mana perbelanjaan bagi sektor pembinaan awam telah dipotong sebanyak 8.5%. Perbelanjaan untuk kerja-kerja awam pula telah dipotong sebanyak 7.7% dari \$1,027 juta

⁶ *Asian Wall Street Journal*, 8 Mac 1984.

⁷ *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia : 1983 m.s.l.*

dalam tahun 1983 kepada \$984 juta. Peruntukan pembangunan untuk Kementerian-kementerian Pelajaran, Pertahanan, Kesihatan dan Kementerian Dalam Negeri mengalami potongan sebanyak 16% menjadi \$548 juta. Namun begitu, kerajaan telah meningkatkan peruntukan perbelanjaan pembangunan untuk Lembaga Letrik Negara (LLN) dan Jabatan Telekom. Peruntukan untuk Agensi Luar-Belanjawan (OBA) juga tidak mengalami potongan. Galakan tambahan bagi pembinaan hotel juga ditawarkan.

Tahun 1984 telah memperlihatkan kejatuhan permintaan sebanyak 48% untuk rumah-rumah kos tinggi dan sederhana, serta lebihan ruang-ruang untuk pejabat dan perdagangan. Di Wilayah Persekutuan, sektor pembinaan kediaman persendirian telah mengalami kejatuhan 9.5% dalam tahun 1983, dan 20% dalam tahun 1984. Kejatuhan juga dialami dari segi permit perumahan yang dikeluarkan, dan bilangan unit perumahan yang dicadangkan pada tahun 1984.

Dalam tahun 1982, dianggarkan bahawa terdapat 9 juta kaki persegi ruang pejabat dan perdagangan di Kuala Lumpur. Cadangan bagi 62 projek pembinaan untuk tahun-tahun 1983-87 akan menyediakan seluas 21 juta kaki persegi lagi ruang pejabat. Malah, di Kuala Lumpur sekarang ini pun, sewa ruang pejabat telah mula mengalami kejatuhan akibat penawaran berlebihan itu. *Laporan Tahunan Bank Negara* telah mengingatkan kita bahawa "amalan bank yang sewajarnya . . . memerlukan pendekatan yang sangat objektif untuk menilai kepentingan mereka dalam pembangunan harta, termasuk penggunaan tanah dan rumah sebagai cagaran."⁸ Terdapat sejumlah besar perjanjian pinjaman yang belum dikeluarkan, dan dalam keadaan begini, kesan sepenuhnya pemberian pinjaman untuk perusahaan binaan dan pembangunan rumah dan harta terhadap perusahaan bank masih belum dirasakan.⁹

Senator Kee Yong Wee, Presiden Persatuan Pemaju Perumahan, telah mengakui¹⁰ bahawa terdapat kesan-kesan positif penyertaan Jepun dalam perusahaan pembinaan. Pertama, firma-firma asing ini mempunyai banyak pengalaman dan lebih cekap. Ini boleh membawa pemindahan teknologi yang berkesan dalam pengurusan dan pembinaan bangunan. Kedua, oleh kerana mereka mempunyai perhubungan yang luas diperingkat antarabangsa, maka mereka boleh menyedia-

⁸ *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 1983*, m.s. 22.

⁹ Sehingga tahun 1983, 30% dari semua pinjaman perniagaan yang baru telah diberikan kepada sektor pembinaan dan pembangunan tanah serta rumah; *ibid.*

¹⁰ *Perumahan: Housing & Property*, Mac/April 1984.

kan kemudahan kewangan yang tidak memerlukan pelanggan tempatan (termasuk perusahaan awam) menyediakan jumlah modal yang besar sekaligus dari peringkat awal lagi. Ketiga, firma-firma asing ini begitu "rapat" dengan pihak berkuasa, dan oleh itu, dapat menembusi sekatan birokratik pemerintahan dengan agak mudah. Keempat, persaingan akan menggugat keadaan terlindung yang dinikmati sebelumnya oleh firma tempatan. Kelima, buruh tempatan sepatutnya dilatih dan ini sepatutnya "meningkatkan kemahiran buruh" dalam perusahaan binaan; Penyertaan asing dianggap wajar atas alasan-alasan ini.

Keadaan sebenarnya, menurut MBAM,¹¹ agak berbeza. Pertama, pemindahan teknologi sebenarnya minima kerana ahli ikhtisas tempatan tidak bertugas diperingkat pengurusan atasan. Jadi kemahiran serta pengetahuan terhadap perancangan dan kerja rekabentuk tidak terdapat. Kedua, kepentingan tempatan tidak dapat bersaing dengan syarikat gergasi antarabangsa.¹² Ketiga, firma asing cuba mengguna dan mengimport bahan dan peralatan dari negeri asalnya; ini sudah tentu memperkecilkan peluang perniagaan bagi pembekal tempatan. Ini mengakibatkan aliran keluar banyak wang pertukaran asing, yang mengakibatkan kekurangan dalam akaun perkhidmatan yang kian bertambah. Keempat, dalam suasana kemelesetan, persaingan akan menghapuskan setengah syarikat pembinaan tempatan, sedangkan firma asing yang mendapat peluang di Malaysia dapat menyelamatkan kepentingan mereka masing-masing. Kelima, kebanyakan buruh mahir diimport; padahal, latihan untuk buruh tempatan sedikit saja. Pada hakikatnya, buruh tidak mahir dan separuh mahir merupakan golongan tempatan terbesar yang terlibat. Mereka juga ditindas dari segi upah dan keadaan kerja.¹³ Keenam, wang pertukaran asing juga mengalir keluar melalui berbagai saluran melalui yuran perkhidmatan ikhtisas serta khidmat-nasihat, keuntungan yang dibawa pulang ke negara asal mereka dan juga keuntungan yang disembunyikan dalam akaun kira-kira.¹⁴

¹¹ *Perumahan : Housing & Property*; Sept. /Okt. 1983.

¹² Dalam kes Daya Bumi, sebuah syarikat usahasama lain telah menawarkan harga \$71 juta lebih rendah dari harga yang ditawarkan oleh usahasama Jepun yang berjaya, tetapi masih gagal memperolehi kontrak itu.

¹³ *New Straits Times*, 13 Jul. 1983, Persatuan Pembinaan Seberanglaut mengang-garkan bahawa orang bukan-Korea yang bekerja dengan firma Korea mendapat hanya ½ dari upah pekerja Korea, tetapi mempunyai daya pengeluaran sekurang-kurangnya 80% dari tingkat daya pengeluaran pekerja Korea sendiri. Lihat *Malaysian Business*, 1 Apr. 1984. "South Korea Construction Companies in Trouble".

¹⁴ *Star*, 27.2.1984. Lihat juga Lin See Yan "Malaysian-Japan Trade Revisited" Perjumpaan Bersama Tahunan MAJECA-JAMECA, KL, 5-6 Mac. 1984.

Encik Choo Yoong Seong, Timbalan Presiden MBAM telah mengatakan pula bahawa pergantungan yang tidak sihat ke atas kontraktor asing akan ujud jika mereka berjaya menyingkirkan lebih ramai lagi kontraktor tempatan.¹⁵ Beliau mendakwa bahawa ramai kontraktor asing datang ke Malaysia kerana menghadapi kemelesetan di tempat lain. Dakwaan beliau ini benar. Dalam tahun 1983, sehingga bulan November, bank-bank telah menyediakan jaminan bayaran bernilai AS\$5.8 bilion kepada firma pembinaan Korea Selatan yang bergiat di luar Korea. Pinjaman asing kepada firma Korea Selatan pula berjumlah AS\$3.7 juta.¹⁶ Kebanyakan syarikat yang mengalami kesulitan kewangan ini bergiat di Timur Tengah. Daripada 62 kontraktor, 18 gagal mendapat projek baru.¹⁷ Kemungkinannya, inilah yang menyebabkan mereka sedia membuat tawaran murah di Malaysia. Kes Keang Nam, sebuah firma Korea Selatan, yang telah menarik diri dari pembinaan bangunan 58 tingkat Malayan Banking sungguh membimbangkan.¹⁸

Bila kerajaan mengumumkan satu dasar baru untuk menghapuskan penyelewengan oleh firma pembinaan asing tertentu, MBAM telah menyambutnya.¹⁹ Walaupun dasar ini tidak mengatasi perkara utama yang dibangkitkan oleh MBAM, ia menunjukkan bahawa kerajaan masih menyedari dan bersimpati terhadap kegelisahan syarikat pembinaan tempatan.

Namun begitu, dasar Pandang ke Timur kekal. Persoalan pokok yang ditimbulkan oleh MBAM dan pihak lain masih belum diselesaikan. Apakah Malaysia benar-benar mendapat faedah dari pemindahan teknologi? Apakah pekerja-pekerja Malaysia mendapat latihan teknologi yang benar-benar diperlukan di negara ini? Apa pula kesan jangka panjang terhadap sektor bank akibat pinjaman untuk pembinaan yang tidak digunakan? Dalam suasana di mana terdapat penawaran ruang pejabat dan perdagangan yang berlebihan serta kemerosotan perusahaan perhotelan, apakah yang berlaku kepada kontraktor besar tempatan? Apakah kesannya jika lebih banyak firma pembinaan antarabangsa terus rugi atau bankrap? MBAM terus membisu setelah rayuannya dilayan.

¹⁵ *Perumahan : Housing and Property*, Sept/Okt. 1983.

¹⁶ *Malaysian Business*; 1 Apr. 1984. "South Korean Construction Companies in Trouble".

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ *Star*, 17 Okt. 1984. "Keang Nam Pulls out".

¹⁹ *New Straits Times*, 26 Okt. 1984. "Builders hail new rules for foreign firms".

IMPLIKASI 'PERSYARIKATAN JEPUN' UNTUK MALAYSIA

Lee Poh Ping

Sewaktu Persyarikatan Jepun disebutkan mula-mula dahulu, ianya tidaklah bermaksud untuk mendapat pujian. Konsep Persyarikatan Jepun mencadangkan bahawa mereka yang kini hanya mengambil berat mengenai perniagaan mereka semata-mata patutlah juga mengambil tahu faktor-faktor lain yang penting dalam hidup seperti kebudayaan dan sebagainya. Maka mereka yang diberi jolokan 'binatang ekonomi' ini perlulah bertindak atas perkara-perkara penting yang lain itu. Konsep ini juga merujuk kepada hubungan yang erat di antara kerajaan dan golongan peniaga, yang mengakibatkan tuduhan 'tidak adil' di kalangan perniagaan Barat terhadap Jepun. Konsep Persyarikatan Jepun ini telah berubah sekarang, di mana ianya telah mendapat sanjungan meluas dan menjadi sesuatu yang sedang ditiru sekarang ini. Kerajaan kita termasuk dalam kategori mereka yang menyanjung konsep Persyarikatan Jepun dan baru-baru ini telah melancarkan kempen Persyarikatan Malaysia.

Akan tetapi, apakah Persyarikatan Malaysia ini sama maknanya dengan Persyarikatan Jepun? Kerajaan kita dengan terang mentakrifkan Persyarikatan Malaysia bermaksud mengadakan hubungan lebih erat di antara sektor awam dengan sektor swasta.

Oleh itu saya akan membincangkan sejauh mana konsep Jepun itu dapat diterap di Malaysia serta masalah-masalah di sebaliknya. Saya akan melihatnya dari tiga segi.

Pertama, di Jepun, terdapat hubungan yang erat di antara Bank Jepun (bank pusatnya) dengan lain-lain bank perdagangan Jepun, hingga hasil dari hubungan erat ini, Bank Jepun dapat bertindak sebagai penjamin kepada syarikat-syarikat swasta yang meminjam dari bank-bank perdagangan.

Jaminan ini bukanlah dibuat dengan nyata dan mengikut undang-undang, tetapi berdasarkan kepercayaan kuat bank-bank perdagangan terhadap bank pusatnya. Sifat masyarakat Jepun yang boleh melahir-

kan kepercayaan tersebut merupakan satu tunjang yang kuat kepada kejayaan sektor swastanya. Oleh sebab ini, bank perdagangan sanggup meminjam jumlah yang besar kepada syarikat-syarikat swasta, terutama jika satu perusahaan itu dari kumpulan perniagaan yang sama dengan bank perdagangan itu. Misalnya, Bank Mitsui akan memberi pinjaman kepada Mitsui Bussan (syarikat sogososha Mitsui). Akibat hubungan begini, firma-firma swasta boleh menjalankan perniagaan mereka dengan nisbah hutang-ekuiti besar.

Ada setengah firma yang menjalankan perniagaan atas nisbah hutang-ekuiti setinggi 93:7, iaitu 93 peratus pinjaman dari bank dan 7 peratus ekuiti.

Jumlah pinjaman terbesar pihak syarikat swasta ialah dari bank-bank perdagangan yang tahu Bank Jepun akan memberi jaminan sekiranya berlaku sesuatu yang tidak baik terhadap perniagaan atau perusahaan itu.

Akibat hal begini, firma Jepun tidak perlu memikirkan soal pemegang saham kerana mereka tidak mencari modal di pasaran saham. Jadi firma-firma boleh membuat perancangan jangka panjang. Misalnya, dari segi pemasaran, mereka mungkin sanggup menjual di bawah paras untung ataupun mengambil sedikit untung bila mula memasuki pasaran untuk menawan pasaran itu dalam jangka panjang.

Firma-firma yang memperolehi sebahagian besar modal mereka dari pasaran saham akan mendapati sukar mengikuti strategi pasaran begini kerana mereka terpaksa memikirkan soal dividen untuk para pemegang saham.

Apakah Bank Negara atau kerajaan sanggup menjamin syarikat perniagaan dan perusahaan di Malaysia? Keadaan di sini adalah lebih kompleks daripada di Jepun. Pertama kerana kerajaan kita lebih mengambil bahagian secara langsung dalam kebanyakan perniagaan dan perusahaan dan kerajaan sendiri memainkan peranan merangsang ekonomi.

Akan tetapi kerajaan bukanlah organisasi perniagaan dan modal untuk membangunkan industri sepatutnya datangnya dari bank perdagangan.

Apakah hubungan erat boleh diwujudkan antara Bank Negara dengan bank perdagangan di Malaysia seperti terdapat di Jepun?

Saya berpendapat ianya memerlukan masa untuk berbuat demikian. Banyak bank perdagangan yang ada di sini ialah kepunyaan syarikat asing; oleh itu, ianya lebih condong kepada kepentingan asing.

Bank-bank tempatan pula kebanyakannya sangat terikut-ikut dengan cara dan orientasi bank Barat dan tidak mungkin bersedia memberi

pinjaman kepada firma-firma sebagaimana dilakukan oleh bank perdagangan Jepun.

Perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah mengenai pelaksanaan panduan pentadbiran. Di Jepun, sekumpulan birokrat terpilih, biasanya dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa, merancang perindustrian Jepun. Mereka menentukan industri maju dengan harapan, seperti robot, komputer dan lain-lain, dan juga mana yang dipanggil industri merosot, tanpa harapan, seperti tekstil dan sebagainya. Setelah mengenal-pasti industri berkenaan, mereka pun memajukan industri maju dan melemahkan industri lembab. Tugas ini sudah tentu sangat rumit dan kerap kali akan mendapat tentangan dari industri lembab. Dalam hal ini, Jepun belum lagi menunjukkan kejayaan besar, akan tetapi prestasi mereka lebih baik dari Barat. Di antara sebab-sebab kenapa perlunya panduan pentadbiran ini ialah kerana para birokrat tersebut merupakan mereka yang berpengetahuan luas dalam selok-belok perniagaan dan pengurusan dan oleh kerana adalah pegawai kerajaan, maka mereka mempunyai peluang melihat sesuatu cadangan itu dari segi jangka panjang kerana mereka tidak mengutamakan kepentingan perniagaan jangka pendek.

Adalah tidak tepat mengatakan sistem kita sama dengan sistem Jepun. Malah dari beberapa segi, sistem kita berbeza dan lebih kompleks.

Ekonomi Jepun tidak pernah dikuasai ataupun ada campur tangan besar oleh orang asing. Tambahan pula, para pengusaha Jepun adalah dari bangsa sama, dengan para birokratnya, dan dalam banyak hal, hubungan mereka rapat kerana lulus dari universiti yang sama seperti Universiti Tokyo.

Di Malaysia, kebanyakan sektor swasta dikuasai oleh kaum Cina dan pelabur asing, sementara birokrasi pula dikuasai oleh orang Melayu. Para peniaga Cina dan asing mungkin tidak mahu menerima panduan pentadbiran dari birokrasi Melayu.

Akan tetapi ini tidaklah bermakna sesuatu percubaan tidak patut dibuat bagi mengatasi masalah kerenggangan di antara sektor awam dengan sektor swasta. Memandangkan makin ramai peniaga Cina yang mahu dianggap bersemangat nasionalis, dan usaha kerajaan membentuk birokrasi yang lebih rasional, maka hubungan yang rapat ini bukanlah sesuatu yang tidak mungkin berlaku.

Perkara ketiga yang ingin saya sentuh, yang tidak kurang juga pentingnya ialah bagaimana kerajaan Jepun membantu perniagaan syarikat Jepun di seberang laut. Badan-badan kerajaan seperti Tabung Kerjasama Ekonomi Seberang Laut (OECF) dan juga Bank Import

Eksport membiayai projek-projek besar yang mempunyai risiko besar, yang diusahakan oleh syarikat Jepun di luar negeri seperti Projek Asahan di Indonesia.

Terdapat juga institusi seperti JETRO, yang agak cekap dalam mengumpul data-data mengenai aktiviti perniagaan, bersama dengan pegawai perdagangan di kedutaan-kedutaan Jepun di luar negeri dan sebagainya, yang turut membantu syarikat-syarikat Jepun di luar negeri.

Sebenarnya, tidak banyak masalah bagi Kerajaan Malaysia menggalakkan aktiviti ekonomi rakyatnya di luar negeri, sama ada dari segi soal kewangan (modal) ataupun mencari pengaruh bagi membolehkan firma-firma kita mendapat pasaran luar negeri bagi barang-barang tempatan, sebagaimana sedang dibuat sekarang melalui syarikat sogososha.

Tetapi syarat pokok untuk kejayaan Persyarikatan Jepun ialah orientasi bekerjasama di kalangan masyarakat Jepun. Ini tidak sahaja termasuk taat setia kepada syarikat (yang sangat terkenal sebagai sifat rakyat Jepun), tetapi juga kemampuan mereka bekerja secara berkumpulan atau bersama-sama dalam hampir semua pekerjaan mereka.

Sekiranya Malaysia ingin menjayakan konsep Persyarikatan Malaysia, langkah pertama yang mesti kita buat ialah belajar bekerja secara kolektif dan mengurangkan sifat individualis.

SYARIKAT MALAYSIA SENDIRIAN BERHAD: PEMERINTAH MELAYAN KAPITALIS SWASTA?

Setelah mengalami kemerosotan ekonomi rakyat Malaysia menyedari bahawa sebuah ekonomi yang bergantung kepada pasaran luar atau pengeksportan barangan akan sentiasa diancam oleh pasangsurutnya. Di samping itu, jelas ternyata bahawa kadar tinggi pertumbuhan ekonomi antarabangsa — yang menjadi asas dasar ekonomi tempatan — tidak boleh dijamin.

Perdana Menteri, Y.A.B. Datuk Seri Mahathir Mohamad, bersama sekumpulan kecil penasihat ekonominya, senantiasa membincangkan cara-cara untuk mengatasi masalah ekonomi dan membawa perubahan terhadap ekonomi negara. Antara perubahan yang dicadangkan ialah dasar Pandang Ke Timur, di mana peniruan perindustrian ala Jepun dan Korea Selatan ditegaskan.

Timbul pula konsep 'Persyarikatan Malaysia' pada awal tahun 1985, yang merupakan percubaan untuk membaiki hubungan antara kerajaan dan pihak swasta. Di samping itu, timbul juga dasar pengswastaan, yang ingin menyerahkan sebahagian besar dari sektor awam atau kerajaan kepada pihak swasta.

Antara langkah pengswastaan yang mula dicadangkan termasuklah sistem pengangkutan *aerobus* di Kuala Lumpur, siaran televisyen swasta dan rancangan untuk membenarkan pelaburan swasta dalam telekom dan kuasa elektrik. Kemungkinan untuk mengswastakan sekurang-kurangnya sebahagian daripada perkhidmatan pelabuhan dan Keretapi Tanah Melayu serta perusahaan awam dan perkhidmatan awam lain, seperti hospital dan sekolah, juga sedang dipertimbangkan.

Semua dasar tersebut menunjukkan keinginan kerajaan untuk menambatkan kecekapan sektor swasta sambil mengurangkan peranannya kepada tugas pengawal semata-mata. Dasar pengswastaan jelas menunjukkan bahawa pihak kerajaan tidak mampu terus menguasai ekonomi, dan juga tidak berupaya memenuhi permintaan, yang semakin bertam-

bah, untuk perkhidmatan yang lebih baik. Tingkat pembentukan modal awam yang tinggi serta, kenaikan pesat dalam pinjaman rasmi kepada perusahaan awam, kesemuanya merupakan punca krisis ekonomi yang dialami oleh pihak kerajaan baru-baru ini.

Sebenarnya, rancangan kerajaan Malaysia untuk mengamalkan dasar pengswastaan ini boleh dianggap sebagai suatu lanjutan dari DEB, yang bertujuan memindahkan 30% dari saham milik syarikat kepada kepentingan Bumiputera. Dasar tersebut merupakan pembaruan yang penting dari segi strategi mencapai DEB setakat ini, iaitu untuk mendorong dan mengarahkan pertumbuhan ekonomi melalui pelaburan kerajaan menerusi perusahaan awam.

Sejak dasar pengswastaan itu diumumkan pada awal 1983, ia telah menerima sambutan hangat di kalangan hartawan besar. Walau bagaimanapun, langkah-langkah tertentu untuk melaksanakannya masih kurang jelas. Sesungguhnya, kerajaan mengakui bahawa penggubalan undang-undang dan peraturan baru yang perlu untuk dasar pengswastaan mungkin akan mengambil masa beberapa tahun. Pihak berkuasa juga terpaksa menghadapi kepentingan tertentu, seperti ahli kesatuan pekerja, para pengguna dan mereka yang khuatir bahawa DEB akan terjejas. Pentadbiran telah menegaskan bahawa pelaksanaan dasar tersebut akan dijalankan secara berhati-hati dan dengan pilih memilih.

Pihak kerajaan, sebenarnya, menghendakkan pengswastaan bermula dengan pembentukan dasar itu sendiri. Mahathir dan pegawai kerajaan lain telah menggalakkan cadangan dari sektor swasta, asalkan ianya dapat dilaksanakan dari segi ekonomi, dapat diterima dari segi politik dan selaras dengan DEB. Beberapa langkah telah diambil:-

- * Pada Ogos 1983, pihak kerajaan telah mengumumkan pemberian lesen televisyen swasta yang pertama kepada satu usahasama yang dipimpin oleh kumpulan Fleet, (yang merupakan syarikat pelaburan UMNO, yang juga menguasai kumpulan *News Straits Times*) dengan jangkaan bahawa kumpulan Utusan Melayu, kumpulan Nanyang Siang Pau dan Yayasan Syed Kechik, juga akan menguasai bahagian 20% masing-masing, sedangkan Y.B. Daim Zainuddin, pengerusi Fleet dan penasihat PM, dijangka akan memegang 10%.
- * Pihak kerajaan juga telah mengumumkan usahasama antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan satu kumpulan pelabur swasta untuk membina sistem kenderaan awam di atas tanah, yang dijangka akan memakan belanja sebanyak M\$127 juta. Usahasama untuk projek tersebut, Sistem Transit (Sitra), adalah di antara Master Carriage (90%) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

(10%). Pengerusi Master Carriage, Datuk Salleh Yusof, serta pengerusi Promet, Tan Sri Ibrahim Mohamad juga menganggotai lembaga pengarah usahasama itu.

- Lembaga Letrik Negara (LLN) dan Jabatan Telekom juga berancang menyerahkan sebahagian dari perkhidmatannya kepada sektor swasta. LLN dijangka akan memiliki sebanyak 60% dalam usaha terbarunya, sementara bakinya dibahagikan antara dua syarikat swasta. Jabatan Telekom ingin mendapatkan pelaburan swasta dalam sistem telekom yang maju, seperti Telefax, Datel, Videotext dan Teletext, yang kesemuanya akan terdapat di Malaysia tidak lama lagi. Pada bulan Julai 1983, Jabatan Telekom mula membenarkan syarikat swasta menjual telefon dan alat 'teleprinting.'
- Dari segi pembiayaan, pihak kerajaan sedang menimbangankan dua cara untuk menambahkan sumber modal di sektor swasta: ia sedang mempertimbangkan cadangan untuk membuka senarai kedua di Pasaran Saham Kuala Lumpur untuk syarikat-syarikat baru yang tidak dapat memenuhi syarat untuk menyertai senarai utama; selain dari itu, kerajaan mungkin membenarkan bank-bank perdagangan membeli saham dalam usaha-usaha baru — langkah demikian disokong oleh Perdana Menteri sendiri.
- Kajian dan rancangan untuk memastikan sama ada sesuatu projek itu dapat dilaksanakan telah dipesan oleh beberapa perusahaan awam. Sektor yang terlibat termasuklah sektor pelabuhan, perkhidmatan tempatan, harta-benda, pelancungan, pemeriksaan kenderaan, pemulihan pesawat dan keretapi baru. Kedua perkhidmatan pelabuhan dan keretapi telah dipilih oleh Perdana Menteri untuk pengswastasaan. Kebanyakan kajian lain yang sedang dijalankan sekarang dikatakan telah dipesan oleh beliau.

Dicurigai bahawa kebanyakan sektor awam tidak akan mendapat keuntungan sekiranya tiada keistimewaan lain dari pihak kerajaan. Rupa-rupanya, kerajaan berhasrat menyerahkan usaha sektor awam yang kurang menguntungkan atau yang mendatangkan kerugian kepada pihak swasta. Dalam tahun 1982, pinjaman bersih kerajaan persekutuan kepada usaha demikian adalah lebih dari 10% dari jumlah perbelanjaan kerajaan persekutuan; jumlah hutang mereka kepada Perbendaharaan adalah lebih kurang M\$15 bilion, tidak termasuk pelaburan langsung oleh kerajaan persekutuan yang berjumlah sebanyak M\$2.3 bilion.

Nampaknya, pihak kerajaan ingin menggunakan dasarnya untuk mendorong pembentukan syarikat swasta yang lebih besar dan untuk

mengalih pelaburan tempatan dari hartabenda, perladangan dan perlombongan kepada pembuatan dan kegiatan lain yang lebih maju dari segi teknologi. Dasar pengswastaan ini menunjukkan bahawa kerajaan mempercayai bahawa syarikat Bumiputera yang ada itu sudah mencukupi untuk mengambil alih kebanyakan kegiatan yang kini dijalankan oleh pihak awam. Mahathir mengatakan bahawa ini tidak dapat dijalankan pada masa lampau kerana bilangan syarikat tempatan masih terhad dan penyertaan Bumiputera tidak mencukupi.

Semenjak 1970, jentera kerajaan telah berkembang dengan pesat. Kini, secara bandingan, ianya adalah di antara yang terbesar (dan yang kurang cekap sekali, kata ahli ekonomi) di rantau Asia Tenggara. Pelaburan awam dan perbelanjaan pembangunan juga telah berkembang dengan pesat: sebagai peratus dari Keluaran Negara Kasar, perbelanjaan kerajaan persekutuan adalah lebih kurang 43% berbanding dengan 20% di Korea Selatan dan 18% di Negeri Thai. Percubaan kerajaan untuk mengurangkan peranan ekonominya sering dikaitkan dengan saiz sektor awamnya yang besar dan daya pengeluarannya yang rendah. Sebenarnya, satu unsur yang mustahak dalam rancangan lima tahun kini (1981-1985) ialah sektor swasta yang lebih penting.

Pihak kerajaan khawatir bahawa kemerosotan ekonomi yang dihadapi baru-baru ini akan mengurangkan hasil kerajaan dan mengakibatkan kekurangan makin besar dalam belanjawan dan akaun semasa. Pinjaman asing yang banyak telah meningkatkan nisbah pembayaran hutang Malaysia dari 1.8% dalam tahun 1980 ke 4.9% dalam tahun 1982 — satu nisbah yang kurang memuaskan. Perkara lain yang telah dipertimbangkan oleh pihak pentadbiran dalam hal ini adalah:—

- Dari satu segi, industri telah diketepikan dalam ekonomi. Kerajaan inginkan pelaburan swasta mencapai 76% dari jumlah pelaburan menjelang tahun 1990, tetapi pencapaian sasaran ini diragukan kini. Peralihan dari pengeluaran barangan utama kepada pembuatan dan industri moden, yang merupakan cita-cita ekonomi pihak berkuasa, akan memerlukan pelaburan jangka panjang dalam sektor industri dan perkembangan cepat dari segi kemahiran pengurusan dalam keadaan persaingan, khususnya di kalangan Bumiputera.
- Pelaburan awam yang baru sedang mengalih kepada projek di mana pihak kerajaan memegang kebanyakan saham dan melibatkan diri secara langsung dalam pengurusan. Di antara projek yang paling terkenal ialah projek Heavy Industries Corporation of Malaysia (HICOM). Kini, kerajaan ingin menumpukan pelaburannya terhadap bidang seperti industri. Pelaburan demikian dapat

dipindahkan dengan mudah kepada pihak Bumiputera pada masa kelak.

- * Di dalam lapangan lain pula, kerajaan ingin mengalih dari pemilikan saham kepada dasar fiskal dan wang sebagai alat memandu ekonomi. Walaupun peranan pengawalan kerajaan akan terus menonjol, pihak berkuasa juga ingin mengurangkan pengawalan.
- * Dalam sektor pembuatan, pihak berkuasa sedang menimbangkan penjualan sebahagian besar dari sahamnya dalam projek industri berat, kepada pihak swasta apabila syarikat tempatan telah cukup berkembang dan berkeupayaan untuk memiliki dan menguruskannya.

Langkah demikian akan mendedahkan pertentangan dari segi perlaksanaan dasar pengswastaan. Sambil mengurangkan perbelanjaan dalam sektor lain, kerajaan telah melabur lebih dari MS3 biliun dalam industri berat semenjak penubuhan HICOM pada tahun 1980.

Selain dari ini, kerajaan mungkin akan menumpukan perhatian semula terhadap projek yang tergendala sejak pemotongan dalam perbelanjaan pembangunan sebanyak MS3 biliun selepas pilihanraya tahun 1982, termasuk projek perumahan. Satu sektor lain yang telah dipilih ialah pertanian, di mana penasihat kerajaan menggalakkan pertanian yang berjentera untuk mengurangkan import makanan yang berjumlah sebanyak MS2.5 biliun setahun.

Lanjutan dasar ini kepada projek pembangunan baru seolah-olah membuktikan keinginan kerajaan untuk menjual sahamnya sehingga hanya memegang saham sebanyak 10-20% dalam perusahaan yang telah diswastakan. Kalau diperhatikan, saham dalam kebanyakan sektor yang mungkin diperswastakan adalah besar — jauh melebihi kemampuan pelabur tempatan. Lagipun, pulangan atas pelaburan dalam kebanyakan perusahaan awam, misalnya keretapi kurang menarik.

Pihak berkuasa mungkin terpaksa menimbangkan suatu sistem dua tingkat. Beberapa perkhidmatan besar, misalnya, akan terus dimiliki oleh kerajaan tetapi diuruskan oleh pihak swasta secara kontrak. Yang lain pula dapat dibahagikan. Lembaga Letrik Negara (LLN), misalnya, boleh dibahagikan kepada bahagian pengeluaran tenaga, grid kebangsaan dan bekalan tempatan, di mana bahagian pertama dan ketiga diserahkan kepada pihak swasta. Lebuhraya, pelaburan, Keretapi Tanah Melayu dan sebagainya, semuanya dapat diuruskan dengan salah satu cara ini.

Tingkat kedua pula terdiri dari kegiatan perusahaan awam yang sedang bergiat dalam sektor yang menghadapi persaingan swasta, seperti kewangan, pembuatan, pertanian, pemerosesan, perdagangan dan seba-

gainya. Pihak berkuasa kini nampaknya menghendakkan seluruh sektor ini dikendalikan hampir kesemuanya oleh sektor swasta – seperti rangkaian televisyen baru dan sistem aerobas. Kebanyakan pelaburan HICOM juga termasuk dalam jenis ini.

Nampaknya pihak berkuasa yakin bahawa cadangan Perdana Menteri mengenai pengswastaan akan berkesan, tetapi setengah pegawai berke-naan menyebutkan beberapa syarat. Pelaksanaan mesti dijalankan dengan cermat untuk menarik sektor swasta – bukan tugas yang mudah, terutamanya dalam penentuan harga-harga yang terlibat. Di samping itu, timbul soal kelayakan, pengalaman dan mutu pengurusan dalam sektor swasta, terutama sekali di kalangan Bumiputera. Dan kalau majikan baru mengutamakan keuntungan semata-mata, kemungkinan besar kepentingan tertentu akan tersinggung.

Ramai usahawan mengatakan bahawa adalah penting bagi kerajaan menimbangkan matlamat sosial dengan matlamat ekonominya sebelum menyerahkan miliknya kepada pihak swasta. Dalam banyak kes yang lalu, misalnya, pengswastaan sistem keretapi mungkin melibatkan penutupan beberapa perkhidmatan keretapi yang tidak menguntungkan. Apakah sikap kerajaan terhadap tindakan demikian?

Kepentingan swasta juga mempersoalkan setakat manakah rancangan pengswastaan akan dilaksanakan dan sejauh manakah dasar tersebut sebenarnya dapat mengurangkan perbelanjaan. Dengan kadar kemiskinan yang masih sebanyak 42.8% – mengikut Y.B. Anwar Ibrahim – apakah Kerajaan Malaysia patut memperswastakan perkhidmatan awamnya?

Banyak pihak juga mengharapkan penyelarasan dasar kerajaan secara lebih cekap. Misalnya, dalam sektor pengangkutan, kerajaan bercadang membelanja secara besar-besaran untuk dua sistem yang bersaing – rangkaian keretapi baru dan sistem jalanraya, yang akan memakan belanja sebanyak M\$4 biliun. Beberapa ahli ekonomi telah mempersoalkan rancangan untuk mengadakan sistem jalan keretapi baru di Malaysia, di mana peluang pengangkutan barang dengan keretapi yang menguntungkan masih terhad. Pengangkutan dengan keretapi akan terus menghadapi kesulitan sekiranya pengangkutan jalanraya masih digalakkan. Sebenarnya, ramai bakal pelabur sungguh berminat terhadap pengswastaan, tetapi masih meragukan kemungkinan kejayaannya yang sebenar.

POLITIK WANG DI MALAYSIA

Harold Crouch

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah memberi beberapa amaran tegas baru-baru ini terhadap perkembangan "politik wang" dalam UMNO, parti yang menguasai Barisan Nasional. Tema ini bukan asing lagi bagi Dr. Mahathir. Pada tahun lalu, beliau telah memberi amaran bahawa "pada suatu hari nanti, hanya segelintir jutawan sahaja yang akan menguasai UMNO". Beliau menegaskan lagi bahawa "sekiranya kita menjual undi kita sekarang, pada satu hari nanti, kita akan menggadaikan parti dan negara seterusnya".

Rasuah memang merupakan masalah besar untuk UMNO, terutama dengan bertambahnya orang Melayu kelas menengah yang menyertai politik, dan persaingan untuk kuasa politik bertambah. Pembelian undi dalam pengundian UMNO serta taktik kotor, seperti kempen mencemar nama orang, boleh melemahkan keyakinan orang ramai terhadap UMNO sebagai pemimpin negara.

Amaran Dr. Mahathir terbaru dibuat menjelang pengundian di peringkat bahagian dan cawangan UMNO. Jawatan terpenting yang direbut dalam perlumbaan ini ialah ketua Bahagian UMNO. Dengan memenangi pucuk pimpinan di peringkat bahagian, seorang ahli politik yang bercita-cita akan mempunyai peluang baik untuk dipilih sebagai calon pilihanraya untuk Parlimen atau dewan undangan negeri. Pemimpin yang gagal di peringkat bahagian mungkin tidak akan dipilih lagi untuk bertanding. Pertarungan di peringkat Bahagian pada tahun ini dihebatkan lagi oleh khabar angin bahawa kerajaan akan mengadakan pilihanraya umum kelak sebelum tempoh Parlimen sekarang tamat pada tahun 1987.

Kempen politik dalam UMNO bukan murah. Calon-calon dikehendaki membekalkan makanan dan minuman kepada ahli parti yang menghadiri ceramah mereka dan juga menyediakan kenderaan untuk membawa penyokong mereka ke tempat pengundian, terutamanya di kawasan luar bandar.

Selain dari cara-cara tidak langsung untuk mendapat sokongan, ada juga pembelian undi secara langsung melalui wang; jumlah kecil mungkin diberi kepada ahli biasa, sedangkan mereka yang lebih berpengaruh akan menerima ganjaran yang lebih besar.

Dalam amarannya baru-baru ini, Dr. Mahathir mendakwa bahawa ada orang berpengaruh tempatan yang telah diberi perjalanan percuma ke Tokyo atau Medan, sedangkan ada orang lain pula yang menunaikan fardhu haji ke Mekah dengan cara demikian. Dr. Mahathir juga menyebut kes seorang pemimpin tempatan yang dipercayai telah membelanja sebanyak \$600,000 dalam kempennya untuk menjadi Ketua Bahagian. Kisah pemimpin lain yang membelanja M\$100,000 atau M\$200,000 juga merupakan cerita biasa.

Persaingan hebat antara pemimpin UMNO yang bercita-cita di peringkat tempatan telah membawa perubahan besar dalam UMNO sendiri dalam 20 tahun kebelakangan ini. Pada masa dulu, perjumpaan UMNO biasanya diadakan di rumah salah seorang ahli dengan makanan ringan yang disediakan oleh isterinya. Bekas Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mustafa Jabar telah menyatakan pada tahun 1984 bahawa "pada masa itu, hampir semua orang enggan memegang sebarang jawatan, apa lagi bertanding dengan kawan kerana tidak mahu menyakitkan hati orang lain. Mereka terpaksa dipujuk atau dipaksa memegang jawatan. Tetapi keadaan telah berubah sekarang."

Pada masa dulu, kebanyakan ahli UMNO tinggal di kampung, dan sebahagian besar pemimpinnya terdiri dari guru. Dianggarkan bahawa pada tahun 1970an, 40% daripada wakil Bahagian yang menghadiri Perhimpunan Agung UMNO terdiri dari guru. Tetapi sekarang, mereka telah diketepikan oleh generasi baru yang terdiri daripada peniaga dan profesyenal, yang biasanya tinggal di Kuala Lumpur atau bandar besar lain, tetapi pulang ke kampung setiap minggu untuk mendapat sokongan. Sekarang, perhimpunan UMNO tidak diadakan di rumah ahli lagi, tetapi biasanya di hotel besar, dengan belanjanya ditanggung oleh calon sendiri.

Tidak seperti guru, yang dapat meluaskan pengaruh mereka terhadap ahli parti melalui pergaulan harian, ahli politik dari bandar terpaksa menggunakan cara lain. Pada 1984, Menteri Penerangan, Datuk Rais Yatim pernah menyatakan bahawa "orang ini datang ke kampung dalam kereta besar dan minta ketua kampung, 'Ambil wang \$1200 ini dan lantik saya sebagai ketua cawangan.' Sudah tentu, Ketua kampung itu tertarik kerana elaun setahunnya juga \$1200."

Kemasukan peniaga dan profesyenal Melayu kedalam UMNO adalah akibat Dasar Ekonomi Baru dan dasar pelajaran kerajaan sejak

awal tahun 1970an selepas peristiwa 13 Mei, 1969. Tujuan utama Dasar Ekonomi Baru ialah untuk mewujudkan suatu kelas menengah Melayu untuk mengimbangi kelas menengah bukan-Melayu yang telah sedia ada. Walaupun orang Cina masih lebih meluas dalam bidang perniagaan dan pekerjaan ikhtisas bersama orang India, peratus orang kelas menengah Melayu telah meningkat dengan pesat. Di bawah DEB, orang Melayu telah diberi peluang istimewa untuk memperolehi lesen perniagaan, pinjaman bank, kontrak kerajaan, peluang membeli saham serta kemudahan lain. Bilangan orang Melayu yang dapat masuk Universiti juga telah bertambah dengan pesat. Sebahagian besar dari kelas menengah Melayu yang baru ini berasal dari luar bandar dan masih ada saudara mara di kampung.

Dasar kerajaan telah memberi peluang perniagaan kepada orang Melayu, tetapi, naungan kerajaanlah yang akan menentukan siapa yang mendapat peluang tersebut. Sebagai contoh, peniaga Melayu yang mempunyai pengaruh kuat dalam UMNO telah memperolehi keuntungan besar dari pemberian tanah untuk pembangunan perumahan, kontrak pembinaan kerajaan atau saham dalam syarikat Cina atau syarikat asing yang terpaksa menyusun semula. Penyokong UMNO diperingkat bawah pula mendapat laba dari lesen perniagaan, kontrak pembinaan sederhana dan kecil, peluang perlombongan dan sebagainya.

Peniaga Bumiputera yang telah memperolehi kekayaan melalui naungan kerajaan sudah tentu akan cuba memperkukuhkan pengaruh mereka dalam UMNO. Ini boleh dicapai melalui jawatan parti, dan seterusnya kerusi dewan undangan negeri, Dewan Rakyat atau Dewan Negara. Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Sanusi Junid telah berkata baru-baru ini bahawa "orang ini 'melabur' wang untuk mengaut keuntungan apabila mereka berkuasa nanti." Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam telah menyuarakan kebimbangannya beberapa tahun dahulu bahawa "sekiranya suatu analisa perkara ini dijalankan pada hari ini, ia akan menunjukkan bahawa ramai orang telah menyertai UMNO untuk memperolehi lebih banyak kekayaan." Datuk Musa juga berkata bahawa beliau khuatir UMNO akan menjadi 'kelab untuk cepat kaya' dengan ahli yang hanya mementingkan faedah seperti konsesi pembalakan dan permit import.

Sebahagian dari masalah tersebut disebabkan oleh pandangan orang Melayu (dan kaum lain) bahawa kuasa politik adalah kunci kekayaan. Datuk Sanusi mengatakan bahawa ahli UMNO yang giat "haruslah sedar bahawa mereka tidak boleh menganggap tanggungjawab politik sebagai satu perniagaan kerana politik dan perniagaan adalah dua perkara berlainan."

Tetapi sejak 15 tahun kebelakangan ini, politik dan perniagaan tidak lagi menjadi dua perkara yang berasingan bagi ahli UMNO. Walaupun melaungkan cogan kata anti-rasuah Dr. Mahathir dalam pilihanraya lalu ("Bersih, Cekap dan Amanah"), ramai ahli UMNO mempunyai sikap 'tutup satu mata' terhadap rasuah. Hanya rasuah yang "melampau," dan bukan rasuah "biasa", yang dapat mencetuskan tentangan umum.

Bukanlah mudah mengubah sikap ini yang telah berakar umbi. Tetapi sekiranya pihak UMNO ingin berbuat demikian, ini akan memerlukan lebih dari omong-omong kosong oleh pemimpinnya. Membawa pegawai korup ke mahkamah adalah satu cara. Dalam dasawarsa lepas, hanya tiga ahli exco negeri dari UMNO telah dihukum kerana makan rasuah; tiada satu pun Menteri Persekutuan yang telah dihukum.

Dr. Mahathir telah mengatakan bahawa beliau akan terus mengawal pemilihan calon UMNO bagi pilihanraya umum pada peringkat negeri dan nasional. Beliau juga menegaskan bahawa ketua Bahagian tidak akan dipilih secara otomatik. Ini adalah jalan yang betul. Tetapi Datuk Mahathir kurang yakin "politik wang" dapat dihapuskan dalam UMNO. Menurutny, "sekiranya ahli UMNO sendiri tidak menyokong, maka adalah amat sukar bagi pemimpinnya mengambil tindakan sewajarnya."

HIKAYAT BMF: JENAYAH HONGKONG, DALANG KUALA LUMPUR

Hassan Karim

Tiga tahap skandal BMF itu adalah seperti berikut:

TAHAP PERTAMA: Julai 1979 – Mac 1981

Bermulanya 'Rancangan Induk' Skandal BMF dengan dua perkembangan utama:

- Pertama, pembelian sebuah syarikat awam Hong Kong yang berdaftar, Mai Hon (kemudian ditukar nama kepada Carrian Investments Ltd.), dan berbagai urusniaga yang bertujuan menaikkan harga sahamnya dalam pasaran saham Hong Kong.
- Kedua, pembelian Gammon House dengan harga US\$200 juta untuk dijual semula kepada Kerajaan Malaysia dengan harga US\$250 juta. Sebuah syarikat bermodal \$2, Plessey International Ltd, telah ditubuhkan di bawah penguasaan George Tan. Syarikat ini kemudian menjadi saluran menerima pinjaman BMF berjumlah US\$292 juta.

Wang itu dikeluarkan dari ibu pejabat Bank Bumiputera di Kuala Lumpur dan cawangan-cawangan antarabangnya. Pinjaman US\$292 juta itu diberi tanpa dokumen jaminan atau tandatangan antara 19 Disember 1979 hingga 25 Jun 1980. George Tan masih seorang yang telah diisytihar bankrap ketika pinjaman pertama itu diberikan kepadanya.

Apabila bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Aziz Taha menyoal Dr. Nawawi tentang bagaimana pinjaman kepada Carrian telah mencapai jumlah yang begitu besar, Dr. Nawawi berkata: "Ia bermula dengan cadangan Menteri Kewangan untuk membeli Gammon House sebagai pusat menempatkan berbagai agensi Malaysia di Hong Kong. Bank Bumiputera telah diminta membiayainya, tetapi pembelian tidak jadi."

Dr. Rais Saniman, dalam satu kenyataan kepada Jawatankuasa Penyiasat, berkata pula bahawa ia mula sedar tentang projek Gammon House dalam bulan Ogos 1979 di satu majlis makan malam yang diberi oleh George Tan di

Swire House, yang dihadiri oleh Lorrain Osman, Datuk Hashim Shamsuddin, Ibrahim Jaffar dan "orang-orang Carrian". Dr. Rais diberitahu oleh Datuk Hashim bahawa Tengku Razaleigh telah membuat keputusan untuk membeli Gammon House dengan melantik George Tan sebagai agen bagi Kerajaan Malaysia. Beliau juga menyebut bahawa kesemua mereka yang hadir di majlis itu tahu tentang keputusan Kerajaan Malaysia hendak membeli Gammon House.

Dr. Rais juga memberitahu Jawatankuasa Penyiasat bahawa apa yang menarik perhatiannya ialah projek itu merupakan "rancangan khas" yang rahsia dan telah diluluskan oleh Tengku Razaleigh. Dr. Rais menyebut bahawa beliau sedar bahawa adalah dasar Perbendaharaan Malaysia menempatkan agensi kerajaan, pejabat perdagangan, dll. "di bawah satu bumbung". Bank Bumiputera telah terlibat sama dalam rancangan seperti itu di New York, apabila ia diminta mencari sebuah bangunan yang sesuai. Ini menyebabkan Dr. Rais Saniman berpendapat bahawa "projek Gammon House itu tulen".

Tetapi Dr. Rais merasa curiga. Jika Kerajaan Malaysia hendak membeli Gammon House tiada sebab mengapa tidak dilakukan secara terbuka. Mengapa perlu melalui pinjaman BMF kepada sebuah syarikat yang dikuasai oleh George Tan. Beliau memberitahu Datuk Hashim bahawa jika perkara itu diketahui umum, ia boleh menggoncang kerajaan kerana jumlah pinjaman sangat besar dan cara urusniaga itu meragukan. Tidak hairanlah, Bank Bumiputera tidak mengadakan upacara pengumuman "pinjaman terbesar" yang pernah dikeluarkannya kepada satu peminjam.

Akibat pembiayaan 100% pembelian Gammon House, jumlah pinjaman Kumpulan Carrian melonjak naik menjadi M\$459.4 juta pada tahun 1980, iaitu 7,939% modal saham dan simpanan BMF dan 129% modal saham dan simpanan Bank Bumiputera. Apakah asas dan alasan Bank Bumiputera membiayai 100% pembelian Gammon House itu, dan memberi pinjaman terbesar dalam sejarah bank itu kepada sebuah syarikat bermodal \$2 (Plessey International), atau lebih tepat kepada George Tan, seorang yang diisytihar bankrap, tanpa cagaran pula? Mungkin benar urusniaga itu adalah bagi pihak Kerajaan Malaysia, atau untuk dijual semula kepada Kerajaan Malaysia dengan George Tan mendapat untung kilat sebanyak US\$50 juta.

Pada 3hb. November 1982, George Tan menulis kepada Ibrahim Jaafar bahawa, "... syarikat induk anda Bank Bumiputera adalah pemegang saham terbesar Plessey International." George Tan juga mengesahkan dalam satu affidavit pada 4 Mac 1985 bahawa, "9 pelanggan Bumiputera Merchant Bankers, anak syarikat Bank Bumiputera masih memiliki 54% dalam Plessey International." Adakah dakwaan George Tan bermakna bahawa Bank Bumiputera menguasai saham majoriti dalam Plessey? Walau macam mana pun,

pinjaman US\$292 juta telah diberi kepada sebuah syarikat bermodal \$2, yang ditubuhkan hanya sebulan sebelum pinjaman pertama dikeluarkan

Sebahagian dari wang itu digunakan untuk membeli Gammon House melalui syarikat Carrian yang lain, Extrawin. Selebihnya digunakan untuk membangunkan empayar Carrian. Pembelian Gammon House, yang masyhur itu, telah menaikkan nama George Tan di pasaran hartanah Hong Kong.

TAHAP KEDUA: Ogos 1981 – Oktober 1982

Pada masa itu, BMF mula "bimbang" kerana pinjamannya tertumpu kepada satu kumpulan tunggal, iaitu Carrian, dengan cagaran yang tidak mencukupi yang diberi oleh kumpulan Carrian bagi pinjaman awalnya, tetapi pada masa yang sama, BMF terus mengeluarkan satu siri pinjaman yang berjumlah US\$580 juta kepada kumpulan Carrian.

Jumlah wang yang banyak itu digunakan untuk menguasai Grand Marine dan menyediakan kemudahan tunai untuk kumpulan Carrian. Di sekitar 15 April 1983, George Tan memberitahu Jalil Ibrahim bahawa ia sedang bertindak bagi pihak di Malaysia untuk mengambil alih penguasaan Grand Marine dengan harga sebanyak HK\$800 juta. Selepas itu, George Tan memberitahu, ia akan menjual semula Grand Marine kepada Kerajaan Malaysia dengan untung HK\$200 juta. Satu nota daripada George Tan kepada BMF pada 18 Mei 1983 berbunyi, "kita menguasai Grand Marine seperti dikehendaki oleh Dr. Rais yang bertindak bagi pihak Timbalan Perdana Menteri Kerajaan Malaysia tetapi rancangan itu gagal."

Menurut dairi Jalil Ibrahim, George Tan memberitahu Jalil bahawa, "pada akhirnya Kerajaan Malaysia tidak jadi membeli Grand Marine dan saya tersangkut. Dr. Rais mengarahkan saya melakukan urusaniaga dengan perunding Norway. Wangnya datang dari BMF . . ."

Pinjaman berjumlah US\$138 juta telah dikeluarkan oleh BMF kepada tujuh syarikat George Tan, sehingga membolehkannya dan "sembilan pelabur seberang laut" menguasai Grand Marine. Rekod-rekod BMF hanya menunjukkan bahawa "pinjaman" ini diberi kepada tujuh syarikat peminjam untuk "pelaburan". Tidak ada penilaian ke atas tujuh syarikat tersebut. Kesemuanya adalah syarikat-syarikat yang bermodal HK\$2, dan empat daripadanya ditubuhkan selepas pinjaman diluluskan dan dikeluarkan. "Pinjaman" itu kesemuanya dikeluarkan secara putar belit, dan akhirnya, sampai kepada Carrian Holdings Ltd.

Pinjaman US\$138 juta dan US\$30 juta dari BMF digunakan untuk membeli Grand Marine. Siapakah "9 pelabur" itu? Siapakah di sebalik "tujuh syarikat peminjam itu"? Adakah Datuk Musa cuba membeli Grand Marine bagi pihak kerajaan Malaysia? Ada mistri lain dalam urusaniaga ini. Ada

tujuh saman terhadap George Tan sebagai penjamin tujuh pinjaman itu. Bagaimanapun, tiada percubaan mengemukakan saman itu kepadanya.

Pada akhir tahun itu, sungguhpun lembaga BMF mengambil keputusan mengemukakan tujuh saman itu kepada George Tan, tetapi keputusan itu telah dimansuhkan oleh majikan Bank Bumiputera, yang seterusnya mengarahkan majikan BMF "tarik balik" ketujuh-tujuh saman itu, yang telah dikemukakan kepada peguam George Tan. Mengapakah Bank Bumiputera bertindak demikian?

* Pertama, Bank Bumiputera enggan bertindak apabila Jawatankuasa mengesyorkan supaya membuat aduan polis kerana pengeluaran dan penggunaan US\$292 juta serta sebahagian besar pinjaman lain sehingga menyebabkan kerugian besar kepada BBMB dan BMF, yang sebenarnya merupakan

Jawatankuasa juga mendapati rekod kira-kira semua syarikat-syarikat yang berkait, seperti Carrian Holding Ltd, Carrian Investment Ltd, PIL, Extrawin, MaxEntry dan BMF, dibuat sedemikian rupa untuk menyembunyikan urusanniaga sebenar dan merupakan pemalsuan akaun dan penipuan!

* Kedua, mengapakah Bank Bumiputera menarik balik ketujuh-tujuh saman itu? Orang juga akan bertanya bagaimana pinjaman berjumlah hampir \$2.5 bilion diberi kepada George Tan dan sekutunya dalam tempoh singkat tiga tahun, dengan cagaran kecil atau tanpa cagaran langsung? Bagaimana BMF berbelanja berbilion untuk membangunkan George Tan, daripada seorang bankrap menjadi seorang jutawan? Sesungguhnya, "tanpa BMF, tidak akan ada Carrian."

Jawapan itu terdapat dalam hubungan rapat antara George Tan dan lima orang penting dalam BMF; Lorrain Osman, Hashim Shamsuddin, Rais Saniman, Ibrahim Jaafar dan Henry Chin. Seperti disebut oleh Mansor Saat, *money dealer* BMF, Carrian dan BMF sangat rapat, "seperti satu keluarga pengarah kita adalah juga pengarah mereka."

Untuk meluluskan pinjaman, Lorrain dan rakan-rakannya menerima wang, hadiah dan kemudahan perniagaan daripada George Tan. Dengan itu, mereka juga bertambah kaya. Tidak hanya itu, George Tan juga mengambil hati kakitangan BMF yang lain. Pada akhir tahun 1981, George Tan memberi mereka hadiah 1,000,000 saham Carrian Investments. Mansor Saat mengaku bahawa akibat hadiah-hadiah itu, "bila sampai masa membuat dokumen pinjaman Carrian, ianya tidak dibuat dengan cara sepatutnya."

Akibatnya, menjelang akhir 1982, bukan Carrian yang bimbang kerana pasti akan runtuh dan berhutang sebanyak \$2.5 bilion kepada BMF dan Bank Bumiputera. Sebaliknya, Gabenor Bank Negara waktu itu, Tan Sri Aziz Taha yang paling bimbang, iaitu bagaimana akaun Bank Bumiputera bagi tahun 1982 akan dilaporkan. Tan Sri Aziz Taha mula memberi taklimat

kepada Perdana Menteri, Dr. Mahathir pada 16 November 1982 mengenai keadaan BMF, iaitu tiga minggu selepas Carrian mengumumkan ia menghadapi masalah mudah tunai. Kemudian, beliau menulis laporan kepada Perdana Menteri pada 2hb April 1983, untuk menyedarkannya bahawa tabung pemegang saham BMF boleh hilang jika kumpulan Carrian gagal membayar faedah pinjamannya.

TAHAP KETIGA : November 1982 – Oktober 1983

Tahap ketiga bermula dengan keputusan Perdana Menteri mengarahkan Dr. Nawawi menyelamatkan kumpulan Carrian. Sebagai akibatnya, Bank Bumiputera mengeluarkan dua lagi pinjaman, berjumlah US\$70.2 juta, kepada Kumpulan Carrian. BBMB juga bersetuju membeli dua jenis harta Carrian untuk menolong syarikat itu mengatasi masalah mudah tunai. Pembelian dua aset Carrian di Amerika Syarikat dan saham Carrian dalam China Underwriters Ltd dan Union Bank of Hong Kong – yang sebenarnya sudah merupakan cagaran Carrian kepada BMF – telah melibatkan kos US\$87.5 juta.

Tidak itu sahaja, menurut Jawatankuasa Penyiasat, cara pembelian itu dilakukan menunjukkan adanya pakatan di kalangan lembaga pengarah Bank Bumiputera untuk menipu pemegang saham dan melanggar amanah tugas.

Dalam Kertas Putih, Dr. Mahathir berkata bahawa beliau telah diberi taklimat oleh pengerusi Bank Bumiputera dan Gabenor Bank Negara. Dalam salah satu taklimat itu, pengerusi Bank Bumiputera, Dr. Nawawi memberitahu beliau bahawa tindakan telah diambil untuk mendapatkan semula seberapa banyak wang daripada George Tan, syarikat-syarikat yang berkait dengannya, dan mereka yang bertanggungjawab meluluskan pinjaman itu. "Saya bersetuju dengan tindakan itu, walaubagaimanapun saya tidak diberitahu mengenai butir-butir dan tidak terlibat dalam apa cara sekalipun dalam pelaksanaan tindakan itu." kata Dr. Mahathir. Dapatkah Perdana Menteri menolak tanggungjawabnya dengan alasan itu?

SKANDAL BMF: PIMPINAN UMNO TERLIBAT

Kertas Putih kerajaan mengenai Skandal BMF, yang melibatkan wang M\$2.5 bilion, penuh dengan penafian yang tidak menyakinkan, seolah-olah bertujuan menutup penyelewengan yang telah dilakukan. Hanya penyiasatan menyeluruh oleh suatu suruhanjaya bebas boleh menyelesaikan kerja siasatan yang dipelopori oleh Jawatankuasa Ahmad Nordin. Sungguhpun setengah pegawai Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) dan pemimpin UMNO tidak ingin memberi kerjasama kepada Jawatankuasa Penyiasat, tetapi banyak maklumat telah dapat didedahkan mengenai skandal BMF dalam laporannya.

Pada tahun 1979, Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah telah memulakan hubungan dengan George Tan. Dr. Nawawi Mat Awan, Dr. Rais Saniman dan Datuk Hashim Shamsuddin masing-masing telah mengesahkan bahawa Menteri Kewangan yang membuat keputusan membeli Gammon House untuk Kerajaan Malaysia, dan mengarahkan BBMB menyediakan kewangan untuk membelinya. Tetapi pembelian itu tidak jadi; George Tan akan dapat keuntungan sebanyak US\$50 juta dalam sekelip mata kalau jadi.

Tidak itu saja, Tengku Razaleigh telah mendapat faedah kewangan dari hubungannya di Hong Kong. Beliau telah menerima cek pengembara bernilai US\$15,000, yang menurutnya — tanpa sebarang bukti — “semuanya selesai dibayar” kemudian.

Tengku Razaleigh seterusnya menafikan bahawa beliau tahu tentang pinjaman yang diterima oleh Asiavest dan Sherridon daripada BMF pada tahun 1980. Sebenarnya, tiada permohonan untuk mendapatkan pinjaman bernilai US\$15 juta untuk Asiavest atau kemudahan HK\$5 juta yang didapati oleh Sherridon. Hanya kelulusan pinjaman itu yang dicatitkan.

Pada tahun 1981-83, Asiavest juga mempunyai hubungan urusanniaga yang meragukan dengan “Knife and Dagger”, sebuah syarikat yang dikuasai oleh Ibrahim Jaafar, pengurus besar BMF.

Pemilikan saham Asiavest amat kompleks. Syarikat ini dimiliki oleh beberapa keluarga yang mempunyai hubungan rapat dengan UMNO, termasuk keluarga Tengku Razaleigh, keluarga Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin, keluarga Dr. Syed Mahmud, Syed Kecil dan Tunku Mansur Yacob. Sebahagian besar saham Sherridon dikuasai oleh keluarga Datuk Seri Syed Nahar, keluarga Dr Syed Mahmud dan keluarga Tengku Razaleigh.

Tetapi yang paling menjahanamkan Tengku Razaleigh tentu sekali ‘kenyataan berekod’ oleh Mak Foon Than pada 6hb Ogos 1983. Semasa ditahan, Mak mendakwa bahawa Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah telah menghantarnya ke Hong Kong untuk mengutip wang daripada peniaga di

Hong Kong untuk 'orang-orang Menteri Kewangan'. Kenyataan baru Mak di mahkamah kemudian hanya menimbulkan keinginan orang ramai untuk lebih tahu hal sebenar. Bilakah Mak bercakap benar – di mahkamah atau di penjara? Apakah beliau diugut? Apakah ia telah dibeli?

Menurut Laporan Akhir BMF, Fleet Holdings, iaitu sebuah syarikat pelaburan UMNO, dan juga pemimpin-pemimpin tinggi UMNO, telah dapat faedah dari skandal BMF.

Kumpulan Fleet telah menerima \$950,000, sama ada dari "Knife and Dagger", yang dikuasai oleh Ibrahim Jaafar, pengurus besar BMF, atau dari "Silver Present", yang dimiliki oleh Datuk Hashim Shamsuddin, pengarah eksekutif BBMB.

Pengerusi Fleet Holdings Sdn. Bhd. sekarang, Datuk Junus Sudin telah menerima \$500,000 pada bulan November 1981. Apabila disoal oleh Jawatankuasa Penyiasat, beliau berkata, "this should not have been in Carrion's account." Seterusnya, beliau enggan bekerjasama dengan Jawatankuasa Penyiasat.

Tan Sri Kamarul Ariffin, bekas pengerusi BBMB dan seorang ahli UMNO terkemuka, telah menerima HK\$1.58 juta sebagai bayaran perunding. Konflik terbuka beliau dengan Perdana Menteri, Dr. Mahathir pada tahun 1983 mengenai soal tanggungjawab dalam skandal BMF dengan jelas menunjukkan bahawa Tan Sri Kamarul tahu apa yang berlaku. Beliau sanggup berdiam diri sekiranya Perdana Menteri tidak membabitkannya. Apakah yang beliau tahu sehingga Perdana Menteri tidak berani meneruskan perbincangan terbuka itu?

Seterusnya, sepucuk surat daripada George Tan, ditulis pada bulan Ogos 1982, yang salinannya dihantar kepada Datuk Musa Hitam, membincangkan satu projek rahsia, iaitu projek pembangunan bandaraya Johor Bahru. Projek ini dirancang sebagai usahasama antara UMNO dan Kerajaan Johor. Kerajaan Johor akan menyediakan 10 ekar tanah di pusat bandar Johor Bahru untuk satu projek pembangunan perniagaan.

Seterusnya, George Tan menyatakan kesanggupannya "menyumbangkan 20% dari untung bersihnya kepada UMNO untuk tabung pembinaan ibupejabat baru UMNO."

Untuk merahsiakan tujuan sebenarnya, melalui salah satu syarikat Carrion, George Tan meletakkan cagaran bernilai M\$1.5 juta dalam bentuk 'pinjaman tanpa faedah' kepada AAY Holding, sebuah syarikat yang dimiliki oleh dua orang ahli UMNO. Pinjaman tersebut diberi selama 6 tahun tanpa faedah sama sekali. Bolehkah dipercayai penafian UMNO bahawa ia tidak terlibat?

Barangkali, sebahagian wang BMF disalurkan kembali ketabung pembinaan ibupejabat UMNO. Hal ini tidak menghairankan kerana pada waktu itu, Datuk Hashim Shamsuddin adalah bendahari tabung ibupejabat UMNO, dan Tengku Razaleigh Hamzah pula menjadi pengerusinya. Datuk Hashim

Shamsuddin menerima sejumlah HK\$13,134,000 melalui syarikatnya, Silver Present, semasa menjadi pengarah BMF dan pengarah eksekutif BBMB. Ia juga menerima bayaran perunding daripada BMF berjumlah \$965,000.

Dr. Nawawi Mat Awin menggantikan Tan Sri Kamarul Ariffin sebagai pengerusi BBMB pada pertengahan tahun 1982. Waktu itu, Dr. Nawawi adalah tokoh UMNO yang sedang naik, yang dikatakan bakal pengganti Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Menteri Kewangan.

Jelas bahawa Dr. Nawawi telah berbohong kepada Gabenor Bank Negara dan orang ramai mengenai masalah sebenar yang dihadapi oleh BMF. Ia telah menafikan langsung adanya sebarang masalah serius di Hong Kong. Sewaktu ia meyakinkan Gabenor Bank Negara, pinjaman-pinjaman sedang terus diberi kepada George Tan.

Dr. Nawawi juga telah meluluskan rancangan menyelamatkan Carrian selepas syarikat itu gagal membayar balik hutang-hutangnya. Dr. Nawawi menekankan tentang perlunya BBMB dan BMF merahsiakan percubaan menyelamatkan kumpulan Carrian dan George Tan. Mengapa begitu dirahsiakan? Adakah terdapat, "kepentingan-kepentingan lain" yang dilindungi?

Dengan pendedahan skandal BMF ini, imej pucuk pimpinan UMNO tidak lagi bersih, sungguhpun slogan mereka "Bersih, Cekap dan Amanah." Datuk Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri, didakwa terlibat dalam rancangan membeli Grand Marine Holdings, (GMH), sebuah syarikat perkapalan yang dikuasai George Tan. Dalam pemilihan UMNO tahun 1983, tersebar luas khabar angin yang mengaitkan Datuk Musa dengan rancangan pembelian GMH.

Sama ada ia terlibat atau tidak, tidak dapat disahkan sekarang kerana rakan rapat dan kawan Datuk Musa, Dr. Rais Saniman telah memberi kenyataan yang berbeza mengenai penglibatan Datuk Musa. Pengakuan Musa bahawa ia menahan Dr. Rais Saniman daripada terus membincangkan urusan peribadinya – merujuk kepada perkara GMH – menimbulkan tanda tanya. Siapakah yang bercakap benar – Rais atau Musa?

Sementara itu, Dr. Mahathir, telah mendakwa bahawa ia mula mendengar mengenai BMF melalui suratkhobar! Tentu sekali ini sukar dipercayai. Adakah Perdana Menteri cuba mendakwa bahawa BBMB telah berjaya memperbodohkan kerajaan (tidak mungkin, kerana Dr. Nawawi dilantik olehnya), atau Perdana Menteri tidak mengambil beratnya sehingga suratkhobar menimbulkannya?

Dr. Mahathir boleh dipercayai jika pada waktu itu, beliau mengambil tindakan yang wajar dengan sertamerta untuk membersihkan korupsi, penyelewengan dan pecah amanah. Tetapi satu pun langkah ini tidak diambilnya.

Selepas Perdana Menteri diberi taklimat beberapa kali oleh Gabenor Bank Negara, yang juga telah menulis satu surat mengingatkan Perdana

Menteri betapa seriusnya masalah BMF, BBMB masih meneruskan rancangan menyelamatkan George Tan dan Carrian. Bagaimanakah Perdana Menteri boleh membenarkan perkara seperti itu terjadi? Adakah keseluruhan rancangan rahsia itu dilancarkan tanpa diketahui sepenuhnya oleh Perdana Menteri? Adakah rancangan itu demi kepentingan negara dan rakyat?

Jika Dr. Mahathir mahu dipercayai, mengapakah beliau tidak mendedahkan Tan Sri Kamarul Ariffin sepenuhnya, yang beliau dakwa terlibat dalam komplot jahat mengkhianat rakyat, bangsa dan tanahair? Mengapakah Dr. Mahathir dan pemimpin-pemimpin tinggi kerajaan lainnya terus meneruskan menafikan bahawa terdapat masalah serius dalam BMF dan BBMB, sedangkan pada waktu itu, jelas bahawa malapetaka kewangan sedang berlaku?

Jadi, mengapa berbohong? Apa yang hendak dilindungi? Mengapa kemarahan ditujukan kepada mereka yang mahu penyelewengan itu dibongkar ke akar umbi? Mengapa korupsi mahu ditutup? Apakah Dr. Mahathir fikir bahawa ia dapat melepaskan diri dari ini semua?

Adakah kita dapat percaya bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir, Tengku Razaleigh Hanzah, Datuk Musa Hitam dan orang lain yang disebut dalam Kertas Putih akan mengisytiharkan bahawa mereka terlibat, atau pernah cuba merahsiakan sesuatu, ataupun mereka korup. Kalaupun mereka bersalah, siapakah yang akan mengaku?

Jika pemimpin-pemimpin UMNO tidak bersalah, dan mereka harap orang ramai percaya, mereka seharusnya memecat pegawai-pegawai BBMB dan BMF sejak tahun 1982 lagi, semasa masalah itu dibawa ke pengetahuan Perdana Menteri dan Presiden UMNO.

Tetapi apa yang dilakukan? Orang ramai tidak tahu. Yang jelas, BBMB terus mencurahkan wang berjumlah lebih US\$150 juta untuk menyelamatkan George Tan dan Carrian. Oleh kerana pengerusi BBMB, Dr. Nawawi sentiasa berhubung dengan Perdana Menteri mengenai masalah BMF, apakah kita boleh percaya bahawa Perdana Menteri tidak tahu tentang rahsia itu? Atau pun, sebenarnya, beliau bersetuju dan merestui rancangan tersebut?

Jelas sekali pucuk pimpinan negara sekarang telah mengkhianati rakyat dan negara. Cerita sebenar skandal BMF tidak mungkin diketahui sepenuhnya kerana pucuk pimpinan ini cuba menutup rahsia. Penutupan rahsia skandal penyelewengan dan jenayah itu berterusan hingga hari ini. Kertas Putih kerajaan itu sebenarnya tidak bersih, tetapi penuh dengan bohong dan dusta.

SEKTOR AWAM LEMBAB: PELABURAN BANYAK, UNTUNG SEDIKIT

Kerajaan Malaysia mulai berkecimpung dalam bidang perniagaan sejak tahun 1950an dengan penubuhan perusahaan awam yang pertama, iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Pembangunan Industri Luar Bandar (RIDA).

Bagaimana pun, pada amnya, kerajaan telah menjalankan dasar tidak campurtangan. Tetapi, pada pertengahan 1960an, sudah jelas bahawa dasar ini telah menyebabkan jurang pendapatan bertambah lebar di antara sektor bandar dan luar bandar dan juga antara kaum Bumiputera dengan kaum lain.

Ini telah menimbulkan rasa tidak-puas hati di kalangan orang Melayu, dan Allahyarham Tun Abdul Razak – yang ketika itu menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar – telah menggalakkan kerajaan memainkan peranan yang lebih aktif dalam sektor perniagaan agar masalah tersebut tidak bertambah buruk.

Dengan itu, pada tahun 1965, Bank Bumiputra telah ditubuhkan dalam usaha membantu golongan Bumiputera dengan memberi kemudahan kredit kepada mereka; kerajaan juga mula melibatkan dirinya dalam kegiatan perniagaan. Di samping itu, Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah dilancarkan dengan tujuan memberi kemudahan latihan, kredit dan perkhidmatan nasihat kepada Bumiputera.

Berikutan dengan pengumuman Dasar Ekonomi Baru (DEB), pada tahun 1970, perusahaan awam telah berkembang dengan pesatnya. DEB menandakan titik permulaan di mana kerajaan mulai beralih dari menyediakan kemudahan asas kepada penglibatan secara langsung dalam bidang perniagaan. Walau bagaimanapun, perusahaan baru masih merupakan badan berkanun atau perbadanan awam, misalnya Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) dan Perbadanan Pembangunan Getah Malaysia (MARDEC). Tetapi memang tidak dapat dinafikan bahawa jumlah bilangan yang terlibat dalam perniagaan telah bertambah dengan pesatnya.

Umpamanya, kerajaan mulai memiliki hotel, bangunan pejabat, ladang dan menjalankan aktiviti pengeluaran, pemerosesan, pembungkusan dan pemasaran hasil pertanian di samping menjalankan penyelidikan saintifik dalam

penggunaan hasil ini. Selain dari itu, ia juga mempunyai kepentingan dalam 57 buah perniagaan yang berlainan — seperti pengurusan kontena, pelancungan dan insurans serta urusan bank dan kewangan.

Setakat ini, kerajaan telah menubuhkan sebanyak 115 buah badan berkanun, institut penyelidikan, perbadanan awam dan badan perniagaan lain di bawah kawalan kementerian tertentu. Dari jumlah ini, Kementerian Perusahaan Awam mengawal 26 daripadanya, dengan tujuan memajukan kepentingan golongan bumiputera. Di bawahnya pula, terdapat 500 anak syarikat yang dimiliki kerajaan, baik secara keseluruhan atau secara usahasama (maupun bahagian milik kecil); kategori terbesar ialah badan kewangan dan bank. Tidak ketinggalan juga 163 buah perusahaan pengeluaran yang meliputi bahan makanan hinggalah alat jentera, manakala jumlahnya dalam sektor perkhidmatan ialah 35. Yang lainnya termasuklah industri yang terlibat dalam pengangkutan yang berjumlah 33, pembinaan 25, dan sebagainya hinggalah hanya satu sahaja dalam perikanan; jumlah modal yang dibayar melebihi \$2,000 juta.

Perusahaan yang ditubuhkan bertujuan bertanding dengan sektor swasta; oleh itu, ia dikendalikan atas dasar untung-rugi. Kebanyakan daripadanya didaftarkan sebagai syarikat swasta di bawah Undang-undang Syarikat Malaysia dengan harapan akan dapat membolehkan usahawan Bumiputera memainkan peranan yang lebih aktif lagi dalam lapangan perniagaan. Dari kacamata pegawai kerajaan, syarikat ini dianggap sebagai 'syarikat swasta', walaupun dimiliki kerajaan. Tetapi jelas sekali bahawa syarikat ini tidak dikecualikan dari dasar pengswastan yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir baru-baru ini.

Syarikat atau industri yang ditubuhkan oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri (SEDC) di Malaysia, walaupun tidak besar dari segi jumlah hartanya, namun tetap memainkan peranan yang penting dalam mencapai matlamat DEB, kerana ia dianggap sebagai tempat latihan asas bagi usahawan Bumiputera. Di setiap negeri, terdapat satu SEDC dan jumlah syarikat yang dimiliki oleh SEDC di Malaysia ialah lebih kurang 320 buah.

Syarikat kerajaan pusat yang terbaik telahpun dipindahkan kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB), iaitu sebuah syarikat pemegang saham kerajaan yang bertujuan memindahkan saham kepada kaum Bumiputera. Pada akhir tahun 1982, jumlah pelaburan PNB ialah \$3,150 juta. Kerajaan pula menganggap bahawa PNB telahpun diswastakan kerana saham yang dimilikinya telah dijual kepada Bumiputera melalui Amanah Saham Nasional (ASN).

Walaupun bagaimanapun, syarikat serta perkhidmatan yang diuruskan oleh kerajaan tidak begitu berjaya dan mengalami kerugian. Ini adalah sebab cara pengurusan kerajaan dalam beberapa syarikat dan perkhidmatan berbeza dari sektor swasta yang bertujuan keuntungan. Dalam hal ini, kerajaan lebih menitikberatkan kepentingan sosial daripada kepentingan ekonomi. Walaupun demikian, memang tidak dinafikan bahawa terdapat juga sektor perniagaan yang rugi akibat dari ketidakcekapan pengurusan, rasuah dan sebagainya. Jumlah kerugian ini memang membebankan kerajaan, lantaran ini telah mendorong Perdana Menteri mengumumkan polisi pengswastaannya. Dr. Mahathir berpendapat bahawa pengswastan (iaitu pemindahan saham perusahaan kera-

jaan — yang dianggap tidak cekap — kepada pihak swasta) tidak akan menjejaskan pendapatan kerajaan, malah akan meninggikannya. Menurutnyalah lagi, pengswastaan akan meninggikan kecekapan di samping mendatangkan hasil yang lebih banyak — dalam bentuk cukai — kepada kerajaan, dan dasar ini tidaklah bertentangan dengan DEB. Tetapi apakah dasar ini akan berjaya?

Di Malaysia, dengan sektor awamnya yang begitu luas dan kompleks, penumpuan diberi kepada pengswastaan perkhidmatan asas dan infrastruktur, termasuklah perkhidmatan keretapi, kemudahan pelabuhan, Lembaga Letrik Negara (LLN), Jabatan Telekom serta pemberian kontrak untuk pembinaan sistem lebuhraya nasional kepada pihak swasta.

Dalam kebanyakan badan perniagaan kerajaan, sebarang percubaan untuk memindahkan harta akan memerlukan modal yang amat besar, dan ini akan memerlukan pengeluaran saham untuk orang ramai sebab para kapitalis swasta tidak mungkin mempunyai sejumlah modal yang besar itu. Misalnya, jumlah harta tetap LLN pada tahun 1980 ialah \$2,600 juta dan Telekom pula berjumlah \$2,500 juta (pada akhir tahun 1981). Jadi, pengswastaan sektor ini akan menimbulkan masalah menetapkan harga pengguna, iaitu memastikan bahawa kepentingan para pengguna tidak terjejas. Selain dari itu, persaingan dalam sektor-sektor ini haruslah dijamin agar industri itu menjadi lebih cekap dan golongan pengguna tidak ditindas.

Walau bagaimanapun, terdapat dua cara yang mungkin digunakan dalam pengswastaan kemudahan awam. Satu daripadanya ialah dengan pelaburan swasta secara langsung dalam projek pembangunan baru. Cara ini telahpun diumumkan sebagai strategi mengswastakan perkhidmatan keretapi di mana penglibatan swasta akan ditumpukan kepada cadangan membina rangkaian keretapi baru yang bernilai kira-kira \$14,000 juta, di mana ia akan melibatkan pembinaan hotel, kompleks perniagaan dan perusahaan perdagangan lain.

Sejak tahun 1960, Keretapi Tanah Melayu (KTM) telah mengalami kerugian, dan dalam tahun 1979 sahaja, kerugiannya adalah \$5.6 juta, dan ini telah meningkatkan jumlah kerugian yang dialami kepada \$147.8 juta. Tetapi keadaan ini tidak merisaukan sangat berbanding dengan cadangan kerajaan untuk memperkenalkan keretapi laju dengan landasan yang lebar. Ahli-ahli ekonomi merasa sangsi sama ada jenis perkhidmatan ini akan menarik lebih ramai pengguna. Di samping itu, diragui sama ada cadangan membina rangkaian keretapi baru, yang juga mempunyai tujuan pembangunan luar bandar, boleh mendatangkan keuntungan besar di bawah kawalan kerajaan atau pihak swasta.

Cadangan pengswastaan KTM dijangka tidak akan mendatangkan keuntungan, malah mungkin kerugian dari segi ekonomi.

Jabatan Telekom dan LLN masih di tengah rancangan pembangunan besar-besaran. LLN akan membelanja \$470 juta untuk usaha membekal tenaga letrik ke luar bandar, yang akan memerlukan pembinaan 40 buah stesyen janakuasa baru di kawasan desa selain dari 190 yang sedia ada. Telekom pula dijangka akan menambahkan beberapa perkhidmatan moden serta lebih kurang 1.6 juta ibusawat telefon baru menjelang 1985. Di Kuala Lumpur sahaja, ia dijangka akan meningkatkan jumlah telefon dari 18 ke 42 untuk

setiap 100 orang. Ini adalah kira-kira dua kali ganda kadar penggunaan di Singapura dan angkanya adalah sama dengan apa yang terdapat di Amerika Syarikat kini. Dengan itu, jumlah perbelanjaan untuk memajukan perkhidmatan telekom pada tahun 1981 ialah \$630 juta.

Kedua-dua sektor ini menghadapi tekanan untuk mempercepatkan penyediaan perkhidmatan kepada pengguna yang masih belum menikmati kemudahan tersebut. Projek baru mereka, khususnya yang memerlukan teknologi tinggi, dijangka akan diswastakan. Projek tersebut mungkin memberi peluang kepada syarikat asing menguasai 30% yang dibenarkan di bawah DEB.

Satu lagi sektor kerajaan penting yang mungkin diswastakan ialah pelabuhan. Pihak berkuasa ketiga-tiga pelabuhan utama — iaitu Pelabuhan Kelang, Pulau Pinang dan Johor — kelihatan memilih jalan sendiri. Walaupun belum ada cadangan untuk memindahkan harta, pihak swasta dijangka akan ditawarkan kontrak untuk membekal berbagai jenis perkhidmatan. Umpamanya, pihak berkuasa Pelabuhan Pulau Pinang dan Johor telah menyerahkan cadangan mereka kepada kerajaan persekutuan di mana mereka mencadangkan pengswastaan kerja mengendalikan gudang, pemunggaan barang, penambatan kapal dan dermaga. Di Johor, beberapa perkhidmatan tertentu telah pun ditawarkan kepada sektor swasta.

Dalam bidang lain, pengswastaan adalah perkara mudah yang melibatkan penjualan harta kepada kumpulan pelabur ataupun orang ramai. Akan tetapi bagi badan kemudahan awam dan badan berkanun, proses pengswastaan akan memerlukan pindaan undang-undang; syarikat milik kerajaan tidak memerlukan pindaan.

Dari segi pandangan kerajaan, banyak badannya sesuai untuk dijual ke tangan pihak swasta. Misalnya, MARDEC, terlibat dalam pemerosesan dan pemasaran getah untuk menolong pekebun kecil dengan meninggikan mutu keluaran getah mereka serta memasarkannya secara langsung kepada pasaran asing. Setakat ini, MARDEC bergiat dalam 7 buah syarikat usahasama pembuatan, mengendalikan 15 buah pusat pemerosesan dan memasarkan hasilnya di 60 buah negeri. Dalam tahun 1978, ia menjual getah bernilai \$191 juta.

Prestasi kewangan MARDEC kurang memuaskan. Jumlah kerugiannya hingga tahun 1979 ialah \$67.6 juta, dan pukul rata, kadar pulungannya untuk enam tahun sehingga 1981 adalah — 22.8%!

FELDA, yang sekarang berusia 27 tahun, lebih berjaya dari segi ekonomi. Selain daripada skim pembangunan tanah yang luas, FELDA juga melibatkan diri dalam tiga buah syarikat usahasama, dan menguruskan 8 anak syarikatnya — yang meliputi perdagangan dan perniagaan, pemasaran, pengendalian susu getah, pengangkutan, kilang pengisar, perkhidmatan keselamatan, perkhidmatan pertanian, dan pembinaan. Untung bersih dari usaha perniagaan ini berbeza mengikut jenis aktiviti yang dijalankan, dan lingkungannya adalah di antara \$1.1 juta (pembinaan) sehingga \$10.2 juta (pengisaran). Jumlah perniagaan 8 syarikat ini ialah \$943 juta.

Di sektor bandar pula, MARA mungkin akan diswastakan — tetapi masih menunggu keputusan tentang bahagian hartanya yang akan dijual. Sejak awal lagi, MARA telah mengalami masalah serius kerana terpaksa

mengalami kesulitan perusahaan awam yang rugi: pengurusan buruk, ketidakcekapan, rasuah, kegiatan yang bertindih, serta matlamat yang samar akibat arahan kerajaan yang kabur. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, MARA masih mendapat peruntukan kerajaan sebanyak \$1,150 juta, manakala peruntukan pinjamannya untuk tahun lalu ialah \$77 juta.

Bahagian kewangan MARA dibebankan dengan pinjaman yang tidak dijelaskan, manakala bahagian bangunannya pula menghadapi sewa yang tidak dibayar. Kegiatan rasuah telah terbongkar pada pertengahan tahun 1970an bila beberapa pegawainya telah dituduh menjual barang keluaran MARA kepada syarikat yang tidak wujud. Selain dari itu, bahagian pengangkutanannya tidak dapat menentukan sama ada patut memberi perkhidmatan sosial ataupun sebaliknya, bergiat berdasarkan mencari untung. Menjelang pertengahan tahun 1970an, 6 dari 12 buah syarikat pengangkutan MARA telah mengalami kerugian.

Kesemua ini telah memaksa kerajaan dan peniaga Bumiputera memulakan perundingan mengenai pengswastaan anak syarikat MARA — sebelum dasar pengswastaan kini diumumkan. Walaupun pihak kerajaan belum lagi membuat keputusan, namun pegawai MARA hanya menunggu arahan kerajaan dan masa untuk mengemaskan syarikatnya untuk diswastakan ataupun dipindahmilik. Antara bahagian MARA yang bakal ditawarkan kepada pihak swasta ialah sebuah limbungan kecil yang rugi \$1 juta setahun. Sekarang, tempat itu digunakan untuk memperbaiki bas MARA. Selain dari itu, sebuah kilang tekstil yang rugi \$2.7 juta setahun, sebuah syarikat pemasaran kereta Citroen dan dua anak syarikat pengangkutan juga dijangka tidak akan disipkan. Di samping itu, mengikut pegawai MARA, beberapa kompleks bangunan MARA juga merupakan pilihan pertama untuk diswastakan.

Pihak kerajaan juga mendapati bahawa beberapa syarikat kepunyaannya dapat diuruskan oleh sektor swasta. Walau bagaimanapun, menurut pandangan beberapa ahli ekonomi, terlebih dahulu kerajaan haruslah mengkaji sektor mana yang dapat diswastakan tanpa menjejaskan kebajikan rakyat dan tidak pula bercanggah dengan matlamat sosio-ekonomi DEB. Misalnya, pengswastaaan LPN, dianggap oleh ahli ekonomi sebagai "terlalu sensitif".

Sebagai contoh, LPN membeli serta menjual beras dengan harga yang ditetapkan oleh kerajaan demi menggalakkan pengeluaran padi dan menstabilkan harganya. Oleh itu, pengswastaannya akan menimbulkan berbagai masalah, baik dari segi sosial maupun ekonomi.

Rancangan pemulihan dan pembangunan tanah dijangka tidak akan diswastakan walaupun beberapa rancangannya boleh ditawarkan kepada kontraktor. Begitu juga dengan beberapa bank dan badan kewangan kepunyaan kerajaan yang pasti tidak akan disentuh.

Di antara syarikat awam milik kerajaan yang tidak disenaraikan dalam pasaran saham, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) merupakan dua perusahaan yang terkenal dalam senarai calon untuk pengswastaan. Kedua-duanya terdedah kepada persaingan antarabangsa, lantaran mereka terpaksa mengekalkan mutu, kecekapan dan daya pengeluaran yang tinggi. Walaupun begitu, soal peng-

swastaaan perusahaan perkapalan pernah disuarakan oleh pengerusinya, Tunku Tan Sri Ngah Mohammad.

Memandangkan saiz kedua-dua perusahaan ini, pengswastaannya akan memerlukan pengeluaran saham untuk pembelian orang ramai dalam usaha penyusunan semula kerana jumlah harta mereka sungguh besar. Misalnya, MISC mempunyai harta yang bernilai kira-kira \$3,600 juta, termasuk 44 buah kapal, tetapi pinjamannya bernilai \$2,700 juta.

Nilai bersih harta MAS pula, hanya berjumlah \$129 juta pada tahun 1982, dengan jumlah harta sebanyak \$1,450 juta di mana lebih kurang \$1,000 juta merupakan pinjaman.

Pengswastaaan MISC, dengan apa cara pun, terpaksa ditangguhkan kerana terdapat kemerosotan yang ketara dalam hasilnya sejak 1980 akibat kemelesetan dunia. Dalam tahun 1980, jumlah untung bersihnya ialah \$55 juta, dan dalam 1981, nilai ini telah jatuh kepada \$15 juta; kerugian untuk 1982, adalah sebanyak \$75 juta, di mana \$60 juta merupakan kos pengendalian serta pengurusannya.

Kebanyakan dari kerugian ini disebabkan kemelesetan, kenaikan kos pengurusan serta hutang yang berlipatganda. Dalam usaha memperkembangkan perkapalan, pinjaman MISC dalam tahun 1982 berjumlah \$50 juta, iaitu kenaikan sebanyak satu pertiga sejak 1981, inilah sebabnya hutang MISC bertambah. Semasa mengumumkannya, Tunku Tan Sri Ngah berkata, 'Keadaan kewangan kini tidak membenarkan pengswastaaan syarikat ini'. Beliau telah memberi amaran bahawa syarikat ini dijangka tidak pulih sehingga pertengahan dekad ini.

Di samping MISC, MAS juga mengalami beban hutang berat di mana tanggungan jangka panjangnya, termasuk bayaran sewa, ialah \$794 juta dalam 1982, tetapi baru-baru ini, syarikat ini telah mengumumkan untung bersih sebanyak \$7 juta untuk tahun 1982 yang berakhir pada 31hb. Mac. Pada tahun sebelumnya, ia menghadapi kerugian sebanyak \$40 juta. Walau bagaimanapun, masih belum terdapat ura-ura tentang rancangan mengswastakan MAS.

Beberapa ahli ekonomi, termasuk beberapa yang merupakan penasihat kerajaan, telah mencadangkan beberapa buah badan untuk pengswastaaan. Antaranya ialah syarikat FIMA atau Industri Makanan Malaysia yang merupakan pengeluar, pemeroses dan pengedar, dengan 17 buah anak syarikat dan 3 buah syarikat perkongsian. Jumlah hartanya pada akhir tahun 1980 ialah \$40 juta.

Rekod kewangan FIMA menunjukkan bahawa ia amat bergantung kepada pinjaman kerajaan, dan pada akhir tahun 1980, jumlah tanggungannya bernilai \$46 juta, termasuk pinjaman kerajaan sebanyak \$31 juta. Jumlah hasil bernilai \$56.6 juta dan kerugian adalah sebanyak \$6.1 juta, di mana \$2.5 juta adalah untuk pembayaran bunga sahaja.

FIMA merupakan salah satu daripada projek kerajaan yang merugikan akibat dari pengurusan yang tidak cekap dan cergas. Berapa banyakkah firma lain seperti ini masih menjadi tanda tanya, tetapi ada maklumat yang menunjukkan bahawa dari jumlah 320 syarikat yang dilabur oleh SEDC, hanya 145

sahaja yang mendapat keuntungan, manakala yang lain mengalami kerugian dan 25 daripadanya telah ditutup.

Walaupun bagaimanapun, terdapat satu kecualian, iaitu syarikat Pernas, yang dimiliki kerajaan dan ditubuhkan pada tahun 1969 dengan tujuan membantu Bumiputera agar mereka menyertai perusahaan yang menguntungkan.

Pada pertengahan tahun 1982, Pernas telah memindahkan lebih daripada \$1,000 juta hartanya kepada PNB, di mana kesemuanya adalah dalam perniagaan yang menguntungkan. Pemindahan harta serta kemelesetan ekonomi telah menurunkan untung kasar Pernas dari \$172 juta pada tahun 1981 kepada \$52 juta pada tahun 1982. Walaupun demikian, secara keseluruhannya, nilai bersih harta Pernas, setelah ditolak pemindahan tersebut, masih berjumlah \$255 juta.

Setakat ini, Pernas masih mempunyai pelaburan dalam 60 buah anak syarikat (di mana 9 daripadanya dimiliki semuanya), manakala yang lain ialah syarikat perkongsian. Anak syarikat ini telah memberikannya kedudukan dalam berbagai jenis kegiatan perniagaan, dari perkapalan dan hotel ke perdagangan dan perkilangan. Masih belum diketahui sama ada syarikat-syarikat ini akan diswastakan atau tidak. Tetapi kedengaran salah seorang ahli ekonomi berkata, "Tawarlah."

Secara sepintas lalu, dapatlah dirumuskan bahawa dasar pengswastaan haruslah dikaji dengan amat teliti, baik dari segi mempertimbangkan faktor ekonomi, sosial maupun politiknya. Pengswastaan yang dijalankan secara terburu-buru dan sewenang-wenangnya bukan sahaja akan menggagalkan rancangan kerajaan, malah membebankan rakyat jelata keseluruhannya.

PENGSWASTAAN – TERUSKAN, TETAPI BERHATI-HATI

Mavis Puthuchery

Pengisytiharan oleh Perdana Menteri mengenai perlunya mengawasi aktiviti tertentu yang dijalankan oleh sektor awam telah membangkitkan beberapa soalan dari segi kepentingan awam. Pengswastaan bukanlah satu konsep baru. Ianya telah dilaksanakan oleh kerajaan lain dengan akibat yang berbeza. Rancangan pengswastaan telah menimbulkan banyak persoalan pokok, termasuk keseimbangan antara sektor awam dan sektor swasta dalam sebuah ekonomi campuran dan kesan ke atas keseluruhan ekonomi. Dalam kertas ini, saya membangkitkan beberapa perkara dan membincangkan beberapa kesan yang boleh diramalkan.

Peranan Sektor Awam

Anggapan bahawa sektor awam hanya terdapat dalam ekonomi 'rancangan-pusat' atau dalam negara sosialis ialah suatu kenyataan yang tidak dapat diterima lagi. Di beberapa negara kapitalis maju di Eropah Barat dan Amerika Utara, sungguh pun sektor swasta berkuasa, sektor awam juga adalah penting. Di kebanyakan negara, aktiviti kerajaan bukan saja tertumpu kepada peranan tradisional, seperti menjaga undang-undang dan keamanan, tetapi juga kepada pelajaran, kesihatan dan perkhidmatan sosial lain yang berkaitan, sistem pengangkutan dan kemudahan awam lain. Bersama aktiviti demikian, yang boleh digelar perkhidmatan asas atau infrastruktur, milik awam juga telah dikembangkan dalam aktiviti di mana kerajaan mengambil bahagian secara langsung dalam perniagaan, sama ada secara monopoli atau dalam persaingan dengan perusahaan swasta.

Di Malaysia, sektor awam telah berkembang dari segi saiz dan tumpuan sejak merdeka. Walaupun sistem perusahaan bebas kapitalis kekal, pemerintah Malaysia telah mengalih ke arah pemilikan awam terhadap

perusahaan swasta. Ini adalah kerana sebahagian dari masyarakat Malaysia mengharapkan kerajaan menjadi penaung kepentingan mereka dan banyak pihak tidak menganggap penglibatan kerajaan sebagai ancaman terhadap sistem perusahaan bebas. Konsep kerajaan terhad, yang di Amerika Syarikat dan Britain kini, telah di ketepikan di Malaysia pada ketika itu.

Dalam zaman penjajahan dan lebih lagi selepas kemerdekaan, kerajaan telah diharapkan untuk melindungi kepentingan kaum Bumiputera, terutamanya untuk memberi bantuan kepada golongan miskin dalam masyarakat. Bantuan istimewa untuk Bumiputera telah mengembangkan peranan pihak kerajaan pada tahun-tahun awal selepas kemerdekaan, terutamanya dalam pembangunan luar-bandar. Selepas 1970, sektor awam berkembang jauh dan ke arah baru untuk mencapai matlamat penyusunan semula Dasar Ekonomi Baru (DEB). Perusahaan awam ditubuhkan untuk mengambil bahagian secara langsung dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan. Di hampir semua bidang ekonomi, perusahaan awam diwujudkan atau dikembangkan untuk membentuk atau mengatur semula ekonomi sejajar dengan objektif-objektif DEB. Tetapi baru-baru ini, nampaknya terdapat perubahan dari segi dasar. Penglibatan sektor awam dalam ekonomi sekarang dianggap tidak cekap. Perubahan dasar demikian mungkin disebabkan oleh kesan kemelesetan ekonomi dunia.

Pengswastaan dilihat sebagai jalan keluar dari masalah hutang sektor awam yang besar (hasil dari perbelanjaan perusahaan awam), justru untuk menghadkan pertumbuhan sektor awam dan mengurangkan perbelanjaan sia-sia. Kritikan terhadap prestasi perusahaan awam mula disuarakan di kalangan kerajaan, sedangkan dasar 'Pandang Ke Timur' kerajaan telah menarik perhatian kepada kejayaan ekonomi Jepun yang telah mencapai kadar pertumbuhan tinggi kononnya melalui dayausaha perusahaan swasta dengan sokongan dan kerjasama sektor awam.

Maksud Pengswastaan

Di Britain, istilah "pengswastaan" telah digunakan untuk memberi erti yang berlawanan dengan "pemiliknegeraan", iaitu proses menjadikan perusahaan awam milik swasta melalui penjualan harta dan saham perusahaan berkenaan. Kerajaan boleh meneruskan pemilikan terhadap sebahagian kecil dari saham, tetapi pada amnya, pemilikan dan kawalan dipindahkan kepada sektor swasta. Terdapat juga unsur lain dalam rancangan pengswastaan di Britain, iaitu liberalisasi atau pen-

gunduran ataupun pembatalan kedudukan atau kuasa monopoli. (supaya perusahaan awam yang pernah menikmati status monopoli terpaksa bersaing dengan perusahaan swasta) serta pengurangan kawalan ke atas perusahaan swasta.

Di Malaysia, pengswastaan nampaknya dihadkan kepada unsur pertama sahaja — menurut surat pekeliling Perdana Menteri kepada semua jabatan kerajaan, pengswastaan bertujuan memindahkan perusahaan awam kepada sektor swasta. Belum ada petunjuk jelas tentang jenis perusahaan yang akan dipindahkan. Tetapi nampaknya pengswastaan akan diteruskan, bukan saja terhadap perusahaan yang ditubuhkan selepas 1970 bagi mencapai matlamat DEB, tetapi juga terhadap perusahaan yang biasanya, dan dari dahulu lagi, dikendalikan oleh sektor awam, seperti perkhidmatan infrastruktur dan kemudahan awam. Biar kita meheliti konsep pengswastaan dari segi hubungannya dengan kedua-dua jenis perusahaan awam ini.

Kebanyakan perusahaan awam jenis DEB bergiat dalam suasana persaingan. Ia ditubuhkan untuk menambah modal Bumiputera, dan adalah jelas bahawa milik kerajaan adalah sementara, dan milik itu akan dipindahkan ke tangan individu Bumiputera secepat mungkin. Penubuhan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASN) disarankan sebagai usaha menyambung proses perlaksanaan DEB yang bermula dalam tahun 1970. Melalui ini, dapat dipastikan bahawa saham syarikat awam dan syarikat swasta lain yang diambil alih oleh PNB akan kekal dalam tangan Bumiputera yang melabur dalam ASN. Tetapi sebagai pemegang unit amanah saham, mereka tidak terlibat langsung dalam keputusan pengurusan.

Pengswastaan jenis PNB jelas berbeza dengan sekim pengswastaan yang diistiharkan baru-baru ini. Dalam sekim ini, syarikat awam akan dijual secara langsung kepada kepentingan swasta supaya bukan saja pemilikan, tetapi juga pengurusan akan bertukar. Dengan itu, ianya boleh disifatkan sebagai pengswastaan yang lebih menyeluruh dari pengswastaan jenis PNB sebab ia cuba menjadikan Bumiputera peserta aktif dalam perniagaan dan bukan hanya sebagai pemegang saham saja. Dalam hal ini, boleh dikatakan pengswastaan masih sesuai dengan rangka DEB. Kontroversi utama kini bukanlah sama ada pengswastaan harus di laksanakan atau tidak, tetapi mengenai cara dan bentuk pengswastaan dan siapa yang patut mendapat faedah dari pemindahan kepada sektor swasta.

Walau bagaimana pun, pengswastaan perusahaan awam jenis kemudahan awam berbeza sedikit. Kebanyakan perusahaan ini merupakan 'monopoli semula jadi' (*natural monopolies*) yang memenuhi keperluan

sosial dan ekonomi kerajaan di samping cita-cita perdagangan. Dalam kes ini, tidak boleh dikatakan sama ada kehendak sosial atau keuntungan kewangan akan tercapai jika perusahaan berkenaan dipindahkan ke sektor swasta.

Terdapat tiga cara pengswastaaan. Pertama, sungguhpun perusahaan awam menyediakan perkhidmatan atau kemudahan awam, seharusnya, terdapat aktiviti lain yang perusahaan awam juga harus melaksanakan sebagai sebahagian dari tugasnya. Aktiviti-aktiviti ini boleh diasingkan dan diserahkan kepada sektor swasta. Sebagai contoh, di Britain, British Rail menjalankan beberapa aktiviti sebagai tambahan kepada perkhidmatan keretapi, umpamanya memiliki dan menguruskan hotel dan mengadakan perkhidmatan pengangkutan dengan kapal. Pengswastaaan boleh dijalankan hanya terhadap aktiviti tambahan demikian.

Kedua, pengswastaaan boleh bermaksud bahawa perusahaan awam tidak patut diberi sebarang keistimewaan, misalnya, ianya tidak boleh terus menikmati kuasa monopoli. Mesti ada pengurangan kawalan kerajaan terhadap perusahaan swasta juga supaya perusahaan awam berkembang tanpa perlindungan kerajaan.

Ketiga, pengswastaaan boleh bererti bahawa pada masa hadapan, kebanyakan kegiatan pembangunan akan dijalankan oleh sektor swasta, bukan sektor awam. Pengswastaaan dengan maksud ini boleh bermakna bahawa kegiatan tradisional sektor awam akan dijalankan oleh sektor swasta.

Apakah kebaikan dan keburukan kesemua jenis pengswastaaan yang berlainan ini, dan siapakah yang akan mendapat manfaat dari pengswastaaan. Dalam kertas selanjutnya, saya menumpu perhatian terhadap perkara berikut:—

- a) Bolehkah pengswastaaan meningkatkan kecekapan?
- b) Bolehkah pengswastaaan membawa kadar pertumbuhan lebih tinggi bagi seluruh ekonomi?
- c) Bolehkah pengswastaaan mencapai matlamat DEB?

a) Bolehkah Pengswastaaan Meningkatkan Kecekapan?

Biar kita meneliti matlamat pengswastaaan yang boleh diterima, dan tujuan pengswastaaan dalam konteks Malaysia. Andaian dalam hujjah yang menyokong pengswastaaan ialah bahawa ianya akan meningkatkan kecekapan. Dalam suatu temuramah, Perdana Menteri Malaysia telah mengatakan, "Sektor swasta tidak mahu rugi; oleh itu, mereka harus menguruskan sebuah pelabuhan secara cekap jika mereka ingin mengusahakan pelabuhan sama sekali." Beliau juga mengandaikan bahawa

perusahaan awam adalah kurang cekap daripada perusahaan swasta bila beliau mendesak bahawa melalui pemindahan perkhidmatan kepada sektor swasta, kerajaan akan untung bukan saja kerana tidak perlu membiayai kekurangan besar yang diakibatkan oleh perbelanjaan untuk perusahaan awam, tetapi juga dengan mendapatkan hasil yang lebih dalam bentuk cukai. Walau bagaimana pun, terdapat beberapa hujjah yang menunjukkan bahawa tidak ada perhubungan sama sekali antara pengswastaan dan kecekapan.

Pertama, tidak patut dinyatakan bahawa perusahaan swasta selalunya lebih cekap daripada perusahaan awam sehingga sektor swasta mengambil alih keseluruhan perusahaan awam itu dan membuktikan ianya boleh memberi perkhidmatan yang baik kepada orang ramai dengan kos yang rendah. Hanya dengan memindahkan bahagian yang mendatangkan keuntungan kepada sektor swasta tidak membuktikan kecekapan – ia hanya mencerminkan pandangan kerajaan mengenai peranan wajar bagi sektor swasta dan sektor awam dalam ekonomi. Justru, misalnya, keputusan memindahkan sesuatu kegiatan British Rail yang dikatakan menguntungkan kepada sektor swasta adalah keputusan politik. Dasar kerajaan Malaysia mengenai pengswastaan mungkin tidak didorong oleh tujuan kecekapan, tetapi lebih oleh tujuan politik. Boleh jadi juga bahawa tekanan politik yang kuat daripada kumpulan dalam UMNO yang berpengaruh akan mempercepatkan proses pengswastaan untuk kepentingan diri mereka sendiri.

Kedua, hujjah lain yang digunakan untuk menyokong pengswastaan ialah bahawa ia boleh meninggikan kecekapan dengan meningkatkan persaingan sebab dalam sesuatu ekonomi terbuka, kuasa pasaran dijangka akan memastikan kecekapan dari segi peruntukan sumber terhad dan pelaksanaan atau urusan itu sendiri. Tetapi tidak ada jaminan bahawa pengswastaan dengan sendirinya akan meningkatkan persaingan. Kesan pengswastaan ke atas persaingan akan bergantung pada keadaan. Di England, misalnya didapati dalam beberapa kes bahawa pengswastaan telah mengurangkan, bukan meningkatkan persaingan. Suatu percubaan untuk menjual anak syarikat perkhidmatan feri British Rail kepada kepentingan swasta telah ditolak oleh Suruhanjaya Monopoli sebab ianya mungkin akan dibeli oleh syarikat lawan, yang dengan cara ini, dapat mempunyai monopoli ke atas seluruh perkhidmatan pengangkutan feri. Di Malaysia, had-had yang barangkali akan dikenakan atas desakan pemilik baru perusahaan awam yang diperswastakan (kononnya untuk mencapai objektif DEB) mungkin akan mengurangkan persaingan sebab tidak terdapat ramai Bumiputera yang layak dari segi modal dan kemahiran pengurusan yang perlu untuk mengambil alih dan menguruskan

perusahaan secara berkesan. Oleh itu, terdapat bahaya bahawa rakyat akan rugi akibat dari pengswastaan: pertama, 'syarat DEB' akan menghadkan pemilihan pembeli, dan oleh itu, perusahaan awam tidak semestinya akan dipindahkan kepada penawar yang paling cekap sekali; dan kedua, pengswastaan dengan sendirinya dijangka tidak dapat meningkatkan kecekapan selagi prasyarat untuk kecekapan — seperti meningkatkan persaingan, mutu pengurusan dan kemahiran tenaga kerja — masih tiada.

Hujjah ketiga yang digunakan untuk menyokong dasar pengswastaan ialah bahawa ia boleh menyekat pemberian subsidi oleh perusahaan awam kepada kegiatan lain (dalam perusahaan berkenaan) yang tidak menguntungkan dengan keuntungan dari bahagian lain — yang akhirnya menyembunyikan kecekapan di bahagian yang menguntungkan. Sungguhpun pemberian subsidi demikian selalunya dikritik — sebab terdapat bahaya ketidakcekapan dan salah peruntukan sumber terhad — ia juga boleh memberi kelonggaran (*flexibility*) kepada perusahaan awam berkenaan. Ia juga membenarkan perusahaan awam menjalankan beberapa kegiatan atau tugas sosial tanpa bergantung sepenuhnya kepada Perbendaharaan kerajaan untuk modal. Jika pihak swasta hanya mengambil bahagian yang menguntungkan saja, perusahaan awam terpaksa mengurangkan perkhidmatan sosial yang diberikan, asalkan kerajaan sedia membiayai subsidi berkenaan. Oleh itu, kerajaan mungkin tidak dapat faedah ekonomi dari pengswastaan perusahaan awam; sebaliknya, ia mungkin terpaksa menjual harta atau saham perusahaan awam dengan harga yang rendah berbanding dengan nilai sebenarnya, sebagaimana telah berlaku dengan penjualan kepada PNB; kedua, sebab ia terpaksa menyediakan lebih banyak subsidi kepada perusahaan awam untuk membiayai kos perkhidmatan sosial, yang sebelumnya dibiayai oleh kegiatan yang menguntungkan; dan ketiga, sebab ia mungkin terpaksa menjalankan operasi menyelamatkan perusahaan berkenaan jika perusahaan yang diswastakan gagal dalam tangan pihak swasta.

Justru itu, adalah lebih baik bagi kerajaan membaiki prestasi perusahaan awam dahulu sebelum memikirkan pengswastaan. Perusahaan awam yang mengalami kesulitan kewangan harus diperiksa terlebih dahulu. Kalau ramalannya baik, perusahaan awam harus dibantu oleh kerajaan untuk membaiki urusannya, sementara yang tidak sihat harus diketepikan. Buat sementara, pembiayaan melalui subsidi boleh dibenarkan berterusan jika adalah ketara bahawa ianya adalah langkah sementara. Bantuan demikian adalah buruk hanya jika ia menyembunyikan dan melindungi operasi yang tidak cekap. Tetapi jika ada sebab-sebab baik mengapa perusahaan berkenaan tidak dapat keuntungan,

misalnya kalau kegiatan perusahaan masih belum cukup matang untuk berhasil, atau kerana memainkan peranan sosial yang penting — tidak ada sebab mengapa kegiatan perusahaan yang menguntungkan tidak patut dibenarkan membiayai kegiatan yang merugikan, terutama jika ia mempunyai kesan progresif dari segi kebajikan ekonomi. Pengswastaan pada ketika negara menghadapi kemelesetan hanya akan berkesan kepada kerajaan bila ia menghadapi kebuntuan dalam usaha mendapatkan sumber kewangan sebab hanya kegiatan yang menguntungkan akan diwastakan. Kerajaan telahpun hilang beberapa syarikatnya yang menguntungkan kepada PNB dan ASN. Akibatnya, misalnya, keuntungan bagi kumpulan Pemas sebelum tolak cukai telah jatuh dari \$187.7 juta dalam tahun 1981 kepada \$52.7 juta dalam tahun 1982 akibat dari pemindahan beberapa anak syarikatnya yang menguntungkan kepada PNB.

Hujjah yang menentang pengswastaan perkhidmatan infrastruktur menegaskan bahawa pulangan sosio-ekonomi jangka panjang kepada pelaburan harus ditekankan, bukan kriteria keuntungan semata-mata. Hampir kesemua pembangunan infrastruktur berasaskan perkiraan kos-faedah sosial. Perkembangan perkhidmatan keretapi, misalnya, boleh diterima berdasarkan sebab-sebab ekonomi yang meluas, jika mendedahkan pembangunan ekonomi negara dalam jangka panjang. Oleh itu, setengah jenis projek infrastruktur, seperti perkhidmatan keretapi, pelabuhan dan jalanraya, dianggap sebagai tanggungjawab sosial kerajaan. Di negara di mana perkhidmatan keretapi dijalankan oleh sektor swasta, seperti di Amerika Syarikat, kerajaan pusat telah banyak membiayai perkhidmatan keretapi. Sama ada kerajaan mahu atau tidak, ia terpaksa campurtangan apabila kegagalan perusahaan swasta memberi kesan besar kepada ekonomi negara. Justru itu, mereka yang percaya bahawa dengan memberi perkhidmatan keretapi kepada perusahaan swasta, kerajaan dapat meninggalkan tanggungjawabnya terhadap perkhidmatan ini adalah salah sama sekali. Apa yang mungkin akan berlaku ialah campurtangan kerajaan akan membawa perubahan, terutamanya melalui pinjaman, subsidi dan perlindungan melalui undang-undang. Kerajaan akan mendapati bahawa ia terpaksa membelanja lebih wang walaupun kuasa kawalannya kurang ke atas cara wang itu dibelanja, dan orang ramai pula akan mendapati bahawa mereka membayar lebih untuk faedah yang kurang.

b) Apakah Pengswastaan Dapat Meningkatkan Pertumbuhan Ekonomi?

Apakah pengswastaan dapat mempercepatkan kadar pertumbuhan seluruh ekonomi tidak diambilkira secara langsung dalam hujjah untuk

menyokong dasar pengswastaan di Malaysia. Tetapi ia juga merupakan sebahagian dari falsafah pengswastaan, yang mengandaikan bahawa kerjasama dan galakan dari kerajaan akan membolehkan sektor swasta mencapai kadar pertumbuhan yang tinggi bagi seluruh ekonomi. Menurut hujah ini, kuasa pasaran bebas patut dibenarkan menyediakan keadaan di mana perusahaan swasta terpaksa lebih cekap supaya dapat bersaing dalam pasaran. Ini memerlukan kelonggaran pengawalan kerajaan ke atas perusahaan swasta. Walau bagaimana pun, di Malaysia, kemungkinan bahawa pengawalan kerajaan ke atas ekonomi akan banyak dikurangkan adalah kecil.

Terutamanya, terdapat bahaya bahawa kawalan yang mengutamakan soal selain dari kecekapan dan kesesuaian (untuk kerja berkenaan) sebagai kayu ukuran bagi memilih pihak swasta untuk tujuan pengswastaan akan membebankan negara dalam jangka masa panjang. Demikian juga dengan kawalan lain yang bertujuan melindungi usahasama berkenaan dari persaingan dengan perusahaan swasta lain. Jika sistem perusahaan bebas diterima, sepatutnya terdapat perkembangan secara beransur-ansur dari pengawalan oleh pemerintah ke arah kebebasan ekonomi yang dikehendaki. Walaupun kerajaan mungkin terus memegang saham dalam perusahaan yang diperswastakan, ia harus menyatakan secara terus-terang bahawa ia tidak akan campurtangan dalam urusan syarikat ini, terutamanya dengan melindungi syarikat berkenaan atau dengan memberi keistimewaan. Ada kemungkinan juga bahawa kepentingan swasta Bumiputera mempunyai gambaran bahawa dengan pengswastaan, kerajaan bukan saja akan menjual harta dan sahamnya kepada mereka dengan harga rendah, tetapi juga bertanggungjawab menjamin mereka akan berjaya bukan hanya dengan memberi keistimewaan kepada syarikat berkenaan, tetapi juga dengan memberi bantuan kewangan. Jika gambaran ini tidak dibetulkan, ada bahaya bahawa ketidakcekapan dan amalan buruk akan terus wujud selepas pengswastaan. Jika ini berlaku, terdapat kemungkinan kecil yang pengswastaan dengan sendirinya dapat meningkatkan kecekapan dan kadar pembangunan ekonomi. Penukaran sikap di pihak kerajaan bagi mengiktirafkan perlunya ekonomi terbuka dan keadaan persaingan mesti sejajar dengan rancangan pengswastaan jika kita ingin mencapai kadar pertumbuhan tinggi.

c) Apakah Pengswastaan Dapat Mencapai Objektif DEB?

Siapa yang akan mendapat faedah dari pengswastaan? Jelas bahawa perusahaan Bumiputera yang besar akan mendapat faedah secara langsung. Masih belum ada petunjuk dari kerajaan mengenai kriteria untuk

memilih perusahaan swasta yang akan dibenarkan mengambil alih projek kerajaan atau untuk menjadi rakan kongsi dari sektor swasta untuk usahasama dengan kerajaan. Misalnya, baru-baru ini, ada pengisytiharan mengenai usahasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan sebuah syarikat Bumiputera untuk mengusahakan sistem aerobus bagi Kuala Lumpur. Tidak diketahui bagaimana rakan-rakan kongsi dipilih untuk mengambil bahagian dalam usahasama ini. Dan pemilihan rakan kongsi merupakan perkara penting bagi menjayakan dasar pengswastan dan DEB.

Kecenderungan kerajaan memihak kepada kepentingan perniagaan besar pada ketika ini juga boleh mendatangkan kesan buruk dari segi agihan pendapatan antara dan dalam kaum. Perkembangan perniagaan kecil Bumiputera dan pengusaha Bumiputera tulen nampaknya akan diketepikan. Oleh beberapa syarikat Bumiputera besar yang dapat mengambil kesempatan dari perlaksanaan dasar pengswastan. Kebanyakan syarikat ini mungkin tidak mempunyai pakar dan modal untuk benar-benar mengambil alih kerja berkenaan; oleh itu, mereka barangkali terpaksa memberi kontrak kepada syarikat bukan Bumiputera, asing dan tempatan. Dengan ini akan terdapat kebocoran melalui bayaran seperti yuran untuk nasihat dan jenis bayaran lain yang merupa. Terdapat juga kemungkinan bahawa banyak masalah pengawalan akan timbul apabila syarikat induk mengembangkan banyak anak syarikat dan anak syarikat kecil kepada anak syarikat tersebut.

Maka, ada kemungkinan besar bahawa rancangan pengswastan akan memberi lebih faedah secara meluas kepada masyarakat bukan Bumiputera daripada masyarakat Bumiputera. Ada kemungkinan besar bahawa kerja-kerja akan dikontrakkan, dan kebanyakan kontrak ini akan diperolehi oleh orang bukan-Bumiputera yang mahir (kebanyakannya Cina) dan sanggup menerima bayaran yang kurang. Bagi kaum Bumiputera di luar bandar harapan untuk mendapat faedah secara langsung dari pengswastan adalah amat tipis. Harapan mereka hanya bergantung kepada rancangan ASN yang membolehkan mereka melabur dalam saham yang dijamin oleh kerajaan. Tetapi kumpulan miskin dalam masyarakat tidak dapat menikmati faedah secara langsung dari pengswastan. Tanpa lebihan wang untuk dilabur, mereka tidak dapat menikmati faedah lain dari DEB. Oleh itu, adalah perlu bagi kerajaan memiliki dan mengawal sumber ekonomi yang mencukupi supaya dapat terus memberi faedah langsung kepada golongan miskin dalam masyarakat dalam bentuk subsidi dan perkhidmatan sosial lain, seperti kesihatan awam di kawasan luar bandar.

Bagaimana Pengswastaan Harus Dilaksanakan?

Sektor awam telah berkembang dengan pesatnya dan waktu untuk mengawalinya telah tiba. Maka, dengan itu, usaha yang sungguh-sungguh untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan dengan memotong kos pentadbiran, melalui penggunaan sumber manusia dan wang secara lebih cekap, adalah perlu. Perbelanjaan sia-sia harus diketepikan, bukan saja dalam jabatan kerajaan, tetapi juga dalam perusahaan awam di peringkat persekutuan atau negeri.

Perusahaan swasta tidak semestinya lebih cekap dari perusahaan awam, terutama kalau tiada kuasa pasaran dinamik yang mencukupi. Jika pengswastaan tidak disertai dengan kebebasan ekonomi yang mencukupi, dan pengurangan peraturan yang mengawal sektor swasta, terdapat bahaya bahawa segelintir perniagaan besar akan menggunakan status monopoli untuk mendapat keuntungan luar biasa walaupun dengan membebankan masyarakat.

Oleh itu, adalah penting bagi kerajaan memikirkan betul-betul sebelum melaksanakan rancangan pengswastaan supaya seluruh matlamat sosio-ekonomi — iaitu pertumbuhan secara seimbang dan adil — tidak diketepikan dalam proses pengswastaan. Penyertaan sektor awam dalam ekonomi membawa faedah dalam sebuah negara seperti Malaysia, di mana pihak pemerintah tidak merestui pertumbuhan ekonomi yang meluaskan agihan kekayaan antara kaum. Dalam hal ini, kita tidak patut meniru Jepun seratus peratus.

Oleh itu, disyorkan bahawa rancangan pengswastaan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan secara berhati-hati. Lebih banyak perhatian harus diberikan untuk mencari cara meningkatkan kecekapan dalam sektor awam.

Justru itu, sebelum kita terburu-buru mengswastakan itu dan ini, dan menyerahkan apa yang tidak seharusnya diserahkan, adalah bijak kita berhenti untuk membahaskan dasar yang hendak dilaksanakan dan apa yang hendak kita capai. Masa telah tiba bagi negara memulakan proses dialog dan perbincangan yang boleh membawa falsafah awam baru mengenai jenis ekonomi campuran yang kita mahu, dan keseimbangan yang dikehendaki antara sektor awam dan swasta. Sektor awam perlu memainkan peranan penting dalam ekonomi. Tetapi peranan sewajarnya haruslah difikirkan secara berhati-hati di antara kerajaan dan rakyat.

INDUSTRI BERAT, EKONOMI KARAM? STRATEGI PERINDUSTRIAN BERAT DIPERSOALKAN

Raphael Pura

Apabila Dr. Mahathir Mohamed – semasa menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian – mencadangkan sebuah perusahaan industri berat beberapa tahun dahulu, beliau berkata Malaysia telah terlalu lama bergantung kepada perusahaan penggantian-import, yang ringan dan memproses bahan-bahan mentah.

Kini zaman Dr Mahathir telah tiba, iaitu untuk menganjurkan perindustrian berat. Dan memandangkan pelabur swasta enggan menyetai industri itu, maka kerajaanlah yang nampaknya terpaksa merintis jalan ke arah matlamat ini.

Pengumuman dasar baru itu tidak disambut baik. Ada beberapa pihak yang bimbang bahawa kerajaan akan membebankan Malaysia dengan projek yang mahal lagi merugikan, yang akan meningkatkan kos hidup rakyat serta beban hutang negara.

Dengan pasaran tempatan yang kecil dan persaingan antarabangsa yang hebat, industri tempatan yang tidak cekap memerlukan perlindungan tarif yang tinggi dan ini pula boleh menjejaskan industri lain yang ada di negara ini.

Strategi itu muncul sebagai salah satu dasar ekonomi baru pentadbiran Mahathir. Dasar itu agak penting kerana – seperti kempen Malaysia untuk mempelajari dari Jepun dan Korea Selatan – ia dianggap sebagai projek kesayangan Mahathir sendiri.

Rancangannya itu pesat berkembang. Sejak Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri pada 1981, Malaysia telah mencadangkan berbagai projek besar yang bernilai lebih AS\$1.3 bilion.

Perbadanan Industri Berat, yang dikenali sebagai Hicom, sedang membina sebuah loji besi dan keluli yang bernilai \$455 juta. Selain itu, ia akan mendirikan sebuah loji simen baru yang berharga \$215 juta. Pada bulan lalu, agensi itu telah menandatangani kontrak bagi sebuah kilang kereta.

Dalam pada itu, Hicom sedang berunding dengan beberapa syarikat Jepun untuk mendirikan kilang enjin motosikal. Seterusnya, Perdana Menteri juga telah meluluskan projek palpa dan kertas yang berjumlah \$350 juta. 70% daripada kebanyakan projek Hicom akan dimiliki bersama dengan firma-firma asing.

Akan tetapi, sebelum projek ini dapat dilaksanakan, kemlesetan ekonomi telah menjejaskannya. Setakat ini, kerajaan belum lagi membatalakan sebarang projek yang sedang dibina, akan tetapi cadangan yang masih pada peringkat rancangan, seperti loji penapis minyak Petromas, yang bernilai \$1 ribu juta, telah ditangguhkan.

Ini harus dianggap sebagai satu peluang untuk mengkaji semula dasar mendirikan industri berat tempatan. Bolehkah dasar ini mengeluarkan barang bermutu yang lebih murah daripada barang import?

Negara membangun yang berjaya dalam bidang industri berat, seperti Korea Selatan, menumpukan pengeluarannya ke pasaran eksport. Sebaliknya, Malaysia bertujuan memasarkan pengeluarannya di dalam negeri.

Projek kereta Malaysia, yang dipegang 70% oleh Hicom, telah melahirkan banyak keraguan di kalangan masyarakat. Syarikat kereta lain bimbang tentang masa depan mereka dan ahli ekonomi khuatir sama ada kereta itu akan lebih mahal dari kereta lain. Menurut seorang pakar, Dr. Chee Peng Lim, projek itu tidak berfaedah atau sesuai bagi pembangunan ekonomi Malaysia.

Di samping itu, kilang besi keluli akan memerlukan perlindungan tarif dari persaingan import; ini menunjukkan ia tidak menguntungkan. Kilang simen akan memburukkan lagi keadaan bekalan berlebihan yang di ramal akan wujud pada masa depan, dan akhirnya, projek enjin motosikal nampaknya melibatkan 3 projek berlainan dengan 3 syarikat Jepun berasingan.

Pihak kerajaan juga enggan menyiarkan angka-angka yang kononnya mempengaruhi keputusannya masing-masing, misalnya tentang kos pengeluaran, bahan mentah dan pasaran. Pakar-pakar ekonomi mencurigai keadaan ini. Misalnya, apabila Hicom meramal pertumbuhan jualan kereta bagi tahun lapan-puluhan sebanyak 8% setahun, ini bercanggah dengan angka pada 1983 yang menunjukkan bahawa jualan telah beku selama 2 tahun sebelum itu.

Seorang pakar Barat telah menekankan bahawa Malaysia telah memiliki empat jenis industri berat yang menghadapi masalah kelebihan di pasaran dunia kini. Bidang-bidang ini ialah kereta, keluli, simen dan penapisan minyak. Bolehkah Malaysia memikul beban projek ini memandangkan kurangan besar dalam belanjawan negara, beban hutang asing yang

kian meningkat dan kurangan dalamimbangan perdagangan baru-baru ini?

Projek-projek Hicom memerlukan pinjaman dari luar negeri yang besar. Memandangkan Dr. Mahathir suka pembinaan secara *turnkey*, yang lebih cepat, cekap, dan mahal, banyak wang akan mengalir ke luar negeri kepada pakar, pembekal dan kontraktor asing. "Alangkah mahalunya cara Malaysia cuba mendapatkan teknologi bagi segelintir orangnya sahaja," seorang pakar berhujjah.

Dr. Mahathir sendiri adalah kuasa penggerak di sebalik dasar perindustrian berat. Apabila beliau menjadi perdana menteri, beliau telah memindahkan Hicom dari tanggungjawab Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kepada Jabatan Perdana Menteri. Beliau juga telah mempercepatkan pelaksanaan projek simen, keluli dan enjin motosikal, dan menggerakkan semula projek kereta Malaysia setelah malap sejak 1980.

Seorang pegawai kanan telah memberitahu, "Projek-projek itu tidak bertujuan ekonomik semata-mata. Ia merangkumi matlamat politik dan strategik. Sebagai misalan, ia boleh meringankan pergantungan Malaysia kepada dunia Barat. Dr. Mahathir menganggap perdagangan antarabangsa merugikan negara Dunia Ketiga. Di samping itu, negara Barat enggan berkongsi pengetahuan teknologi mereka dengan negara membangun.

Dari segi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pula, penglibatan kerajaan dalam beberapa bidang ekonomi akan melibatkan lebih ramai Bumiputera dalam bidang berkenaan. Seorang diplomat Barat berpendapat, "Semangat nasionalisme ekonomi tersirat dalamnya, iaitu Malaysia ingin bebas dari kongkongan orang asing."

KERETA MALAYSIA, UNTUNG MITSUBISHI

Pengeluaran apa yang digelar sebagai 'Kereta Malaysia' merupakan projek yang dikaitkan dengan dasar 'Pandang ke Timur' yang paling kontroversial setakat ini.

Adalah amat sukar mengulas projek ini memandangkan kesulitan memperolehi butir-butir usaha berkenaan kerana kebanyakannya dirahsiakan tanpa alasan yang menyakinkan. Misalnya, pengumuman oleh Datuk Musa Hitam dan Datuk Seri Dr. Mahathir pada penghujung bulan Oktober 1982 ataupun pengumuman penandatanganan surat perjanjian pada awal bulan Disember tidak menghasilkan butir-butir terperinci untuk pengetahuan umum.

Usahasama berkenaan melibatkan dua pihak utama, iaitu Heavy Industries Corporation of Malaysia (Hicom) yang menyumbangkan 70% dari modal terbayar sebanyak \$180 juta pada satu pihak, dan Mitsubishi - iaitu Mitsubishi Corporation (15%) dan Mitsubishi Motor Corporation (15%) - pada pihak lain.

Baki \$380 juta yang dianggarkan akan dipinjam dari Bank Eksport-Import Jepun serta bank-bank perdagangan lain.

Sekurang-kurangnya pada peringkat permulaan, Mitsubishi akan membekalkan alat-alat penting seperti enjin dan 'transmission' (mungkin yang dibuat oleh Mitsubishi di Filipina).

Sebuah kilang membuat badan kereta ('body stamping plant') bengkel mencat kereta serta lapangan menguji kereta ('test-track') akan dibina.

Pengeluaran 20,000 buah kereta dijangka bermula pada tahun 1986 dan jumlah ini dijangka meningkat ke maksima 80,000 buah setahun.

Kadar pengeluaran yang dijangka adalah jauh lebih kurang dari kemampuan pengeluaran kilang berkenaan, iaitu 80,000 buah setahun pada 1986 yang akan meningkat ke 120,000 pada 1989.

Dua jenis badan kereta akan dikeluarkan, iaitu 'saloon 4 pintu' mulai 1986, dan *hatchback* (3 pintu) mulai 1988; kedua-duanya akan digerakkan melalui roda depan (*front wheel drive*) dan akan menggunakan enjin 1300 c.c. dan 1500 c.c. masing-masing.

Walaupun projek kereta Kerajaan Malaysia ini tidak banyak dipersoalkan secara terbuka, ramai pihak menyuarakan keraguan mereka masing-masing secara sulit. Masalah utama yang sering disebutkan ialah saiz pasaran tempatan yang amat terhad, yang akan meningkatkan kos pengeluaran 'Kereta Malaysia' itu.

Ahli perusahaan pembuatan kereta menganggap pengeluaran 200,000 buah sejenis kereta setahun sebagai minima yang ekonomik.

Tetapi penjualan kereta pada 1981 adalah hanya sebanyak 108,000 buah di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Kadar penjualan ini tercapai sebelum kesan kemelesetan kini dirasai dengan penuh dan juga sebelum kadar cukai terhadap kereta-kereta lain ditingkatkan untuk melindungi pasaran tempatan menjelang pengeluaran 'Kereta Malaysia'.

Walaupun penjualan kereta baru pada 1982 telah merosot, Hicom meramalkan permintaan akan meningkat sebanyak 8% setahun.

Sebenarnya, 'Kereta Malaysia' masih akan merupakan kereta syarikat asing dengan bentuk badan istimewa yang dipasangkan dalam negeri.

Pada peringkat permulaan, hanya 36% dari jumlah nilai kereta itu akan terdiri dari alat keluaran tempatan, yang pada amnya adalah lebih mahal dari harga alat serupa yang diimport.

Selain dari soal kos pengeluaran kereta Malaysia, perusahaan berkenaan hanya akan mewujudkan 3000 peluang pekerjaan iaitu jumlah yang lebih rendah dari bilangan pekerja pemasangan kereta kini yang barangkali akan diketepikan apabila usaha pengeluaran kereta Malaysia bermula nanti.

Para bakal pengguna juga tidak puas hati kerana ada kemungkinan besar bahawa usaha 'Kereta Malaysia' ini akan menyebabkan kesan-kesan buruk lain seperti:

- kenaikan harga semua kereta
- kemerosotan mutu kereta dan alat-alatnya
- pengurangan dari segi jenis kereta dan juga perubahan jenis kereta.

Dari segi kepentingan kerajaan pendapatan kerajaan dari pengutipan cukai import juga adalah jauh lebih kurang dari apa yang boleh dikutip jika cukai berkenaan dapat dipungut.

Mitsubishi Untung

Kesanggupan pihak Mitsubishi mengambil bahagian dalam projek 'Kereta Malaysia' hanya membuktikan bahawa mereka meramalkan akan mendapat keuntungan yang menarik dari penglibatan itu; pasaran terlindung yang sedang diwujudkan akan menjamin bahawa projek ini *viable* dari segi kepentingan Mitsubishi.

Walaupun pembeli kereta akan menderita, pemilik dan pekerja kilang pemasangan kereta sekarang akan rugi dan kerajaan juga akan rugi — sekurang-kurangnya dari segi pengutipan cukai dan barangkali dari segi pelaburan Hicom itu juga — Mitsubishi pasti akan untung, walaupun projek 'Kereta Malaysia' tidak semestinya untung.

Dengan pelaburan sebanyak hanya 54 juta ringgit, Mitsubishi akan dapat memegang sebahagian besar dari pasaran kereta di Malaysia, sedangkan kedudukannya kini sedang merosot.

Kedudukan Mitsubishi telah jatuh dari tempat ketiga ke tempat kelima (hanya 8% dari pasaran kereta) dalam dua tahun kebelakangan ini, sedangkan pihak Hicom meramalkan bahawa kereta Mitsubishi-Hicom akan menguasai 60% dari pasaran kereta pada tahun 1990!

Melalui projek ini serta usaha-usaha lain di Filipina (*transmissions*), Negeri Thai (*wheel drums*) dan Indonesia (badan kereta perdagangan), Mitsubishi akan memperolehi kedudukan penting dalam industri kereta di seluruh ASEAN.

Alasan-alasan kurang tepat

Beberapa alasan telah dikemukakan untuk menyokong rancangan 'Kereta Malaysia' walaupun kebanyakan kelemahan yang ditutarakan tadi diakui oleh pihak berkenaan. Apakah alasan-alasan ini munasabah?

Pihak yang mempertahankan projek kereta Malaysia mendakwa bahawa kajian yang tidak pernah diumumkan telah membuktikan bahawa rancangan kereta Malaysia itu *viable*.

Kesanggupan pihak Mitsubishi melabur dalam projek tersebut juga disebutkan sebagai bukti bahawa projek itu adalah *viable*, tetapi seperti telah dijelaskan tadi, kesanggupan demikian hanya membuktikan bahawa projek berkenaan akan menguntungkan Mitsubishi, dan tidak lebih daripada itu.

Memandangkan kajian-kajian lain terhadap perusahaan kereta, dakwaan bahawa 'Kereta Malaysia' adalah *viable* sukar diterima tanpa bukti jikalau saiz pasaran kereta di Malaysia dan asas teknologi kini diambilkita.

Malahan, beberapa kajian telah menunjukkan bahawa perusahaan pemasangan kereta kini merugikan pihak pengguna (pembeli kereta) dari segi harga dan mutu kereta dan pihak kerajaan dari segi cukai yang dikewalkan, sedangkan hanya pihak yang menjual kereta (iaitu syarikat kereta asing serta rakan tempatannya) dapat menikmati keuntungan tambahan dari pasaran yang terlindung.

Pemerintah Singapura pula telah menghapuskan perusahaan pemasangan keretanya dan kerajaan Thai pula sedang menimbangkan langkah demikian.

Apakah perlu untuk perindustrian?

Pengeluaran kereta Malaysia dianggap perlu oleh setengah pihak demi memajukan perindustrian di Malaysia.

Memang tidak boleh dinafikan bahawa perkembangan perusahaan kereta pernah mainkan peranan penting dalam sejarah pembangunan ekonomi Amerika Syarikat dan Jepun. Tetapi atas beberapa sebab, Malaysia tidak dapat meniru pengalaman negara-negara itu.

Malah, beberapa negara pernah memajukan rancangan perindustrian tanpa mengeluarkan kereta.

Walaupun perusahaan kereta boleh menggalakkan industri-industri lain dan memberi kesan-kesan lain yang boleh memajukan perindustrian Malaysia, ini dapat dicapai juga melalui galakan terhadap industri-industri lain yang penting seperti perusahaan basikal dan motosikal, alat dan jentera pertanian dan alat elektrik, yang dapat memenuhi keperluan rakyat dengan tingkat teknologi yang lebih mudah dikuasai serta kerugian serta kesan buruk lain yang kurang membebankan, dan sesuai juga dengan pola pembangunan yang lebih adil dan berdikari.

Dan kalau kerajaan ingin mengutamakan keadilan dalam pembangunan, sistem pengangkutan orang yang mengutamakan kenderaan *swam* — bukan kereta penumpang — yang harus dirancangkan.

Kita hanya dapat menilai dasar "Pandang ke Timur" secara ikhlas dan kritis jikalau suasana untuk perbahasan umum yang terbuka dapat dijamin.

Butir-butir dan laporan-laporan berkenaan tidak patut dirahsiakan tanpa sebab yang menyakinkan rakyat.

Kalau tidak, rakyat pula akan hilang kepercayaan pada pihak-pihak yang *berselindung* sebalik 'rahsia kerajaan' dan sebagainya.

'Suasana terbuka' ini juga penting demi mengawal perbelanjaan *swam* yang melibatkan wang rakyat.

Jalan Berdikari

Ada banyak hal yang patut kita pelajari dari luar, bukan hanya dari Barat atau Timur, tetapi terutama sekali dari Dunia Ketiga.

Kita boleh dan patut belajar bukan saja dari kejayaan, tetapi juga dari kegagalan atau kesilapan.

Tetapi akhirnya, kita harus kembali ke pangkal jalan, ke akar-umbi kita sendiri — untuk memajukan yang murni, sambil menanggalkan yang kolot.

Pandang ke Timur dan pandang juga ke Barat, tetapi akhirnya, kita harus memilih jalan adil dan berdikari.

BEBAN EKONOMI PROJEK KERETA MALAYSIA

Chee Peng Lim

Oleh kerana keputusan kereta Malaysia telah dibuat, tiada gunanya memperdebatkan lagi kelebihan atau kekurangan projek kereta Malaysia.¹ Seperti pinjaman BMF yang bernilai \$2.5 bilion, begitu juga dengan wang yang digunakan untuk projek kereta Malaysia — sebahagian besar darinya tidak mungkin didapatkan balik. Jadi, makalah ini hanya akan menganalisa kesulitan yang dihadapi oleh projek ini dan juga implikasi yang akan timbul akibat perlaksanaannya. Berbeza dengan pinjaman BMF, projek kereta ini akan memberi kesan jangkapanjang ke atas sektor pembuatan Malaysia dan juga keseluruhan ekonominya. Ia juga berbeza dengan pinjaman BMF dari segi lain kerana jumlah bayaran BMF itu dibuat dalam jangkamasa yang agak singkat, sedangkan Malaysia akan membuat bayaran untuk projek keretanya secara ansuran dalam jangkamasa yang agak panjang.

Oleh itu, dengan mencampurkan kos langsung dan kos tidak langsung, jumlah kerugian ekonomi akibat projek kereta Malaysia mungkin tidak banyak kurang dari kerugian kes BMF.

Waktu Kurang Sesuai

Pinjaman BMF luput kerana dibuat pada masa yang tidak sesuai — iaitu sebelum pasaran harta di Hong Kong runtuh. Begitu juga, pada satu hari nanti, ahli sejarah akan membuat kesimpulan bahawa projek kereta Malaysia gagal kerana dilaksanakan 20 tahun lewat. Sekiranya projek itu dilancarkan pada awal dekad 1960an, ia mungkin ada harapan tipis untuk berjaya. Akan tetapi, pada masa itu, Malaysia telah memutuskan untuk memasang, bukan mengeluarkan kereta. Dengan itu, kilang pemasangan Volvo (Swedish Motor Assemblies Sdn Bhd), iaitu kilang pemasangan kereta Malaysia yang pertama, telah dibuka pada Disember 1967.²

¹ Projek ini telah pun diperdebatkan dengan hebat. Lihat Chee 1983 (a).

² Untuk keterangan lanjut tentang sejarah pemasangan kereta di Malaysia, lihat Chee 1983 (b).

Dengan mengkaji sejarah, kita tahu bahawa keputusan itu salah kerana pemasangan kereta itu merupakan kegagalan teruk. Akibatnya, orang ramai terpaksa membayar harga yang jauh lebih tinggi untuk kereta yang lebih rendah mutunya. Industri pemasangan itu menyediakan pekerjaan untuk 6000 pekerja; yang lebih penting, ramai di antara mereka merupakan pekerja yang tidak mahir. Menurut Tuan Syed Shahrir (Setiausaha Kerja, Kesatuan Pekerja Pengangkutan dan Industri Berkaitan), hanya 10% dari pekerja kilang pemasangan kereta itu adalah pekerja mahir, yang terdiri daripada "panel beaters", tukang pateri, penyembur cat dan mekanik. Yang lain merupakan pekerja yang hanya mempelajari bagaimana menggunakan sebatang pemutar skru; kemahiran mereka akibat pengalaman bekerja kurang dari kemahiran seorang tukang masak atau tukang gunting rambut. Jadi, pemindahan teknologi yang berlaku sedikit sekali, dan negara kita tidak memperolehi apa-apa pengetahuan tentang pengeluaran komponen kereta automotif (apatah lagi membina kereta); antara sebabnya ialah kerana 12 kilang pemasangan yang ada memasang 27 jenama dan 129 model kereta penumpang (*Business Times*, 23.5.81).

Pembahagian kilang serta bilangan jenama dan model menyusahkan lagi usaha mencapai ekonomi bidangan dalam pengeluaran komponen. Akibatnya, komponen tempatan lebih mahal, dan oleh itu, para pemasang lebih suka mengimport hampir semua komponen mereka. Hanya sebilangan kecil komponen tempatan mudah diperolehi. Maka, tidak menghairankan bahawa sehingga sekarang peratus kandungan tempatan kurang dari 18%.³

Pendekata, industri pemasangan kereta, yang sepatutnya membawa kita kepada satu zaman perindustrian baru, hanya merupakan khayalan sahaja. Faedah kecil yang diperolehi tidak menampung beban ekonomi yang dikenakan. Akhirnya, yang beruntung dari program pemasangan kereta hanyalah kerajaan dan para syarikat pemasang. Kerajaan Malaysia berjaya mengumpul banyak cukai dengan menaikkan duti import atas kereta yang siap dipasang secara perlahan-lahan, sementara para pemasang beruntung dari perlindungan yang diberi kepada industri pemasangan kereta tempatan.

Sudah Jatuh Ditimpa Tangga

Jika Malaysia telah mengambil langkah yang salah dengan menggalakkan pemasangan kereta 20 tahun lalu, kesan buruk keputusan

³ Komponen tempatan termasuk tayar, cat, wiring harness bateri, paip eksos, tali keledar dan kaca selamat.

itu tidak boleh dibaiki dengan menggalakkan pengeluaran kereta pula sekarang. 20 tahun dahulu, keputusan demikian mungkin rasional. Pertamanya, industri kereta ketika itu masih sedang berkembang dan pertandingan di pasaran tidak begitu hebat. Kedua, kemajuan teknologi dalam industri kereta masa itu masih lembab dan tidak terdapat banyak perubahan sama ada dalam proses pengeluaran atau penggunaan komponen atau bahan baru. Dalam keadaan demikian, Malaysia mungkin boleh niemulakan sebuah industri kereta yang dapat bertanding. Akan tetapi, kini, keadaan jauh berbeza.

Industri ini sedang mengalami krisis yang mendalam. Apabila krisis ini akhir, beberapa pengeluar kereta yang besar akan dihapuskan ataupun diserap oleh syarikat kereta gergasi lain, yang akan menguasai pasaran kereta dunia. Sebenarnya, satu kajian Bangsa-Bangsa Bersatu telah meramalkan bahawa memandangkan kos membangunkan, mengeluarkan dan memasarkan kenderaan baru yang tinggi dan terus meningkat, "hanya pengeluar kereta Asia amat besar yang boleh bertanding dalam tahun 1990an". Memandangkan perkembangan ini, keputusan Malaysia untuk mengeluarkan kereta kini adalah seperti melayarkan sampan kecil di tengah ribut. Jika kapal-kapal besar tidak selamat dalam ribut, bagaimana pula dengan sebuah sampan kecil.

Krisis industri kereta telah melembabkan kadar pertumbuhannya. Sebagai contoh, di Eropah Barat dalam tahun 1960an, kadar pertumbuhan tahunan purata di sekitar 8%, pada tahun 1970an, kadar ini jatuh ke lebih-kurang 4.5% dan dalam tahun 1980an, anggarannya kurang dari 2%. Pola serupa terdapat di Amerika Utara, walaupun di Jepun, kadar pertumbuhannya mungkin masih lebih tinggi dari negara OECD lain, walaupun lebih rendah dari masa lepas. Pola ini mencerminkan peralihan kearah pasaran alat ganti, di mana pembeli kereta baru hanya merupakan sebahagian kecil dari jumlah pembeli. OECD menganggarkan bahawa kira-kira 85% dari pasaran OECD dalam dekad ini adalah untuk alat ganti.

Pasaran seluruh dunia tidak jauh berbeza kerana jualan OECD sahaja merupakan 82% dari jumlah sedunia, dan oleh itu banyak mempengaruhi kadar pertumbuhan. Suruhanjaya Pasaran Bersama Eropah (EEC) telah menganggarkan bahawa dalam tempoh 1975-80, kadar pertumbuhan tahunan sedunia adalah sekitar 5-6%, dan telah jangka bahawa dalam tempoh 1980-85, angka ini akan jatuh kepada kira-kira 3%. Angka ini agak optimis terhadap prestasi pasaran di negara-negara membangun. Akan tetapi, perkembangan dewasa ini, terutamanya runtuhannya pasaran di negara-negara membangun yang terbesar, bermakna bahawa optimisme itu tidak mempunyai asas yang

kukuh.

Ringkasnya, perkembangan permintaan untuk kereta telah banyak berkurangan. Walaubagaimana pun, pasaran dunia untuk kereta telah menjadi tepu, dan suatu pengeluar kereta baru sudah pasti akan menghadapi persaingan yang sangat hebat. Firma baru bukan sahaja mesti menghadapi persaingan hebat dari syarikat gergasi antarabangsa yang kukuh, tetapi juga mesti menyesuaikan dirinya kepada keadaan teknologi industri tersebut yang kian berubah. Ini adalah kerana teknologi pengeluaran kereta telah berkembang dengan cepat dalam lima tahun kebelakangan.

Lebih khusus lagi, terdapat perubahan besar dalam proses pengeluaran, dan kemunculan amalan biasa baru dalam teknologi proses, penggunaan dan organisasi syarikat. Organisasi kilang pun sedang mengalami perubahan, yang membawa kepada revolusi dalam sebuah industri yang sebelum ini dikenali kerana berubah secara perlahan. Sistem pembuatan yang fleksibel (FMS), penggunaan robot, pengenalan sistem rekabentuk dengan bantuan komputer (CAD) dan pembuatan dengan bantuan komputer (CAM) sedang mengubah seluruh aspek kilang kereta. Lagipun kemungkinan menggunakan alat mikro-elektronik dan juga bahan baru telah meletakkan industri itu pada permulaan suatu perubahan besar dalam orientasi perindustrian, iaitu dari asas elektro-mekanikal yang tradisional kepada suatu asas elektronik-plastik.

Ringkasnya, perkembangan permintaan dunia untuk kereta telah banyak berkurangan, sedangkan kemajuan teknologi juga telah meningkat dengan begitu pesat sekali sehingga persaingan dalam industri kereta telah menjadi runcing sekali dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Memandangkan sebab-sebab ini, keputusan Malaysia menyertai industri pengeluaran kereta pada waktu ini kurang sesuai.

Kurang 'Viable'

Ramai ahli ekonomi, sama ada dari pihak kerajaan atau pun dari pihak swasta, bersetuju bahawa projek kereta Malaysia tidak *viable*. Oleh kerana itu, projek ini hanya mendapat sokongan kuat dari sekumpulan orang yang terdiri daripada ahli politik dan peniaga, yang masing-masing mempunyai kepentingan sebab tertentu untuk menyokong projek ini.

Projek ini amat mahal. Kos sebenarnya mungkin tidak dapat diketahui kerana dirahsiakan oleh kerajaan. Namun demikian, anggaran kos yang konservatif adalah sebanyak \$1.5 biliun, termasuk kos langsung dan tidak langsung yang dianggarkan seperti berikut. Pertama,

kos langsung pengeluaran kereta Malaysia, seperti kos penyediaan kemudahan infrastruktur, jentera dan alat kelengkapan, latihan serta perbelanjaan yang berkaitan, dianggarkan berjumlah tidak kurang dari \$1 bilion.⁴ Di samping itu, tiga jenis kos tidak langsung perlu juga dipertimbangkan: (1) kos penutupan atau pengurangan kapasiti pengeluaran, di mana terdapat 12 kilang pemasangan kereta kini, dan lebih dari 50 syarikat pengedaran dan penjualan di Malaysia (Chee 1983b). Tidak mungkin mereka mengekalkan kapasiti semasa, atau, terus bergiat apabila kereta Malaysia mencapai tingat keluarannya yang dirancang. Kerugian tersebut terhadap syarikat pemasangan, pengedaran dan penjualan dianggarkan lebih kurang \$30 juta.

Kos tidak langsung kedua adalah perbezaan harga yang perlu dibayar untuk sebuah kereta Malaysia dibandingkan dengan kos sebuah kereta import yang setaraf (tanpa mengambilkira belanja cukai). Jika perbedaannya sebanyak \$1000 seunit, maka dengan keluaran 50,000 unit, perbelanjaan tambahan setahun akan menelan sebanyak \$50 juta.⁵ Tambahan pula, kos membaiki dan mengecat semula suatu kereta yang bermutu rendah (atas andaian bahawa mutu kereta Malaysia setaraf dengan mutu kereta yang dipasang di Malaysia kini — juga perlu dipertimbangkan. Kos tersebut dijangka akan menelan perbelanjaan sekurang-kurangnya \$2 juta setahun. Dengan itu, jika diandaikan bahawa projek ini berjalan selama 10 tahun, maka jumlah kos tidak langsung ini adalah \$520 juta.

Kos tidak langsung yang ketiga pula susah dianggarkan kerana berkait dengan kos melepas yang akan dihadapi jika \$1 bilion dilaburkan dalam projek lain yang lebih *viable*, dan kos yang timbul dari kehilangan lebihan pengguna. Jika semua ini, dianggarkan secara konservatifnya, sebanyak \$30 juta, maka kerugian lebihan pengguna dan kos melepas akan berjumlah \$300 juta bagi tempoh 10 tahun.

Pada akhir tempoh 10 tahun, projek kereta Malaysia akan menelan perbelanjaan negara sekurang-kurangnya \$1.85 bilion, yang tidak banyak kurang dari kerugian akibat pinjaman BMF. Oleh demikian, projek tersebut dianggap tidak *viable*.

Namun demikian, projek ini juga membawa faedah tertentu, misalnya dari segi kebanggaan nasional, faedah tidak langsung pemindahan teknologi, peluang pekerjaan dan ekonomi bidangan. Secara tidak langsung, ia juga akan memaksa industri pemasangan kereta tem-

⁴ *Manuscript (NHDC) (1984)*, "tekatang ia mengambil kira-kira 3-4 tahun dengan belanja 655500-700 juta untuk mengeluarkan sebuah kereta sederhana." Jadi angka di atas merupakan anggaran rendah.

patan menjadi lebih cekap. Proses ini akan menyifatkan syarikat pemasangan yang kecil atau lembab. Projek ini juga akan menambah peluang perniagaan untuk bengkel dan mekanik kereta. Para pengguna pernah dan masih kerap kali mengadu tentang kekurangan kereta pasangan tempatan (*Utusan Pengguna Oktober 1983*); barangkali, kereta Malaysia tidak akan ketinggalan dari segi ini.

Walau apa pun faedahnya, semuanya tidak mungkin dapat menutup modal besar yang perlu. Pada hal, kalau terdapat kadar pulangan modal yang berpatutan, masalah utama adalah bagaimana melaksanakan projek kereta ini terus membebaskan ekonomi Malaysia.

Kos Pengeluaran Tinggi dan Pasaran Kecil

Oleh kerana skel pengeluaran kereta Malaysia agak kecil, ia akan dikeluarkan dengan kos sumber tempatan yang tinggi; dimana keluaran terancang kereta Malaysia sebanyak 120,000 unit cuma merupakan sebahagian kecil dari tingkat pengeluaran optimum semasa (unit 500,000 unit setahun) yang perlu untuk pengeluaran cekap (UNIDO 1984).⁵

Tambahan pula, kemungkinan bahawa peningkatan pengeluaran akan melebihi keluaran terancang ini adalah tipis, memandangkan pasaran kereta tempatan kecil. Justeru, ramalan Hicom bahawa pasaran kereta tempatan akan bertumbuh dengan kadar 8% setahun pada penghujung abad ke 20 ini, dianggap terlalu optimis oleh pihak industri kereta. Pasaran Kereta Malaysia telah beku dan merosot sejak 1980, dan pertumbuhan kecil sahaja dijangka untuk tahun 1984.⁶ Ini di sebabkan oleh kemerosotan dan tingkat harga kereta kini, yang kian melambung tinggi, yang menjadikan kereta makin mahal, iaitu barang mewah dan bukan barang keperluan. Maka, memandangkan kos pengeluarannya yang tinggi, harga kereta Malaysia dijangka akan terus meningkat, lebih-lebih lagi bila bahagian alat tempatan dalam kereta tersebut bertambah.


⁵ Proton merancang untuk mengeluarkan 74,600 unit buah kereta purata setiap tahun untuk 5 tahun pertama. (*Business Times*, 7 Ogos, 1978). Keupayaan pengeluaran akan meningkat ke 120,000 unit menjelang 1989 (*Business Times*, 23 Mei, 1983).

⁶ Pertumbuhan mungkin menjadi negatif pada 1984. Menurut angka-angka yang dikeluarkan baru-baru ini oleh Persatuan Peniaga Kereta Malaysia, jualan bagi 6 bulan pertama pada 1984 adalah 5% kurang dari tahun sebelumnya (*Business Times*, 2 Okt., 1984). Bila projek kereta baru diumumkan, jualan kereta dijangka akan meningkat sebanyak 8%, dari 110,000 pada 1982. Akan tetapi, jualan telah turun ke 92,000 pada 1984.

Gambarajah 1 menunjukkan sejauh mana perhubungan antara integrasi tempatan (LC), jumlah pengeluaran dan kenaikan kos berasaskan angka-angka yang terdapat di kilang OECD. Kenaikan kos dapat dikawal dengan bertambahnya jumlah pengeluaran. Gambarajah ini juga menunjukkan bahawa kos pengeluaran menghampiri tahap OECD jika tingkat keluaran mencukupi, tetapi dengan pasaran kereta tempatan yang kecil, tingkat keluaran yang perlu itu mungkin tidak tercapai.

Justeru, industri kereta Malaysia, yang diancam oleh kenaikan kos, harga yang meningkat dan permintaan yang beku; memerlukan banyak perlindungan tarif oleh kerajaan yang akan meningkat, dan berkekalan, seperti cukai tarif yang dikenakan ke atas tayar yang diimport.

GAMBARAJAH 1:
PERHUBUNGAN ANTARA INTEGRASI TEMPATAN,
JUMLAH PENGELUARAN DAN KENAIKAN KOS



Sumber: R. Sekaly, *Transnationalisation of the Automobile Industry*, University of Ottawa Press, 1981.

Nota: Jenis kegiatan tempatan pada setiap tahap ditunjukkan pada paksi mendatar julat peratusan LC., kedua-dua julat dan saiz kenaikan kos merupakan ukuran jumlah sahaja. Keluk yang lebih tepat akan berubah mengikut model tertentu, pengalaman pengeluaran-nya dan kecekapan operasi pembekal komponen dan pengeluar kereta.

Tiada Potensi Eksport

Sementara kebanyakan industri lain mempunyai potensi eksport masing-masing dengan menjadi lebih cekap dari segi persaingan harga dan mutu, industri kereta Malaysia menghadapi masalah menembusi pasaran eksport kerana kos pengeluarannya terlalu tinggi, lebih-lebih lagi sebab teknologinya masih bergantung kepada pihak Mitsubishi. Industri kereta Malaysia mungkin mempunyai potensi eksport jikalau perjanjian Proton, iaitu usahasama Hicom dengan Mitsubishi, telah menjamin pengeksportannya, seperti perjanjian Taiwan dengan Toyota.⁷ Kemajuan keupayaan eksport ini akan memerlukan pelaburan tambahan, industri kereta Malaysia yang *viable* tidak boleh hanya mengeluarkan kereta untuk pasaran tempatan, terutama sekali pasaran kecil seperti terdapat di Malaysia.

Teknologi

Pemerolehan teknologi, pembangunan dan pengubahsuaian merupakan masalah serius yang akan dihadapi oleh projek kereta Malaysia ini. Malaysia belum ada tradisi pembuatan basikal, apa lagi pengeluaran kereta.⁸ Justeru, kita terpaksa bermula dari peringkat permulaan dan seterusnya bergantung sepenuhnya kepada teknologi asing. Fenomena pergantungan teknologi ini akan berterusan memandangkan perubahan teknologi yang pesat dalam industri kereta. Tidak 'ekonomik' untuk Malaysia membangunkan teknologi keretanya sendiri kerana pasaran tempatan terlalu kecil. Untuk mengikuti perkembangan teknologi semasa supaya tidak ketinggalan zaman, pengeluaran kereta Malaysia memerlukan banyak perbelanjaan untuk penyelidikan dan pembangunan (R & D) yang lebih mahal. Oleh itu, kerajaan terpaksa terus bergantung kepada teknologi asing, kerana lebih murah. Akhirnya, ini boleh mengakibatkan teknologi kereta Malaysia ketinggalan berbanding dengan kereta asing, kerana pihak Mitsubishi sudah tentu enggan memindahkan teknologi terbarunya kepada Malaysia kalau tidak menguntungkan.

⁷Perjanjian tersebut telah ditangguhkan, bukan kerana fasal eksport, tetapi Mitsubishi menganggap syarat eksport sebanyak 50% itu terlampau banyak (Kraar, 1983).

⁸Kilang basikal kita tidak mengeluarkan, tetapi hanya memasang alat basikal yang diimport. (Chee, 1977).

Pelaksanaan

Cara projek kereta Malaysia dilaksanakan kurang memuaskan. Proton —iaitu usahasama dengan Mitsubishi, yang dikawal oleh Hicom, sebuah perusahaan awam — menghadapi ketidakcekapan dan banyak masalah, seperti kebanyakan perusahaan awam Malaysia yang lain; justeru, timbulnya keraguan terhadap kemampuan HICOM melaksanakan projek ini. Projek ini mungkin lebih sesuai diusahakan oleh suatu syarikat atau kumpulan syarikat pemasangan kereta utama kerana, sekurang-kurangnya, mereka lebih berpengalaman dalam industri tersebut kalau dibandingkan dengan Proton. Kerajaan patut juga mengadakan perbincangan erat dengan Persatuan Pemasang Kenderaan Motor Malaysia tentang projek ini, dan tidak patut merahsiakannya dari pengetahuan awam. Cara pengendalian projek ini telah menimbulkan keraguan dan mengurangkan keyakinan terhadap projek ini. Di samping itu, cara pelaksanaannya bercanggah dengan konsep Persyarikatan Malaysia dan pengswastan, yang diutarakan oleh kerajaan sendiri.

Kesan

Kesan langsung projek kereta Malaysia ini akan dirasakan oleh para pemasang kereta, terutama sekali kereta dengan enjin 1200-1500 c.c.; namun, pada keseluruhannya, pasaran untuk semua pemasang kereta terjejas kerana cukai import yang semakin meningkat dikenakan demi melindungi kereta tempatan. Akibatnya, para pemasang kereta terpaksa mengurangkan pengeluaran masing-masing,⁹ sementara orang ramai dipaksa membeli kereta tempatan secara tidak langsung. Oleh itu, syarikat pemasangan kereta terbaru, seperti kilang pemasangan Ford dan 'Sejati Motor Sdn Bhd', suatu anak syarikat UMW (United Motor Works), yang baru meningkatkan pelaburan mereka, sukar mendapat balik modal yang dilabur masing-masing, apatah lagi dengan keuntungan.

Dengan demikian, semakin banyak syarikat pemasangan kereta cuba mempelbagaikan pelaburan mereka, seperti Tan Chong yang mencubai pasaran harta, pembinaan dan pengeluaran alat kereta seperti 'leaf springs' dan 'shock absorbers' melalui anak syarikatnya

⁹ Ini merujuk kepada syarikat pemasangan kereta yang sederhana. Kereta Malaysia bertujuan menguasai 70 peratus daripada pasaran kereta penumpang, dengan meninggalkan baki pasaran untuk beberapa model lain yang dipasang di sini.

Auto Parts Manufacturers Co. Sdn. Bhd. (*Malay Mail*, 12 Julai 1983).¹⁰ Sarawak Motor Industries pula terlibat dengan pembangunan harta di balak; serta pembelian 5 hektar tanah yang mempunyai potensi untuk pembangunan harta di Kuching. Walau apa pun, pelaburan ini bukan penyelesaian yang memuaskan kerana, syarikat tersebut tidak ada pengalaman dalam perusahaan pembinaan dan harta yang bersaing hebat. Tambahan pula, pasaran alat kereta sudah penuh. Peluang untuk memasarkan kereta Malaysia terhad kepada beberapa pengedar dan agen saja, justeru, yang lain itu terpaksa menukar kepada bidang perniagaan lain. Tindakan-tindakan ini boleh mengancam pekerja bengkel pemasangan, di mana daripada 6000 pekerja, cuma segelintir saja yang mahir. Maka, ini akan meruncingkan lagi masalah pengangguran dalam negara kerana tiada rancangan untuk menyerap atau melatih semula pekerja ini dalam kilang kereta Malaysia.

Kesan jangka panjang projek kereta ini terhadap sektor pengeluaran dan ekonomi negara pada amnya adalah nyata. Bertentangan dengan apa yang dirancangan, projek ini mungkin mendatangkan kesan negatif dan bukan kesan positif kepada sektor perkilangan kerana projek ini tidak *viable*. Ini bererti projek itu memerlukan perlindungan tarif yang lebih, dengan kemungkinan pertumbuhan industri itu terbantut kerana tiada persaingan untuk maju, akibat perlindungan tersebut, serta halangan terhadap penggunaan kereta dalam industri lain. Justeru, dengan suatu kuasa monopoli dan perlindungan tarif yang tinggi, firma sampingan (*ancillary firms*) tiada insentif untuk mengurangkan kos atau pun mencari pasaran luar negeri.

Kesan negatif ini akan berkembang ke sektor ekonomi lain, khususnya dalam sektor pengangkutan. Kenaikan harga yang tidak berpatutan akan menaikkan kos pengangkutan dan kos hidup, yang seterusnya akan menekan taraf hidup para pengguna.

Akhirnya, kelemahan ternyata projek kereta Malaysia adalah kos melepasnya, di mana wang yang telah dan akan dilaburkan dalam projek ini boleh digunakan untuk pelaksanaan dasar lain yang lebih kukuh bagi pertumbuhan sektor perkilangan Malaysia, (Chee 1984). Pada tingkat pembangunan ini, sejumlah wang yang besar perlu untuk meningkatkan produktiviti dan teknologi dalam sektor perkilangan, membaiki kemudahan infrastruktur dan pasaran, serta mempergiatkan lagi latihan pekerja mahir. Justeru, modal besar itu patut digunakan untuk menubuhkan 'Foundry Development Centre' yang

¹⁰ Untuk keterangan lanjut, lihat laporan tahunan syarikat-syarikat tersebut.

telah dicadangkan, mengembang pusat teknologi Industri Logam, mengembangkan kemudahan penyelidikan dan kemajuan (R & D), dan suatu program latihan intensif bagi pekerja mahir. Mana-mana projek tersebut akan memberi kesan lebih positif kepada pembangunan sektor perkilangan kalau dibanding dengan projek kereta Malaysia.

Pilihan Masa Depan

Memandangkan masalah dan peningkatan kos projek ini, dicadangkan agar kerajaan mempertimbangkan salah satu dari tiga pilihan berikut bagi industri kereta setelah tempoh percubaan 10 tahun itu:—

- (1) merunding semula perjanjian usahasama dengan Mitsubishi untuk mencapai tingkat pengeluaran yang lebih tinggi dan cekap, iaitu sekurang-kurangnya 300,000 unit setahun. Sementara itu juga, Mitsubishi patut diwajibkan mengeksport sekurang-kurangnya separuh dari pertambahan keluarannya.
- (2) mengeluarkan sebuah kereta yang lebih mudah dan murah dari apa yang direkabentuk untuk negara berpendapatan tinggi, "agar kenderaan itu dapat dibeli oleh peniaga kecil, pekebun dan pekerja." Kenderaan jenis ini sepatutnya kurang bergantung kepada ekonomi bidangan dan lebih sesuai dengan keadaan ekonomi di negara membangun.
- (3) mengalih kilang kereta Malaysia kepada pengeluaran alat kereta, yang dapat dijual di pasaran antarabangsa, secara beransur-ansur. Langkah ini sedang diamalkan oleh Taiwan, Korea Selatan dan Singapura. Dalam keadaan semasa dan memandangkan perubahan yang dijangka dalam perusahaan kereta dunia, pilihan ketiga nampaknya paling munasabah atas beberapa sebab, iaitu:—
 - (a) alternatif pertama melibatkan banyak risiko, dan kalau pun berjaya, industri kereta kita akan lebih bergantung kepada syarikat gergasi antarabangsa Mitsubishi yang mempunyai kepentingan serta tujuannya sendiri, yang mungkin bertentangan dengan kepentingan serta tujuan kita.
 - (b) Di samping itu, tiada alternatif lain yang lebih memuaskan. Lanjutan projek ini akan menambahkan kos, dan kegagalannya akan bertambah nyata sebelum akhir dekad ini, sehingga sokongan kuat daripada penyokong setianya juga akan hilang. Satu jalan keluar ialah untuk menjadi pengeluar kelengkapan dan alat tempatan untuk pasaran

¹¹ Untuk keterangan lanjut, lihat UNIDO 1978.

antarabangsa, tetapi strategi ini akan mesti mengambilkira penyusunan semula perusahaan kenderaan pada peringkat dunia yang sedang berlaku.

Suatu kajian UNIDO (1984) meramalkan bahawa struktur perusahaan kenderaan akan menjadi lebih terpusat akibat penyusunan semula itu. Para pengeluar kereta akan menekankan pengurangan stok, kedudukan geografi pembekal alat dalam jarak tertentu serta pembekalan tunggal alat utama. Semua perubahan ini yang mementingkan pembekal tempatan tradisional patut melibatkan harga barang yang sama dengan harga antarabangsa.

(c) Akhirnya, pilihan ketiga ini boleh menyediakan asas bagi menghidupkan semula rancangan kerjasama kereta ASEAN, yang dikatakan mempunyai prospek terbaik dengan membangunkan industri kereta pada peringkat rantau.¹² Malangnya rancangan ini telah digantung apabila kerajaan negara Asean berpendapat bahawa pembangunan industri lebih mudah dilaksanakan mengikut keadaan nasional tersendiri masing-masing. Mungkin, 10 tahun dari sekarang, negara-negara Asean ini akan menyedari pentingnya kerjasama serantau demi mencapai kejayaan.

Ringkasnya, pilihan itu sangat terhad, justeru, kita perlu berpuashati dengan strategi alternatif terbaik, iaitu menjadi pengeluar alat ganti kereta bagi pasaran dunia.

Kesimpulan

Pada keseluruhannya diharapkan pengalaman dari projek kereta Malaysia ini akan memperketatkan peraturan dalam perancangan industri dan pemilihan projek, seperti pindaan peraturan bank akibat krisis BMF. Satu kelemahan ternyata projek ini ialah perancangan sepatutnya dibuat oleh pakar dengan lebih penelitian terhadap pemilihan projek yang *viable*, dan bukan pula mengikut kehendak seseorang. Semua pihak berkenaan patut terlibat dalam proses perancangan dan pemilihan projek, seperti sepatutnya berlaku menurut konsep 'Pandang Ke Timur'.

Di Jepun, perancangan industri biasanya dijalankan oleh sekumpulan ahli ekonomi ikhtisas yang berkaliber tinggi dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa (MITI), di mana, selepas banyak perbincangan diadakan untuk menyelaraskan pandangan sektor swasta dan awam, barulah rancangan baru di kemukakan untuk menyo-

¹²Untuk keterangan lanjut, lihat Chee 1983 (b). Lihat juga ESCAP 1982.

kong projek tertentu. Proses ini meliputi satu cawangan kementerian yang besar, beribu-ribu pegawai dalam berbagai bidang, sama ada akademik kesatuan buruh, pekebun dan pengguna dari ratusan persatuan, badan dan pertubuhan. Walaupun cara ini rumit, memakan masa dan perbelanjaan yang tinggi; namun, penggabungan pendapat-pendapat ini dapat menyebarkan penerangan relevan bagi mengurangkan kesilapan yang mungkin timbul, justeru dapat menjimatkan kos dan masa dalam proses pelaksanaan yang lebih cepat, licin dan berkesan.

Sebaliknya, keputusan untuk melaksanakan projek kereta Malaysia oleh segelintir pemimpin kerajaan tertentu dianggap sangat terburu-buru, kerana persediaan untuk projek ini hanya melibatkan perbincangan terancang dengan segelintir saudagar dan juruteknik sahaja. Dalam jangka panjang pula, ini akan membawa kesan sangat buruk kepada ekonomi negara, seperti warisan keputusan Nehru untuk melabur dalam industri berat sehingga India kini masih belum pulih lagi dari ketidakcekapannya. Oleh itu, Malaysia patut mengamalkan usaha sistematis, yang lebih mudah di fahami dari sistem perancangan Jepun itu, bagi mencungkil pendapat-pendapat terbaik dari beberapa pihak tertentu selain dari badan kerajaan dan ahli perniagaan demi mengelakkan kesilapan.

Sebagai kesimpulan, adalah perlu menilai semula projek-projek *Hicom*, kerana dengan pasaran tempatan yang kecil dan harapan tipis untuk mencapai persaingan antarabangsa, projek-projek ini akan menjadi pengeluar kos tinggi yang memerlukan banyak perlindungan kerajaan, yang seterusnya akan mengurangkan kemampuan industri tempatan bersaing. Penilaian ini amat perlu pada masa ini bila Malaysia sedang mengalami suatu kekurangan belanjawan yang besar, hutang asing yang semakin meningkat, dan kemerosotan besar dalam akaun semasanya. Peluang terbaik untuk menilai semula dasar perindustrian kini adalah apabila Rancangan Induk Industri (*Industrial Master Plan*) disiapkan nanti.

DASAR 70 JUTA PENDUDUK ATAS ALASAN SONGSANG

Aspek *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat (KSPRM4)* yang paling mengejutkan orang ramai ialah penerimaan matlamat bilangan penduduk seramai 70 juta orang menjelang tahun 2100 Masehi. Dicadangkan juga bahawa setiap keluarga patut mempunyai 5 orang anak demi mencapai sasaran demografik ini.

Perbincangan dalam akhbar dan di media lain setakat ini telah mempersoalkan beberapa aspek dasar ini, termasuk (1) hubungan antara bilangan anak yang dicadangkan dan sasaran demografik baru itu, (2) kemungkinan memesatkan pertumbuhan bilangan penduduk dengan meningkatkan kadar kelahiran anak, (3) baik-buruknya pertumbuhan penduduk yang lebih pesat, serta (4) alasan sebaliknya sasaran demografik baru itu sendiri.

Sebenarnya, secara tidak langsung, pengumuman sasaran demografik baru itu sekaligus telah menolak dasar kependudukan ala Malthus, yang pernah dipaksakan oleh badan-badan 'bantuan' antarabangsa, seperti Bank Dunia, sebagai salah satu syarat pinjaman kepada Dunia Ketiga, termasuk Malaysia.

Syarat demikian dikenakan kononnya kerana kemunduran dan kemiskinan di Dunia Ketiga disebabkan oleh kadar pertumbuhan penduduk yang melampau akibat dari saiz keluarga yang terlalu besar; malah diandaikan bahawa terdapat keluarga miskin kerana bilangan ahli keluarga adalah terlalu ramai.

Pada tahun 1974, Persidangan Kependudukan Sedunia (di Bucharest), anjuran Bangsa-bangsa Bersatu, telah menolak pandangan Barat ini dan telah mengesyorkan bahawa kalau kepentingan rakyat dijaga, soal kependudukan akan selesai dengan sendirinya (*take care of the people and population will take care of itself*).

Syor demikian dicadangkan atas andaian bahawa ramai ibu-bapa terpaksa melahirkan ramai anak dalam masyarakat di mana kebajikan sosio-ekonomi setiap penduduk tidak terjamin dan bilangan

anak menjadi harapan ibu-bapa sebagai sumber pendapatan untuk keluarga, terutama sekali setelah ibu-bapa sudah uzur dan tidak mampu mencari nafkah hidup sendiri.

Maka dari segi ini, penolakan pemikiran kependudukan Barat yang karut itu, walaupun hanya secara tidak langsung dalam dasar baru itu, patut diterima baik.

Namun demikian, alasan yang telah diutarakan demi menyokong dasar kependudukan baharu itu boleh disoalkan. Mengikut hujah yang telah dikemukakan, ekonomi Malaysia hanya akan menjadi gemilang dengan membangunkan industri berat.

Industri berat memang memerlukan pasaran tempatan yang lebih besar, dan ini pula dapat dicapai dengan meningkatkan bilangan penduduk Malaysia.

Sebenarnya, perindustrian di Malaysia sejak Merdeka adalah amat berat sebelah, di mana kedua-dua dasar perindustrian penggantian import dan perindustrian bertujuan eksport telah mengabaikan industri berat yang sesuai dan perlu untuk membangunkan sebuah ekonomi yang lebih seimbang dan berdikari.

Tetapi, untuk membangunkan sebuah ekonomi yang lebih berdikari, keseluruhan dasar ekonomi Malaysia harus diroboh supaya tekanan kepada pengeluaran untuk eksport yang terdapat kini digantikan dengan pengeluaran yang mengutamakan keperluan atau kehendak tempatan, terutama sekali untuk rakyat jelata.

Keseimbangan yang harus dicapai dalam rangka ini patut pula menekankan kaitan dengan sektor lain yang juga mengutamakan keperluan tempatan, dan bukan pasaran asing. Dalam pemilihan jenis industri juga, industri yang akan banyak membebankan rakyat, pemerintah dan ekonomi kebangsaan seterusnya patut dielakkan, dan kemampuan tempatan harus diambilkira supaya pergantungan (misalnya, dari segi teknologi) dapat dikurangkan.

Seterusnya, apa yang difahamkan dari segi hubungan antara bilangan penduduk dan saiz pasaran tempatan patut dijelaskan juga. Saiz pasaran tempatan sebenarnya ditentukan oleh corak dan tingkat permintaan berkesan, yang dipengaruhi oleh tingkat dan agihan pendapatan serta bilangan penduduk.

Maka, misalnya, walaupun keperluan makanan semua umat insan adalah lebih kurang sama, pukul rata, seorang rakyat Malaysia dapat makan lebih banyak nasi, kalau dibandingkan dengan seorang rakyat India, Bangladesh atau Indonesia, kerana kemampuan membelinya adalah lebih tinggi akibat tingkat pendapatan yang lebih; contoh mudah ini jelas menunjukkan perbezaan antara keperluan dan permin-

taan dalam sebuah ekonomi pasaran.

Peningkatan bilangan penduduk dengan sendirinya tidak dapat memperbesarkan saiz pasaran tempatan; malah, sebaliknya, perbelanjaan yang lebih untuk menanggung kadar peningkatan penduduk yang lebih pesat akan mengurangkan lebihan ekonomi yang dapat dilabur untuk meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi.

Sebagai contoh, Sweden, dengan lebih kurang 11 juta, penduduk telah berjaya membangunkan ekonomi, (termasuk industri) yang maju, sedangkan Bangladesh dan Indonesia, dengan bilangan penduduk yang jauh lebih ramai, masih merupakan ekonomi yang mundur, lagi miskin.

Implikasi dasar kependudukan baru dari segi pengangguran juga membimbangkan. Pada awal tahun 1980an, kadar pengangguran telah meningkat dari 5.6% pada 1980 ke 5.8% pada 1983 diseluruh Semenanjung Malaysia, dan dari 6.5% pada 1980 ke 7.0% pada 1983 di kalangan orang Melayu menurut *KSPRM4*.

Memandangkan usaha kini untuk meningkatkan daya pengeluaran, terutama sekali dengan menggantikan teknik serta industri yang 'intensif-buruh', siapa pula yang dapat menjaminkan pekerjaan, serta nafkah hidup, bagi bilangan penduduk yang lebih ramai pada masa depan? Nampaknya, beberapa dasar kerajaan kini agak bertentangan.

Memang benar bahawa untuk membangunkan sebuah ekonomi yang lebih seimbang dan berdikari, pasaran tempatan harus diperluaskan. Ini dapat dicapai dengan usaha yang berkesan demi mengagih semula pendapatan dan kekayaan yang terdapat kini.

Banyak kajian telah menunjukkan bahawa orang miskin lebih cenderung membelanja pendapatan tambahan yang dapat diperolehi (kalau dibandingkan dengan orang berada), dan perbelanjaan demikian lebih cenderung digunakan untuk membeli barang dan perkhidmatan keluaran tempatan.

Maka, jelaslah bahawa dasar ekonomi berdikari juga memerlukan dasar pengagihan ekonomi yang adil demi mencapai kejayaan.

DASAR PERTANIAN NEGARA: PEMODENAN TANPA PENGAGIHAN SEMULA

Dasar Pertanian Negara (DPN), yang ditunggu-tunggukan selama beberapa tahun telah diisytiharkan oleh kerajaan pada bulan Januari 1984. DPN membentangkan strategi-strategi jangka panjang untuk memajukan pertanian dan menghapuskan ketidakcekapan di sektor pertanian. Pada keseluruhannya, dokumen tersebut mengutamakan penambahan pengeluaran makanan, dengan meletakkan tahap minima keperluan sendiri untuk daging, tenusu dan beras.

Pengeluaran Makanan

Sehingga permulaan abad ke20, kebanyakan kegiatan pertanian di Malaysia adalah untuk saradiri, seperti padi, tanaman makanan lain dan perikanan. Sejak awal abad ke20 pula, tanaman kontan seperti getah, koko, tebu, bunga cengkih, lada dan gambir telah menjadi penting. Getah, terutamanya, telah berkembang bila industri motor di dunia tumbuh dengan pesat. Penekanan yang keterlaluan terhadap tanaman eksport telah menyebabkan Malaysia mengalami kekurangan makanan semasa penjajahan Jepun apabila pengimportan makanan disekat.

Pengalaman pahit ini mungkin dapat menerangkan mengapa kerajaan enggan mengikut nasihat Bank Dunia untuk mengeneipkan usaha cuba mengeluarkan keperluan beras dan tanaman makanan lain. Sungguhpun DPN mengakui – secara tidak langsung – bahawa sasaran ini tidak boleh dicapai, DPN bercadang supaya 80-85% daripada keperluan makanan tempatan akan dihasilkan dalam negeri, sedangkan sasaran pengeluaran ternakan dan tenusu diletakkan pada tahap yang kurang sedikit. Maka pengeluaran makanan terus digalakkan kononnya untuk tujuan 'keselamatan negara'.

Di samping itu, pengeluaran makanan tempatan terus digalakkan atas sebab kepentingan imbangannya. Mengikuti Bank Dunia,

pengimportan makanan, termasuk makanan ternakan, melebihi 50% dari jumlah keperluan Malaysia untuk berbagai bahan, 60% dari jumlah import pertanian Malaysia terdiri dari keluaran tenusu, gandum, makanan ternakan dan gula.

Mengikut suatu sumber kementerian, sementara kita membelanja wang untuk mengimport makanan manusia dan makanan binatang, negara kita masih mempunyai banyak tanah yang tidak dikerjakan sepenuhnya, seperti penanaman padi hanya sekali setahun, dan tanah yang terbiar begitu saja. Oleh kerana itu, Malaysia sekurang-kurangnya boleh mengeluarkan keperluan buah-buahan, makanan binatang dan keluaran tenusu.

Sebenarnya, bil untuk makanan yang diimport telah mencapai \$1.74 bilion dalam tahun 1983, iaitu 5.7% dari jumlah import, yang juga melibatkan kenaikan perbelanjaan sebanyak 8.7% berbanding dengan tahun 1982. Penambahan pengeluaran makanan bukan saja akan mengurangkan kos import, tetapi juga akan menguntungkanimbangan dagangan Malaysia. Contohnya, terdapat perbincangan antara pembekal Malaysia dan kerajaan Singapura mengenai kontrak pembekalan sayur-sayuran.

Kerajaan menganggar bahawa lebih daripada 55% petani padi ada di bawah garis kemiskinan. Penanaman padi melibatkan tanah seluas 470,000 ha di seluruh negara, di mana 377,000 ha ada di Semenanjung Malaysia. Pencapaian yang kurang memuaskan memandangkan pelaburan sebanyak lebih daripada \$2 bilion untuk pembangunan sektor padi (lebih dari separuh dibelanjakan untuk kerja pengairan) telah dikutuk oleh setengah pengkritik. Dalam tahun 1983, Menteri Pertanian, Anwar Ibrahim mengatakan bahawa 76.2% daripada penanam padi hidup di bawah garis kemiskinan — iaitu peratus yang jauh melebihi kadar kemiskinan resmi di kalangan penanam padi. Setengah orang menganggap DPN hanya mementingkan penambahan keluaran tanpa menghiraukan strategi pembasmian kemiskinan untuk menentang masalah kelaparan tanah, sistem penyewaan tanah yang ada dan usaha pemodenan yang menindas pengeluar-pengeluar kecil. Perdana Menteri agak sensitif terhadap perkara ini. Beliau pernah menafikan bahawa Malaysia menghadapi masalah penyewaan tanah. Mengikut pandangannya, penggabungan kebun-kebun yang tidak bersaiz ekonomi untuk menjadi mini-estet adalah lebih berkesan untuk membasmi kemiskinan dari usaha mengagihkan semula tanah, — yang sudah tentu akan ditentang oleh golongan kaya yang memiliki tanah tanpa mengerjakannya sendiri.

Kemerosotan dari segi pengeluaran padi sejak tahun 1979 sudah

rentu membandingkan. Kerajaan mengatakan bahawa ini memba-
yangkan pengurangan kawasan pertanian padi, terutama sekali tanah
yang kurang subur. Jumlah kawasan sawah yang ditanam dengan
padi dalam tahun 1982-83 telah menurun sebanyak 3.2% (kepada
254,000 ha), di kawasan yang mempunyai infrastruktur yang serba
lengkap, seperti di kawasan Muda, pengeluaran telah menurun dengan
hebat; juga selepas kehilangan beribu-ribu hektar padi akibat penyakit
viral.

Pertanian Untuk Eksport

Untuk keluaran eksport pula, DPN tidak menggalakkan pena-
niam baru getah, tetapi mementingkan perkembangan kelapa sawit
(di mana kebanyakannya patut ditanam di kawasan tanaman getah
yang sedia ada).

Penanaman koko dan tembakau yang lebih banyak digalakkan,
sementara kebun-kebun, terutamanya pengeluar makanan di sektor
tradisional, akan digabungkan menjadi mini-estet yang lebih besar.
Mengikut DPN, perubahan tersebut bertujuan 'memaksimumkan pen-
dayaanan peladang', iaitu peladang dan pelabur akan mengeluarkan
tanaman konkrit mengikut permintaan pasaran, dan tidak bergan-
tung kepada kuota atau sasaran kerajaan.

Kerajaan telah menolak pendekatan dasar pertanian Malaysia
dulu, yang pada umumnya mengutamakan barangan eksport tertentu
tanpa rancangan menyeluruh yang seimbang dan sepadu. DPN jelas
menolak pendekatan lama ini, tetapi *Kajian Separuh Penggal Rancan-
gan Malaysia Keempat (KSPRMA)* — yang terbit beberapa bulan se-
lepas DPN — yang mula menjelaskan pendekatan baru dengan polisi-
polisi yang lebih terperinci.

Kemerosotan sektor pertanian tidak boleh dinafikan lagi — ke-
jatuhan dari segi pengeluaran jelas dan kadar pertumbuhan sektor
perhatian cuma 0.2% pada 1983 berbanding dengan 4% pada 1982 dan
purata 6.2% setahun di antara 1960-70. Malah, tanpa pengeluaran
kelapa sawit (lewat pendebungaan baru telah meningkatkan hasil
sebagai 24% dalam tahun 1982 saja), prestasi kadar pertumbuhan
sektor pertanian mungkin kurang dari 1% setahun sejak awal 1980an.

Perkemungkinan pertanian yang menggalakkan pada 1960an
dan 1970an adalah akibat keadaan sementara yang tidak akan ber-
terusan, iaitu perkembangan perdagangan antarabangsa yang pesat,
perdagangan pengeluaran getah yang banyak (akibat rancangan pena-

namun semula yang bermula pada tahun 1950-an), pembalakan yang kurang terkawal dan pertumbuhan sebanyak 11 kali ganda dalam kawasan penanaman kelapa sawit serta skim pengairan padi yang giat dijalankan.

Sungguhpun demikian, kadar perkembangan ini tidak dapat berterusan. Pengeluaran pertanian, terutama sekali di sektor padi, dibataskan oleh saiz kebun yang kecil, terutamanya di kalangan pekebun kecil getah dan petani padi. Tambahan pula, keadaan pasaran antarabangsa untuk eksport pertanian Malaysia juga telah banyak berubah.

KSPRM4 telah mendakwa bahawa tanah pertanian yang subur makin terhad. Tetapi mengikut sumber-sumber Kementerian Pertanian, hanya lebih kurang 60% daripada tanah yang subur walaupun digunakan untuk tujuan pertanian; di Semenanjung Malaysia saja, terdapat lebih dari 9 juta ekar tanah yang sesuai untuk pertanian yang masih belum diusahakan. Penambahan tanah pertanian sebanyak 25% selepas 1986, terutama sekali melalui rancangan tanah FELDA, telah berjaya meningkatkan eksport pekebun kecil. Kos kemajuan tanah dan keluasan tanah terbiar masing-masing telah meningkat. Masalah tanah terbiar sebenarnya berkait rapat dengan masalah keluasan tanah, keluasan kebun yang terlalu kecil serta kekurangan tenaga kerja di kampung akibat penghijrahan pemuda-pemudi dari kawasan desa.

Terdapat perbezaan dari segi daya pengeluaran antara sektor esot moden (yang mengutamakan beberapa tanaman untuk dieksport) dan sektor petani atau pekebun kecil (yang menghasilkan makanan, lebih-kurang 40% daripada hasil getah negara serta bahan eksport lain seperti lada) makin kian bertambah luas. Faktor-faktor lain - seperti kejatuhan besar dalam harga getah dan eksport pertanian lain, disusai perlindungan hutan dan pertukaran tanaman dari getah kepada kelapa sawit - juga telah menjejaskan pengeluaran bahan pertanian tertentu.

DPN adalah amat ringkas (14 mukasurat) dan tidak terperinci. Polisi-polisi yang dicadangkan cuba menjawab kritikan-kritikan oleh Bank Dunia pada tahun 1983 tentang kemerosotan pertanian Malaysia. Menurut laporan majalah yang boleh dipercayai, dalam laporannya mengenai Malaysia untuk 1983 dan dokumen tahaia lain, yang berjudul 'Considerations for a National Agricultural Policy', Bank Dunia telah membidas kekurangan-kekurangan dalam analisisnya, termasuk penindasan yang berlebihan dalam sektor padi, kelembapan dalam usaha menggabungkan kebun-kebud kecil, penindasan birokratik dan kekeliruan polisi.

Mini-Estet : Mengelakkan Agihan Semula Tanah

Tekanan dalam DPN sesuai dengan langkah-langkah ekonomi lain, seperti usaha untuk mempercepatkan proses perindustrian. Keutamaan lain meliputi usaha untuk mengumpulkan pekebun kecil getah dan petani padi dalam mini-estet yang menikmati ekonomi bidang.

Menurut lapuran majalah tadi, satu dokumen sulit kabinet pada 1982 mengulas penggabungan – akibat paksaan kerajaan, bukan keputusan sukarela – kebun-kebun kecil untuk membentuk mini-estet yang bertujuan mencapai ekonomi bidang dari segi tenaga kerja, pengurusan dan pengeluaran, kerajaan telah menekankan bahawa ia tidak akan memaksa petani-petani mengambil bahagian dalam usaha 'urbanisasi desa' demikian, ataupun menanam tanaman tertentu. Namun, penggabungan kebun-kebun kecil menjadi mini-estet merupakan suatu proses yang amat sensitif. Maka, ia telah diberi keutamaan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luarbandar yang mengawal usaha tersebut.

Langkah kerajaan untuk menggabungkan kebun-kebun kecil dan menekankan tanaman kontan bertujuan mengatasi berbagai sekatan dalam sektor pertanian. Dokumen 1982 itu juga melaporkan bahawa masalah-masalah lain, seperti pembukaan tanah pertanian baru dan keengganan berbagai negeri memperuntukkan tanah badan pembangunan wilayah, kini menjadi halangan utama kepada pembangunan pada masa depan. Dokumen kabinet itu juga telah menentang rancangan-rancangan pengeluaran makanan kerana mengikutnya, rancangan tersebut telah mengalami kerumitan akibat kekurangan polisi, pengendalian dan keupayaan pengurusan teknologi – analisis yang timbul semula dalam DPN dan KSPRM4.

Peranan Agensi Pertanian

Pada masa depan, bukan hanya pekebun yang terpaksa menyesuaikan diri, tetapi juga agensi-agensinya kerajaan yang menyediakan perkhidmatan lanjutan, pemasaran dan sebagainya kepada mereka. Felda, (Federal Land Development Authority), Risda (Rubber Industry Smallholders Development Authority) dan Mardec (Malaysian Rubber Development Corporation) merupakan 3 agensi besar yang telah membentuk polisi lemah atau bertentangan, menurut beberapa pegawai kanan. Contohnya, dalam pemasaran getah, agensi-agensi ini bersaing antara satu sama lain di luar negeri, sementara di dalam negeri pula, mereka menindih perkhidmatan pengangkutan atau pemerosesan,

yang kadangkala diuruskan dengan kos yang tinggi. Risda, khususnya, telah membina empayar dengan sumbangan para pekebun kecil. KSPRM4 juga menganggap campurtangan kerajaan dalam bidang pertanian agak keterlaluan; pada masa depan, perkembangan kebun dan estet hanya akan melibatkan dana sektor swasta. Ini merupakan suatu pendirian yang konsisten dengan pengurangan perbelanjaan pembangunan sektor awam sejak pertengahan tahun 1982.

Dalam tahun 1983, Felda merupakan pemberi kredit pertanian yang utama (iaitu lebih kurang 50% dari semua pinjaman dan pemberian kredit), diikuti oleh bank perniagaan, syarikat kewangan, bank kerajaan, seperti Bank Pertanian, dan berbagai koperasi desa. Akibat peranan sektor awam yang berkurangan, badan kewangan swasta telah menaikkan pinjaman mereka kepada kebun dan estet baru sebanyak 12% sepanjang tahun 1982.

Soal sama ada sektor kewangan akan bertindak meningkatkan pelaburannya dalam sektor pertanian menjadi satu masalah. Bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Aziz Taha telah membidas bank-bank perniagaan kerana menyalurkan terlalu banyak kredit untuk pembangunan harta; dalam tahun 1983, bank dan institusi kewangan lain meminjam sebanyak lebih kurang M\$17 bilion untuk tujuan demikian, berbanding dengan hanya M\$4 bilion untuk sektor pertanian.

Kebanyakan pinjaman sektor swasta diberikan kepada sektor estet, bukan pekebun kecil, ataupun untuk penyewaan mesin pertanian yang berat. Keputusan kerajaan dewasa ini untuk membolehkan penggunaan tanah simpanan Melayu sebagai cagar, dan pindaan kepada Kod Tanah untuk memudahkan penggabungan tanah pertanian mungkin dapat memudahkan pinjaman dari badan swasta kepada pekebun kecil dalam jangka panjang.

Sungguhpun sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar telah mengalami pengurangan besar, iaitu daripada 60% dalam tahun 1950 kepada lebih kurang 20% dalam tahun 1983, ia masih terus menyumbangkan 30% daripada pendapatan matawang pertukaran asing. Pertanian telah merupakan kegiatan ekonomi utama selama 20 tahun selepas 1950, sebelum pengeksportan petroleum dan barang-barang perkilangan menjadi penting dalam ekonomi Malaysia.

DASAR EKONOMI BARU: MASALAH DAN MASA DEPANNYA DALAM KONTEKS RM4

Warisan 'Neo-Kolonial'

Kita mewarisi ekonomi terjajah sejak merdeka lagi. Ekonomi kita ketika itu bersifat separuh kapitalis, mempunyai pekerja yang diupah. Kegiatan Kapitalis mula meningkat melalui dagang dan pinjaman yang digalakkan oleh penjajah. Malah tujuan Portugis, Belanda dan akhirnya Inggeris menawan pelabuhan-pelabuhan di Nusantara adalah untuk menguasai perdagangan rantau ini.

Kapitalisme mula bertapak apabila terdapat pelaburan dalam kegiatan pengeluaran seperti perusahaan lombong dan pertanian. Perusahaan lombong, misalnya, menggunakan buruh terikat. Penduduk tempatan (kaum tani Melayu) tidak sanggup bekerja dalam perusahaan ini kerana keadaan bekerja teruk. Maka, pihak majikan dengan kerjasama pemerintah British, mengimport buruh dari negara lain seperti India, Cina dan dari pulau-pulau di Nusantara di bawah jajahan Belanda.

Pada akhir tahun-tahun 1920-an, akibat perjuangan kaum buruh terikat yang disokong oleh beberapa pihak tertentu, muncullah kaum buruh bebas, yang tidak lagi terikat dengan majikan. Setelah berakhirnya zaman meleset pada awal 1930, pekerja ini terus berjuang secara sulit (kesatuan sekerja tidak dibenarkan wujud sebelum 1940) menentang majikan dan penjajah British.

Pada waktu yang sama, golongan cerdik pandai Melayu, yang berpendidikan Melayu dan Islam mula bersatu padu – misalnya melalui Kesatuan Melayu Muda – melanjutkan perjuangan anti-penjajah. Perjuangan ini berterusan hingga ke zaman penaklukan Jepun dan tiba pada kemuncaknya dengan pembentukan PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat, yang melibatkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya serta beberapa badan politik lain) dan AMCJA (All Malayan Council for Joint Action) yang menyediakan Perlembagaan Rakyat sebagai rukun Malaya yang merdeka. PUTERA-AMCJA ini, yang diketuai oleh Allahyarham Dr. Burhanuddin Al-Helmy, tidak berjaya merebut kemerdekaan, dan

tidak lama kemudian, iaitu pada Jun 1945, setelah darurat diisytiharkan oleh penjajah British, kebanyakan badan anggotanya diharamkan.

Pada tahun 1957, kemerdekaan diserahkan oleh penjajah kepada Parti Perikatan. Perikatan menggunakan cadangan Bank Dunia tahun 1954, mengenai ekonomi untuk kempen pilihanraya umum tahun 1955. Kerajaan Perikatan memberikan jaminan bahawa kepentingan asing tidak akan digugat, dasar susunan ekonomi Malaya tidak akan berubah dan pelaburan asing akan terus dilayani.

Untuk mengekalkan Malaya sebagai tempat memasarkan barang keluaran British, penjajah menyekat kegiatan perindustrian. Tetapi setelah merdeka, Kerajaan Perikatan mengamalkan dasar perindustrian, menggantikan dasar import yang menguntungkan pelabur asing dan 'kaki-kaki' nya di negeri ini. Tetapi dasar perindustrian ini gagal menyediakan banyak peluang pekerjaan, dan pada akhir tahun 1960-an, dasar ini digantikan dengan dasar perindustrian bertujuan eksport, yang sesuai dengan kemunculan pembahagian kerja baru di bawah naungan syarikat-syarikat antarabangsa. Di Malaysia, Akta Galakan Industri, undang-undang buruh baru serta kawasan perdagangan bebas disediakan sesuai dengan strategi ini.

Dasar perindustrian baru ini berjaya mengurangkan kadar pengangguran. Walaupun peratus milik pelabur asing semakin berkurangan selepas merdeka, terutama pada tahun-tahun 1970-an, namun ini tidak bererti pengaruh (kuasa) mereka merosot. Sebabnya, terdapat banyak cara mengekalkan kuasa ekonomi, terutama melalui pengagihan teknologi. Tidak pula dinafikan golongan pemodal tempatan serta kelas menengah semakin memainkan peranan penting, mendukung kuasa pelabur asing ini.

Di samping sektor kapitalis, terdapat pula sektor perusahaan keluarga, yang bergiat secara kecil-kecilan. Pengusaha kecil ini, mahu tidak mahu, terperangkap dalam sistem ekonomi pasaran yang dikuasai — langsung atau tidak langsung — oleh kapitalis asing dan tempatan. Di kalangan pengusaha kecil ini, terdapat juga perbezaan, misalnya dalam luas tanah milik antara petani miskin dan petani kaya. Ataupun terdapat perbezaan antara penjaja kecil tanpa lesen dengan saudagar yang mempunyai gedung; ataupun antara seorang tukang kasut dengan seorang tukang kayu yang mempunyai bengkel yang serba lengkap. Memang semua orang bercita-cita menjadi peniaga besar, tetapi tidak semua yang dapat memenuhi cita-cita itu. Cukuplah sekadar menikmati pendapatan yang sederhana atau kecil.

Demikianlah, sistem ekonomi bebas kita sebenarnya merupakan sistem ekonomi pasaran yang dikongkong oleh kaum pemodal bertaraf

antarabangsa, yang memeras untuk memperoleh keuntungan yang maksimum. Akibatnya muncullah pendapatan yang tidak seimbang. Ini seterusnya dikaitkan pula dengan pola agihan harga, terutama pemilikan dan kawalan terhadap bahan pengeluaran seperti tanah dan modal.

Masalah Kemiskinan

Dasar pembangunan ekonomi yang kita amalkan sejak merdeka itu menyebabkan jurang agihan pendapatan semakin bertambah luas. Timbul anggapan bahawa satu kaum sedang menguasai bidang ekonomi sementara kaum yang lain menguasai bidang politik. Pada hal hanya segelintir daripada kaum-kaum yang terlibat yang sebenarnya berkuasa dalam bidangnya masing-masing. Namun, anggapan demikian mempengaruhi fahaman politik sebahagian besar rakyat, dan secara tidak langsung pula mempengaruhi keputusan pilihanraya Mei 1969 yang akibatnya tercetus rusuhan kaum. Peristiwa rusuhan kaum ini memberi peluang kepada 'golongan muda' dalam UMNO mengambil alih teraju pemerintahan yang kemudiannya mewujudkan dan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970. Oleh kerana DEB dianggap kayu pengukur utama dalam sebarang perbincangan mengenai dasar pembangunan ekonomi negara, maka kita perlulah mengkaji sejauh mana DEB mampu mengatasi masalah ekonomi negara.

Boleh dikatakan, tempoh 1957-1969 merupakan zaman "ekonomi bebas" yang pola pembangunannya menguntungkan para pelabur swasta (tempatan dan asing). Sejak tahun 1970, barulah bertambah penglibatan kerajaan dalam bidang ekonomi dan wujudlah apa yang dinamakan "ekonomi campuran" di negeri ini. Namun, ada setengah kalangan menganggap "ekonomi campuran" tetap dikuasai golongan kapitalis tetapi dalam bentuk baru, yang menggunakan alat kerajaan untuk pengumpulan modal. Golongan baru ini ditentang oleh sebahagian besar pemodal swasta, terutama pemodal bukan Bumiputera yang merasai kebebasannya meluaskan pengaruh disekat dan ditekan. Mereka menuntut sistem "ekonomi bebas" dilaksanakan sepenuhnya tanpa campur tangan kerajaan.

Kita teliti buku *Rancangan Malaysia Keempat* (RM4) dan kaitkan dengan DEB, keadilan ekonomi dan hubungan antara kaum. Kita lihat anggaran rasmi peratusan isi rumah yang miskin mengikut sektor tahun 1970, 1975 dan 1980. Peratusan isi rumah miskin menurun dari 49.3% pada tahun 1970 kepada 43.9% pada tahun 1975 dan 29.2% pada tahun 1980. Data ini pernah dipersoalkan. Misalnya, garis kemiskinan rasmi tidak disebutkan lagi dalam buku *Rancangan Malaysia* baru-baru ini.

Maka terdapat kemungkinan bahawa kemiskinan telah dapat dihapuskan melalui permainan statistik. Namun, untuk tujuan analisa saya mengandaikan bahawa data rasmi ini adalah betul.

Kita perlu mengetahui tentang konsep kemiskinan yang rasmi. Kerajaan menganggap kemiskinan secara mutlak, bukan secara relatif, dan mengukurnya berdasarkan garis kemiskinan (yang tidak dinyatakan lagi). Takrif memungkinkan jurang ketidaksamaan pendapatan bertambah besar walaupun kadar kemiskinan menurun jika kadar pertumbuhan cukup pesat. Antara tahun 1957 dan 1970, jurang ketidaksamaan pendapatan bertambah besar sementara pendapatan sebenar golongan miskin merosot (Perbendaharaan, 1974). Ertinya, yang kaya bertambah kaya, dan yang miskin bertambah miskin. Pada tahun-tahun 1970-an, nampaknya pendapatan sebenar 40% isi rumah yang termiskin meningkat, sedangkan jurang agihan pendapatan bertambah besar, menurut *RM4*.

Memikirkan masih belum ada petunjuk yang lebih tepat, maka nisbah antara pendapatan purata dan pendapatan penengah dari tahun 1970 hingga tahun 1979 kita gunakan sebagai tanda kecenderungan (trend) ketidaksamaan pendapatan. Menurut *RM4* lagi, jurang agihan pendapatan bagi seluruh Semenanjung Malaysia — dan juga bagi kaum Melayu, Cina dan di kalangan penduduk bandar dan luar bandar — bertambah besar pada dasawarsa yang lalu. *RM4* turut menunjukkan bahawa kadar pertambahan pendapatan purata bagi 40% isi rumah termiskin di Semenanjung Malaysia kurang dari kadar bagi 100% isi rumah. Oleh yang demikian jelas kadar kemiskinan pada tahun-tahun 1970-an memang berkurang tetapi jurang ketidaksamaan pendapatan bertambah lebar.

RM4 menjelaskan kadar kemiskinan banyak berkurangan pada akhir tahun-tahun 1970-an. Mari kita teliti pula pengaruh harga barang terhadap kemiskinan ini terutama di kalangan pekebun kecil getah dan penanam padi. Menurut *RM4* harga getah asli naik dari \$1.28 sekg pada tahun 1970 kepada \$1.39 sekg pada 1975 dan \$3.00 pada 1980. Dengan demikian, kadar peningkatan purata setahun bagi harga getah adalah 1.7% tahun 1971-1975 dan 16.6% tahun 1976-1980. Keluaran getah sehektar meningkat dari 750 kg. tahun 1970 kepada 1,069 kg pada tahun 1975 dan 1,105 kg. tahun 1980. Ternyata, harga getah yang tinggi pada tahun 1980 adalah faktor penyebab yang utama kadar kemiskinan di kalangan pekebun kecil getah menurun iaitu dari 59.8% kepada 41.3%. Tetapi, pada tahun 1981, harga getah asli merosot dan harga barang naik. Jika keadaan begini berlanjutan, nescaya kadar kemiskinan di kalangan penoreh getah tidak dapat dikurangkan dari

segi jangka panjangnya. Bagaimana dengan penanam padi? Statistik menunjukkan harga belian padi berdasarkan Skim Harga Minimum Terjamin Kerajaan meningkat dari \$16.00 sepikul tahun 1970, kepada \$24.28 tahun 1975, \$28.32 tahun 1979 dan \$36.40 tahun 1980. Menurut *RM4*, kadar kemiskinan di kalangan penanam padi pula menurun dari 96% kepada 55.1% pada tahun 1980. Kadar kemiskinan golongan ini jatuh dari 88.1% tahun 1970 ke 77.0% tahun 1975.

Walaupun beberapa faktor, termasuk pendapatan luar musim, luas sawah dan belanja pengeluaran yang meningkat kerana menggunakan alat jentera, bahan bakar dan bahan kimia (baja dan racun), mempengaruhi pendapatan bersih penanam padi, nampaknya skim subsidi — wang dan baja — kerajaan memainkan peranan penting mengurangkan kadar kemiskinan ini. Ini dianggap peningkatan daya pengeluaran tanpa subsidi tidak begitu penting, sehingga pengurangan kadar kemiskinan di kalangan penanam padi banyak disebabkan oleh subsidi kerajaan. Ini bererti penanam padi ditanggung oleh penduduk yang tidak mengeluarkan padi.

Pemberian subsidi mestilah terhad. Dan dalam memberikan subsidi, perlu juga diperhatikan kedudukan petani kaya dan pemilik tanah sama ada mereka ini patut menerimanya atau tidak.

Dalam sektor lombong, nilai upah pekerja naik 8.6% setahun dalam tahun 1976-1980. Bagaimanapun, sektor ini merupakan satu-satunya sektor yang secara relatif dan mutlak mempunyai kadar kemiskinan yang meningkat, iaitu dari 31.8% kepada 34.0%. Bilangan isi rumah miskin dalam golongan ini bertambah dari 10,100 tahun 1975 kepada 11,100 tahun 1980. Padahal harga timah meningkat dari \$15,075 satu tan metrik pada tahun 1975 kepada \$35,717 satu tan metrik pada tahun 1980. Sepanjang tahun-tahun 1975-1980 produktiviti bertambah.

Inilah kecenderungan (trend) yang kita lihat dalam sektor lombong. Dan kecenderungan ini menggambarkan bahawa naik turunnya harga barang memberi kesan yang berlainan kepada pendapatan golongan pengeluar yang berbeza. Pendapatan para pengeluar barang sendiri terikat secara langsung pada gerakan harga barang berkenaan sedangkan pendapatan pekerja upahan tidak terikat. Dengan demikian kesan kenaikan harga terhadap kadar kemiskinan turut berbeza, misalnya, antara pekebun kecil dengan pekerja lombong. Sedangkan dalam sistem ekonomi kita golongan pekerja upahan kian ramai. Perkara ini mempunyai implikasi yang penting oleh kerana peningkatan daya pengeluaran tidak semestinya memperbaiki nasib para pekerja upahan.

Menyusun Semula Masyarakat

Perbincangan mengenai matlamat DEB untuk penyusunan semula masyarakat biasanya merujuk kepada beberapa aspek tertentu saja, seperti agihan milik saham syarikat, pekerjaan dan pelajaran. Perhatian yang lebih diberikan pada soal pemilihan sektor perniagaan moden, walaupun hanya segelintir penduduk yang terlibat. Ini membayangkan golongan mana yang sebenarnya mempengaruhi serta menentukan apa yang kononnya merupakan kepentingan kaum. Dalam *RM4*, dikemukakan dua perkembangan baru. Pertama, walaupun sasaran 9.0% milik Bumiputera tahun 1975 dilangkaui, namun pada tahun 1980 hanya 12.4% dimiliki kaum Bumiputera, iaitu kurang dari sasaran asal sebanyak 16.0% yang terkandung dalam Rancang Malaysia Ketiga (RM3). Oleh itu pencapaian matlamat 30% menjelang tahun 1990 memerlukan kadar pengumpulan modal yang lebih agresif lagi.

RM3 menganggarkan bahawa 30% milik Melayu dalam sektor moden menjelang tahun 1990 terdiri dari 7.4% milik "individu Melayu" dan 22.6% milik "kepentingan Melayu". *RM4* pula meramalkan "individu Bumiputera" akan memiliki hanya 5.2% menjelang tahun 1990, sedangkan "agensi amanah Bumiputera" akan memiliki 24.8%. Maka nisbah pemilikan antara agensi dan individu Bumiputera bagi tahun 1990 meningkat dari 3.05 kepada 4.77. Ini merupakan perubahan besar yang mempunyai implikasi penting untuk pembentukan sifat dan penentuan masa depan golongan atasan Bumiputera serta penentuan peranan kerajaan pada masa depan. Tindakan lebih agresif untuk mencapai sasaran 30% barangkali akan dilakukan melalui kerajaan dan agensi amanah Bumiputera.

Walaupun modal tempatan milik bukan Bumiputera (kebanyakannya Cina) memiliki 40.1% pada tahun 1980, kurang sedikit daripada sasaran 40.4% seperti yang diramalkan oleh *RM3*, namun perlu kita sedari bahawa ia dicapai melalui "gangguan" Akta Penyelarasan Industri, perolehan kadar faedah yang lebih lumayan di luar negeri dan keinginan melabur di luar negeri. Pengaruh kepentingan ini tidak patut diremehkan, tetapi jika dibandingkan dengan keadaan dalam dasawarsa 1960 terdapat kemerosotan dalam pengaruh ini yang mengakibatkan wujudnya strategi baru bagi menghadapi keadaan.

Patut disedari juga, walaupun pengusaha Cina masih menguasai bidang ekonomi, namun golongan ini tidak mempunyai banyak kuasa terhadap sektor kewangan ataupun terhadap sektor kapitalis tradisi (seperti perdagangan import-eksport dan pengeluaran barang utama)

yang sedang beralih daripada tangan pelabur asing, terutama British, kepada kerajaan. Peralihan ini yang dikatakan perlu demi kepentingan Bumiputera.

Matlamat 30% milik Bumiputera dalam bidang ekonomi menjelang tahun 1990 boleh dicapai kerana pemodal asing (termasuk pemodal British) tidak akan bertindak mati-matian mempertahankan kepentingan ala penjajah mereka dalam sektor perdagangan import-eksport dan perusahaan utama, asal saja kepentingan pemodal asing secara keseluruhan tidak terjejas. Lagi pun, syarikat-syarikat asing yang moden tidak menganggap pemilikan sebagai suatu yang perlu bagi menjamin penguasaan dan keuntungan, kerana mereka masih tetap menguasai aspek teknologi, pemasaran, pengurusan, dan yang lebih penting pemindahan keuntungan secara rahsia dengan mempermainkan akaun syarikat.

Dari peruntukan belanjawan, kerajaan mengalihkan perhatian dari matlamat membasmi kemiskinan kepada matlamat menyusun semula masyarakat. Nisbah antara peruntukan untuk menyusun semula masyarakat dengan peruntukan untuk membasmi kemiskinan meningkat dari 0.216 dalam RM2 kepada 0.373 dalam RM3 dan 0.472 untuk RM4. Berdasarkan nisbah ini, maka boleh diandaikan bahawa tidak lebih daripada 5% kaum Bumiputera akan menikmati faedahnya dibandingkan dengan 46.4% jumlah kaum Bumiputera yang masih miskin pada tahun 1976. Kecenderungan ini jelas mencerminkan bahawa pengaruh golongan-golongan yang menikmati faedah dari usaha-usaha 'penyusunan semula' terus bertambah kuat di kalangan pihak yang berkuasa. Memandangkan bahawa (1) bilangan orang yang dapat menikmati faedah dari usaha pembasmian kemiskinan jauh melebihi golongan yang menjadi tumpuan usaha-usaha penyusunan semula; (2) bahawa pengurangan dalam kadar kemiskinan yang sudah tercapai setakat ini adalah atas asas ekonomi yang tidak berkekalan; (3) jurang dalam agihan pendapatan nampaknya terus bertambah luas, kecenderungan ini mempunyai implikasi amat serius.

Suatu hal yang mesti difikirkan ialah bahawa jumlah peruntukan untuk tujuan membasmi kemiskinan belum tentu dapat menguntungkan penduduk miskin secara keseluruhan. Misalnya, skim harga minima terjamin untuk petani didapati memberi faedah besar kepada hanya petani kaya, yang boleh mengeluarkan padi berlebihan untuk dijual.

Bidang pekerjaan dan pelajaran, yang merupakan bidang penting dalam DEB, adalah punca perselisihan antara kaum terutama di peringkat menengah. Ini tidak bermakna bahawa lapisan-lapisan lain tidak

merasai ketegangan ini tetapi bagi golongan bawahan yang tidak pernah menikmati faedah dari susunan sosio-ekonomi dahulu, keadaan sekarang tidak banyak berbeza, sedangkan bagi golongan peniaga atasan pula, perkara lain merupakan punca ketegangan yang utama. Dengan melaungkan cogan kata demi perlunya keseimbangan dalam bidang sosioekonomi antara kaum di satu segi dan demi perlunya mewujudkan susun lapis masyarakat berdasarkan kelayakan, kebolehan serta kemampuan di segi yang lain maka wujudlah ketegangan kaum terutama di peringkat menengah. Sebabnya di peringkat ini asas untuk bekerjasama dengan tujuan perpaduan adalah terlalu kurang. Maka tidaklah menghairankan bahawa kelas menengahlah yang banyak menyokong malah memimpin kegiatan perkauman kaum atau menjulang nasionalisme sempit.

Oleh kerana pemimpin kelas menengah tidak begitu terikat kepada kepentingan kelas atasan, mereka tidak berasa begitu tersekat oleh 'keperluan' mengekalkan hubungan muhibah antara kaum yang wujud di kalangan kelas atasan ini. Pemimpin-ini lebih berani bersuara lantang membuat tuntutan, yang kononnya demi kepentingan seluruh kaum. Mereka kadangkala tidak menghormati golongan atasan kerana dikatakan terlalu sanggup bertolak ansur. Misalnya, isu UMBC dan Dunlop baru-baru ini, lebih banyak diperdebatkan oleh ahli-ahli politik Melayu dan Cina yang tidak mempunyai kepentingan langsung. Kononnya, masalah ini menyangkut kepentingan kaum masing-masing. Kemudian, perkara yang menjadi tumpuan minat kelas menengah (seperti peluang untuk pelajaran, pekerjaan dan kenaikan pangkat) dapat menarik lebih banyak perhatian serta sokongan umum kalau dibandingkan dengan perkara yang diminati oleh kelas atasan (seperti matlamat 30% atau Akta Penyelarasan Perusahaan). Bukan pula tujuan saya menyatakan bahawa semua pemimpin kelas menengah ingin memajukan kepentingan golongan atasan tetapi dengan memperjuangkan kepentingan serta perpaduan kaum, mahu tidak mahu, mereka sebenarnya hanya membela kepentingan kelas tertentu, dengan menganggapnya sama dengan kepentingan seluruh kaum.

Sebenarnya, kegiatan kaum mewujudkan kegiatan kaum yang lain. Dan apabila wujud kegiatan kaum yang saling bertentangan, akibatnya pertentangan antara kaum yang lebih hebat akan timbul kerana masing-masing kaum enggan mengadakan kompromi. Walaupun saya tidak meramalkan bahawa bakal berlaku rusuhan seperti Peristiwa 13 Mei 1969 yang lalu, tetapi tiada bukti yang dapat menjamin bahawa pertentangan seperti itu dapat diatasi, sama ada dari segi jangka pendek atau jangka panjang. Barangkali, suatu keadaan 'perang dingin' akan

terus wujud hingga ia menjadi sebahagian cara hidup masyarakat kita.

Saya tidak berpendapat pemimpin kita sedang memperburukkan lagi keadaan. Namun, ramai percaya bahawa kebanyakan pemimpin terperangkap dalam keadaan di luar kawalan mereka, dan bukan sedikit pula yang ingin mencari penyelesaian yang dapat diterima oleh semua pihak. Bagaimanapun yang masih percaya bahawa tuntutan mereka adil dan munasabah akan terus memperjuangkannya.

Tetapi pilihan sebenar yang masih terbuka bagi masyarakat kita untuk menyelesaikan masalah perkauman adalah terhad. Sesuatu gerakan rakyat yang benar-benar bersifat nasional, bukan berasaskan kepada perkauman nampaknya tidak akan mendapat sambutan umum. Tidak ada cara lain untuk mengatasi masalah dan oleh kerana itu usaha mencari jalan mengatasi masalah ini perlu dijadikan perkara utama dalam agenda kebangsaan. Pada dasarnya, pilihan sebenar bagi tahun-tahun 1980-an adalah: usaha mengatasi kejahilan perkauman atau keadilan melalui pembebasan.

Sistem Ekonomi Adil Dan Berdikari Perlu Difikirkan

Tuntutan untuk mewujudkan keadilan berdasarkan pembebasan, bukan merupakan impian semata-mata ataupun cogan kata kosong. Tugas kita sekarang ialah mencari pilihan yang adil dan tepat. Strategi pembangunan alternatif diinginkan sebagai dasar untuk mencapai keadilan yang menyeluruh, termasuk keadilan ekonomi. Strategi demikian hanya dapat dibentuk melalui perbincangan serta perbahasan umum mengenai lunas-lunasnya. Strategi ini tidak dapat dipaksakan dari atas, tetapi mesti diusahakan melalui suatu persetujuan rakyat jelata yang terlibat seperti pekerja, petani, nelayan, tukang, penjaja dan lain-lain, tanpa mengira kaum. Juga golongan yang ingin menyebelahi rakyat jelata seperti ahli sains, profesional dan peniaga kecil. Merekalah yang menuntut suatu keadilan yang menyeluruh, bukan untuk satu-satu kaum saja.

Dalam usaha membasmi kemiskinan hendaklah diutamakan penyelesaian masalah merapatkan jurang agihan pendapatan. Kita boleh merapatkan jurang ini dengan mengamalkan prinsip agihan atau pembahagian pendapatan yang berdasarkan usaha setiap orang. Jurang antara lapisan dalam tangga pendapatan patut dirapatkan dan pendapatan yang berpunca dari sumber lain, seperti darjat, pangkat, keistimewaan, rasuah dan harta (termasuk modal dan tanah), patut dikurangkan. (Maksud harta di sini ialah bahan pengeluaran yang mendatangkan pendapatan, bukan harta peribadi untuk kegunaan sen-

diri). Orang yang memiliki melalui titik peluh orang lain tidak patut menikmati pendapatan lumayan; sementara orang yang rajin berusaha, tetapi tidak berharta, patut menikmati taraf hidup yang lebih baik. Usaha demikian akan menguntungkan mereka yang rajin berusaha dan mengancam kepentingan mereka yang malas tetapi hidup mewah atas usaha orang lain.

Dalam pada itu kemudahan masyarakat hendaklah disediakan demi memelihara kepentingan yang berusia muda, yang tua, uzur, cacat dan yang kurang bernasib baik.

Perlu ditekankan bahawa pendapatan yang seimbang tidak dapat dicapai dalam jangka masa yang pendek, dan mewujudkan pendapatan yang demikian bukan menjadi sasaran usaha ini. Jurang pendapatan akan berterusan buat beberapa lama. Yang perlu diperhatikan ialah kurang agihan pendapatan tidak semestinya ada untuk menjamin pembangunan ekonomi dan keadilan sosial.

Misalnya, bagi kaum tani, punca pengeluaran utama mereka adalah tanah. Usaha membuka tanah pertanian baru bagi para petani yang kelaparan tanah amat perlu, kerana dirasakan masalah kelaparan tanah ini sudah berlarut-larut sejak kita dijajah lagi. Di samping itu, suatu penyusunan semula terhadap tanah yang sudah diusahakan adalah juga perlu bagi mengatasi terutama masalah penyewaan tanah. Pertimbangan dari segi jangka panjang adalah perlu dalam penyusunan semula itu. Antara pertimbangan itu ialah mengadakan usaha pertanian secara kelompok atau gotong-royong setanding dengan estet. Dalam bidang perusahaan pula, pekerja perusahaan sendiri patut mengambil alih perusahaan bila sampai waktunya dan perusahaan itu diusahakan secara koperasi. Jika ini dapat dilaksanakan, usahakan agar sistem tanggungaji perusahaan dikekalkan buat sementara waktu, supaya para profesional dan pekerja mahir sanggup meneruskan kerja untuk memajukan perusahaan. Di samping itu perusahaan baru yang diuruskan secara koperasi patut digalakkan. Elakkan sebarang penyelewangan yang wujud dalam gerakan koperasi masa kini. Masalah perusahaan sulit berkembang maju patut diselesaikan.

Usaha lain untuk mewujudkan sistem ekonomi yang adil dan bersifat berdikari perlu difikirkan. Usaha ini perlu diselaraskan melalui proses perancangan menyeluruh yang tidak terpusat, yang dengan mengikutsertakan semua yang terlibat (terutama golongan pengeluar), bukan hanya golongan perancang yang kononnya mempunyai maklumat dan pengetahuan yang lengkap. Usaha membangun ekonomi yang bersifat berdikari perlu mengambilkira warisan ekonomi yang sedia ada, terutama kekuatan serta kelemahan yang merupakan akibat dari proses

pembangunan tak seimbang dalam ekonomi terbuka, warisan penjajah.

Usaha mencapai pembangunan ekonomi yang bersifat berdikari adalah rumit, terutama apabila ekonomi kita sudah lama terdedah dan bergantung kepada pengaruh asing. Ini menjadikan tugas perancang menjadi jauh lebih besar dan penting. Dengan mengenal dan memahami kelemahan sistem ekonomi, kita boleh membuat perbaiki-perbaiki.

Andaian penting di sebalik huraian di atas ialah matlamat pembangunan ekonomi yang adil dan bersifat berdikari hanya dapat dicapai melalui kerjasama antara kaum pengeluar (kaum pekerja dan kaum tani), kaum intelek, pelajar dan sebagainya. Syarat penting untuk mencapai matlamat ini ialah keadaan yang membolehkan kerjasama ini diadakan perlu diwujudkan. Jelasnya, usaha untuk mencapai keadilan — ekonomi dan sosial — tidak boleh dipisahkan dari usaha yang dapat menjalin kebebasan bersama.

KSPRM4: MENCERMINKAN FIKIRAN MAHATHIR

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat (KSPRM4) jelas menunjukkan kesan kemerosotan ekonomi dunia pada awal tahun 1980-an terhadap ekonomi Malaysia. Walaupun terdapat kemerosotan ekonomi antarabangsa, namun ekonomi Malaysia berkembang dengan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) purata sebanyak 6.2 peratus setahun di antara tahun 1981-83. Dalam tempoh ini juga sektor pembinaan tumbuh dengan kadar 13.1 peratus setahun, sedangkan sektor pengangkutan, penggudangan dan perhubungan berkembang dengan kadar tahunan 11.6 peratus. Dalam tempoh ini, sektor utama yang kebanyakannya berhubung dengan pengeluaran bahan-bahan untuk diekspor, ketinggalan dengan kadar pertumbuhan hanya sebanyak 4.2 peratus setahun. Meskipun terdapat kenaikan sebanyak 16.2 peratus dalam sektor perlombongan dan penggalian pada tahun 1983, hasil daripada keluaran petroleum tambahan. Yang lebih membimbangkan ialah kenaikan sebanyak 20.4 peratus setahun dari segi bayaran untuk perkhidmatan bank, terutamanya untuk pinjaman kerajaan yang terus meningkat.

Ekonomi Malaysia semakin terbuka di antara tahun 1981-83, walaupun telah mengalami kesan buruk akibat pergantungannya terhadap ekonomi dunia. Dalam tempoh ini, kadar eksport bertambah dengan kadar purata 6.2 peratus setahun mengikut harga semasa, dan dengan kadar 7.5 peratus setahun mengikut harga tahun 1970, sedangkan import berkembang dengan kadar 10.7 peratus berdasarkan harga semasa, ataupun 9.6 peratus berdasarkan harga tahun 1970 berbanding dengan kadar pertumbuhan KDNK sebanyak 9.2 peratus setahun mengikut harga semasa dan 6.2 peratus berdasarkan harga tahun 1970.

Menurut harga semasa, bahagian eksport dalam KDNK telah jatuh dari 59.2 peratus pada tahun 1980 ke 54.1 peratus pada tahun 1983, sedangkan peratus import dibandingkan dengan KDNK telah naik dari 56.6 peratus pada tahun 1980 ke 58.7 peratus pada tahun 1983. Tetapi berdasarkan harga tahun 1970, bahagian eksport ini telah meningkat

dari 43.3 peratus pada tahun 1980 ke 45.0 peratus pada tahun 1983, sedangkan peratus import naik dari 48.4 peratus pada tahun 1980 ke 53.2 peratus pada tahun 1983.

Perbezaan besar di antara *trend* dari segi harga semasa dan *trend* dari segi harga tahun 1970-an adalah akibat perubahan dalam syarat perdagangan. Apabila tahun 1970 digunakan sebagai tahun rujukan, angka tunjuk harga eksport telah jatuh dari 270.2 pada tahun 1980 ke 260.1 pada tahun 1983, sedangkan angka tunjuk harga import telah naik dari 231.0 pada tahun 1980 ke 238.2 pada tahun 1983; maka syarat perdagangan telah jatuh sebanyak 2.3 peratus di antara tahun 1981-83. Walaupun KDNK bertambah, di antara tahun 1981-83 dengan kadar tahunan sebanyak 9.2 peratus menurut harga semasa dan 6.2 peratus berdasarkan harga tahun 1970, kemampuan membeli sebenar telah meningkat hanya sebanyak 5.1 peratus.

Setelah mencapai kemuncak pada penghujung tahun 1970-an harga kebanyakan barang eksport Malaysia telah jatuh pada awal tahun 1980-an. Harga getah telah jatuh sebanyak 17.3 peratus dalam tahun 1981 dan 23.0 peratus dalam tahun 1982 dari 302.6 sen sekilo pada tahun 1980 ke 192.7 sen pada tahun 1982, sebelum meningkat semula pada tahun 1983. Harga timah telah jatuh dari \$36,040 setan metrik pada tahun 1980 ke \$30,093 pada tahun 1983 sedangkan jumlah eksport telah jatuh dari 69,500 tan metrik pada tahun 1980 ke 57,100 tan metrik pada tahun 1983.

Harga minyak sawit telah jatuh dari \$1,176 setan metrik pada tahun 1980 dan \$1,153 pada tahun 1981 sebanyak 14.7 peratus ke \$948 pada tahun 1982, sebelum meningkat semula ke \$1,022 pada tahun 1983. Harga purata kayu balak telah naik turun dari \$173 semeter padu pada tahun 1980 ke \$156 pada tahun 1981, \$175 pada tahun 1982 dan \$149 pada tahun 1983, sedangkan harga kayu gergaji telah jatuh dari \$393 pada tahun 1980 ke \$360 pada tahun 1981 dan \$351 pada tahun 1982, sebelum meningkat semula ke \$371 pada tahun 1983. Jelaslah bahawa eksport kayu balak patut diharamkan.

Harga petroleum mentah telah jatuh dari \$682.00 setan metrik pada tahun 1981 ke \$553.40 pada tahun 1983, sedangkan pengeluaran telah meningkat dari 258,100 tong A.S. sehari pada tahun 1981 ke 440,000 tong yang dijangka untuk tahun 1984. Eksport minyak telah naik dari 10,143,000 tan metrik pada tahun 1981 ke 14,223,900 tan metrik pada tahun 1983, walaupun pendapatan dari eksport minyak hanya naik sedikit dari \$6,918 juta pada tahun 1981 ke \$7,871 juta pada tahun 1983.

Gas cecair asli, mula dieksport pada tahun 1983 dengan harga \$578 setan metrik, jauh berkurangan dari harga \$821 yang diramalkan dalam RM4. Penjualan semua gas cecair asli yang dieksport kepada dua pembeli Jepun (dengan harga kontrak) tidak memperkuatkan kedudukan tawar-menawar Malaysia.

Hanya eksport buatan pulih dengan baik pada tahun 1983, dengan kadar 31.6 peratus dalam tahun itu; dengan ini, jumlah nilai eksport telah meningkat sebanyak 17.0 peratus pada tahun 1983 ke \$32,923 juta.

Sebagai rumusan, nilai seunit eksport pertanian Malaysia telah jatuh dengan kadar purata 6.8 peratus setahun di antara tahun 1981-83, 70.7 peratus dari paras harga tahun 1980 pada tahun 1982. Harga eksport keluaran hutan telah jatuh sebanyak 3.9 peratus setahun ke hanya 88.7 peratus dari harga tahun 1980 pada tahun 1983, sedangkan harga keluaran galian telah merosot sebanyak 3.4 peratus setahun ke hanya 90.1 peratus dari harga tahun 1980 pada tahun 1983.

Walaupun terdapat kemerosotan ekonomi serta *trend* buruk dari segi syarat perdagangan pada awal tahun 1980-an, import Malaysia telah berkembang dengan kadar purata 9.1 peratus setahun, iaitu lebih pesat dari kadar pertumbuhan KDNK sebenar. Import barang pengguna telah tumbuh dengan lebih pesat sedikit, dengan kadar 9.4 peratus setahun, sedangkan pengeluaran makanan sahaja telah meningkat dari \$1,185 juta pada tahun 1980 ke \$1,745 pada tahun 1983.

Imbangan Bayaran Membimbangkan

Beberapa *trend* dari segi imbangan bayaran dalam beberapa tahun kebelakangan ini sungguh membimbangkan. Walaupun terdapat kekurangan sebanyak \$1,199 juta dalam akaun barangan pada tahun 1982, ia telah pulih pada tahun 1983. Nampaknya, Malaysia tidak akan menikmati imbangan perdagangan pada masa depan seperti dahulu.

Yang lebih membimbangkan, kekurangan dalam akaun perkhidmatan terus berkembang, daripada \$6,021 juta pada tahun 1982 ke \$8,295 juta pada tahun 1983, apabila pengangkutan dan insurans sahaja melibatkan \$2,243 juta. Yang lebih memeranjatkan ialah aliran keluar pendapatan dari pelaburan asing yang telah meningkat sebanyak 60.4 peratus dalam tahun 1983 ke \$3,592 juta.

Kemasukan pinjaman asing bersih telah meningkat dari \$310 juta pada tahun 1980 ke \$2,909 juta pada tahun 1981 dan \$4,622 juta pada tahun 1982, sebelum jatuh ke \$3,724 juta pada tahun 1983. Kredit perdagangan juga telah meningkat dengan pesatnya dalam beberapa tahun kebelakangan ini, dari \$101 juta pada tahun 1981 ke

\$581 juta pada tahun 1982 dan \$1,095 juta pada tahun 1983.

Tidak perlu ditekankan bahawa pinjaman ini mesti dijelaskan dengan bayaran bunga; maka sumbangan positifnya kini dari segi imbangan bayaran adalah hanya sementara dan akhirnya akan menjadi negatif pula. Walaupun kenaikan pesat dalam pinjaman asing baru-baru ini telah dapat mengurangkan kesan buruk dua krisis ekonomi yang dihadapi, iaitu masalah imbangan bayaran dan kekurangan fizikal, kesannya hanya buat sementara dan boleh mengakibatkan tanggungan beban pinjaman yang semakin berat jikalau trend ini tidak dikawal secepat mungkin.

Salah satu punca masalah ini adalah jelas, iaitu keterbukaan atau pergantungan ekonomi Malaysia terhadap ekonomi dunia. Malangnya, tiada penyelesaian atau jalan keluar yang mudah; namun demikian, usaha serius untuk membina sebuah ekonomi nasional yang lebih berdikari, berasaskan susunan ekonomi yang lebih seimbang dan sepadu di peringkat kebangsaan akan merupakan langkah baik ke arahnya.

Kemiskinan Meningkat

Walaupun bilangan isi rumah miskin telah meningkat dari 635,900 pada tahun 1980 ke 717,600 pada tahun 1983, peratus isi rumah miskin hanya meningkat sedikit, dari 29.0 peratus pada tahun 1980 ke 30.3 peratus, menurut KSPRM4. Trend demikian mencerminkan pentingnya harga barang utama terhadap trend kemiskinan.

Sebelum itu, kadar kemiskinan telah berkurangan sedikit pada awal tahun 1970-an, dari 49.3 peratus pada tahun 1970 ke 43.9 peratus pada tahun 1975, oleh kerana harga barang utama, terutamanya getah, berada pada paras yang agak rendah pada tahun 1975. Kemudian, kadar kemiskinan telah jatuh ke 29.0 peratus pada tahun 1980, akibat dari harga barang utama yang tinggi pada penghujung tahun 1970-an.

Garis kemiskinan masih dirahsiakan dalam KSPRM4. Ini telah menimbulkan kebimbangan bahawa kemiskinan dapat dibasmikan dengan mempermainkan angka statistik, seperti yang pernah berlaku di Amerika Syarikat pada bulan April 1982, apabila jumlah orang miskin di AS telah dikurangkan seramai sembilan juta orang hanya dengan menggunakan takrif kemiskinan baharu.

Pentingnya garis kemiskinan telah menarik perhatian pada penghujung tahun 1983, apabila Encik Anwar Ibrahim telah mengumumkan kadar kemiskinan sebanyak 42.8 peratus pada tahun 1983 mengikut suatu kajian oleh SERU (Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri) yang menggunakan garis kemiskinan dengan penda-

patan purata sebuah isi rumah sebanyak \$384 sebulan.

Memandangkan sensitifnya kadar kemiskinan kepada takrif yang digunakan, adalah lebih bermakna jikalau kerajaan menerbitkan maklumat terperinci mengenai agihan pendapatan dan kekayaan, supaya orang ramai mendapat gambaran yang lebih lengkap mengenai jurang agihan kekayaan dan kemiskinan.

Kenaikan kadar kemiskinan dalam sektor pertanian, dari 45.7 peratus pada tahun 1980 ke 54.9 peratus pada tahun 1983, banyak disebabkan oleh kenaikan di kalangan pekebun kecil getah (dari 41.3 peratus, ke 61.1 peratus) dan pekerja estet (dari 35.6 peratus ke 54.6 peratus). Di bandar, di mana kadar kemiskinan jatuh dari 12.6 peratus pada tahun 1980 ke 11.1 peratus pada tahun 1983, hanya sektor perlombongan telah mengalami kenaikan besar dari segi kemiskinan, dari 33.0 peratus pada tahun 1980 ke 41.0 peratus pada tahun 1983.

Pelaksanaan langkah pembasmian kemiskinan yang menekankan usaha meningkatkan daya pengeluaran selama lebih dari sepuluh tahun kebelakangan ini jelas mendedahkan kekurangan dasar demikian dalam konteks sebuah ekonomi terutama sekali tanah dan modal, diagih secara tidak saksama. Pola agihan demikian bermakna bahawa bahan untuk meningkatkan daya pengeluaran serta hasil dari kerja pengeluaran juga diagih secara tidak saksama.

Agihan Semula Kekayaan Semakin Pesat

Pada tahun 1983, bahagian saham yang dimiliki oleh individu dan badan amanah Bumiputera sekurang-kurangnya adalah sebanyak 18.7 peratus dari jumlah saham; Milik saham Bumiputera kini yang bernilai \$9,274 juta, adalah dua kali ganda nilai semasa milik saham Bumiputera pada tahun 1980, iaitu \$4,050.5 juta. Bahagian saham yang dimiliki oleh pemastautin asing pada tahun 1983 sekurang-kurangnya adalah 33.6 peratus.

Kebanyakan dari baki saham, iaitu sebanyak 47.7 peratus, dimiliki oleh pemastautin lain, termasuk hartawan Cina dan India serta orang asing yang bermastautin di Malaysia dan saham dalam syarikat tempatan yang mewakili pihak ketiga, termasuk pemastautin asing serta kepentingan Bumiputera. Oleh kerana angka terperinci tidak dikemukakan dalam KSPRM4, gambaran yang lebih tepat mengenai agihan saham mengikut kaum ataupun kewarganegaraan atau tempat bermastautin pemilik saham pada tahun 1983 masih tidak ada.

Walau bagaimanapun, tiada sebab mengapa matlamat milik saham sebanyak 30 peratus untuk kaum Bumiputera menjelang tahun 1990

tidak tercapai terutamanya jikalau kerajaan membenarkan sektor bank, (seperti berlaku di Jepun) yang sudah dimiliki lebih dari biasanya sebagai peminjam wang – seperti disyorkan baru-baru ini sebagai salah satu langkah dalam melaksanakan Dasar Pandang ke Timur.

Keutamaan DEB Berubah

Sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) bermula pada tahun 1970-an, kerajaan telah memindahkan keutamaan dari segi peruntukan kewangan dari usaha pembasmian kemiskinan kepada usaha penyusunan semula masyarakat. Nisbah peruntukan untuk penyusunan semula dibanding dengan pembasmian kemiskinan telah meningkat dari 21.6 peratus di antara tahun 1971-75 ke 37.3 peratus bagi tahun-tahun 1976-80. Nisbah peruntukan asal untuk tahun 1981-85 mengikut RM4, telah meningkat ke 47.2 peratus, tetapi KSPRM4 telah meningkatkan nisbah ini lagi ke 62.7 peratus. Namun demikian, nisbah perbelanjaan sebenar setakat ini, iaitu pada tahun 1981-83, mengikut anggaran dalam KSPRM4, ialah 80.7 peratus.

Memandangkan bahawa hampir separuh daripada orang Melayu masih dianggap miskin, orang Melayulah sepatutnya yang menikmati faedah dari usaha atau langkah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengambilkira kaum. Sebaliknya, hanya segelintir orang yang berada dari kaum Bumiputera yang mendapat peluang menikmati 'isi dan lemak' dari perbelanjaan untuk penyusunan semula masyarakat, sedangkan kebanyakan kaum Bumiputera hanya memperolehi 'tulang dan bulu' dari perbelanjaan demikian.

Perlu disedari juga bahawa hanya sebahagian kecil daripada perbelanjaan untuk pembasmian kemiskinan dapat dinikmati oleh orang miskin kerana sebahagian besar daripada perbelanjaan ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan pentadbiran serta pembayaran kerja kontrak dan lain-lain, untuk meningkatkan pengeluaran pertanian di luar bandar dan sebagainya, yang merupakan langkah pembasmian kemiskinan utama setakat ini. Maka, dalam keadaan ini, pemindahan tekanan dari segi peruntukan pembiayaan kerajaan dari usaha pembasmian kemiskinan ke usaha penyusunan semula masyarakat barangkali akan memperluaskan jurang agihan pendapatan dan kekayaan di kalangan masyarakat Melayu.

Dasar Baharu

Penggubal dasar ekonomi kebangsaan tidak merebut peluang keemasan akibat daripada kemerosotan ekonomi pada awal tahun 1980-an

untuk merubah susunan ekonomi kebangsaan yang lebih adil dan berdikari.

Dasar perindustrian berat, yang ditekankan dalam KSPRM4, boleh membawa keseimbangan industri serta mewujudkan asas untuk penyusunan ekonomi kebangsaan yang lebih sepadu dan stabil, misalnya, dengan memajukan industri alat mesin untuk keperluan industri ringan yang kecil.

Malangnya jenis industri berat yang telah diumumkan setakat ini mungkin akan meningkatkan pergantungan teknologi dalam beberapa kes, sedangkan Malaysia akan menerima beberapa jenis industri yang tidak dapat diterima di negara asal ataupun industri yang hanya akan dapat hidup dengan perlindungan industri berat, yang akan membebankan kerajaan dan rakyat.

Perhatian khas dalam KSRPM4 demi memajukan pertanian juga patut diterima baik, terutamanya jikalau terdapat usaha mengeluarkan lebih banyak keperluan makanan tempatan (selain dari beras), dan juga jikalau terdapat langkah untuk memajukan lebih banyak industri berasaskan sumber tempatan. Oleh itu, adalah penting bahawa dasar pertanian baharu tidak hanya mencerminkan usaha Bank Dunia untuk menggalakkan pengeluaran pertanian di negara-negara membangun setelah kecewa dengan usaha untuk memajukan perindustrian di Dunia Ketiga dan untuk menubuhkan suatu Susunan Baru Ekonomi Antarabangsa (seperti yang dicuba pada tahun 1970-an).

KSPRM4 juga mengandungi aspek Dasar Pandang ke Timur yang lain. Diharapkan apa yang dianggap sebagai etika atau semangat kerja serta perhubungan perusahaan Jepun akan dapat meningkatkan daya pengeluaran serta kecekapan. Malangnya, setakat ini, pelaksanaannya agak bertengangan dengan kepentingan kaum pekerja, sedangkan pihak majikan pula tidak sanggup memberi ganjaran kepada pekerja untuk meningkatkan daya pengeluaran atau kecekapan.

Dasar persyarikatan Malaysia pula bertujuan memperbaiki hubungan di antara kerajaan dan sektor swasta yang terjejas pada tahun 1970-an akibat dari pelaksanaan DEB dengan cara yang dianggap melampau sekarang.

Dasar pengswastan yang diilhamkan oleh dasar yang serupa di AS dan Britain baru-baru ini, ingin memindahkan sebahagian daripada kegiatan sektor awam sekarang kepada sektor swasta.

Dikatakan bahawa langkah sedemikian akan meningkatkan kecekapan, mendatangkan pendapatan untuk kerajaan dalam bentuk cukai yang dijangka akan meningkat dan mengurangkan hutang kerajaan yang meningkat dengan pesatnya, pada awal tahun 1980-an.

Pengkritik dasar pengswastaan menyatakan sektor swasta hanya berminat dengan kegiatan yang menguntungkan sedangkan sektor awam terpaksa menanggung kerugian dari kegiatan yang tidak dapat mendatangkan keuntungan. Di samping itu, ada kemungkinan besar bahawa dasar pengswastaan akan dapat menikmati kedudukan monopoli dan membebankan para pengguna yang terpaksa menanggung harga yang lebih tinggi. Ada kemungkinan besar bahawa hanya segelintir usahawan kaya yang dapat merebut peluang dari dasar pengswastaan ini, memandangkan jumlah hartawan Bumiputera yang mampu mengambil-alih perusahaan yang akan diswastakan.

Teladan sebenar dari pengalaman kejayaan ekonomi Jepun ialah orientasi kebangsaan pertumbuhan ekonomi secara berdikari yang bermula dari zaman Meiji, di mana penglibatan kepentingan asing dalam ekonomi Jepun telah dihadkan dan hanya dibenarkan mengikut kehendak Jepun dan sesuai dengan rancangan jangka panjangnya. Jikalau Dasar Pandang Ke Timur meneladani pengalaman Jepun ini, ekonomi Malaysia dapat meruju ke arah pembinaan ekonomi yang lebih berdikari. Walaupun tahap kedua perindustrian penggantian import yang disebutkan dalam KSPRM4 masih agak terhad, ia masih merupakan langkah yang baik ke arah ekonomi yang lebih berdikari.

DAYA PENGELUARAN, HARGA DAN KEMISKINAN

Kadar kemiskinan di Malaysia dapat dikurangkan dengan banyak antara tahun 1975 dan 1980. Untuk memahaminya, kita patut meneliti peranan dan kesan kenaikan daya pengeluaran dan harga barangan terhadap usaha mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan pekebun kecil getah, penanam padi, pekerja lombong timah dan pekerja estur getah, iaitu sebahagian besar daripada golongan miskin memamut pialak kerajaan.

Pekebun Kecil Getah

Harga purata getah asli telah meningkat daripada 128 sen satu kg. pada tahun 1970 menjadi 139 sen satu kg. pada tahun 1975 dan 300 sen pada tahun 1980. Kadar peningkatan purata setahun bagi harga getah adalah 1.7 peratus pada tahun 1971-75, dan 16.6 peratus pada tahun 1976-80. Keluaran getah sehektar telah meningkat daripada 750 kg. pada tahun 1970 menjadi 1060kg. pada tahun 1975, dan 1,025 kg. pada tahun 1980 untuk pekebun kecil. Pertambahan ini jelas ditunjukkan dalam Jadual 1.

Harga getah yang tinggi pada tahun 1980 adalah faktor utama yang menyebabkan pengurangan kadar kemiskinan pekebun kecil getah, iaitu daripada 59 peratus pada tahun 1975 menjadi 41 peratus pada tahun 1980. Ini adalah jelas apabila pengurangan ini dibandingkan dengan pengurangan kecil sebelumnya, iaitu daripada kadar 65 peratus pada tahun 1970 menjadi 59 peratus pada tahun 1975, walaupun daya pengeluaran telah bertambah sebanyak 42.5 peratus antara tahun 1970-75 di bandingkan dengan hanya 3.4 peratus pada tahun 1975-80.

Kemerosotan harga getah asli daripada 303 sen sekilo pada tahun 1980 menjadi 193 sen pada tahun 1982, sebelum meningkat semula sedikit pada tahun 1983, telah meningkatkan semula kadar kemiskinan di kalangan pekebun kecil getah, iaitu daripada 41 peratus pada tahun 1980 menjadi 61 peratus pada tahun 1983. Ini jelas menunjukkan

JADUAL I
PEKEBUN KECIL GETAH:
DAYA PENGELUARAN, HARGA & KEMISKINAN

Tahun	1970	1971-75	1975	1976-80	1980	1981-83	1983
Kenaikan Daya Pengeluaran (%)		42.5		3.4		t.m.	
Keluaran/Hektar (kg.)	750		1,069		1,105		n.a.
Kadar Kemiskinan (%)	64.7		59.0		41.3		61.1
Harga Getah (sen/kg.)	128		139		303		234.4
Kenaikan Tahunan Purata Harga Getah (%)		1.7		16.6		-8.2	

t.m. = tiada maklumat

bahawa kenaikan harga barangan yang sementara tidak boleh diharapkan bagi mengurangkan kemiskinan dalam jangka masa panjang.

Suatu kajian RISDA telah menunjukkan bahawa daya pengeluaran pekebun kecil yang miskin adalah 42.5 peratus lebih tinggi daripada pekebun kecil lain. Pekebun kecil miskin dapat mengeluarkan 73.4 kilogram sehektar dalam sebulan, sedangkan pekebun kecil lain hanya mengeluarkan 51.5 kilogram. Perbezaan ini jelas dapat dilihat dalam Jadual II.

JADUAL II
DAYA PENGELUARAN PEKEBUN KECIL
MENGIKUT TARAF HIDUP DAN KAUM
(Kilo/Hektar Sebulan)

Kaum Taraf Hidup	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain	Semua
Miskin	70.9	81.5	71.4	65.6	73.4
Tidak Miskin	46.9	64.0	49.2	58.4	51.5
Jumlah	59.0	71.2	58.6	63.0	62.4

Penanam Padi

Harga belian sepikul padi di bawah skim Minima Terjamin kerajaan telah meningkat daripada \$16 pada tahun 1970 menjadi \$24-28 pada tahun 1975, \$28-\$32 pada tahun 1979 dan \$36-\$40 pada tahun 1980. Kadar kemiskinan di kalangan penanam padi telah turun sebanyak 9.6 peratus akibat peningkatan harga padi pada tahun 1980. Kadar kemiskinan golongan ini telah jatuh daripada 88 peratus pada tahun 1970 menjadi 77 peratus pada tahun 1975 dan 53 peratus pada tahun 1980, sebelum meningkat semula menjadi 54 peratus pada tahun 1983.

Walaupun beberapa faktor seperti pendapatan luar musim dari luar sawah mempengaruhi pendapatan bersih penanam padi, namun skim penyokongan harga padi kerajaan serta subsidi inputnya (baja) adalah penting bagi mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan penanam padi. Sebaliknya boleh dikatakan bahawa perhitungan kesan peningkatan daya pengeluaran terhadap pendapatan bersih penanam padi patut mengambilkira kos pengeluaran tambahan yang terlibat serta kehilangan punca pendapatan yang lain. Jelaslah bahawa pengurangan kadar kemiskinan di kalangan penanam padi banyak disebabkan oleh 'subsidi' melalui skim penyokongan harga padi, yang sebenarnya ditanggung oleh pengguna Malaysia yang tidak mengeluarkan padi.

Kemampuan untuk terus membiayai 'subsidi' ini semestinya terhad, terutama sekali dengan dasar jimat cermat dan anti-subsidi, yang makin meluas sejak awal tahun 1980-an. Ini telah dan akan terus menjejaskan nasib penanam padi. Kita patut juga menyedari bahawa petani kaya — yang mengeluarkan banyak lebihan padi untuk dijual — dan pemilik banyak tanah — yang layak menerima banyak subsidi input (yang berdasarkan keluasan tanah yang dimiliki) dapat menikmati lebih banyak faedah kalau dibandingkan dengan petani miskin akibat daripada usaha-usaha tersebut.

Pekerja Lombong Timah

Mengikut Jadual III, kadar peningkatan tambahan bagi seorang pekerja adalah paling pesat dalam sektor perlombongan dan penggalian pada tahun 1976-80. Walaupun kadar ini meningkat sebanyak 8.6 peratus setahun, sektor ini juga merupakan sektor tunggal yang mengalami tambahan dalam kadar kemiskinannya pada tahun 1975-80. Pada masa itu kadar kemiskinan dalam sektor ini telah meningkat daripada 31.8 peratus pada tahun 1975 menjadi 33.0 peratus pada tahun 1980 dan 41.0 peratus pada tahun 1983. Harga timah purata meningkat

daripada \$15,075 setan metrik pada tahun 1975 menjadi \$35,717 pada tahun 1980.

Sungguhpun, pada tahun 1975-80 daya pengeluaran pekerja telah bertambah dengan pesat dalam sektor perlombongan dan penggalian, tetapi kos bekerja dalam sektor ini juga telah meningkat dalam tempoh yang sama.

JADUAL III
PEKERJA LOMBONG TIMAH:
DAYA PENGELUARAN, HARGA & KEMISKINAN

Tahun	1970	1971-75	1975	1976-80	1980	1981-83	1983
Kenaikan nilai tambahan/pekerja (%)		0.4		8.6		t.m.	
Kadar Kemiskinan	3.4		31.8		34.0		41.0
Bilang Isi-Rumah Miskin	11,100		10,100		11,100		t.m.
Harga Timah (M\$) (setan metrik)	10,777		15,075		36,040		30,093

t.m. = tiada maklumat

Pekerja Estet Getah

Setelah penjajahan Jepun pada tahun 1945, gerakan buruh nasionalis berjaya menyusun barisan secara berkesan demi memperjuangkan kemerdekaan serta keadaan kerja yang lebih baik. Setelah mencapai kemuncaknya pada tahun 1947, pemerintah penjajah telah menekan pemimpin buruh dan nasionalis, terutama sekali yang bergiat cergas menentang penjajahan.

Maka, tidaklah menghairankan bahawa paras upah telah jatuh selepas tahun 1947 sebelum meningkat semula apabila Perang Korea tercetus. Penubuhan Kesatuan Pekerja Ladang Kebangsaan (NUPW) awal tahun 1950-an tidak banyak memperbaiki keadaan hidup para pekerja estet.

Seperti yang dapat dilihat dari Jadual IV, kadar kemiskinan di kalangan pekerja estet kuat dipengaruhi oleh pasang surut harga getah. Antara tahun 1970 dan 1975, harga getah hanya meningkat sedikit (kurang daripada kadar inflasi) dan telah mengakibatkan kenaikan dari segi kadar kemiskinan di kalangan pekerja estet. Apabila harga getah meningkat pada penghujung tahun 1970-an, kadar ke-

miskinan telah jatuh menjadi 35 peratus pula, tetapi apabila harga getah jatuh semula pada awal tahun 1980-an, kadar kemiskinan telah melambung semula menjadi 55 peratus.

JADUAL IV
PEKERJA ESTET: HARGA & KEMISKINAN

Tahun	1970	1971-75	1975	1976-80	1980	1981-83	1983
Kadar Kemiskinan (%)	40.0		47.0		35.1		54.6
Harga getah (sen/kg.)	128		139		303		234
Kenaikan Purata Tahunan Harga Getah (%)		1.7		16.6		-8.2	

Jadual V pula menunjukkan bahawa kadar upah sebenar penoreh getah adalah kurang sebanyak 19 peratus pada tahun 1975 dan sebanyak tujuh peratus pada tahun 1981 kalau dibanding dengan tahun 1960. Perkembangan ini sungguh menakutkan memandangkan bahawa keluaran purata seorang penoreh telah meningkat daripada 2,247 kg. pada tahun 1960 menjadi 5,083 kg. pada tahun 1981. Walaupun harga getah (dan paras upah) telah memuncak pada tahun 1960 dan telah jatuh pada tahun 1975 dan pada tahun 1981, kemerosotan upah sebenar adalah amat membimbangkan memandangkan kenaikan pengeluaran pekerja sebanyak 126 peratus dalam tempoh berkenaan.

Harga getah agak rendah pada tahun 1975 dan 1981, tetapi kadar keuntungan, pada puratanya, melebihi separuh daripada hasil pendapatan kasar di estet saiz sederhana yang dikaji pada tahun 1975-81.

Pengaruh harga getah terhadap kadar kemiskinan juga melemahkan kesan daya pengeluaran yang meningkat. Keluaran purata telah meningkat daripada 3,879 kg. pada tahun 1970 menjadi 4,680 kg. pada tahun 1975 dan 5,116 kg. pada tahun 1980. Sementara itu harga getah telah meningkat hanya sedikit daripada \$1.28 satu kg. pada tahun 1970 menjadi \$1.39 satu kg. pada tahun 1975, sebelum naik \$3.03 satu kg. pada tahun 1980. Kemudian ia menurun pula menjadi \$1.93 satu kg. pada tahun 1982 sebelum naik semula menjadi \$2.34 satu kg. pada tahun 1983.

Kadar kemiskinan di kalangan pekerja estet telah naik daripada 40 peratus pada tahun 1970 menjadi 47 peratus pada tahun 1975, sebelum jatuh kepada 35 peratus pada tahun 1980, dan melompat menjadi 55 peratus pada tahun 1983.

JADUAL V
KADAR UNTUNG DI ESTET GETAH 1975-81

Perkara	sen/kg.	Peratus
Jumlah hasil-hasil Perbelanjaan	153.0	100.0
Pengurusan	8.4	5.5
'Overhead' lain	6.5	4.2
Penjagaan Ladang	11.3	7.4
Pengumpulan susu & Pengangkutan	1.5	1.0
Upah Menoreh	42.1	27.5
Jumlah Kecil	69.8	45.6
Untung Bersih	83.2	54.4

Ulasan: Semua trend atau kecenderungan ini menunjukkan bahawa pasang surut harga barangan memberi kesan berlainan terhadap golongan pengeluar yang berlainan. Walaupun pendapatan pengeluar barangan perseorangan berkait secara langsung pada perubahan harga barangan berkenaan, pendapatan pekerja upahan tidak mempunyai kaitan demikian.

Misalnya, kesan kenaikan harga getah dan timah terhadap kadar kemiskinan antara tahun 1975 dan 1980 adalah berlainan untuk pekebun kecil getah, pekerja estet dan pekerja lombong. Pendapatan pekerja estet — yang menerima upah termasuk bahagian yang naik turun mengikut harga getah — mempunyai ciri kedua-dua jenis pengeluar iaitu pengeluar barang perseorangan dan pekerja upah tetap.

Pengembangan sistem ekonomi kapitalis moden, di mana bahagian tenaga kerja semakin besar menjadi pekerja upahan membawa kesan besar kerana kenaikan daya pengeluaran ataupun harga barangan yang baik tidak semestinya akan memperbaiki kebajikan ekonomi pekerja upahan. Ini tidak bermakna bahawa usaha meningkatkan daya pengeluaran tidak penting, terutama sekali bagi mereka yang bekerja untuk diri sendiri. Namun, lebih banyak perhatian patut diberi pada harga barangan dan soal jenis hubungan pengeluaran supaya langkah pembasmian kemiskinan lebih berkesan. Hanya sistem ekonomi dan agihan pendapatan yang lebih menghargai kerja dan kebolehan dapat menggalakkan kemajuan dari segi daya pengeluaran secara berkesan, adil dan saksama.

EKONOMI TERBUKA BURUKKAN NASIB RAKYAT JELATA

Ekonomi Malaysia ada di persimpangan jalan; Kita masih perlu menghadap sifat pasang-surutnya yang berkaitan dengan strategi pembangunan ekonomi pasaran yang terbuka, yang masih merupakan ciri utamanya, seperti ditekankan oleh Belanjawan tahun 1984 dan *Laporan Ekonomi 1983/84* yang dibentangkan di Parlimen baru-baru ini.

Harapan terhadap keupayaan pertumbuhan yang berasaskan asas lemah ini terus dipersoalkan dengan bukti-bukti yang jelas menunjukkan bahawa matlamat serta dasar rancangan-rancangan Malaysia yang lalu sentiasa dirosakkan oleh strategi pembangunan kini. Ini membawa dinamik serta akibat tertentu yang bertentangan dengan ramalan oleh pihak yang berkuasa.

Masalah-masalah yang berkaitan dengan akaun semasa imbalan bayaran, kekurangan teruk dalam belanjawan kerajaan dan pendedahan kepada pinjaman asing yang bertambah dengan pesat – dalam konteks perkembangan permintaan dalam dan luar negeri yang lembab – telah menyebabkan penggantian strategi perbelanjaan awam besar-besaran yang bertujuan mengatasi kemerosotan selepas pilihanraya umum April 1982.

Memandangkan bahawa eksport masih merupakan 53 peratus atau hampir separuh daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) – berbanding dengan hanya 14 peratus bagi Jepun dan 10 peratus bagi Amerika Syarikat – prestasi ekonomi Malaysia terdedah kepada pasang-surut ekonomi dunia.

Di samping itu, 57 peratus daripada jumlah perbelanjaan adalah untuk import. Namun demikian, tidak boleh dinafikan bahawa keterbukaan atau pergantungan ekonomi Malaysia pernah membawa kesan baik apabila keadaan ekonomi dunia sihat.

Bagaimanapun, beberapa perkembangan dalam ekonomi dunia baru-baru ini menunjukkan bahawa kemerosotan ekonomi Malaysia tidak dapat diatasi dengan terus mengharapkan strategi pembangunan yang bertujuan eksport.

Apakah ekonomi Malaysia patut terus bergantung pada sumber-sumber pertumbuhan luar kerana pasaran tempatan adalah terhad disebabkan oleh kemampuan berbelanja yang rendah dan tidak seimbang?

Ini adalah persoalan pokok bagi pembangunan pada masa depan yang timbul dari sebab dan kesan kemelesetan ekonomi kini. Ramai, yang pernah menganggap kemelesetan kini sebagai kemerosotan teruk, sebaliknya terpaksa mengakui bahawa terdapat masalah lebih mendalam dengan wujudnya beberapa ciri yang menyerupai sifat kemelesetan besar dahulu mulai tahun 1929.

Makin ramai ahli ekonomi sekarang mengakui krisis kini sebagai akibat ketidaksamaan dan ketidakstabilan sistem ekonomi dunia.

Kekurangan Imbangan Bayaran

Dua masalah baru-baru ini — iaitu kekurangan teruk dalam akaun semasaimbangan bayaran dan juga dari segi belanjawan kerajaan — telah memaksa kerajaan menggantikan strategi pertumbuhan yang berasaskan kekurangan belanjawan bagi mengatasi kemerosotan ekonomi kini yang berlaku dalam keadaan inflasi.

Akaun perdagangan Malaysia telah merosot daripada kelebihan \$6,603 juta pada tahun 1979 dan \$5,238 juta pada tahun 1980 ke kekurangan \$243 juta pada tahun 1981 dan \$1,758 juta pada tahun 1982 sebelum mencapai kelebihan sebanyak \$1,093 juta pada tahun 1983. Akaun perdagangan terus meningkat ke \$6,913 juta pada tahun 1984. Dalam tahun 1985, akibat pengurangan import, akaun perdagangan mencatat kelebihan sebanyak \$8,628 juta. (Akibat dasar 'Pandang Ke Timur', bahagian eksport Malaysia ke Jepun telah merosot dari 20.4 peratus pada tahun 1982 ke 18.0 peratus pada tahun 1983, sedangkan bahagian import Malaysia dari Jepun telah meningkat dari 25.0 peratus ke 26.8 peratus).

Antara tahun 1980-81, nilai eksport Malaysia telah merosot sebanyak \$1.0 bilion kerana harga barang-barang utama telah jatuh. Oleh demikian, Malaysia telah mengalami kekuranganimbangan perdagangannya yang pertama sebanyak \$243 juta pada tahun 1981 dan \$1,758 juta pada tahun 1982, sebelum mula pulih pada tahun 1983. Namun demikian, kejatuhan semula harga hampir semua barang eksport utama Malaysia sejak tahun 1985, terutamanya petroleum pada awal tahun 1986 akan memberi kesan buruk terhadap akaun perdagangan sertaimbangan perdagangan Malaysia.

Sementara indeks harga eksport telah jatuh sebanyak enam peratus, sedangkan indeks harga import telah meningkat sebanyak 37 peratus

pada tahun-tahun 1979-82, syarat-syarat perdagangan Malaysia telah merosot sebanyak 32.4 peratus, yang mengakibatkan kerugian sebanyak 14 peratus daripada KNK tahun 1982. Keadaan tidak banyak memulih setelah 1982.

Lebih khusus lagi, harga getah R.S.S. telah jatuh dari purata 312 sen sekilogram pada tahun 1980 ke purata 201 sen pada tahun 1982, sebelum meningkat semula ke purata lebih kurang 250 sen untuk tahun 1983. Sementara itu, kadar pertumbuhan eksport buatan telah jatuh daripada purata 26 peratus setahun pada tahun-tahun 1971-80 ke tiga peratus pada tahun 1981 sebelum mula pulih pada tahun 1982. Antara tahun 1981-85, eksport buatan tumbuh sebanyak purata 14.3% setahun. Eksport buatan telah bertambah sebanyak 28.4% pada 1983 dan 27.9% pada 1984, tetapi hanya meningkat sebanyak 0.7% pada 1985. Harapan terhadap pasaran asing untuk memajukan eksport buatan Malaysia semakin tipis.

Dalam menghadapi kemerosotan dalam pendapatan eksport, nampaknya pihak kerajaan telah mengeneipkan rancangannya dahulu untuk menjimat sumber asli yang tidak dapat diganti, seperti petroleum, timah dan balak, walaupun harga barang-barang berkenaan masih rendah. Sementara harga petroleum – sumber pendapatan eksport Malaysia yang terbesar sejak tahun 1980 – telah merosot daripada \$682.40 setan metrik pada tahun 1981 ke lebih kurang \$526.90 pada tahun 1985, pengeluaran telah meningkat daripada 10.1 juta tan metrik pada 1981 ke 17.0 juta tan metrik pada tahun 1985. Pada awal tahun 1986 harga petroleum telah jatuh lagi sebanyak 60 peratus!

Ini merupakan kenaikan pengeluaran sebanyak 48 peratus untuk tahun 1981-83 atau 70 peratus untuk tahun 1981-84! Walaupun harga petroleum telah jatuh dengan purata 2.5% setahun antara 1981-85, eksport petroleum telah naik sebanyak purata 6% setahun dalam tempoh tersebut. Jikalau kadar pengeluaran pada tahun 1985 dikekalkan, sumber petroleum yang diketahui sekarang oleh Petronas akan kehabisan pada akhir abad ini.

Gas asli cecair, yang mula dikeluarkan pada awal tahun 1983, pernah dianggap sebagai penyelamat ekonomi Malaysia. Bahagiannya dalam jumlah nilai eksport telah naik dari 2.5% pada tahun 1983 ke 6.1% pada tahun 1985. Tetapi eksport gas asli cecair dijual kepada hanya dua buah syarikat Jepun. Memandangkan bahawa Jepun mengimport 80 peratus daripada eksport gas asli di seluruh dunia, sudah tentu perjanjian penjualan gas itu lebih menguntungkan pihak pembeli.

Malaysia mengeksport 1.83 juta tan metrik gas asli pada tahun 1983, dengan harga \$454 setan metrik, jauh lebih kurang dari harga \$821 yang dijangka dahulu dalam buku Rancangan Malaysia Keempat (RM4).

Harga kontrak gas asli dikatakan dikaitkan dengan harga beberapa jenis petroleum, yang semuanya telah merosot. Maka, walaupun pengeluaran gas asli telah meningkat ke 3.7 juta tan metrik pada tahun 1984, dan 4.5 juta tan metrik pada tahun 1985, jumlah eksport semua bahan pembakar selain dari petroleum mentah — tetapi termasuk arang kok, arang batu dan keluaran petroleum dan gas, yang telah meningkat sebanyak 25.3 peratus pada tahun 1982 ke \$287 juta — dijangka sebanyak \$1,417 juta pada tahun 1983 dan hanya \$1,545 juta pada tahun 1984.

Namun demikian, walaupun terdapat masalah — misalnya, harga barang eksport utama sedang merosot, persaingan dari pengeluar lain sedang meningkat dan belanja pelaburan amat tinggi dan sukar dikurangkan — nampaknya, kerajaan terus mengharapkan pengeluaran lebih banyak minyak petroleum dan gas asli untuk eksport akan mengurangkan kerugian akibat kemerosotan harga eksport bahan mentah lain.

Lebih banyak usaha perlu untuk mengurangkan lagi kekurangan dalam akaun perdagangan, misalnya, dengan mengharamkan atau mengenakan cukai berat terhadap import barang mewah, meningkatkan pengeluaran alat kelengkapan serta mesin yang mudah secara sistematik, dan cuba menjamin harga yang lebih tinggi dan kukuh untuk eksport barang utama dan barang buatan.

Sementara itu, kekurangan dalam akaun perkhidmatan telah meningkat dari \$1.7 bilion pada tahun 1975 ke lebih kurang \$9.0 bilion pada tahun 1983! Kekurangan akaun perkhidmatan terus merosot ke \$10.6 bilion dalam tahun 1984 dan \$10.7 bilion pada tahun 1985.

Maka, akaun semasa — termasuk akaun perdagangan, akaun perkhidmatan serta bayaran pindahan — telah merosot daripada kelebihan \$2.2 bilion pada tahun 1979 ke kekurangan \$8.4 bilion pada tahun 1982, \$8.0 bilion pada tahun 1983, sebelum menurun ke \$3.7 bilion pada tahun 1984 dan \$2.2 bilion pada tahun 1985.

Walaupun akaun modal masih positif, imbalan bayaran pokok — termasuk akaun semasa dan akaun modal — jatuh daripada kelebihan \$4.2 bilion pada tahun 1979 ke kekurangan \$1.1 bilion pada tahun 1981 dan \$0.6 bilion pada tahun 1982, sebelum mencapai kelebihan \$3.2 bilion pada tahun 1984, dan \$1.8 bilion pada tahun 1985.

Tambahan lagi, imbalan aliran modal yang positif, yang disebabkan oleh pelaburan asing yang bertambah dan, dewasa ini, pinjaman asing kerajaan, akhirnya akan meningkatkan aliran keluar dalam akaun perkhidmatan pada masa depan.

Bayaran bunga ke luar negeri telah meningkat dari \$1.6 bilion pada tahun 1982 ke \$2.1 bilion pada tahun 1983, \$2.9 bilion pada tahun

1984 dan \$3.5 bilion pada tahun 1985. Aliran pendapatan pelaburan keluar telah meningkat dari \$2.7 bilion pada tahun 1982 ke \$4.2 bilion pada tahun 1983, \$5.2 bilion pada tahun 1984 dan \$5.7 bilion pada tahun 1985.

Terdapat juga tambahan pinjaman pasaran yang lebih pesat (dari \$2.2 bilion pada tahun 1980 ke \$12.3 bilion pada tahun 1983, \$14.7 bilion pada tahun 1984 dan \$15.5 bilion pada tahun 1985; lebih dari 80 peratus dari sumber A.S. dan lebih kurang 14 peratus dari sumber Jepun. Pinjaman projek pula telah meningkat dari \$2.7 bilion pada tahun 1980 ke \$3.9 bilion pada tahun 1983, \$4.7 bilion pada tahun 1984 dan \$5.1 bilion pada tahun 1985. Pinjaman pasaran biasanya melibatkan kadar bunga yang lebih tinggi sedangkan penyediaan projek jarang terdapat. Oleh itu, pengawasan terhadap penggunaan wang pinjaman berkenaan juga kurang.

Dari segi akaun perkhidmatan pula, lebih banyak usaha perlu demi mengurangkan pergantungan pada perkhidmatan pengangkutan dan insurans asing, bagi memperkecilkan pengaruh serta aliran modal keluar akibat pelaburan asing, dan juga demi mengurangkan beban hutang asing.

Kemerosotan Ekonomi

Kemerosotan ekonomi juga dibayangkan dari segi lain, misalnya, pertumbuhan jumlah perbelanjaan akhir — iaitu, jumlah pelaburan dan penggunaan dalam kedua sektor swasta dan awam — telah jatuh dari 13.9 peratus pada tahun 1980 ke 4.6 peratus pada tahun 1985.

Kemerosotan dalam pertumbuhan permintaan ini jauh lebih besar daripada pengurangan dalam pertumbuhan pengeluaran di mana kadar pertumbuhan KDNK sebenar telah jatuh dari 9.3 peratus pada tahun 1979 ke 2.8 peratus pada tahun 1985.

Pada pertengahan tahun lalu, setelah pilihanraya April 1982, kerajaan Malaysia telah menggantikan strategi pertumbuhan pesat — berasaskan perbelanjaan awam yang melebihi hasil pendapatan kerajaan — demi mengatasi kemerosotan ekonomi dengan usaha 'Jimat-cermat,' yang melibatkan pengurangan dalam perbelanjaan kerajaan serta 'pemiswastaaan' kegiatan-kegiatan sektor awam yang boleh menguntungkan pemodal swasta.

Kadar pembentukan modal tetap bagi sektor awam telah jatuh dari 41.5 peratus pada tahun 1981 ke 10 peratus pada tahun 1983 sebelum jatuh 0.2 peratus pada tahun 1985, penggunaan sektor awam telah jatuh dari pertumbuhan 20.1 peratus pada tahun 1980 ke pengurangan 0.1 peratus pada tahun 1985!

Ramalan gelap bagi pemulihan ekonomi juga terus menjejaskan sasaran RM4 dan seterusnya masa depan Dasar Ekonomi Baru (DEB), terutama sekali dari segi usaha pembasmian kemiskinan. Walaupun ekonomi AS dikatakan telah pulih dan ekonomi Eropah dan Jepun sudah mula pulih, harga barang eksport Malaysia telah terus merosot pada awal tahun 1986.

Kadar pertumbuhan KDNK yang tercapai adalah hanya 6.9 peratus pada tahun 1981, 5.6 peratus pada tahun 1982, 6.3 peratus bagi tahun 1983, 7.6 peratus pada tahun 1984, sebelum jatuh ke 2.8 peratus bagi tahun 1985 — iaitu kadar-kadar yang jauh lebih kurang daripada kadar purata 7.6 peratus setahun bagi tahun 1981-85 yang diramalkan dalam RM4.

RM4 telah meramalkan kadar pertumbuhan eksport purata sebanyak 10 peratus setahun, yang jauh melebihi kadar pertumbuhan eksport purata sebanyak 6.9 peratus antara 1981-85. Kadar ini pun tercapai kerana pertumbuhan 16.6 peratus pada tahun 1983 dan 17.9 peratus pada tahun 1984, walaupun kadarnya hanya 6.0 peratus pada tahun 1981, 3.7 peratus pada tahun 1982 dan — 1.4 peratus pada tahun 1985. Pada tahun 1979 ke \$13.1 bilion pada tahun 1981, sebelum mula dikurangkan ke \$12.4 bilion pada tahun 1983 dan \$9.3 bilion pada tahun 1985.

Perbelanjaan awam berasaskan kekurangan belanjawan telah meningkatkan pergantungan kerajaan pada pinjaman dalam negeri (yang telah naik dari \$1.2 bilion pada tahun 1978 ke \$5.1 bilion pada tahun 1982, sebelum menurun ke \$4.3 bilion pada tahun 1983, \$4.0 bilion pada tahun 1984 dan \$3.5 bilion pada tahun 1985) dan pinjaman luar negeri (yang telah naik dari \$0.5 bilion pada tahun 1978 ke \$4.4 bilion pada tahun 1983, tetapi turun ke \$3.2 bilion pada tahun 1984 dan \$0.9 bilion pada tahun 1985).

Sementara itu, jumlah hutang dalam negeri telah naik dari \$18.3 bilion pada tahun 1980 ke \$32.9 bilion pada tahun 1983 dan \$39.6 bilion pada 1985, sedangkan jumlah hutang luar negeri telah meningkat dari \$4.9 bilion ringgit pada tahun 1980 ke lebih kurang \$17.7 bilion pada tahun 1983 dan \$21.3 bilion pada tahun 1985. Pinjaman asing baru telah meningkat sebanyak 841.4 peratus hanya dalam tahun 1981!

Pada tahun-tahun 1976-80, bayaran balik hutang luar negeri kerajaan adalah sebanyak \$4.0 bilion atau lebih kurang empat perlima daripada jumlah pinjaman asing kerajaan dalam tempoh itu, sebanyak \$5.1 bilion.

Namun demikian, memandangkan bahawa indeks harga eksport telah merosot, pertumbuhan eksport pada tahun 1981-5 lebih banyak disebabkan oleh kenaikan pengeluaran — bukan harga — terutama sekali ba-

gi petroleum. Syarat perdagangan antarabangsa Malaysia telah merosot sebanyak 14.0 peratus antara 1980-84.

Kekurangan Belanjawan Meningkat

Kekurangan dalam Belanjawan Negara telah meningkat dari \$2.9 bilion pada tahun 1978 ke \$11.0 bilion pada tahun 1981 dan \$11.2 bilion pada tahun 1982, sebelum menurun sedikit ke \$9.8 bilion pada tahun 1983, \$7.1 bilion pada tahun 1984 dan \$6.7 bilion pada tahun 1985.

Sementara itu, kekurangan bagi seluruh sektor awam telah meningkat dari \$3.5 bilion pada tahun 1979 ke \$10.7 bilion pada tahun 1983 kemudian jatuh ke \$7.8 bilion pada tahun 1984, sebelum naik semula ke \$8.7 bilion pada tahun 1985. Nisbah kekurangan sektor awam kepada KNK telah meningkat dari 7.9 peratus pada tahun 1979 ke 21.7 peratus pada tahun 1981, 16.4 peratus pada tahun 1983 dan 11.4 peratus pada tahun 1985.

Kenaikan pesat dalam kekurangan belanjawan pada tahun 1980 — demi mencapai sasaran-sasaran RM3 (1976-80) dalam tahun akhirnya — dan pada tahun 1981 — sebagai sebahagian daripada strategi fiskal demi mengatasi kesan kemerosotan ekonomi antarabangsa — telah melibatkan tambahan besar dalam perbelanjaan pembangunan dari \$4.3 bilion

Walaupun nisbah bayaran balik hutang luar negeri (iaitu bayaran bunga campur bayaran pokok secara ansuran) kepada pendapatan dari eksport tetap rendah jikalau dibandingkan dengan setengah negara Dunia Ketiga lain, terdapat kenaikan pesat dalam nisbah ini, dari 1.8 peratus pada tahun 1980 ke lebih kurang enam peratus pada tahun 1983, sedangkan nisbah bayaran balik hutang luar negeri kepada hasil kerajaan — angka yang mungkin lebih relevan — telah naik dari empat peratus pada tahun 1980 ke 22.8 peratus pada tahun 1983. dan 29 peratus pada tahun 1985!

Jumlah hutang kerajaan yang masih belum dijelaskan telah meningkat ke \$62.5 bilion, iaitu lebih kurang 86 peratus daripada anggaran KNK untuk tahun 1985. Ini tidak termasuk pinjaman yang dijamin oleh kerajaan Persekutuan.

Perbelanjaan kerajaan yang tinggi pada masa lalu dapat meningkatkan pertumbuhan, pendapatan dan perbelanjaan (permintaan), dan oleh itu, import juga. Pada awal tahun 1980an, import terus merupakan lebih kurang 55 peratus dari jumlah perbelanjaan, iaitu jumlah pelaburan serta penggunaan.

Memandangkan ramalan gelap untuk eksport, pengurangan permintaan awam dianggap perlu demi mengurangkan kekurangan besar dalam

akaun semasa, yang dibiayai setakat ini dengan hutang asing yang cepat bertambah, dan telah membawa masalah lain pula.

Memandangkan peranan penting sektor awam Malaysia (yang meliputi lebih kurang separuh dari KDNK dari segi perbelanjaan pada tahun 1985), tidaklah menghairankan bahawa pengurangan perbelanjaan awam dari tambahan 47.2 peratus pada tahun 1980 ke pengurangan sebanyak 4.1 peratus pada tahun 1984 akan memberi kesan besar terhadap kadar pertumbuhan KDNK, yang telah jatuh dari 9.3 peratus pada tahun 1979 ke 5.6 peratus pada tahun 1982 dan 2.8 peratus pada tahun 1985. Walaupun perbelanjaan semasa terus meningkat, mulai tahun 1984, belanjawan kerajaan telah mencadangkan potongan dalam perbelanjaan pembangunan.

Walaupun potongan 30 peratus dalam perbelanjaan pembangunan untuk keselamatan pada tahun 1986 tidak akan merugikan orang ramai, pertambahan 26 peratus dalam perbelanjaan perkhidmatan sosial untuk tahun 1986 akan mengurangkan kesan buruk potongan peruntukan berkenaan pada tahun-tahun sebelumnya. Peruntukan untuk perumahan — yang telah jatuh dari \$1,589 juta pada tahun 1982 ke \$340 juta untuk tahun 1984 — telah dinaikkan ke \$965 juta dalam Belanjawan 1986.

Pengangguran

Pekerjaan telah meningkat hanya sebanyak 2.6 peratus pada tahun 1981-85 iaitu jauh lebih kurang dari kadar pertumbuhan tenaga kerja perbezaan ini telah meningkatkan kadar pengangguran rasmi dari 5.2 peratus pada tahun 1982 ke 7.6 peratus pada tahun 1985.

Bilangan ahli kesatuan sekerja telah menurun sedikit dari 549,000 pada tahun 1981 ke 547,200 pada tahun 1984 — iaitu jumlah lebih kurang 10 peratus dari 5,382,000 orang yang bekerja atau 5,721,000 dalam golongan tenaga kerja.

Bilangan pekerja ladang telah jatuh dari 158,159 pada bulan Disember tahun 1980 ke 138,755 pada bulan Oktober tahun 1982, sedangkan bilangan pekerja lombong telah jatuh dari 80,100 pada tahun 1980 kepada 60,500 pada 1985.

Peluang pekerjaan baharu dalam sektor pembuatan telah banyak berkurangan, sedangkan pembuangan pekerja telah berlaku dalam beberapa perusahaan, termasuk elektronik, tekstil dan kayu papan, iaitu perusahaan-perusahaan yang kebanyakannya bertujuan eksport. Di anggarkan bahawa lebih dari 100,000 pekerja telah dibuang kerja akibat kemerosotan ekonomi baru-baru ini.

Pembangunan Adil dan Berdikari Perlu

Kedaaan ekonomi yang gelap ini juga mengandong unsur yang mem-bawa harapan. Perkataan bahasa Cina untuk istilah "krisis" (*wei ji*) mengandong dua bahagian dari huruf-huruf yang bermaksud "bahaya" (*wei xian*) dan 'peluang' (*ji hui*).

Sebenarnya, pada ketika krisis ekonomi seperti kita alami kini, usaha menyusun semula ekonomi demi mencapai pembangunan yang lebih berdikari dan setara lebih dikehendaki dan perubahan yang perlu demi mencapainya juga kurang membebankan. Kecenderungan ekonomi di Malaysia dan pada peringkat antarabangsa kini jelas menunjukkan bahayanya terus bergantung pada pusat-pusat kapitalis di Utara demi mencetuskan pertumbuhan ekonomi di Malaysia.

Memandangkan keterbukaan dan pergantungan ekonomi Malaysia, pembekuan sektor eksport akan terus menyekat pertumbuhan pada masa depan.

Maka, strategi bertujuan eksport tidak patut diharapkan lagi sebagai jentera pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Dalam sebuah ekonomi pasaran, keperluan rakyat jelata hanya menjadi 'permintaan berkesan' jikalau kuasa berbelanja ditingkatkan dengan menaikkan pendapatan sebenar, terutama sekali bagi orang miskin, yang mempunyai kecenderungan lebih kuat untuk membelan-jakan pendapatan mereka.

Maka, pilihan pembangunan berdikari — yang lebih bertujuan ke-pada pasaran tempatan — tidak dapat dipisahkan dari keadilan ekonomi (misalnya, dari segi pendapatan dan kuasa berbelanja), yang sudah pasti bertentangan dengan strategi pembangunan bertujuan eksport kini yang berasaskan buruh yang murah, antara lain.

KETAGIHAN HUTANG MALAYSIA

Masalah beban hutang di Malaysia agak baru, dan muncul akibat krisis fiskal dan imbalan bayaran pada awal tahun lapan puluhan. Dari satu segi, ia adalah akibat kejatuhan harga kebanyakan barang eksport utama Malaysia sejak awal dekad ini, dan kemerosotan pertumbuhan industri bertujuan eksport akibat perlindungan dan kemelesetan ekonomi Utara; maka dua jentera utama pertumbuhan ekonomi Malaysia, yang bergantung kepada eksport ini, telah mengalami masalah rumit. Ini telah memberi kesan buruk kepada imbalan bayaran Malaysia, terutamanya akaun semasa. Dari segi lain pula, strategi belanjawan mengatasi kemerosotan Malaysia pada 1980-82, dan pertambahan berterusan dalam perbelanjaan awam di luar belanjawan memerlukan pembiayaan. Kesanggupan peminjam meminjam kepada Malaysia, akibat pertumbuhannya yang pesat dan faktor lain (misalnya kedudukannya sebagai ekonomi pengeksporth minyak) membolehkannya mendapat banyak pinjaman asing — sebagai tambahan kepada hutang dalam negeri yang semakin meningkat — pada awal tahun lapan puluhan.

Antara 1979-81, kerajaan telah mengadakan belanjawan yang cuba menggalakkan pertumbuhan. Perbelanjaan sebenar telah meningkat dari \$11.7 bilion pada tahun 1979 kepada \$26.8 bilion dalam tahun 1981, iaitu kenaikan sebanyak 129%

Kempen berjimat cermat, yang diumumkan pada Jun 1982, selepas pilihanraya bulan April, telah menamatkan dasar belanjawan lawan-pusingan sebelum itu. Dalam dua tahun seterusnya, kerajaan telah banyak mengurangkan perbelanjaan pembangunan, dari peruntukan belanjawan yang diumumkan sebanyak \$14.6 bilion untuk 1982 ke \$8.7 bilion untuk tahun 1984 dan \$8.0 bilion pada tahun 1985. Dalam Belanjawan 1986, peruntukan perbelanjaan pembangunan adalah sebanyak \$8.9 bilion. Walaubagaimana pun, pinjaman yang dijamin oleh kerajaan oleh agensi luar belanjawan, yang tidak tertakluk kepada

belanjawan, telah meneruskan pertumbuhan pesat hutang negara, terutamanya hutang asing, beberapa tahun selepas itu, sebelum pertambahan jumlah pinjaman asing mula mendatar di sekitar tahun 1985.

Kekurangan belanjawan kerajaan dan kekurangan akaun sektor awam yang disatukan telah berkembang dengan pesat sejak 1978, yang menimbulkan kebimbangan — (terutamanya di Bank Negara) — bahawa disiplin kewangan sektor awam telah merosot lagi.

Sebelum ini, perkembangan kekurangan belanjawan masih terkawal. Tetapi mulai tahun 1980, dalam usaha mengejar sasaran-sasaran Rancangan Malaysia Ketiga, perbelanjaan pembangunan telah meningkat 77 peratus! Akibatnya, kekurangan belanjawan telah bertambah dari \$3.7 bilion pada tahun 1979 kepada \$7.0 bilion pada tahun 1980. Kekurangan belanjawan terus meningkat ke \$11.2 bilion pada tahun 1983, sebelum menurun ke \$7.1 bilion pada tahun 1984 dan \$6.7 bilion pada tahun 1985. Kekurangan ini dijangka akan meningkat semula ke \$7.4 bilion dalam Belanjawan 1986.

Kekurangan keseluruhan sektor awam yang disatukan (termasuk Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan badan berkanun) lebih tinggi dari kekurangan Kerajaan Persekutuan sahaja. Pertumbuhannya juga telah bertambah cepat, dari \$3.0 bilion pada tahun 1978 kepada \$12.1 bilion pada tahun 1981! Nisbah kekurangan belanjawan-KNK pula telah naik dari 8.32 peratus pada tahun 1978 kepada 21.7 peratus pada tahun 1981, iaitu antara nisbah yang tertinggi di dunia! Menurut data IMF, nisbah purata kekurangan belanjawan-KNK di dunia untuk tahun 1980 hanya 3.3 peratus.

Keadaan mula berubah pada tahun 1982, walaupun kekurangan belanjawan naik ke \$12.5 bilion, nisbah kekurangan belanjawan — KNK turun ke 20.9 peratus. Pada tahun 1983, kekurangan keseluruhan mulai menurun ke \$7.8 bilion, yang menyebabkan nisbah kekurangan belanjawan — KNK jatuh lagi ke 16.4 peratus. Nisbah ini terus jatuh ke 10.5 peratus pada tahun 1984, tetapi kenaikan dalam kekurangan keseluruhan dalam tahun 1985 telah memaksa nisbah ini naik ke 11.4 peratus, iaitu jauh lebih tinggi daripada 6.3 peratus yang diramalkan dalam Belanjawan 1985! Nisbah kekurangan belanjawan-KNK diramalkan akan jatuh ke 9.4 peratus pada tahun 1986.

Kekurangan belanjawan bukan sahaja meningkatkan inflasi, tetapi juga meningkatkan pergantungan kerajaan terhadap pinjaman, terutamanya pinjaman luar negeri, kerana sumber pinjaman dalam negeri telah berkurangan akibat kemelesetan ekonomi.

Analisis berikut cuba menyiasat pertumbuhan pesat hutang negara Malaysia, terutamanya pinjaman asing, pada awal tahun lapan puluhan.

Pertumbuhan Utang Negara

Mengikuti data resmi kerajaan, jumlah hutang belum selesai kerajaan persekutuan telah berganda dari \$11.3 bilion pada tahun 1975 ke \$25.4 bilion pada tahun 1980, sebelum berkembang dengan pesat kepada \$30.6 bilion pada tahun 1981, \$41.1 bilion pada 1982, \$50.8 bilion pada 1983, \$57.8 bilion pada 1984 dan \$62.5 bilion pada 1985.

Sepanjang dekad yang lalu, hutang dalam negeri telah tumbuh dengan kadar yang agak tetap dari tahun ke tahun dan berganda dari \$8.9 bilion pada 1975 ke \$18.5 bilion pada 1980, dan sekali lagi kepada \$40.7 bilion pada 1985. Sumber penting hutang dalam negeri kerajaan ialah surat jaminan kerajaan — yang dibeli terutamanya oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP atau EPF) — yang telah tumbuh dengan kadar yang agak tetap sepanjang dekad lalu, dari \$7.4 bilion pada 1975 kepada \$16.8 bilion pada 1980 dan \$36.6 bilion pada 1985. Walaubagaima pun, tiada kenaikan penting dalam bil perbendaharaan pada 1975-80. Pinjaman kerajaan dari bank perdagangan terutamanya untuk jangka pendek meningkat dari purata \$0.3 bilion pada 1975-82 kepada kira-kira \$1 bilion pada 1983-85.

Hutang luar negeri kerajaan juga bertambah dengan kadar tetap antara 1975-80, dan meningkat dari \$2.4 bilion pada 1975 ke \$4.9 bilion pada 1981, \$13.2 bilion pada 1982, \$17.7 bilion pada 1983 dan \$20.8 bilion pada 1984 dan \$21.8 bilion pada 1985, menurut rancangan kerajaan.

Pinjaman projek dan pinjaman pasaran seimbang antara 1975-80. Tetapi kebanyakan pinjaman asing kerajaan yang baru selepas tahun 1980 merupakan pinjaman pasaran. Pinjaman projek tumbuh dengan kadar yang agak tetap dalam dekad yang lalu, dari \$1.1 bilion pada 1975 kepada \$2.7 bilion pada 1980 dan \$5.1 bilion pada 1985. Pinjaman pasaran pula tumbuh dengan lebih perlahan pada peringkat awal dari \$1.3 bilion pada 1975 ke \$2.2 bilion pada 1980, tetapi telah melambung naik selepas itu, kepada \$4.8 bilion pada 1981, \$9.0 bilion pada 1982, \$12.3 bilion pada 1983, \$14.7 bilion pada 1984 dan \$15.5 bilion pada 1985.

Dalam pada itu, pinjaman yang dijamin kerajaan persekutuan melambung dari \$0.6 bilion pada 1975 ke \$1.3 bilion pada 1976, dan kemudian bertambah dengan lebih beraus-ansur kepada \$3.6 bilion pada 1981, sebelum tumbuh lagi dengan pesat sekali kepada \$5.0 bilion pada 1982, \$7.0 bilion pada 1983, \$8.9 bilion pada 1984 dan \$9.9 bilion pada 1985. Kebanyakannya merupakan pinjaman asing. Pinjaman dalam negeri yang dijamin kerajaan persekutuan meningkat dari jumlah sangat

kecil sebanyak \$11 juta pada 1975 kepada \$0.7 bilion pada 1980 dan \$1.8 bilion pada 1984, sebelum jatuh kepada \$0.8 bilion pada 1985. Walaubagaimana pun, pinjaman asing meningkat dengan kadar agak tetap, dari \$0.6 bilion pada 1975 ke \$2.4 bilion pada 1980 dan \$3.7 bilion pada 1982, sebelum melambung kepada \$9.1 bilion pada 1985.

Oleh itu, jumlah hutang sektor awam belum selesai Malaysia — termasuk pinjaman yang dijamin kerajaan persekutuan telah meningkat dengan kadar agak tetap, dari \$11.9 bilion pada 1975 ke \$26.5 bilion pada 1980, sebelum melambung naik kepada \$34.2 bilion pada 1981 dan \$46.2 bilion pada 1982, terutamanya akibat kenaikan pesat dalam pinjaman pasaran kerajaan dari luar negeri. Ia terus meningkat dengan pesat ke \$57.8 bilion pada 1983, sebelum mula meningkat dengan lebih perlahan kepada \$66.7 bilion pada 1984 dan \$72.4 bilion pada 1985.

Pinjaman dalam negeri bersih sektor awam meningkat dari \$2.3 bilion pada 1980 kepada \$5.7 bilion pada 1982 dan \$3.7 bilion pada 1985, sementara pinjaman luar negeri sektor awam melambung dari \$0.3 bilion pada 1980 ke \$3.4 bilion pada 1981, dan \$4.9 bilion pada 1982, sebelum berkurang kepada \$4.6 bilion pada 1983, \$3.1 bilion pada 1984 dan \$1.0 bilion pada 1985.

Hutang dalam negeri sektor awam telah meningkat dengan kadar malar sebelum dan selepas tahun 1980. Pertumbuhan pesat dalam hutang sektor awam selepas 1980 terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan pesat pinjaman asing sejak 1981, yang hanya mula perlahan secara beransur-ansur pada pertengahan tahun lapan puluhan. Jumlah hutang asing belum selesai sektor awam telah melambung naik sebanyak 55% antara 1980-81, berbanding dengan cuma 5% dalam tahun sebelum itu. Kemudiannya, pinjaman asing ini tumbuh sebanyak 50% pada 1981-2, 38% pada 1982-3, 20% 1983-4 dan 11% pada 1984-5.

Dalam pada itu, nisbah hutang dalam negeri kepada hutang belum selesai sektor awam hanya merosot sedikit, dari 75% pada 1975 kepada 72% pada 1980. Walaubagaimana pun, dengan pertumbuhan pesat dalam pinjaman luar negeri selepas tahun 1980, nisbah ini jatuh kepada 67% pada 1981, 63% pada 1982 dan 60% pada 1983, sebelum merosot dengan lebih perlahan kepada 58% pada 1984 dan 55% pada 1985. Bahagian hutang asing dalam jumlah hutang awam meningkat sedikit dari 25% pada 1975 ke 28% pada 1980, sebelum melambung kepada 43% pada 1985.

Menurut angka rasmi kerajaan, nisbah pinjaman pasaran kepada jumlah pinjaman asing projek dan pasaran sedemikianya jatuh dari 56% pada 1975 kepada 45% pada 1980, sebelum melambung kepada 76%

pada 1983, dan terus kekal pada paras itu selepasnya. Nisbah sebenar pinjaman pasaran dalam jumlah hutang asing sektor awam sebenarnya lebih tinggi kerana kebanyakan pinjaman luar negeri jaminan kerajaan persekutuan adalah dari sumber pasaran kewangan swasta. Pinjaman pasaran dari sumber swasta umumnya melibatkan kadar bunga lebih tinggi, dan pada hakikatnya, tiada penyeliaan bagaimana wang pinjaman itu digunakan, walaupun pinjaman projek -- biasanya dari agensi bantuan antarabangsa mungkin melibatkan syarat yang lebih ketat, terutamanya kalau kemudahan memperolehi kredit jatuh akibat pinjaman berlebihan, kedudukanimbangan bayaran yang teruk dan sebagainya.

Menurut angka hutang luar negeri, bahagian hutang kerajaan persekutuan dari Keluaran Negara Kasar (KNK) telah bertambah dari 10% pada 1980 ke 28% pada 1983 dan 30% pada 1985, sementara jumlah hutang sektor awam (termasuk pinjaman yang dijamin kerajaan persekutuan) meningkat dari 21% pada 1980 kepada 43% pada 1985. Jika hutang sektor swasta juga diambil kira, bahagian hutang Malaysia dari KNK telah meningkat dari 28% pada 1981 kepada 49% pada 1983 dan 57% pada 1985. Hutang sektor swasta Malaysia patut diambilkira juga kerana sebahagian besar darinya telah dipinjam oleh syarikat sektor swasta yang dimiliki atau dikuasai oleh kerajaan.

Kerajaan Malaysia mengaku bahawa bahagian khidmat bayar hutang luar negeri dari jumlah eksport Malaysia masih berada pada paras yang rendah, iaitu sebanyak hanya 6% pada tahun 1983. Walaupun patut diambilkira, ini memberi gambaran salah kerana Malaysia merupakan sebuah ekonomi terbuka yang mengeksport kira-kira 60% dari KNKnya. Malah, jika dibanding dengan KNK pula, saiz hutang luar negeri Malaysia amat membimbangkan. Jumlah hutang luar negeri Malaysia adalah 49% dari KNKnya pada tahun 1983, berbanding dengan purata 36% untuk semua negara membangun. Hutang asing sektor awam Malaysia adalah 39% dari KNKnya pada 1983, berbanding dengan purata 30% bagi semua negara membangun. Pada tahun 1984 dan 1985, hutang asing sektor awam merupakan 50.6% dan 56.6% daripada KNK masing-masing. Khidmat bayar hutang luar negeri sektor awam pula menjadi 3.5% dari KNK, kurang sedikit dari purata negara membangun sebanyak 3.9%. Hutang luar negeri sektor awam adalah 38% dari KNK pada 1984 dan naik ke 43% pada tahun 1985! Tidakkah menghairankan bahawa khidmat bayar hutang pada 1984 adalah sebanyak 92% dari pinjaman baru dan telah melompat ke 239% dari pinjaman baru bagi tahun 1985! Keadaan anih ini -- di mana nisbah hutang -- KNK agak tinggi, sedangkan nisbah khidmat bayar hutang --

KNK agak rendah — dapat dijelaskan. Bayaran balik kebanyakan hutang yang dipinjam pada awal tahun lapan puluhan belum bermula lagi pada tahun 1983. Tetapi, keadaan ini sudah tentu akan berubah dalam tempoh 1986-88 apabila kesan beban hutang awal tahun lapan puluhan itu sudah mula kelihatan.

Khidmat Bayar Hutang

Mengikut angka resmi kerajaan, pinjaman baru kerajaan persekutuan telah melambung naik dari \$2.6 bilion pada 1980 ke \$7.0 bilion pada 1981 dan \$10.7 bilion pada 1982, sebelum merosot kepada \$8.7 bilion pada 1983, \$7.2 bilion pada 1984 dan \$4.4 bilion pada 1985. Di samping itu, jumlah khidmat bayar hutang terus bertambah, dari \$2.6 bilion pada 1980, \$6.0 bilion pada 1984, sebelum berganda kepada kira-kira \$11.9 bilion pada 1985. Seperti dapat dijangka, khidmat bayar hutang dalam negeri telah meningkat dengan kadar agak tetap dari \$2.0 bilion pada 1980 ke \$4.5 bilion pada 1985. Khidmat bayar hutang luar negeri kerajaan meningkat lebih cepat sedikit dari \$0.6 bilion pada 1980 ke \$2.7 bilion pada 1984, sebelum melambung kepada \$7.5 bilion pada 1985.

Bayaran balik pinjaman kerajaan persekutuan meningkat dari \$0.4 bilion pada 1975 kepada \$1.1 bilion pada 1980, dan telah turun-naik dalam jangkamasa 1980-84, sebelum meningkat naik kepada kira-kira \$6.4 bilion pada 1985, terutamanya bagi penjelasan awal pinjaman asing untuk mengambil kesempatan dari kadar bunga rendah, seperti akan kita lihat nanti. Bayaran faedah hutang kerajaan persekutuan telah meningkat dengan kadar lebih tetap, yang membayangkan saiz hutang, kadar bunga (termasuk turun naiknya), dan bahagian pinjaman asing terutamanya pinjaman pasaran, yang semakin meningkat.

Dengan itu, tidaklah menghairankan bahawa bahagian perbelanjaan semasa mengurus kerajaan persekutuan yang bertambah dengan cepat sekali ialah khidmat bayar hutang.

Khidmat bayar hutang kerajaan persekutuan telah meningkat dari 19% dari perbelanjaan mengurus pada 1980 kepada 30% pada 1984, sebelum melambung naik kepada 56% pada 1985! Khidmat bayar hutang asing kerajaan persekutuan sahaja telah meningkat dari 4% pada 1980 kepada 13% pada 1984, sebelum melambung naik kepada 35% pada 1985!

Sementara itu, nisbah khidmat bayar hutang kepada hasil kerajaan persekutuan telah merosot sedikit, dari 21.0% pada 1975 ke 18.5% pada 1980, sebelum meningkat naik kepada 55% pada 1985, dengan

harapan tipis untuk menurun semula, atas sebab-sebab yang akan kita kaji nanti.

Pada tahun 1975, pinjaman baru \$2.1 bilion melebihi khidmat bayar hutang \$1.1 bilion sebanyak 97%. Pada tahun 1980, pula, iaitu selepas berlaku perkembangan hutang selama beberapa tahun, khidmat bayar hutang \$2.6 bilion sama saja dengan pinjaman baru \$2.6 bilion. Pertumbuhan hutang yang pesat pada awal tahun lapan puluhan telah menyebabkan pinjaman baru jauh melebihi khidmat bayar hutang dalam jangkamasa 1981-83, tetapi pada tahun 1984, kesan hutang ini sudah mula kelihatan apabila khidmat bayar hutang hampir 83% daripada pinjaman baru dan dalam tahun 1985 pula khidmat bayar hutang hampir tiga kali ganda nilai pinjaman baru.

Menurut angka resmi kerajaan, khidmat bayar hutang luar negeri Malaysia meningkat dari \$2.3 bilion pada 1981 kepada \$3.7 bilion pada 1983, dan \$6.2 bilion pada 1985. Khidmat bayar pinjaman sektor awam meningkat dari \$1.2 bilion pada 1981 ke \$2.3 bilion pada 1983 dan \$4.0 bilion pada 1985. Khidmat bayar hutang luar negeri sektor awam meningkat dengan kadar agak tetap dalam jangkamasa 1981-83, sebelum melambung dalam jangkamasa 1983-85. Khidmat bayar hutang asing kerajaan persekutuan meningkat dari \$0.8 bilion pada 1981 kepada \$1.7 bilion pada 1983, sebelum naik kepada \$2.9 bilion pada 1985, sementara khidmat bayar pinjaman yang dijamin kerajaan persekutuan menambah dari \$0.4 bilion pada 1981 ke \$0.5 bilion pada 1983, dan kemudian ke \$1.1 bilion pada 1985.

Bayaran faedah hutang luar negeri telah bertambah bersama pinjaman asing dan, hanya dikurangkan sedikit akibat penurunan kadar bunga pada awal tahun lapan puluhan. Jumlah bayaran faedah ke luar negeri meningkat dari \$1.2 bilion pada 1981 kepada \$2.1 bilion pada 1983, \$2.9 bilion pada 1984 dan \$3.5 bilion pada tahun 1985. Bayaran faedah bagi hutang luar negeri sektor awam meningkat dari \$0.8 bilion pada 1981 ke \$1.6 bilion pada 1983 dan \$2.2 bilion pada 1984 dan \$2.7 bilion pada 1985. Bayaran faedah pinjaman asing kerajaan persekutuan meningkat dengan kadar agak tetap, dari \$0.6 bilion pada 1981 kepada \$1.2 bilion pada 1983 dan \$2.0 bilion pada 1985; bayaran faedah hutang luar negeri yang dijamin kerajaan juga berkembang dengan kadar serupa.

Jelas bahawa kenaikan pesat dalam khidmat bayar hutang luar negeri adalah akibat kenaikan bayaran balik hutang (iaitu penjelasan pinjaman) selepas tahun 1983. Jumlah bayaran balik hutang luar negeri meningkat dari \$1.1 bilion pada 1981 ke \$1.5 bilion pada 1983 dan \$2.8 bilion pada 1985. Penjelasan hutang luar negeri sektor awam

bertambah secara beransur-ansur, dari \$0.4 bilion pada 1981 kepada \$0.7 bilion pada 1983, sebelum naik kepada \$0.9 bilion pada 1984 dan \$1.3 bilion pada 1985. Kebanyakan kenaikan ini disebabkan oleh bayaran balik pinjaman kerajaan persekutuan, yang meningkat dari \$0.2 bilion pada 1981 kepada \$0.5 bilion pada 1983, \$0.7 bilion pada 1984 dan \$0.9 bilion pada 1985. Bayaran balik pinjaman juga telah bertambah dengan lebih pesat dalam jangkamasa 1984-5 kerana kerajaan Malaysia membayar bali hutang dengan kadar bunga tetap yang tinggi yang dipinjam pada peringkat awal pinjaman besar-besaran pada awal tahun lapan puluhan apabila kadar bunga lebih tinggi.

Nisbah khidmat bayar hutang luar negeri kasar telah meningkat dengan pesat — akibat pertambahan pinjaman asing, terutamanya, penjelasan hutang — dari 7.1% pada 1981 kepada 9.7% pada 1983, 11.4% pada 1984 dan 14% pada 1985. Nisbah khidmat hutang luar negeri sektor awam sahaja telah tumbuh dari 3.8% pada 1981 ke 6.0% pada 1983, dan 9.0% pada tahun 1985. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan nisbah khidmat hutang asing kerajaan persekutuan dari 2.6% pada 1981 ke 4.6% pada 1983 dan 6.5% pada 1985. Seperti dijelaskan sebelum ini, nisbah khidmat hutang sebenar lebih tinggi pada tahun 1984 dan 1985 kerana kerajaan Malaysia menjelaskan hutang lebih awal.

Bank Dunia pernah cuba membuat ramalan anggaran khidmat bayar hutang asing sektor awam bagi tempoh 1984-91 berdasarkan pinjaman belum selesai pada tahun 1983. Jika pinjaman baru sebanyak \$7.2 bilion pada 1984, \$4.4 bilion pada 1985 dan selepas itu diambilkira, ramalan khidmat bayar hutang mungkin lebih tinggi. Oleh itu hanya berdasarkan hutang luar negeri belum selesai sektor awam sebanyak \$23.2 bilion pada 1983, khidmat bayar hutang dijangka akan meningkat kepada \$5.8 bilion pada 1988, sebelum merosot selepas itu.

Walaupun bagaimana pun, seperti kita sedia maklum, ini tidak akan terjadi kerana hutang luar negeri sektor awam sedang terus bertambah, walaupun tidak sepesat awal tahun lapan puluhan. Mungkin lebih penting lagi, ekonomi Malaysia sudah mula ketagihkan hutang. Lebih banyak dipinjam, lebih banyak yang perlu dipinjam nanti. Jadual 8 menunjukkan bagaimana ini terjadi, dengan menggunakan suatu contoh yang mudah. Kata kanlah sebuah negara meminjam \$1,000 setiap tahun dari luar negeri. Hutang ini dibayar balik dengan bayaran ansuran yang sama jumlahnya sebanyak lima kali dalam masa lima tahun. Bunga 10% dikenakan ke atas baki hutang yang belum selesai setiap tahun. Oleh kerana khidmat bayar hutang (iaitu bayaran balik pokok campur bayaran faedah) terus meningkat, pengaliran masuk bersih modal merosot

setiap tahun, dan akhirnya, menjadi negatif. Pada tahun ketiga, \$840 dari pinjaman baru \$1,000 digunakan untuk khidmat bayaran hutang. Pada tahun keempat, pinjaman baru \$1,000 tidak lagi mencukupi untuk khidmat bayar hutang. Dengan itu, rancangan pembangunan kerajaan yang memerlukan pengaliran masuk bersih pinjaman asing sebanyak \$1,000 setahun sebenarnya memerlukan semakin banyak hutang asing. Oleh itu, apabila sudah mula meminjam, sukar bagi kerajaan untuk berhenti. Ia akan terus memerlukan pinjaman kecuali kalau terdapat sumber pendapatan tukaran asing lain, misalnya lebih perdagangan yang bertambah. Dalam contoh tadi, \$1,080 perlu dipinjam pada tahun keempat dan \$1,300 pada tahun kelima hanya untuk khidmat bayar hutang yang terkumpul. Dan sekiranya eksport merosot atau kadar bunga meningkat, lebih banyak pinjaman diperlukan.

Oleh itu jelas bahawa kebanyakan negara — termasuk Malaysia — tidak boleh mengharap peminjaman sebagai jalan keluar dari masalah ekonominya. Peminjaman biasanya akan menjadikan masalah itu lebih teruk. Oleh itu, jelas bahawa apa yang digambarkan sebagai penyelesaian masalah sementara pada awal tahun lapan puluhan, sebenarnya telah menjadi beban tambahan bagi ekonomi Malaysia, iaitu ketagihan hutang.

LAMPIRAN

JADUAL 1

PERUNTUKAN BELANJAWAN UNTUK PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 1981-86 (juta \$)

	Perbelanjaan Mengurus	Perbelanjaan Pembangunan	Jumlah Perbelanjaan
1981	14,600	8,477	23,077
1982 (Asal)	17,319	14,632	31,951
1982 (diubahsuai)	16,185	12,881	29,066
1983	17,079	11,670	28,749
1984 (Asal)	19,016	8,675	27,691
1984 (diubahsuai)	21,371	9,241	30,612
1985	21,538	7,653	29,191
1985 (diubahsuai)	21,895	8,010	29,905
1986	21,954	8,858	30,812

Sumber: Jabatan Penerangan, Belanjawan 1981-1986

Nota : Data di atas merujuk kepada peruntukan Belanjawan. Perbelanjaan sebenar (lihat Jadual 2) adalah berlainan kerana perubahan dalam peruntukan atau kekurangan dalam pelaksanaan.

JADUAL 2
HASIL, PERBELANJAAN DAN KEKURANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
1978-86 (juta \$)

	1978	1979	1980	1981	1982	1983	1984 ¹	1985 ²	1986 ³
Hasil	8,841	10,505	13,926	15,806	16,690	18,608	20,805	21,767	22,121
Perbelanjaan									
Mengurus	8,041	10,040	13,617	15,686	16,671	18,374	19,806	21,895	21,954
Pembangunan	3,699	4,151	7,331	11,135	11,189	9,416	8,074	7,163	7,608
Jumlah Perbelanjaan	11,740	14,191	20,948	26,821	27,860	27,790	27,880	28,513	29,562
Kekurangan Keseluruhan	2,889	3,686	7,022	11,015	11,170	9,182	7,075	6,746	7,441
Sumber Pembiayaan									
Pinjaman Bersih									
Luar Negeri	541	679	310	2,909	4,773	4,403	3,218	903	-
Dalam Negeri	1,165	2,507	2,331	4,091	5,909	4,315	3,925	3,500	-
Terimaan									
Khas	-	-	-	510	152	166	- 175	- 222	-
Perubahan Harta	1,193	500	4,404	3,505	336	298	108	2,565	-

Sumber : Kementerian Kewangan, *Laporan Ekonomi 1985/86*, Lampiran 4.2

- 1 : Anggaran Sebenar
2 : Anggaran Terakhir
3 : Anggaran Belanjawan

JADUAL 3
KEKURANGAN DAN KEWANGAN SEKTOR AWAM DISATUKAN
1978-86 (Juta \$)

	1978	1979	1980	1981	1982	1983	1984 ¹	1985 ²	1986 ³
Lebihan Semasa	1,717	2,174	1,599	3,251	3,868	6,742	8,418	7,691	7,318
Perbelanjaan									
Pembangunan	4,728	5,657	9,711	15,363	16,348	17,468	16,231	16,430	14,928
Kekurangan									
Keseluruhan	3,011	3,483	8,112	12,112	12,480	10,726	7,813	8,739	7,610
Nisbah									
Kekurangan/KNK	8.32	8.1	16.25	21.7	20.9	16.4	10.5	11.4	9.4
Sumber Pembiayaan									
Pinjaman Bersih									
Luar Negeri	606	986	1,590	3,125	4,948	6,718	5,183	2,015	1,620
Pinjaman Bersih									
Dalam Negeri	1,299	2,547	3,650	4,209	6,064	4,925	4,418	4,000	5,330
Terimaan									
Khas	-	-	-	510	152	451	650	344	560
Perubahan									
Harta	1,106	-50	2,872	4,756	-30	-1,368	-2,438	2,380	+100

Sumber : Kementerian Kewangan, *Laporan Ekonomi 1985/86*, Lampiran 4.1

Nota : Sektor Awam merujuk kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta badan Berkanun (NFPE)

- 1 : Anggaran Sebenar
- 2 : Anggaran Terakhir
- 3 : Anggaran Belanjawan

JADUAL 4
 HUTANG BELUM SELESAI DAN KHIDMAT BAYAR HUTANG KERAJAAN
 PERSEKUTUAN 1979-85 (juta \$)

	1979	1980	1981	1982	1983	1984 ¹	1985 ²
Pinjaman Bersih	3,186	2,620	7,000	10,683	8,718	7,243	4,414
Jumlah Hutang Belum selesai	20,492	23,147	30,144	40,956	49,827	56,224	60,638
Jumlah Hutang Belum selesai + Kemudahan IMF			30,654	41,618	50,655	56,927	60,912
Dalam Negeri	15,949	18,286	22,376	28,460	32,927	36,080	39,591
Luar Negeri	4,543	4,861	7,768	12,496	16,900	20,144	21,047
Luar Negeri + Kemudahan IMF			8,278	13,158	17,728	20,847	21,321
Jumlah Khidmat Bayar Hutang	1,992	2,583	3,106	4,127	4,291	6,025	12,059
Dalam Negeri	1,497	2,025	2,269	2,690	2,551	3,396	4,456
Luar Negeri	495	558	837	1,437	1,740	2,629	7,603
Perbelanjaan mengurus	10,040	13,617	15,686	16,671	18,374	19,806	21,895
Khidmat Bayar Hutang/Perbelanjaan mengurus	20	19	20	26	25	30	55

Sumber : Laporan Ekonomi 1985/86, Lampiran 4.5, 4.6

Nota : Khidmat Bayar Hutang merujuk kepada pembayaran balik pokok dan bayaran faedah seperti diberi dalam Lampiran 4.6. Jadi ia adalah lebih besar daripada Khidmat Bayar Hutang dalam Lampiran 4.4, yang hanya mengandungi faedah.

1 : Anggaran Sebenar

2 : Anggaran Terakhir

JADUAL 5
KHIDMAT BAYAR HUTANG LUAR NEGERI
 1981 - 85 (juta \$)

	1981	1982	1983	1984	1985
BAYARAN POKOK	1,081	1,508	1,530	2,278	2,765
Kerajaan Persekutuan	199	487	498	656	863
Dijamin oleh Kerajaan	212	237	197	241	438
Sektor Swasta	670	784	835	1,127	1,464
BAYARAN FAEDAH	1,203	1,587	2,143	2,855	3,461
Kerajaan Persekutuan	638	950	1,242	1,711	2,004
Dijamin oleh Kerajaan	182	200	326	443	677
Sektor Swasta	383	437	575	701	780
JUMLAH BAYARAN BALIK	2,284	3,095	3,673	5,133	6,226
Kerajaan Persekutuan	837	1,437	1,740	2,367	2,867
Dijamin oleh Kerajaan	394	437	523	684	1,115
Sektor Swasta	1,053	1,221	1,410	2,082	2,244
NISBAH KHIDMAT BAYARAN BALIK NASIONAL (%)					
JUMLAH	7.1	9.2	9.7	11.4 ^a	14.0 ^a
Kerajaan Persekutuan	2.6	4.3	4.6	5.3 ^a	6.5 ^a
Dijamin oleh Kerajaan	1.2	1.3	1.4	1.5	2.5
Sektor Swasta	3.3	3.6	3.7	4.6	5.0

Sumber : Laporan Tahunan Bank Negara 1983, 1984, 1985

(a) Jika bayaran pokok terdahulu tidak dimasukkan, nisbah ini adalah 12.4% dan 6.2% masing-masing bagi tahun 1984, dan dijangka akan meningkat ke 26.4% dan 18.8% masing-masing dalam tahun 1985.

RANCANGAN MALAYSIA KELIMA: BEBERAPA KOMEN

Perancangan ekonomi dalam sebuah ekonomi kapitalis terbuka sudah tentu terhad dan kurang berkesan. Seperti diketahui umum, perancangan dalam ekonomi kapitalis, walaupun mempunyai sektor awam yang besar dan berpengaruh, hanya boleh mencadangkan sasaran, kerana peranan kepentingan swasta masih utama dan tidak dapat ditentukan oleh kerajaan. Pendedahan ekonomi Malaysia yang terbuka kepada pasang-surut ekonomi dunia menyekat lagi peranan perancangan di Malaysia.

Perancangan di Malaysia telah bertambah penting pada tahun 1970an akibat campurtangan kerajaan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Walaubagaimana pun, sejak awal tahun 1980an, beberapa sebab, fahaman dan dasar (pengurangan peraturan dan syarat pemerintah, persyarikatan Malaysia dan penswastaan) sudah mula mengurangkan pertumbuhan sektor awam dan campurtangan kerajaan.

Penerbitan *Rancangan Malaysia Kelima, 1986-1990* pada Mac 1986 bukan sahaja menekankan falsafah dan dasar ekonomi Mahathir, tetapi juga mengharapkan peranan sektor swasta yang lebih besar. Ada pandangan bahawa perancang dasar ekonomi kerajaan Malaysia tidak mempunyai banyak pilihan lain dalam konteks ekonomi kini, terutamanya dengan adanya krisis ekonomi akibat pertambahan pesat dalam perbelanjaan awam dan pinjaman asing pada awal tahun 1980an. Pengaruh falsafah dan dasar pasaran bebas (yang menentang campurtangan pemerintah) di Barat dan tekanan asing yang semakin bertambah (akibat beban pinjaman luar negeri dan masalah lain yang berkaitan) terhadap dasar ekonomi Malaysia juga mempengaruhi trend ini.

Akibatnya ialah lebih harapan terhadap sektor swasta untuk memulihkan ekonomi. Harapan terhadap sektor swasta ini sudah tentu menimbulkan keraguan sama ada perancangan boleh dipercayai atau tidak.

Tambahan pula, memandangkan pengalaman dari pelaksanaan rancangan lima tahun sebelum ini, keraguan terhadap perancangan ekonomi di Malaysia tentu meningkat.

RAMALAN YANG MERAGUKAN

Rancangan Malaysia Kelima (RM5) meramalkan kadar pertumbuhan KDNK tahunan purata sebanyak 5.0% untuk jangkamasa 1986-90, berbanding dengan 5.8% yang dicapai dalam tempoh 1981-85. Pertumbuhan KNK dijangka meningkat dengan kadar purata 5.1% dalam tempoh 1986-90, berbanding dengan 4.9% yang dicapai pada setengah dekad sebelumnya (semuanya angka harga malar tahun 1978).

Walaupun bagaimanapun, menurut *Laporan Tahunan Bank Negara 1985*, yang diterbitkan pada Mac 1986, pertumbuhan KDNK (dalam harga malar 1978) pada 1985 cuma 2.8%, dan dijangka naik hanya kepada 3.3% dalam 1986. Di samping itu, KNK tumbuh sebanyak 2.5% dalam 1985, dan dijangka naik sebanyak 3.7% dalam 1986 pada harga malar 1978.

Walaupun bagaimanapun, menurut Bank Negara lagi, KNK sebenar telah jatuh sebanyak 2.7% dalam 1985 (sebanyak hanya 2.1% menurut RM5). Ini banyak disebabkan oleh kejatuhan sebanyak 5.6% dalam syarat perdagangan antarabangsa Malaysia dalam tahun 1985. Dengan jangkaan Bank Negara bahawa syarat perdagangan antarabangsa akan merosot lagi sebanyak 15.5% dalam 1986, maka KNK dalam harga semasa dijangka jatuh lagi sebanyak 5.7% dalam 1986. KNK per kapita dalam harga semasa jatuh sebanyak 4.9% dalam tahun 1985, dan dijangka jatuh lagi sebanyak 7.9% dalam tahun 1986.

Walaupun bagaimanapun, RM5 lebih optimis dan menjangka bahawa syarat perdagangan akan merosot sebanyak hanya 13.9% antara 1985-90, berbanding dengan ramalan 15.5% oleh Bank Negara bagi tahun 1986 sahaja.

Akibat kejatuhan harga, eksport barangan kerugian sebanyak \$2.3 bilion pada tahun 1985. Kerugian ini dijangka meningkat kepada \$7.3 bilion dalam 1986, menurut Bank Negara (1986: 3 - Jadual 1.3), di mana kerugian harga eksport petroleum mentah adalah sebanyak \$2.9 bilion, minyak sawit \$2.1 bilion, gas cecair asli \$1.1 bilion dan timah \$0.7 bilion.

Pertumbuhan pelaburan swasta yang diharapkan oleh RM5 juga sukar ditentuskan. Kadar pertumbuhan purata sebanyak 2.7% setahun (1.8% dalam harga malar 1978) dalam jangkamasa 1981-85 dijangka akan melambatkan ke 2.5% setahun (1.5% dalam harga malar 1978) dalam tempoh

1986-90! Bagaimana sasaran ini dapat dicapai, memandangkan trend ekonomi dewasa ini, sudah pasti menimbulkan keraguan terhadap sasaran-sasaran RM5 yang lain.

Malah, pelaburan swasta telah jatuh antara tahun 1984-5 sebanyak 10.9% dalam harga semasa - dari \$13.3 bilion dalam 1984 ke \$11.9 bilion dalam 1985 - atau sebanyak 8.1% dalam harga malar 1978, dari \$10.4 bilion dalam 1984 ke \$9.6 bilion dalam 1985. (RM5, 1986: 46 - Jadual 2.2). Lebih penting lagi, pelaburan swasta sebagai peratus KNK telah merosot setiap tahun dalam setengah dekad yang lalu, dari 20.6% dalam 1981 ke 16.3% dalam 1985 (RM5, 1986:56 - Jadual 2.8). Pelaburan syarikat dalam 1985 dianggar sebanyak \$1.9 bilion, 12.5% kurang dari 1984 (Bank Negara, 1986:186). Sementara pelaburan awam dijangka tidak banyak berubah antara tahun 1985 dan 1990, pelaburan swasta baru diramalkan akan naik dari \$11.9 bilion dalam 1985 ke \$18.0 bilion dalam 1990.

Walaupun kerajaan berharap akan dapat menarik lebih banyak pelaburan swasta - terutamanya pelaburan asing - dengan menyediakan lebih banyak galakan pelaburan yang menarik, galakan lebih menarik ini tidak dapat meningkatkan pelaburan secara menakjubkan, setelah gagal membuat demikian pada awal dekad 1980an.

Eksport Malaysia dijangka tumbuh pada purata 3.2% setahun (4.8% dalam harga malar 1978) dalam jangkamasa 1986-90, berbanding dengan 6.9% (8.0% dalam harga malar 1978) dalam jangkamasa 1981-85. Sementara itu, pertumbuhan import dijangka menurun kepada 3.7% setahun (2.2% dalam harga malar 1978) dalam jangkamasa 1986-90, berbanding dengan 6.0% (8.0% dalam harga malar 1978) dalam jangkamasa 1981-85.

Walaupun susut nilai ringgit sejak September 1985 mungkin mengurangkan beberapa jenis import, trend lalu mencerminkan kecenderungan mengimport yang lebih tinggi dan ketidakajalan import yang lebih besar dari apa yang diharapkan oleh RM5. Apabila KDNK tumbuh pada purata 5.8% setahun dalam jangkamasa 1981-85, import telah tumbuh sebanyak 5.5% setahun (pada harga malar 1978). Tetapi walaupun KDNK dijangka tumbuh sebanyak 5.0% setahun jangkamasa 1986-90, import dijangka tumbuh hanya sebanyak 2.2% setahun (dalam harga malar 1978).

Perlu ditegaskan di sini bahawa ulasan ini tidak berdasarkan sikap pesimis yang menolak ramalan ekonomi yang optimis tanpa asas, tetapi sebenarnya berpijak kepada kenyataan. Sebenarnya, perancangan ekonomi dalam ekonomi kapitalis terbuka, seperti Malaysia, merupakan usaha spekulatif yang biasanya melibatkan harapan tanpa asas yang

kuat. Perancangan jangka panjang dalam konteks ini tidak berguna sangat. Namun demikian, perancangan jangka pendek yang bermakna semestinya konsisten dan berdasarkan kenyataan.

STRATEGI BARU PEMBASMIAN KEMISKINAN?

RM5 telah mengumumkan bahawa kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia pada tahun 1984 cuma 18.4%! Dalam *RM5*, data kemiskinan ini dari *Tinjauan Pendapatan Isirumah, 1984* di banding dengan kadar kemiskinan 39.6% pada tahun 1976 (berdasarkan *Banci Pertanian 1977*) dan 49.3% pada tahun 1970 (berdasarkan *Tinjauan Selepas Banci Penduduk, 1970*) (*RM5*, 1986: 86 – Jadual 3.1). Oleh kerana ketiga-tiga sumber data ini tidak pernah diterbitkan, tiada cara untuk menyemak data berkenaan, termasuk cara pengiraannya. Malah, sifat tiga jenis kajian yang berbeza ini bermakna bahawa perbandingannya boleh dipersoalkan dari segi hukum statistik. Namun demikian, oleh kerana tiada data lain, maka angka rasmi ini terpaksa digunakan.

Walaubagaimana pun, pengurangan kadar kemiskinan rasmi di Semenanjung Malaysia dari 39.6% pada tahun 1976 ke 18.4% pada tahun 1984 sukar diterima akal. Persoalan pokok ialah sama ada kadar kemiskinan pada tahun 1984 mengukur fenomena yang diukur pada 1976 atau 1970. Apakah terdapat perbezaan dari segi kaedah pengukuran? Perubahan kaedah pengukuran bermakna bahawa fenomena yang diukur juga berbeza. Contohnya, jika pendapatan dianggar berdasarkan nilai tunainya yang dihitung mengikut masa kerja, tanpa mengambil kira pendapatan tunai yang sebenarnya diterima, maka kajian berkenaan barangkali akan menganggarkan pendapatan lebih tinggi berbanding dengan kajian lain yang tidak mengambil kira kerja yang tidak mendatangkan pendapatan tunai. Terdapat faedah masing-masing dari kaedah pengukuran berlainan, tetapi ini bukanlah masanya untuk membahaskan yang mana lebih baik. Walaubagaimana pun, pengurangan kadar kemiskinan dengan mengubah kaedah mengukur pendapatan dan membandingkan data yang tidak sepatutnya dibandingkan merupakan helah memutarbelitkan data yang tidak jujur untuk mengaburi mata rakyat.

Perkara ini berbeza dari perkara lain yang berkaitan. Diakui sekarang bahawa sekurang-kurangnya dua garis kemiskinan yang berlainan pernah digunakan oleh badan perancangan. Garis kemiskinan lebih rendah – barangkali \$25 per kapita sebulan pada 1970, iaitu \$140 untuk satu keluarga yang saiz puratanya 5.6 – biasanya dikaitkan dengan Unit Perancang Ekonomi (UPE). Garis lain – barangkali \$33 per kapita pada

1970, iaitu 32% lebih tinggi dari garis pertama tadi – digunakan oleh Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi (SERU) dan Bank Dunia (IBRD). Pada pertengahan tahun 1980an, garis EPU barangkali di sekitar \$300 bagi sebuah isirumah purata, sementara garis SERU-IBRD kira-kira \$400, selepas mengambilkira kenaikan dalam nisbah harga pengguna dan pengurangan kecil dalam saiz isirumah purata.

Dengan adanya sekurang-kurangnya dua garis kemiskinan yang berbeza, jelaslah bagaimana hanya beberapa bulan selepas Y.B. Anwar Ibrahim telah mengumumkan, pada November 1983, bahawa kadar kemiskinan pada tahun 1983 adalah 42.8%, pada Mac 1984, *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat* (KSPRM4) mengumumkan kadar 30.3% untuk tahun 1983 juga.

Pada Februari 1986 pula, Anwar telah mengumumkan bahawa oleh kerana ahli politik dan akademik menggunakan data kemiskinan rasmi untuk mengkritik kerajaan, pemerintah terpaksa mengkaji semula dan mengubah data kemiskinannya! Data baru untuk 1984 dalam *RM5*, yang diumumkan pada Mac 1986, memberi gambaran seolah-olah bilangan isirumah miskin di Malaysia telah berkurang sebanyak 32.7% dari 717,600 dalam tahun 1983 (menurut *KSPRM4*, Jadual 3.2) ke 483,300 dalam tahun 1984 – satu 'kejayaan' luarbiasa!

Walaupun pemulihan sementara yang kecil pada tahun 1984 mungkin telah mengurangkan kemiskinan sedikit, kejatuhan besar dalam kadar kemiskinan – dari 30.3% dalam tahun 1983 ke 18.4% dalam tahun 1984 – sukar diterima akal.

Menurut *RM5*, bilangan isirumah miskin luarbandar telah jatuh dari 619,700 (41.6%) dalam tahun 1983 ke 402,000 (24.7%) dalam tahun 1984, sementara bilangan isirumah miskin di bandar telah jatuh dari 87,900 (11.1%) dalam tahun 1983 ke 81,300 (8.2%) dalam tahun 1984. Mengikut *RM5* lagi, kemiskinan di kalangan pekebun kecil getah telah jatuh dari 61.1% dalam tahun 1983 ke 43.4% dalam tahun 1984, sebanyak 47.5% di kalangan nelayan, iaitu dari 18,100 (44.7%) dalam tahun 1983 ke 9,500 (27.7%) dalam tahun 1984, sebanyak 72.3% di kalangan pekerja estet, iaitu dari 57,700 (54.6%) dalam tahun 1983 ke 16,000 (19.7%) pada tahun 1984, sebanyak 85.8% di kalangan pekerja lombong, iaitu dari 2,100 (41.0%) dalam tahun 1983 ke 300 (3.4%) dalam tahun 1984. Menurut *RM5*, pengurangan kadar kemiskinari yang terbesar telah berlaku di kalangan pekerja upahan – sebanyak 72% bagi pekerja estet dan sebanyak 86% bagi pekerja lombong. Jika angka baru ini dipercayai, sasaran rancangan perspektif DEB bagi tahun 1990 sebanyak 16.7% (*RM3*, 1973: 73) sudah hampir dicapai jauh sebelum 1990!

Akhirnya, perlu ditegaskan bahawa menurut *RM5*, ketidaksamaan pendapatan keseluruhan telah terus bertambah dalam jangkamasa 1979-84 memandangkan nisbah pendapatan purata-penengah telah terus meningkat. (*RM5* 1986: Jadual 3.4).

PENYUSUNAN SEMULA KEKAYAAN

RM5 memberi maklumat yang lebih mendalam (kalau dibanding dengan dokumen kerajaan lain) mengenai pemilikan modal saham (pada nilai asal) bagi syarikat berhad dalam tahun 1982, yang membolehkan kita meneliti kategori 'pemaustatin Malaysia' yang didapati dalam dokumen kerajaan sebelumnya. Seperti ditunjukkan dalam buku *RM5*, bahagian milik saham pemaustatin asing telah jatuh dari 62.1% pada tahun 1970 ke 34.7% pada tahun 1982, sementara bahagian Bumiputera telah meningkat dari 1.5% pada tahun 1969 ke 15.6% pada tahun 1982. Bahagian milik saham Cina telah meningkat dari 22.8% pada tahun 1969 ke 33.4% pada tahun 1982, sementara bahagian milik saham India susut sedikit dari 1.0% pada tahun 1970 ke 0.9% dalam tahun 1982. Saham orang lain, syarikat wakil dan syarikat tempatan yang tidak dapat dikenalpastikan dari segi kaum telah meningkat sedikit dari 12.2% pada tahun 1969 ke 15.4% pada tahun 1982.

Merujuk kepada buku *RM5*, didapati bahawa pada tahun 1985, bahagian pemastautin asing telah jatuh lagi ke 25.5%, sementara bahagian Bumiputera telah jatuh ke 17.8% pada tahun 1985, selepas mencapai 18.7% pada tahun 1983. Walaubagaimana pun, bahagian individu Bumiputera telah terus bertambah dengan agak pesat dalam jangkamasa 1983-85, dari 7.6% pada tahun 1983 ke 10.1% pada tahun 1985, sementara bahagian agensi amanah Bumiputera telah merosot dari 11.1% pada tahun 1983 ke 7.7% pada tahun 1985. Bahagian 'pemaustatin Malaysia lain' nampaknya telah jatuh dari 49.7% pada tahun 1982 ke 47.7% pada tahun 1983, sebelum meningkat secara tiba-tiba ke 56.7% pada tahun 1985. Memandangkan kemerosotan bahagian Bumiputera dalam tempoh 1983-85 — yang tidak disangka — dan pertumbuhan pesat bahagian 'pemastautin Malaysia lain' dalam jangkamasa itu, sebahagian besar dari pertambahan bahagian 'pemastautin Malaysia lain' mungkin adalah akibat kepentingan Bumiputera yang menggunakan syarikat wakil dan syarikat tempatan lain yang dimiliki oleh pihak yang tidak dikenalpasti kaumnya.

Walaubagaimana pun, jika kita andaikan bahawa bahagian 'pemastautin Malaysia lain' kekal pada paras yang sama antara tahun 1982-85, bahagian milik saham Cina kira-kira 37%, sedangkan bahagian India

kira-kira 1% dari jumlah milik saham (pada nilai asal) dalam syarikat berhad pada tahun 1985. (Gambaran lain akan timbul pula jika kita mengambilkira nilai semasa, dan bukannya nilai asal).

Sekiranya kita andaikan bahawa bahagian modal saham Bumiputera yang dimiliki melalui syarikat wakil dan syarikat tempatan yang mana kaum pemiliknya tidak dikenali adalah sama dengan bahagian modal saham di kalangan pemastautin Malaysia yang mana kaum pemiliknya dikenali, maka jumlah bahagian Bumiputera mungkin kira-kira 22.6% pada tahun 1985! Walaubagaimana pun, atas sebab-sebab yang disebutkan tadi, bahagian Bumiputera barangkali lebih tinggi. Sudah pasti, bahagian lain — Cina, pemastautin asing, India dan lain-lain — juga bertambah besar jika kategori ini diambilkira.

RMS telah mengakui bahawa terdapat penumpuan milik saham yang tinggi dengan memberi contoh Amanah Saham Nasional (ASN). Perlu ditegaskan bahawa terdapat kadar penyertaan skim ASN yang tinggi akibat usaha kerajaan untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera seramai mungkin. Penumpuan milik saham ASN juga dihadkan dengan adanya syarat pelaburan maksimum sebanyak \$50,000 bagi seorang peserta. Oleh kerana pulangan pelaburan ASN sentiasa melebihi 17% setahun dan tidak dikenakan cukai (maka, banyak melebihi kadar faedah simpanan, termasuk simpanan tetap, yang ada), tiada skim milik saham lain yang dapat menarik begitu ramai pelabur. Pada penghujung tahun 1985, dua juta orang Bumiputera, atau 43% dari jumlah Bumiputera yang layak, telah membeli saham ASN. Walaubagaimana pun, 85% dari mereka ini hanya telah melabur \$500 atau kurang. (*RMS* 1986: 111). Dianggarkan juga bahawa kira-kira 1.3% dari Bumiputera yang layak memiliki 75% dari jumlah saham ASN pada tahun 1985.

PENUTUP

Ulasan *RMS* yang ringkas ini terhad kepada tiga perkara utama. Pertama, didapati bahawa perancangan, terutamanya dalam sebuah ekonomi kapitalis terbuka, tidak berkesan sangat, dan ramalan *RMS* menimbulkan keraguan terhadap rancangan itu. Kedua, data kemiskinan untuk tahun 1984 yang digunakan dalam *RMS* tidak patut dibandingkan dengan data kemiskinan lain. Akhir sekali, data milik saham dewasa ini menimbulkan persoalan kerana milik saham Bumiputera telah dikurangkan, sedangkan penumpuan milik saham didapati amat tinggi.

HAPUSKAN GEJALA *NEO-COLONIALISM*

Mahathir Mohamad

Dengan meningkatnya bilangan mereka yang lahir selepas merdeka, maka semakin berkuranglah penghargaan terhadap kemerdekaan berbanding dengan apa yang dirasakan oleh generasi yang telah dijajah. Semakin ramai yang menganggap kemerdekaan sebagai perkara biasa, kalau menyambut Hari Kebangsaan, ini pun sebagai cuti biasa. Keadaan seperti ini boleh melalaikan kita dan akan menghalang perjuangan masa depan negara kita. Apakah pentingnya nasionalisme kepada penduduk sebuah negara yang merdeka seperti Malaysia? Apakah pentingnya kita mengingatkan sejarah perjuangan kemerdekaan, terutama kepada generasi muda? Beberapa unsur dapat kita ketengahkan.

Pertamanya, kita mestilah menentukan bahawa sejarah hidup dijajah tidak berulang lagi. Harus diingat bahawa penjajahan tidak lagi bermakna penaklukan secara langsung. Dalam dunia yang semakin kecil akibat perhubungan yang lebih mudah, gejala *neo-colonialism* telah muncul.

Dan *neo-colonialism* ini boleh dilakukan melalui penguasaan ekonomi, ideologi politik atau kongkongan kebudayaan. Kuasa-kuasa baru sudah muncul sebagai 'neo-colonialist' dan mereka tidak perlu bergantung kepada kekuatan negara mereka. Melalui kebudayaan, umpamanya, penjajahan boleh dilakukan tanpa penggunaan tentera atau wang. Penjajahan, baik apa juga jenisnya, tetap akan cuba menyekat kebebasan kita. Sebaliknya kita tidak boleh memulaukan diri dari dunia luar. Kesan *neo-colonialism* telahpun dirasakan oleh kita, walaupun ramai yang masih tidak sedar. Kemerdekaan yang kita perjuangkan dahulu akan menjadi sia-sia sahaja jika penjajahan baru ini dibenar menggantikannya.

PARA PENULIS

Chang Yii Tan, Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya

Chee Peng Lim, Professor Madya, Ekonomi Analisa, Fakulti Ekonomi & Pentadbiran, Universiti Malaya; sekarang di Center for Transnational Corporations, Economic & Social Commission for Asia and the Pacific, Bangkok.

Harold Crouch, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia; sekarang di Australian National University, Canberra

Linda Golley, Southeast Asia Resource Center, Berkley, California

Johan Saravanamuttu, Profesor Madya, Sains Politik, Pusat Ilmu Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

Lee Poh Ping, Profesor Madya, Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi & Pentadbiran, Universiti Malaya

Jomo, Profesor Madya, Ekonomi Analisa, Fakulti Ekonomi & Pentadbiran, Universiti Malaya

Mahathir Mohamad, Perdana Menteri, Malaysia

Raphael Pura, Asian Wall Street Journal

Mavis Puthucheary, Profesor Madya, Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi & Pentadbiran, Universiti Malaya

BUKU INSAN

1. **BRITISH MALAYA**
An Economic Analysis
(Li Dun Jen) \$6.00
2. **THE SUN ALSO SETS**
Lessons in 'Looking East' (2 ed.)
(ed. Jomo) \$20.00
3. **MASALAH SOSIO-EKONOMI MALAYSIA**
(ed. Jomo K.S. & Ishak Shari) \$6.00
4. **DESIGNER GENES**
I.Q., Ideology & Biology
(ed. Chee Heng Leng & Chan Chee Khoon) \$6.00
5. **APAKAH DASAR EKONOMI DAPAT MENGENGAPAI
PERPADUAN KEBANGSAAN (2 ed.)** \$3.00
Pembangunan & Ketidaksamaan Selepas Merdeka
(Ishak Shari & Jomo K.S.)
6. **EARLY LABOUR** \$2.00
Children at Work on Malaysian Plantations
(Jomo K.S., Josie Zaini, P.Ramasamy, Sumathy Suppiah)
7. **MERDEKA!** \$10.00
British Rule and the Struggle for Independence in Malaya,
1946-1957
(Khong Kim Hoong)
8. **THE INDIAN POOR (Tamil - 2 ed.)** \$3.00
Problems & Solutions
9. **BERSAMA RAKYAT** \$3.00
Gerakan Mahasiswa 1967-74
(ed. Hassan Karim & Siti Nor Hamid)
10. **WITH THE PEOPLE!** \$3.00
The Malaysian Student Movement 1967-74
(ed. Hassan Karim & Siti Nor Hamid)
11. **IMPERIALISM NO! DEMOCRACY YES!** \$8.00
Student Movements in the ASEAN Region
(with the Asian Student Association)
12. **TAPI JEPUN ADA DI UTARA** \$2.00
(ed. Mohd. Nasir & Jomo K.S.)
13. **BUKU SEJARAH DUNIA MODEN (Kartun)** \$8.00
14. **DASAR EKONOMI MAHATHIR (2 ed.)** \$8.00
15. **PAGAR MAKAN PADI!** \$10.00
Amanah, Kemiskinan & Kekayaan Dalam Pembangunan
Malaysia Di Bawah DEB
(Ozay Mehmet)

16.	LOGGING IN SARAWAK (<i>ed. 2</i>) The Belaga Experience	\$2.00
17.	SHAMSUL DI KILANG IKAN Meena : Anak Gadis Estet (<i>Buku Kartun Dengan Dua Kisah</i>)	\$3.00
18.	SHAMSUL & THE ICE-CRUSHING MACHINE Meena : A Plantation Child Worker (<i>Cartoon Book With Two Stories</i>)	\$3.00
19.	BMF : THE PEOPLE'S BLACK PAPER	\$2.00
20.	CAN THE NEP ACHIEVE NATIONAL UNITY? (<i>Chinese</i>)	\$3.00
21.	PENDIDIKAN DI DUNIA KETIGA HIKAYAT HAWA : SEJARAH WANITA (<i>Kartun</i>)	\$3.00

BUKU WIRA KARYA:

1.	BUMI MANUSIA (Pramoedya Ananta Toer)	\$15.00
2.	ANAK SEMUA BANGSA (Pramoedya Ananta Toer)	\$15.00
3.	JEJAK LANGKAH (Pramoedya Ananta Toer)	\$15.00
4.	MEREKA YANG TERBIAR (Hasnul Hadi)	\$6.00
5.	TEMBANG JALAK BALI The Song of the Starling (Putu Oka Sukanta)	\$6.00
6.	BUMI MANUSIA (<i>Chinese</i>) (Pramoedya Ananta Toer)	\$5.00